



Prosiding     
Sistem Pendidikan Islam  
(Mualaf) di Malaysia 

Penyunting

**Prof. Dato' Dr. Abdul Halim Tamuri**  
**Dr. Baharudin Bin Othman**

**S**ISTEM

**P**ENDIDIKAN

**MUALAF DI MALAYSIA**

**2021**

**DITERBITKAN OLEH:**

**Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah  
KM 6, Beg Berkunci No.12  
89009 Keningau, Sabah, Malaysia  
Tel: 087-331868  
Faks: 087-336087**

Hak Cipta Terpelihara @ 2021 Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah

Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, rakaman atau sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada

Pengarah Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Semua artikel yang terkandung di dalam prosiding ini adalah kertas pembentangan sempena Konvensyen Pendidikan Tinggi Islam Muafak di Malaysia 2021 Anjuran Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah pada 24- 28 Ogos 2021.

ISBN 978-967-19140-3-8



Perpustakaan Negara Malaysia  
Data Pengkatalogan Dalam Penerbitan

**PENYUNTING :**

PROF. DATO' DR. ABDUL HALIM TAMURI  
DR. BAHARUDIN BIN OTHMAN

**PEMBANTU PENYUNTING :**

SAEIDAH SYAMIELAH BINTI ABD RAHMAN

**PEREKA GRAFIK :**

AL AMIN BIN ALBAR

# KATA PENGHARGAAN

KETUA PENGARAH  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM DAN DAKWAH

## السلام عليكم ورحمة الله وبركاته دان سلام سجهترا

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan rahmat dan keizinan-Nya, penganjuran Konvensyen Pendidikan Tinggi Islam (Mualaf) (KPTIM 2021) telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada para pembentang dan penyelidik yang telah berkongsi ilmu, kepakaran serta pengalaman bagi mencapai objektif penganjuran KPTIM 2021 iaitu memantapkan hala tuju sistem pendidikan dan memperkasa kebajikan golongan mualaf.

Tidak dilupakan, ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Pelaksana KPTIM atas kegigihan dan komitmen yang padu dalam memastikan program ini dapat berlangsung dengan lancar dan teratur.

Bersempena dengan penganjuran KPTIM 2021, alhamdulillah buku Sistem Pendidikan Mualaf di Malaysia ini dapat diterbitkan yang mana ia menghimpunkan artikel dan kajian yang berkisar tentang pendidikan mualaf merangkumi Falsafah Pendidikan Islam, Pembangunan Kurikulum Pendidikan Islam, Metodologi Pendidikan Islam, Psikologi Pendidikan Mualaf, Sosiologi Pendidikan Mualaf, Sistem Pendidikan Mualaf di Malaysia, Kepimpinan Pendidikan Mualaf, Praktis Pendidikan Mualaf di Peringkat Antarabangsa, Hala tuju Pendidikan Tinggi Mualaf di Malaysia dan Cabaran Pasca Kembali kepada Islam dalam kalangan Mualaf.

Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat khususnya pihak-pihak yang terlibat dalam pemeraksanaan golongan mualaf. Menjadi harapan kita semua agar golongan mualaf mampu menjadi individu berdaya saing dengan asas akidah yang utuh serta mengamalkan praktis syariat yang benar dan tepat.

Sekian, terima kasih.

**DATUK ABDUL AZIZ BIN JUSOH**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**KATA PENGANTAR**  
**PENGARAH**  
**INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH**

**السلام عليكم ورحمة الله وبركاته دان سلام**  
**سجھترا**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan rahmat dan keizinan-Nya, penganjuran Konvensyen Pendidikan Tinggi Islam (Mualaf) (KPTIM 2021) telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada para pembentang dan penyelidik yang telah berkongsi ilmu, kepakaran serta pengalaman bagi mencapai objektif penganjuran KPTIM 2021 iaitu memantapkan Hala Tuju Sistem Pendidikan dan memperkasa kebajikan golongan mualaf.

Tidak dilupakan, ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Pelaksana KPTIM atas kegigihan dan komitmen yang padu dalam memastikan program ini dapat berlangsung dengan lancar dan teratur.

Bersempena dengan penganjuran KPTIM 2021, alhamdulillah buku Sistem Pendidikan Mualaf di Malaysia ini dapat diterbitkan yang mana ia menghimpunkan artikel dan kajian yang berkisar tentang pendidikan mualaf merangkumi Falsafah Pendidikan Islam, Pembangunan Kurikulum Pendidikan Islam, Metodologi Pendidikan Islam, Psikologi Pendidikan Mualaf, Sosiologi Pendidikan Mualaf, Sistem Pendidikan Mualaf di Malaysia, Kepimpinan Pendidikan Mualaf, Praktis Pendidikan Mualaf di Peringkat Antarabangsa, Hala tuju Pendidikan Tinggi Mualaf di Malaysia dan Cabaran Pasca Kembali kepada Islam dalam kalangan Mualaf.

Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat khususnya pihak-pihak yang terlibat dalam pemeraksanaan golongan mualaf. Menjadi harapan kita semua agar golongan mualaf mampu menjadi individu berdaya saing dengan asas akidah yang utuh serta mengamalkan praktis syariat yang benar dan tepat.

Sekian, terima kasih.

**MOHAMAD ZAMRI BIN MOHAMED SHAPIK**  
Pengarah  
Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah



## ISI KANDUNGAN

<b>HALA TUJU PENDIDIKAN TINGGI MUALLAF DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN</b> Prof. Datuk ChM Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin	1
<b>FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN MUALAF</b> Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Bin Tamuri	9
<b>PEMBANGUNAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM DI KALANGAN MUALAF</b> Prof. Dato' Dr. Zulkiple Abd. Ghani	25
<b>DINAMIKA PENDIDIKAN MUALAF DI MALAYSIA : KAJIAN RINGKAS SEJARAH USAHA KERAJAAN DAN BADAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN</b> Dr. Wahibah Binti Hj. Twahir @ Hj. Tahir, Norafidah Binti Gordani,	42
<b>SISTEM PENDIDIKAN MUALAF DI MALAYSIA: PERSPEKTIF GURU DAN PELAJAR MUALLAF</b> Prof. Dr. Asmawati binti Suhid	60
<b>METODE PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN MUALAF</b> Prof. Dr. Mohd Aderi bin Che Noh, Prof. Madya. Dr. Noor bin Azizi Ismail, Dr. Halim bin Ismail	80
<b>ANDRAGOGI PENDIDIKAN ISLAM MUALAF</b> Dr. Abdul Hamid bin Ali, Dr. Wan Anuar bin Yaacob	95
<b>PSIKOLOGI PENDIDIKAN MUALAF</b> Prof. Madya Dr. Salasiah Hanin Hamjah	114
<b>SOSIOLOGI PENDIDIKAN MUALAF</b> Prof. Madya Dr. Muhamad Zahiri bin Awang Mat, Prof. Madya Dr. Adnan bin Abd. Rashid	131
<b>TEKNOLOGI PENDIDIKAN ISLAM DI KALANGAN MUALAF</b> Tenku Putri Norishah binti Tenku Shariman, Othman bin Talib & Farihan Abdullah	148
<b>PEMBANGUNAN KEPIMPINAN MUALAF</b> Prof. Madya Dr. Abdul Ghafar bin Don	158
<b>HALA TUJU INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI MUALAF</b> Mohamad Zamri Mohamed Shapik, Baharudin Othman, Mohamad Syafiq Abd Latip	167
<b>PRAKTIS PENDIDIKAN MUALAF DI PERINGKAT ANTARABANGSA: TUMPUAN DI SINGAPURA DAN DI HONG KONG</b> Dr. Muhamad Faisal bin Ashaari	182
<b>CABARAN PASCA KEMBALI KEPADA ISLAM DALAM KALANGAN MUALLAF DI MALAYSIA</b> Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Pao	195

**UCAPTAMA  
HALA TUJU PENDIDIKAN  
MUALAF DI MALAYSIA:  
ISU DAN CABARAN**

Prof. Datuk ChM Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin

# **HALA TUJU PENDIDIKAN TINGGI MUALLAF DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN**

Prof. Datuk Chm Dr. Taufiq Yap Yun Hin  
*Naib Canselor*  
*Universiti Malaysia Sabah*  
taufiqyap@ums.edu.my

## **ABSTRAK**

Pendidikan merupakan salah satu tunjang utama dalam pembangunan sesebuah negara. Negara yang maju mempunyai populasi dewasa berpendidikan tinggi yang lebih tinggi berbanding dengan negara membangun. Semua lapisan masyarakat sepatutnya mendapat peluang untuk melanjutkan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Ini termasuklah mereka yang dikenali sebagai muallaf atau saudara Muslim. Dengan terlahirnya modal insan dan cerdik pandai di kalangan muallaf sudah tentu mereka akan dapat melibatkan diri bersama dalam pembangunan dan kemajuan negara. Para muallaf tidak lagi dilihat sebagai mereka yang hanya meminta bantuan semata-mata malah dengan pendidikan tinggi mereka dapat keluar daripada persepsi negatif ini khususnya dari keluarga atau masyarakat umumnya. Pendidikan tinggi bagi seseorang muallaf bukan hanya terfokus kepada pendidikan agama sahaja tetapi juga pendidikan tinggi bersifat akademik dan professional termasuk sains, kejuruteraan dan sains sosial. Ini sudah tentu dapat membebaskan diri mereka daripada kesusahan dan kerumitan hidup dan dapat membantu muallaf yang lain dalam masa jangka panjang. Pembiayaan menjadi isu utama dalam memastikan para muallaf mendapat peluang yang adil untuk mendapatkan pendidikan tinggi. Keadilan ini telah diberikan jaminan Allah swt sebagaimana golongan muallaf mempunyai hak untuk mendapat dana melalui sistem zakat yang mana mereka adalah termasuk dalam kategori yang keempat daripada lapan kategori yang diberikan hak untuk mendapatkan zakat. Pemerksaan muallaf dengan peningkatan ilmu ke tahap pendidikan tinggi bukan hanya boleh mengubah status kehidupan mereka tetapi memperlihatkan sistem keadilan sosial yang diperuntukan oleh Islam.

Kata Kunci: Pendidikan Tinggi, Muallaf, zakat, pembiayaan,



## PENDAHULUAN

Pembangunan modal insan merupakan salah satu faktor yang paling kritikal bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah penting untuk menyokong peralihan semua sektor ekonomi ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan, teknologi dan inovasi. Semua lapisan masyarakat adalah berhak untuk mendapat akses kepada pendidikan tinggi, dimana tidak ada satupun golongan yang patut tercicir. Ini termasuklah mereka dari kategori muallaf. Menurut tokoh sejarawan, sosiologi dan ekonomi Islam, Ibnu Khaldun dalam bukunya yang bertajuk *Muqadimmah* telah menyatakan bahawa 'Rakyat ialah wadah mencapai kedaulatan dan kekuatan sesebuah kerajaan. Kekuatan ini lahir daripada kemakmuran ekonomi yang dibina oleh pembangunan modal insan (pendidikan). Kemajuan ini hanya boleh terhasil melalui keadilan dan keterangkuman untuk semua.'<sup>1</sup>

Menuntut ilmu merupakan saranan yang penting dalam Islam. Islam secara jelas telah mewajibkan setiap Muslim untuk menuntut ilmu sebagaimana dalam hadith Nabi SAW "Menuntut ilmu itu wajib atas setiap Muslim" (Hadith riwayat Ibnu Majah, no. 224). Lebih daripada itu, Islam menjanjikan ganjaran yang lumayan bagi mereka yang berusaha mencari ilmu pengetahuan sepertimana tersebut dalam hadith yang bermaksud "Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk mendapatkan ilmu, maka akan dimudahkan oleh Allah SWT baginya jalan-jalan ke syurga." (Hadith riwayat Muslim, no. 2699).

Seminar Antarabangsa Muallaf (ICOM 2019) anjuran Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa dan Lembaga Zakat Selangor yang telah diadakan pada 23 November 2019 di Shah Alam telah mengariskan 4 resolusi. Salah satu resolusi ini ialah "Melestarikan pendidikan berterusan bagi melahirkan Muallaf yang berilmu". Muallaf perlu disantuni dan diberi kesedaran kepentingan ilmu dan pendidikan.

Melalui pendidikan, modal insan yang berkualiti dapat dilahirkan akan menjadi tenaga kerja dalam membangunkan negara. Tenaga mereka yang berpendidikan tinggi amat diperlukan dalam proses membina dan melahirkan sebuah negara yang maju, hebat serta berdaya saing. Negara yang mempunyai populasi dewasa yang berpendidikan tinggi akan menjadi lebih maju dari segala aspek termasuk politik, ekonomi dan sosial. Pendidikan juga merupakan satu jambatan kepada kemajuan sesebuah negara. Secara umumnya, akses kepada Pendidikan tinggi adalah penting untuk mengurangkan kemiskinan dan pengangguran. Semakin tinggi tahap pendidikan seseorang itu maka peluang yang lebih besar untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dengan pendapatan yang lebih tinggi sekaligus dapat meningkatkan status sosio-ekonomi keluarga. Pelajar muallaf yang mencapai pendidikan peringkat pengajian tinggi sudah tentu dapat mengeluarkan diri daripada kesusahan dan sekaligus mampu mengubah masa depan mereka serta nasib keluarga.

---

<sup>1</sup> S. W. Akhtar (1997). "The Islamic Concept of Knowledge", *Al-Tawhid: A Quarterly Journal of Islamic Thought & Culture* 12 (3).

Bagaimanapun bukan semua orang mendapat akses kepada pendidikan tinggi. Terdapat beberapa halangan termasuklah kemiskinan, yuran pengajian, mobiliti geografi, terpisah daripada keluarga (setelah menerima Islam) dan lain-lain.

## **PUSAT PENGAJIAN UNTUK MUALLAF**

Jumlah muallaf di Malaysia menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa. Menurut statistik keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah muallaf yang direkodkan dari tahun 2000 sehingga 2012 adalah seramai 106,747 orang. Angka sebenar mungkin jauh lebih besar lagi kerana masih terdapat muallaf yang belum mendaftarkan diri mereka secara rasmi atas beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan.

Kepentingan memberikan pendidikan Islam yang tersusun kepada muallaf telah diberikan perhatian oleh beberapa agensi seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi agama negeri. PERKIM pada akhir tahun 1961 telah menubuhkan Pusat Latihan Mubaligh Darul Arqam, untuk melahirkan para mubaligh yang boleh menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat bukan Islam. Bagaimanapun dua (2) tahun kemudian (1963) pusat ini terpaksa diberhentikan dan hanya diwujudkan semula pada tahun 1975 dengan nama baru Pusat Latihan Agama PERKIM. Pada tahun 1979, pusat ini sekali lagi bertukar nama kepada Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) dan beroperasi di Balai Islam, Jalan Ipoh Kuala Lumpur dan kemudiannya di Wisma Selangor, Jalan Universiti, Petaling Jaya. Institut ini berpindah ke tapak tetapnya di Taman Putra PERKIM, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan pada 15 Februari, 1991 hinggalah sekarang.<sup>2</sup>

Program pembangunan pendidikan di IDIP adalah bersesuaian dengan objektif penubuhan IDIP untuk memberi pendidikan Islam secara formal kepada muallaf dan anak-anak mereka dengan tujuan supaya golongan muallaf dapat memahami dan menghayati Islam sebagai satu cara hidup seterusnya dapat mengajar dan menyebarkan Islam di kalangan anggota masyarakat mereka. Sijil Pengajian Islam (SPI) yang ditawarkan di IDIP telah mendapat akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pelajar berkelulusan Sijil ini mempunyai peluang untuk menyambung ke peringkat Diploma melalui laluan khas ke beberapa IPTS seperti Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS).

Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) telah menubuhkan Pusat Bimbingan dan Latihan Saudara Baru (PUSBA) pada 8 Mac 1998 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 April 1999. Operasi pentadbiran PUSBA dari tahun 1999-2005 bertempat di bangunan kepunyaan Masjid Sultan Muzaffar Shah. Pada Oktober 2005 pentadbiran PUSBA telah berpindah ke bangunan baru di Sungai Petani, Kedah. Pada tahun 2007, nama PUSBA telah ditukarkan kepada Pusat Bimbingan Islam. Pada 12 Ogos 2008, Pusat Bimbingan Islam PUSBA dirasmikan oleh KDYMM Tuanku Sultan Kedah

---

<sup>2</sup> Razaleigh Muhamat@Kawangit dan Marlon Pontino Guleng (2014), "Respon Muallaf Terhadap Pendidikan dan Latihan Amali Yang Dilaksanakan oleh Institut Dakwah Islamiah Perkim, Kota Bharu Kelantan" In Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar (Eds) *Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*, UKM, Bangi, Selangor.

Darul Aman dan telah ditukarkan nama kepada Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Fungsi utama PUSBA ialah mengadakan program pendidikan dan kursus asas kefahaman Islam jangka pendek (selama 4 bulan) kepada muallaf dan memberi bimbingan kepada golongan murtad.<sup>3</sup>

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menubuhkan Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS) pada tahun 1995 di pekan Sabak Bernam, Selangor yang pada mulanya dikenali sebagai Pusat Dakwah Selangor (PDS). ILDAS kini beroperasi di bangunannya sendiri di Bandar Ilmu Sungai Lang, Sabak Bernam mulai tahun 2000.<sup>4</sup>

Selain daripada institut pengajian muallaf ini, terdapat sebuah lagi institut pengajian Islam di Malaysia yang memberikan peluang pengajian tinggi secara formal kepada muallaf iaitu Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), IPDAS bermula sebagai Pusat Latihan Dakwah Keningau yang ditubuhkan pada tahun 1979 oleh Kerajaan Negeri Sabah dan diurus oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Pada tahun 1984, ianya diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan di bawah Bahagian Hal Ehwal Islam Sabah (BAHEIS). Kini IPDAS di bawah pengurusan dan pentadbiran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Cawangan Sabah menawarkan 1 program di peringkat sijil iaitu Sijil Pengajian Islam dan Dakwah dan 1 program diploma iaitu Diploma Dakwah Islamiyyah. Kedua-dua program ini telah mendapat akreditasi dari MQA.<sup>5</sup> Menjelang 2026, IPDAS bercadang untuk menawarkan 5 program diploma tambahan dan 1 program ijazah Sarjana Muda. Ini dapat dilaksanakan hasil kolaborasi IPDAS bersama Universiti Malaysia Sabah.

Bagaimanapun sehingga kini terdapat beberapa limitasi dari institut pengajian yang disebutkan ini seperti:

- (i) Program akademik hanya di peringkat sijil dan diploma sahaja.
- (ii) Program akademik terhad kepada pengajian Islam dan dakwah sahaja.

Disamping itu terdapat beberapa IPT yang menawarkan program kepada muallaf seperti Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS dan Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). IPT ini menawarkan pelbagai program pengajian dan tidak terhad kepada bidang agama semata-mata di semua peringkat daripada diploma hingga ke Doktor Falsafah (PhD).

Dalam satu kajian kes yang dilakukan oleh Muhammad Haffiz Muhamad Isa dan Hairunnizam Wahid (2017) ke atas Kolej Dar al Hikmah (KDH) yang berperanan sebagai IPT panel di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam menampung keperluan pendidikan para asnaf muallaf yang berkelayakan di samping menyediakan peluang kepada golongan asnaf muallaf untuk melanjutkan pengajian peringkat

---

<sup>3</sup> <http://www.maik.gov.my/ms/Page?type=zByNQuf9FYw=&pid=teF0I8mIwPc> (akses pada 15 Ogos 2021)

<sup>4</sup> <https://www.jais.gov.my/v2/page.php?s=institut-latihan-dakwah-selangor> (akses pada 15 Ogos 2021)

<sup>5</sup> <https://www.ipdas.edu.my/> (akses pada 15 Ogos 2021)

diploma dalam bidang pengajian Islam dan sains kemanusiaan dengan beberapa persyaratan. Perkhidmatan pendidikan yang disediakan di Kolej Dar al-Hikmah (KDH) dianggap memuaskan kerana memenuhi kriteria minima dalam aspek fasiliti, pentadbiran dan akademik seperti yang ditetapkan badan regulator berkaitan. Di samping itu, KDH juga membangunkan model pendidikan tersendiri yang dikenali sebagai 'Pendidikan al-Hikmah' yang mengadun acuan pendidikan holistik yang menggabungkan elemen pendidikan akademik, pengukuhan asas agama, pembentukan watak, kesedaran dakwah serta aktivisme sosial. Kajian itu juga mendapati terdapat dua aspek penting menjadikan institusi pengajian tinggi relevan untuk membantu membangun pendidikan golongan muallaf iaitu struktur akademik yang terkawalselia, dan proses pengajaran dan pembelajaran yang terancang.<sup>6</sup>

## **PEMBANGUNAN PENDIDIKAN TINGGI BAGI MUALLAF**

Pihak Berkuasa Agama di setiap negeri mestilah mengambil inisiatif untuk menyediakan pelan bagi pembangunan muallaf khususnya dalam bidang pendidikan tinggi sesuai dengan keperluan guna tenaga semasa atau minat para muallaf. Peluang pendidikan tinggi tidak semestinya terhad kepada jurusan agama semata-mata tetapi juga meliputi program professional yang lain untuk melahirkan lebih ramai muallaf professional.

Selangor merupakan negeri yang terawal di Malaysia yang menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Muallaf (JHEM) bagi memantau semua aktiviti yang berhubungkait dengan muallaf. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan dan Pahang. Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengagihkan bajet tahunan untuk pengurusan muallaf dan terbahagi kepada dua bahagian iaitu (i) bajet operasi agihan muallaf dan (ii) bajet pembangunan muallaf. Bajet operasi agihan muallaf adalah meliputi bantuan yang diberikan seperti bantuan bulanan, bantuan sewa rumah, duit raya, kecemasan, perubatan dan suguhati perkahwinan. Sementara itu bajet pembangunan muallaf adalah meliputi pembangunan insan dan pendidikan. Bajet yang diagihkan melalui Lembaga Zakat Selangor juga menyediakan Bantuan Dermasiswa Pengajian Tinggi. Mengikut statistik 2019, seramai 11,652 orang muallaf disantuni LZS. Sebanyak RM52.1 juta pula disalurkan, untuk keperluan hidup dan juga pembangunan diri. Setakat ini terdapat 35 orang pelajar menyambung diploma, 28 ijazah pertama, 2 orang sarjana dan 6 orang calon doktor falsafah.<sup>7</sup>

Bajet pembangunan muallaf juga meliputi kelas fardhu ain muallaf dan pegurusan institusi perlindungan muallaf Baitus Salam. Untuk tahun 2020 (Carta 1), Lembaga Zakat Selangor telah mengagihkan sejumlah RM 39.2 juta untuk asnaf muallaf. Jumlah ini merupakan 4.52% daripada jumlah keseluruhan agihan yang diberikan kepada lapan (8) asnaf iaitu RM867,230,577.00. Agihan untuk muallaf di

---

<sup>6</sup> Muhammad Haffiz Muhamad Isa dan Hairunnizam Wahid (2017), "Peranan Institusi Pengajian Tinggi dalam Pembangunan Pendidikan Asnaf Muallaf: Kajian Kes Kolej Dar al-Hikmah" Dalam Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia, Penerbit USM.

<sup>7</sup> <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/03/Final-EDISI-MAIS-Bil.1.2020-1.pdf> (akses pada 20 Ogos 2021)

Selangor adalah jauh lebih besar berbanding dengan negeri-negeri lain sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Carta 1:** Ringkasan Prestasi Agihan Zakat mengikut Asnaf, Lembaga Zakat Selangor (MAIS) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.<sup>8</sup>



**Jadual 1:** Statistik Agihan Zakat (Muallaf) Mengikut Negeri bagi Tahun

Bil	Negeri	Nilai Agihan (RM)	Agihan bagi Muallaf (RM)	Peratus
1.	Sabah	88,575,346.45	2,652,480.89	2.99%
2.	Sarawak	71,597,655.81	4,441,726.74	6.20%
3.	Selangor	867,230,577.00	39,213,383.00	4.52%
4.	Pulau Pinang	126,581,574.21	1,500,000.00	1.19%
5.	Negeri Sembilan	114,237,224.28	9,150,786.82	8.01%
6.	Kedah	195,698,217.47	1,571,320.19	0.80%
7.	Terengganu	171,122,295.83	5,762,843.86	3.37%
8.	Wilayah Persekutuan	526,470,916.70	12,026,894.78	2.28%

Analisis statistik agihan zakat kepada asnaf muallaf di lapan negeri sepertimana ditunjukkan pada Jadual 1 adalah dari julat 0.80% - 6.20%. Walaupun ayat Quran (Surah At-Taubah: 60) meletakkan asnaf muallaf pada kedudukan ke 4, tetapi agihan yang diberikan kepada muallaf tidak mencerminkan kepentingan asnaf muallaf. Sebagai contoh, di Kedah dan Pulau Pinang, masing-masing agihan untuk asnaf muallaf hanya RM1.571 juta dan RM1.500 juta atau 0.80% dan 1.19% daripada jumlah keseluruhan agihan zakat (Jadual 1). Di Selangor, asnaf fisabilillah yang berada di kedudukan kelapan mendapat agihan yang jauh lebih besar dengan sejumlah RM129,392,107 iaitu 14.9% daripada keseluruhan jumlah agihan. Bagaimanapun

<sup>8</sup> [http://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt\\_agihan\\_stat.php](http://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt_agihan_stat.php) (akses pada 13 Ogos 2021)

<sup>9</sup> <https://drive.google.com/file/d/1P-BxByt8sRapNK3FMM9fVfygCeqE6LG/view> (akses pada 13 Ogos 2021)

asnaf muallaf yang mendapat RM39.2 juta merupakan jumlah agihan yang terbesar berbanding dengan negeri-negeri lain. Begitu juga dengan di Sabah, asnaf fisabilillah diagihkan dengan RM 15,170,445.47 iaitu 17.13% berbanding dengan hanya RM 2,652,480.89 atau 2.99% untuk asnaf muallaf (Jadual 2).

**Jadual 2:** Statistik Agihan Zakat Negeri Sabah bagi Tahun 2020<sup>10</sup>

No.	Asnaf	Jumlah (RM)
1	Fakir	34,317,975.03
2	Miskin	11,334,470.12
3	Amil	8,948,182.23
4	<b>Mualaf</b>	<b>2,652,480.89</b>
5	Al-Riqab	15,277,037.56
6	Ibnu Sabil	625,788.57
7	Gharimin	248,966.58
8	Fisabilillah	15,170,445.47
	<b>JUMLAH</b>	<b>88,575,346.45</b>

Asnaf muallaf sepatutnya diberikan agihan yang lebih baik supaya dana ini dapat digunakan sepenuhnya untuk meningkatkan keupayaan memperkasakan muallaf melalui tajaan dalam pendidikan tinggi. Bantuan pendidikan tinggi bukan dalam bentuk dermasiswa tetapi merupakan biasiswa yang diperuntukkan untuk sepanjang pengajian mereka. Salah satu kekangan dalam pemberian zakat pendidikan tinggi ialah tempoh pengajian yang panjang yang boleh mencecah 10 tahun pengajian sedangkan tempoh muallaf seseorang dihadkan kepada 5 tahun sahaja. Selepas tahun ke 5, muallaf telah dianggap mukallaf dan tidak diambil kira sebagai muallaf. Adalah lebih baik, tempoh muallaf bagi yang menyambung pengajian tidak dihadkan kepada 5 tahun saja. Program pembangunan pendidikan tinggi melalui agihan zakat akan memudahkan transformasi muallaf ke tahap yang lebih baik.

## **PENUTUP**

Pembangunan modal insan di kalangan muallaf khususnya dalam agenda pembangunan muallaf menerusi pendidikan khususnya pendidikan tinggi mesti diperkasakan. Peluang yang lebih banyak termasuk tempat pengajian serta peruntukan dana melalui sistem zakat hendaklah diberikan keutamaan supaya lebih ramai muallaf dapat melanjutkan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Jurusan pengajian pendidikan tinggi hendaklah tidak terhad kepada bidang agama saja tetapi juga bidang sains dan teknologi.

<sup>10</sup> [https://appszakat.sabah.gov.my/agihan\\_statistik.php](https://appszakat.sabah.gov.my/agihan_statistik.php) (akses pada 13 Ogos 2021)

# **FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN MUALAF**

Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Bin Tamuri

# FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN MUALAF

Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Bin Tamuri  
*Pusat Kajian Kepimpinan dan Polisi Pendidikan,  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.  
abhalim@ukm.edu.my*

## ABSTRAK

Pendidikan Islam untuk mualaf adalah satu komponen terpenting dalam dakwah kepada masyarakat yang baharu memeluk Islam. Tujuan bab ini ialah membincangkan falsafah pendidikan mualaf, konsep dan asas pembinaan falsafah pendidikan mualaf serta bagaimana fungsi falsafah tersebut dalam pelaksanaan pendidikan Islam kepada saudara-saudara baharu dalam Islam. Perbincangan dalam bab ini akan melihat falsafah pendidikan kebangsaan, falsafah pendidikan Islam dan kaitannya dengan falsafah pendidikan mualaf. Selain itu, aspek pelaksanaan kurikulum serta pengajaran dan pembelajaran juga dibincangkan dengan menyentuh tujuan, matlamat dan aplikasi sistem pendidikan Islam berteraskan Tauhid. Bab ini juga melihat dan membincangkan beberapa cabaran utama dalam pelaksanaan pendidikan Islam dalam kalangan mualaf di Malaysia.

**Kata Kunci:** Falsafah, Pendidikan Islam, Mualaf, Tauhid, Kesepaduan Ilmu

## PENDAHULUAN

Secara umumnya, kita memahami bahawa falsafah, kandungan dan matlamat dalam sesebuah sistem pendidikan hakikatnya mencerminkan pandangan semesta (*world view*), ilmu dan sistem nilai yang akan diterapkan kepada pelajar atau murid yang terlibat. Pendidikan merupakan wadah yang paling ampuh dalam menyediakan generasi yang akan menyambung cita-cita sesebuah negara dan ini memerlukan kemantapan dan keutuhan sistem pendidikannya. Maka, untuk memastikan kejayaan dan keberkesanan sistem pendidikan yang dilaksanakan, falsafah pendidikan yang mendasari sistem pendidikan tersebut perlulah jelas dan mampu fahami dan boleh dilaksanakan oleh para pendidikan serta didokong oleh masyarakat seluruhnya.

## PEMBANGUNAN FALSAFAH PENDIDIKAN MUALAF BERTERAS TAUHID

Dalam menghadapi cabaran globalisasi, aliran materialisme, atheisme dan hedonisme amat kuat mencengkam masyarakat. Masyarakat lebih percaya kepada kekuasaan kebendaan yang mendorong mereka tidak percaya tuhan. Mereka hanyut dalam budaya keseronokan melampau tanpa mempedulikan nilai-nilai murni dan akhlak yang mulia. Penyakit ini tidak boleh diubat kecuali dengan menyuntik kembali asas-asas tauhid iaitu kepercayaan kepada Allah SWT. Keyakinan Tauhid dapat menghalang



keburukan-keburukan yang dihasilkan dari aliran pemikiran materialisme, atheisme dan hedonisme ini. Ini adalah cabaran utama yang dihadapi dalam pendidikan muallaf kerana proses transisi kepada pendidikan Islam bukan suatu yang mudah. Tanpa pemikiran dan tasawwur yang jelas, keadaan ini menimbulkan konflik dalaman yang perlu diuruskan dengan penuh bijaksana. Perubahan budaya, pertukaran gaya kehidupan, proses silang budaya, perbezaan amalan keagamaan dan sistem sokongan memberikan impak kepada saudara baru.

Dalam memberikan pendidikan dan bimbingan kepada muallaf, kita dapat memahami bimbingan adalah proses penting terutama saudara baru untuk mengenal dan menghayati ajaran Islam. Oleh itu, mengenalpasti matlamatnya merupakan persoalan penting lantaran tanpa memahaminya, kegiatan tersebut tidak dapat berjalan dengan lancar. Antara matlamat yang menjadi asas dalam aspek pendidikan muallaf ini ialah:

- i. Pendidikan untuk menyelamatkan ummah dan membawa pada kesejahteraan hidup.

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

Ertinya: *Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksa-Nya. (Surah Al-Anfal, 8:25).*

- ii. Perbezaan antara orang mukmin dan orang munafik.

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوا إِيمَانًا مَعَ

إِيمَانِهِمْ وَاللَّهُ جُنُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٤﴾

Ertinya: *(Tuhan yang membuka jalan kemenangan itu) Dialah yang menurunkan semangat tenang tenteram ke dalam hati orang-orang yang beriman (semasa mereka meradang terhadap angkara musuh), supaya mereka bertambah iman dan yakin beserta dengan iman dan keyakinan mereka yang sedia ada; padahal Allah menguasai tentera langit dan bumi (untuk menolong mereka); dan Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (Surah Al-Fath, 48:4).*

iii. Keredhaan Allah SWT dalam kehidupan dunia dan akhirat

أَرْجِعِنِي إِلَىٰ رَبِّكَ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾ فَأَدْخِلْنِي فِي عَبْدِي ﴿٢٩﴾  
وَأَدْخِلْنِي جَنَّاتِي ﴿٣٠﴾

Ertinya: “Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan), lagi diredhai (disisi Tuhanmu)!(28) “Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaKu yang berbahagia(29) “Dan masuklah ke dalam SyurgaKu!”(30) (Surah Al-Fajr, 89 :28-30).

Jika kita mahu memberikan tumpuan kepada pendidikan Islam dalam kalangan mualaf, secara ringkasnya dapatlah difahami bahawa matlamat utama yang mahu dicapai adalah untuk:

- a. Membawa misi dakwah Islam kepada non-Muslim
- b. Mendidik mualaf untuk memahami Islam agar lebih mendalam dan menghayati asas-asas Islam.
- c. Membimbing mualaf dengan budaya baharu dengan budaya sebelum memeluk Islam.
- d. Mempertingkatkan komitmen agar mereka menjadi orang muslim yang mampu melaksanakan segala suruhan dan ajaran agama dan meninggalkan segala larangan yang ditetapkan oleh Islam.

Beberapa matlamat tersebut perlu menjadi asas dalam membimbing saudara baru agar mereka lebih berkeyakinan mempelajari dan menghayati Islam sepenuhnya. Jika melihat kepada pembentukan aspek pemikiran dan kehidupan seorang insan, setiap Muslim perlu mempunyai asas dan bersumber ajaran Islam yang mana ianya tersimpul dalam kekuatan Tauhid. Tauhid sangat penting sehingga seorang pemikir Islam al-Faruqi (1992) pernah berkata dalam penulisannya pada awal era islamisasi iaitu “...without Tauhid, therefore can be no Islam”. Prinsip ini perlu dijadikan teras asas dalam membina sistem pendidikan dalam kalangan umat Islam amnya dan pengubalan dan pelaksanaan sistem pendidikan untuk mualaf. Sistem pendidikan mualaf yang dibangun dan dilaksanakan perlu membawa misi yang jelas dan ianya perlu dilaksanakan dengan penuh bijaksana dan menggunakan kaedah dan pendekatan yang bersesuaian. Tujuan utama mestilah diasaskan kepada falsafah pendidikan yang jelas iaitu membawa mesej Tauhid. Malah, matlamat terunggul pendidikan Islam yang ingin dicapai iaitu ketundukan sepenuhnya kepada Allah SWT yang merupakan asas dalam Tauhid:

*“...the ultimate aim of Muslim education lies in realization of complete submission to Allah on the level of the individual, the community and humanity at large”. (Hussain dan Ashraf: 1979)*

Dalam membicarakan pendidikan mualaf, adalah amat penting jika kita terlebih dahulu merujuk kepada falsafah dan tujuan pendidikan dalam Islam kerana telah jelas kepada kita bahawa tujuan pelaksanaan pendidikan ialah membangunkan ummah yang bertaqwa kepada Allah SWT. Pastikan dalam membicara aspek pembangunan intelektual dalam semua peringkat masyarakat, mahu tidak mahu ianya dikaitkan dengan konsep pendidikan. Kerana itu, dalam sistem pendidikan mualaf yang dilaksanakan, falsafah, tujuan objektif dan kandungan yang ada dalam sistem pendidikan tersebut adalah untuk menegakkan keimanan kepada Allah SWT dan kesemua yang perlu dilakukan adalah bertujuan memantapkan ketaqwaan kepadaNya (Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2011).

Dalam hal ini, kita boleh meneliti kepada pandangan yang dikemukakan oleh Syed Ali Ashraf tentang satu konsep pendidikan umum yang berasaskan kepada Islam yang menekankan kepada akidah dan fungsi manusia sebagai khalifatullah. Pada pandangan beliau sistem pendidikan dari perspektif Islam perlu dibina untuk melahirkan bukan hanya manusia biasa tetapi adalah al-Insan al-Kamil (Ashraf, 1988: 75) Sehubungan dengan itu, beliau telah mengemukakan satu gagasan berasaskan akidah (*faith based education system*). Matlamat utamanya ialah untuk melahirkan insan yang bertakwa kepada Allah SWT sebagaimana dalam pernyataan beliau:

*Our interest in the successful execution of faith-based education policy.  
We want to produce individuals who will become faithful servants of God.  
... We want them to believe that sovereignty ultimately belongs to Allah.  
(Ashraf, 1997b: 1)*

Beliau (1979:38) juga menegaskan bahawa yang membezakan antara sistem pendidikan Islam dan barat ialah aspek keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT yang menjadi salah satu matlamat utama. Pandangan ini tentu berbeza dengan fahaman tamadun liberal barat yang meletakkan kebebasan mutlak kepada rasional sedangkan dalam sistem pendidikan Islam matlamat utamanya ialah untuk melahirkan individu yang patuh kepada Penciptanya. Halstead (1996) menghuraikan bahawa:

*The Islamic world view, for example, which is based on values drawn from divine revelation, produces an approach to education which is at odds at several crucial points with liberalism. In Islam, the ultimate goal of education is to nurture children in the faith, to make them good Muslims, and children are not encouraged to question the fundamentals of their faith but are expected to accept them on the authority of their elders.*

Pendidikan mestilah diasaskan kepada konsep Tauhid yang menjadi teras kehidupan setiap orang Islam yang tidak memisahkan antara agama dan kehidupan

seharian dan melaksanakan tugasnya sebagai khalifatullah. Sehubungan dengan itu, Syed Ali Ashraf (1994:4) telah menghuraikan pendidikan sebagai berikut:

*Education is therefore defined as the process through which balanced growth of the total personality of human being is achieved. According to Islam the end to be aimed at is the attainment of the status of a true representative of God on the earth (Khalifatullah)*

Definisi pendidikan yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa pendidikan dalam Islam dalam semua peringkat bertujuan melahirkan khalifatullah yang mempunyai perkembangan yang seimbang dalam membina tamadun Islam yang unggul. Keseimbangan pembangunan manusia ini perlu berasaskan kepada aspek kerohanian agar manusia yang dididik tersebut patuh dan taat kepada hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah SWT. Hanya dengan pembangunan yang seimbang dan disepadukan dengan keimanan kepada Allah SWT akan dapat melahirkan tamadun, ketinggian intelektual dan manusia yang benar-benar bertanggungjawab sebagai khalifatullah. Pemisahan antara akidah dan ilmu pengetahuan dan intelektual akan melahirkan insan yang tidak seimbang dan mewujudkan kerosakan di muka bumi (Ab. Halim, 2014). Ini dapat dilihat daripada pernyataan Syed Ali Ashraf seperti berikut:

*In Islam the purpose of education is to enable man to fulfill the purpose of his creation, of his coming to this world. The purpose of the creation is to become a wholehearted servant of God. (1988:74)*

## **FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN MUALAF**

Secara umumnya, asas-asas pendidikan merangkumi beberapa aspek penting seperti sejarah, budaya, ekonomi, politik dan pentadbiran, psikologi dan falsafah. Kesemua asas pendidikan ini bersifat saling membantu dalam proses pelaksanaan sesuatu sistem pendidikan. Setiap asas itu bukanlah bidang ilmu yang tersendiri, tetapi ianya adalah sejumlah ilmu dan cabang-cabangnya yang juga adalah sebahagian daripada sistem dan organisasi pendidikan secara keseluruhannya. Satu perkara yang perlu ditegaskan ialah asas-asas pendidikan itu sangat sukar memainkan peranannya tanpa asas falsafah, kerana falsafah berfungsi untuk mengarah, mengatur perancangan dan langkah, memilih, menyaring dan menapis kesemua asas-asas yang lain. Misalnya, setiap hari akan timbul ilmu-ilmu baru dalam setiap asas tersebut yang memberi kesan pula kepada pendidikan. Namun, ilmu-ilmu tersebut dari segi ilmiah mungkin hanya sesuai dalam disiplin ilmu masing-masing secara khusus, tetapi tidak dari segi aplikasinya dalam bidang pendidikan. Maka secara ringkas dapat difahami bahawa falsafah pendidikan merupakan aspek penting yang akan memastikan tujuan, matlamat, objektif, kurikulum, kandungan dan pentaksiran selaras dengan apa yang dihasratkan. Sebagai contoh, di Malaysia, keperluan untuk melahirkan sebuah Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) secara tersurat menjadi kenyataan pada tahun 1987, apabila FPK yang dibentangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Dewan Rakyat mendapat kelulusan sebulat suara daripada Ahli Parlimen Malaysia.

Falsafah pendidikan bagi negara Malaysia telah diwartakan sebagai dokumen rasmi kerajaan, iaitu dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta Pendidikan 1996) sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2018), yang dengan tegas menyebut bahawa:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Begitu juga untuk mata pelajaran pendidikan Islam yang mempunyai falsafah yang memberi asas yang jelas dalam aspek pelaksanaannya. Pernyataan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) seperti mana yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2015), iaitu;

Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Falsafah pendidikan Islam secara jelas menekankan bahawa matlamat yang ingin dicapai ialah kesejahteraan di dunia dan akhirat. Ini adalah perkara yang sangat penting dalam pendidikan Islam di semua peringkat pendidikan sama ada formal atau pun tidak formal. Kedudukan manusia dan tujuan pendidikan yang diberikan adalah tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memastikan manusia yang dididik akan menjadi khalifatullah dan abdillah yang beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT.

Dalam konteks pendidikan mualaf pula, keperluan untuk membina satu Falsafah Pendidikan Mualaf adalah amat penting dalam menentukan dasar pendidikan mualaf yang dilaksanakan bermula daripada kurikulum, buku teks, pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran, pemantauan dan proses penilaian semula. Sebagai contoh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menggubal Falsafah Pendidikan Mualaf iaitu (MAIS, 2013, 2016):

Suatu usaha yang berterusan kearah membina potensi individu Mualaf yang beriman, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketrampilan secara seimbang dan sepadu berlandaskan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, bagi melahirkan insan yang bertaqwa dan menjadi teladan kepada masyarakat untuk mendapat keredhaan Allah SWT.

Hasil daripada falsafah ini, misi Pendidikan Islam Mualaf yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Selangor ialah “membangunkan ummah kearah mendapat keredhaan Allah SWT” manakala visi pendidikan Islam mualaf pula ialah “membangunkan mualaf melalui sistem pendidikan yang inovatif, interaktif, informatif dan bersepadu dengan penambahbaikan berterusan serta memastikan sokongan mualaf ditadbir urus dengan efisien dalam tempoh 5 tahun” (MAIS, 2013, 2016). MAIS juga membangunkan sistem pendidikan mualaf dengan membangunkan sistem pendidikan mualaf, penggubalan kurikulum pendidikan Islam, siri-siri penulisan buku teks mualaf Selangor yang direka bentuk untuk 5 tahap pendidikan secara non-formal. Objektif pendidikan mualaf Selangor telah menetapkan bahawa Pendidikan Islam Mualaf Selangor membolehkan Mualaf (MAIS, 2013, 2016):

1. Berpegang teguh dengan akidah Islam.
2. Melaksanakan ibadah fardhu yang disyariatkan dengan sempurna.
3. Memiliki akhlak mulia berteraskan al-Quran dan as-Sunnah.
4. Menguasai dan memahami al-Quran dan as-Sunnah.
5. Menjadi teladan yang baik (Qudwah al-Hasanah) kepada masyarakat.


Oleh itu, pernyataan Falsafah Pendidikan Mualaf yang dinyatakan oleh MAIS secara umumnya mempunyai kaitan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan yang memberikan tumpuan kepada beberapa kenyataan penting iaitu: *“usaha yang berterusan”*; *“membina potensi individu Mualaf”*; *“beriman, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketrampilan”*; *“secara seimbang dan sepadu”*; *“berlandaskan al-Quran dan Sunnah Rasulullah”*; *“melahirkan insan yang bertaqwa”*; dan *“menjadi teladan kepada masyarakat untuk mendapat keredhaan Allah SWT”*.

Pendidikan mualaf dalam konteks Islam harus dilaksanakan secara bersepadu tanpa dipisahkan daripada kurikulum-kurikulum bidang yang lain. Begitu juga dengan penekanan terhadap pembentukan keperibadian dengan menanamkan ciri-ciri sahsiah Rasulullah SAW agar para intelektual dapat menghayati kemahiran tersebut dalam usaha membina hubungan yang harmonis antara dirinya dengan Allah SWT, sesama insan dan makhluk Allah SWT yang lain. Sehubungan itu, setiap pendidik perlu bersedia melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan kerana golongan saudara baru sangat memerlukan bimbingan dalam melaksanakan kehidupan sebagai seorang Muslim. Justeru, aspek pendekatan dan gaya pengajaran guru pendidikan Islam juga perlu disesuaikan dengan perkembangan semasa dan keperluan terkini. Tidak dapat dinafikan, bahawa para pengajar merupakan agen yang paling penting kerana mereka adalah pelaksana kepada segala perancangan dakwah dan bimbingan yang telah dirangka. Selain itu, para pendidik juga seharusnya mempunyai strategi, kaedah pengajaran, kemahiran yang sesuai dan terkini serta keilmuan yang mantap bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut.


Di samping itu, perubahan pesat yang berlaku dalam masyarakat menyebabkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam termasuk bimbingan golongan mualaf juga perlu disesuaikan dengan perkembangan yang berlaku. Terdapat berbagai cadangan diberikan termasuk e-pembelajaran (Fatin Aliah Phang et. al,

2019), pendekatan yang dilakukan akan meningkatkan lagi keberkesanan dan untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dalam kalangan muallaf lebih menarik. Penggunaan multimedia dalam pendidikan yang menggabungkan teks, kesan bunyi, vokal, muzik, animasi, video berserta dan perisian komputer yang interaktif serta buku teks yang menarik adalah antara perkara-perkara yang boleh dibangunkan oleh pakar-pakar pendidikan.

Rajah berikut yang diadaptasi daripada Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2019: 102) menunjukkan bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dalam kalangan muallaf boleh dilaksanakan berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Muallaf. Falsafah ini dijadikan asas kepada para pendidikan atau pembimbing kepada para pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Hasil pembelajaran yang diharapkan ialah pelajar-pelajar yang dibangunkan menjadi manusia yang bertakwa kepada Allah SWT dan mengamalkan akhlak yang mulia serta mampu menjadi qudwah hasanah kepada masyarakat amnya.







Keempat-empat unsur adalah saling berkaitan antara satu sama lain yang mana aspek rohani merupakan teras kepada ketiga-tiga unsur iaitu emosi, jasmani dan intelektual. Noor Hisham Md Nawawi (2018) telah menghuraikan kaedah yang lebih tepat mengenai konsep tersebut ialah dengan meletakkan rohani sebagai teras yang akan memandu potensi lain secara seimbang dan harmonis seperti Rajah 1 berikut:

**Rajah 1:** Konsep kesepaduan ilmu dalam pendidikan

Beliau menjelaskan bahawa, berdasarkan kefahaman tersebut, membentuk manusiawi adalah membina potensi rohani atau *qalb* manusia yang terkandung di dalamnya himpunan nilai dan prinsip terdalam manusia yang terdiri daripada kepercayaan dan iman, visi dan misi kehidupan individu dan juga keseluruhan tasawwur atau pandangan alam kehidupannya. Potensi ini kemudiannya akan memimpin atau memandu potensi-potensi lain secara seimbang dan harmonis. Potensi ini (rohani) tidak boleh dilihat secara terpisah dengan potensi-potensi lain kerana setiapnya saling berinteraksi antara satu sama lain yang membentuk tingkatan nafsu manusia (sama ada *ammarah*, *lawwamah*, atau *mutmainnah*). Sekiranya teras atau pusat kawalan manusia dikuasai oleh potensi intelek atau emosi lebih-lebih lagi dalam keadaan status nafsu *ammarah*, maka tahap manusiawi manusia akan berada dalam keadaan yang lemah. Namun jika potensi rohani atau *qalb* ini berfungsi dengan baik sesuai dengan fitrah asalnya, ia akan memimpin keseluruhan potensi lain (intelek, emosi dan jasad) dengan baik dan harmonis (Noor Hisham Md Nawawi, 2018).

Maka, kurikulum pendidikan Islam mualaf perlu menumpukan kekuatan pendidikannya terhadap keempat-keempat unsur ini dalam diri manusia iaitu rohani, intelektual, emosi dan jasmani. Keempat-empat unsur boleh terpisah antara satu sama lain dan manusia boleh menjadi hebat dalam satu unsur sahaja, jika kurikulum pendidikan hanya ditumpukan kepada satu unsur sahaja. Ini berlainan dengan konsep pendidikan Islam iaitu kekuatan yang seimbang terhadap keempat-empat unsur manusia itu diberi penekanan, bukan kepada satu unsur sahaja. Kurikulum pendidikan barat hanya menumpukan kekuatan pendidikannya terhadap kekuatan satu unsur sahaja, tetapi kurikulum pendidikan Islam menumpukan kekuatan yang seimbang dalam keempat-empat unsur manusia.

Konsep pendidikan dan falsafah pendidikan mualaf adalah berasaskan kepada paradigma Tauhid yang berasaskan nilai-nilai agama yang kekal bertujuan untuk melahirkan mualaf yang seimbang dalam aspek dalaman dan kerohaniannya. Perkara ini perlu diberi tumpuan khususnya dalam menentukan hala tuju sesuatu sistem pendidikan ummah bagi menempuh dunia global dan perkembangan Revolusi Industri 4.0 yang penuh dengan cabaran. Membangun intelektual berfikir kritis perlu

diberikan tumpuan untuk menghadapi cabaran semasa yang semakin sengit. Kita perlu melihat bagaimana dengan kurikulum pendidikan mualaf yang diikuti oleh mereka sesuai dengan cabaran masa kini dan keperluan pendidikan pada masa hadapan. Kita perlu mengkaji samada sistem pendidikan mualaf semasa ini mementingkan kepada penguasaan ilmu untuk jangka panjang atau sekadar untuk penyelesaian jangka pendek sahaja dalam aspek fardhu ain. Terdapat beberapa aspek penting yang perlu diberikan tumpuan dalam membangunkan mualaf seperti penguasaan bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dalam Islam, penguasaan ilmu pengajian Islam secara intra dan inter bidang; keperluan latihan kemahiran dan peluang melanjutkan pengajian, latihan dan pembangunan insan yang menekankan kesepaduan dan keseimbangan diri dan kemahiran sendiri, dan jaringan kolaborasi dan melalui institusi pendidikan dan penyelidikan dan badan bukan kerajaan untuk membangunkan mualaf yang mampu menjadi contoh kepada masyarakat.

Pendidikan Islam dalam kalangan saudara baru pastinya tidak sama dengan pendidikan Islam yang diberikan kepada masyarakat yang telah Islam. Berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan (Anuar dan Abd Ghafar, 2007; Zulkiple et. al 2009, Noranizah et. al, Mustafa Kamal et. al, 2019; Noor Hafizah et. al 2019), antara cabaran utama dalam pendidikan Islam mualaf boleh diringkaskan kepada beberapa perkara seperti berikut:

- a. Pemuluan oleh kaum keluarga dan masyarakat asal. Masyarakat asal mereka menganggap menukar agama kepada agama Islam adalah satu perbuatan yang amat dibenci kerana mereka beranggapan bahawa Islam adalah hanya untuk orang Melayu. Ianya adalah satu bentuk pengkhianatan dan penghinaan kepada keturunan dan perjuangan bangsa kerana bagi mereka ia memutuskan ikatan kekeluargaan/keturunan.
- b. Pandangan negatif dan prejudis dari masyarakat Melayu kerana terdapat antara mereka dari masyarakat Melayu menganggap kemasukan Islam golongan seperti mereka adalah kerana mempunyai motif dan kepentingan tertentu. Selain dari itu mereka juga dianggap sebagai orang Islam kelas kedua. Masalah lain yang terpaksa dihadapi adalah pandangan masyarakat Melayu yang mahu melihat mereka hidup dengan mengamalkan secara total amalan dan budaya Islam (termasuk juga amalan dan budaya Melayu).
- c. Bidang pekerjaan yang tidak sesuai dengan tuntutan agama Islam. Sebahagian daripada saudara baru yang mempunyai pekerjaan sebelum memeluk Islam dalam bidang yang bercanggah dengan agama Islam seperti mereka yang bekerja di premis-premis judi, arak dan sebagainya. Selepas memeluk Islam, golongan ini berada dalam dilema di antara dua keadaan iaitu sama ada untuk meneruskan pekerjaan dengan mengetepikan tuntutan agama ataupun berhenti bekerja dan mencari pekerjaan baru untuk menyara diri dan keluarga (bagi yang berkeluarga).
- d. Kehilangan hak untuk mendapat harta pusaka. Apabila memeluk Islam, mereka tidak lagi berhak untuk mewarisi harta pusaka. Keadaan ini kadang-

kadang boleh menjadi serius sehingga menyebabkan mereka kembali kepada agama asal mereka untuk mendapatkan hak pewarisan tersebut. Kerana itu dalam Islam, golongan saudara baru atau mu'alaf ini adalah merupakan salah satu dari lapan asnaf yang berhak untuk menerima pembahagian zakat.

- e. Tiadanya keselarasan aktiviti dakwah di antara organisasi-organisasi tertentu dan kekurangan bahan bacaan yang sesuai. Senario ini akan membawa kepada kepelbagaian bentuk dan pendekatan dakwah yang sudah semestinya sedikit sebanyak mengelirukan saudara baru dalam memahami dan menghayati Islam. Kekurangan bahan-bahan rujukan seperti buku, risalah tentang Islam dan sebagainya (yang sesuai dengan peringkat mereka) pula akan memburukkan lagi keadaan. Walaupun tidak dinafikan adanya inisiatif dari pelbagai pihak kerajaan dan NGO dalam menerbitkan bahan-bahan bacaan yang mudah dalam pelbagai bahasa, namun ianya masih lagi terhad dan kurang mencukupi.
- f. Cabaran undang-undang bagi saudara baru bawah lapan belas tahun. Selain menghadapi tentangan dan halangan dari kaum keluarga, golongan ini juga terpaksa menghadapi cabaran/batasan yang amat getir dari segi undang-undang.
- g. Perebutan jenazah selepas sesuatu kematian. Masalah perebutan jenazah sering berlaku di antara anggota keluarga seseorang saudara baru yang meninggal dunia dengan pihak berkuasa agama Islam. Anggota keluarga mereka mendakwa bahawa si mati tersebut masih memeluk agama asal mereka sedangkan pihak berkuasa mempunyai hak ke atas jenazah tersebut untuk disempurnakan mengikut ajaran Islam. Dibimbangi mereka akan patah hati untuk memeluk Islam kerana takut menerima nasib yang sama seperti rakan mereka yang telah meninggal dunia tersebut.
- h. Masalah murtad dalam kalangan saudara baru seperti mu'alaf, yang memang berniat untuk murtad; tidak melahirkan hasrat untuk murtad tetapi ada unsur-unsur murtad seperti mereka yang kembali mengamalkan budaya dan ajaran agama asal; murtad kerana memeluk Islam atas kepentingan-kepentingan tertentu; tekanan yang berterusan daripada kaum keluarga atau disebabkan harta pusaka atau kegagalan rumah tangga mereka.
- i. Masalah tekanan emosi seperti kerunsingan, murung, gelisah, ketakutan dan kebimbangan melampau selepas memeluk Islam. Gangguan emosi yang kritikal boleh membawa kepada tekanan jiwa, stres dan *burnout*. Antara tekanan yang dihadapi ialah kehendak mencari agama yang benar, bantakan dari keluarga sama ada sebelum atau selepas masuk Islam dan keperluan untuk menyesuaikan dengan suasana baru sebagai orang Islam.

## PENUTUP

Dapatlah dirumuskan bahawa pelaksanaan pendidikan Islam dalam kalangan muallaf adalah sesuatu tugas dan amanah yang cukup mencabar kemampuan ilmu, kemahiran, psikologi dan kesungguhan para pendidik. Berbagai isu dan cabaran yang perlu diselesaikan dengan pendekatan dan metodologi pendidikan berbeza sesuai dengan keperluan semasa mereka. Falsafah pendidikan muallaf ini perlu dijadikan asas kepada penggubalan, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran dan pemantauan kurikulum pendidikan Islam untuk para muallaf. Berdasarkan kepada perbincangan di atas, peranan pendidik amnya, khususnya pengajar program bimbingan muallaf, perlu diberikan perhatian kerana kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada keupayaan dan peranan pengajar di dalam bilik darjah untuk mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan. Bimbingan yang diberikan ini adalah proses penting bagi saudara baru untuk mengenal dan menghayati ajaran Islam dengan lebih mendalam. Melalui program bimbingan ini, mereka akan diberi pendedahan dan pendidikan supaya berada melaksanakan segala perintah Allah SWT (Abdul Aziz Mohd Zin 1999:57). Dalam hal ini, usaha murni membawa perubahan datang dari saluran bimbingan dan pendidikan dengan mengambil kira isu dan cabaran semasa yang dihadapi oleh muallaf di negara ini. Pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan ini akan mendidik dan melatih diri saudara baru agar lebih mengenali, memahami, menghayati dan mendalami ajaran Islam sepenuhnya. Oleh yang demikian, kepentingan pengajaran dan pembelajaran program bimbingan dan saudara baru amat jelas dan memperlihatkan suatu hubungan penting perlu wujud di antara keduanya. Saudara baru memerlukan bimbingan untuk mendalami Islam dan ini akan dapat membiasakan diri dengan ajarana Islam secara berperingkat-peringkat.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. 2014. "al-Quran dan Alam sebagai sumber ilmu Sains dalam pendidikan" dalam Khalijah Mohd Saleh (ed). *Pendidikan Islam Beteraskan Tauhid*. Bangi: Penerbit UKM
- Abd. Aziz Mohd Zain. 1999. *Psikologi dakwah*. Kuala Lumpur: JAKIM
- Ashraf, Syed Ali, 1988. "A View of Education-An Islamic Perspective" in Bernadette O'Keeffe (ed.) 1988. *Schools for Tomorrow: Building Walls or Building Bridges*. Sussex: The Falmer Press. ms.69-79.
- Ashraf, Syed Ali, 1994. "Faith-Based Education: A Theoretical Shift from the Secular to the Transcendent", *Muslim Education Quarterly*, Vol. 11, No. 2. ms.1-4.
- Ashraf, Syed Ali, 1997b. "Mass media Communication, Religion and Education. *Muslim Education Quarterly*. Vol. 15. No. 1. ms.1-3.

- Al-Faruqi. Ismail R. 1992. *Al-tawhīd: Its implications for thought and life*. Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- Anuar Puteh dan Abd. Ghafar Haji Don. 2007. “Bimbingan Saudara Baru Di Malaysia Era Pasca Kemerdekaan”. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan III, anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah, FPI, UKM pada 6-7 Ogos 2007 di Bilik Senat dan Bilik Majlis UKM Bangi, Selangor.
- Fatin Aliah Phang, Nurbina A. Shukor, Jayssuman Pusppanathan, Noor Dayana Abd. Halim, Zulkifli Khair, Sarina Sulaiamna, Aminuddin Ruskam, Juhazren Junaidi, Ana Haziqah A. Rashid dan Mojd Fauzi bin Bachok. 2019. “Edu-Mualaf: Platform atas Talian Pembelajaran Asas Fardu Ain bagi Saudara Kita di Johor”. Dalam Azri Bhari. Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaacob (pytn). 2019. *Memperkasakan Potensi Mualaf Era Kontemporari*. Shah Alam: IKAZ, UiTM. 37-50.
- Halstead, J.M., 1996. “Liberal Values and Liberal Education”, dalam J. Mark Halstead and Monica J. Taylor (eds.). 1996. *Values in Education and Education Values*. London: The Falmer Press.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2011. *Dasar Akidah Muslim*. Skudai: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2019. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Darjah 6*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 4 dan 5*.
- Majlis Agama Islam Selangor, 2013. *Ulum Syariyyah Feqah Tahap 1*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.
- Majlis Agama Islam Selangor, 2016. *Ulum Syariyyah Feqah Tahap 2*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.
- Mustafa Kamal Amat Misra, Mohd Hakim Arshad dan Nurhanisah Senin. 2019. “Cabaran mualaf di Malaysia: Pemerhatian awal terhadap mualaf Cina”. Dalam Azri Bhari. Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaacob (pytn). 2019. *Memperkasakan Potensi Mualaf Era Kontemporari*. Shah Alam: IKAZ, UiTM. 259-268.

- Noranizah Yusuf, Noor Ain Mohd Noor dan Aemy Aziz. 2019. “Kepentingan sokongan sosial dalam pengukuhan dan pemantapan akidah golongan mualaf”. Dalam Azri Bhari. Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaacob (pytn). 2019. *Memperkasakan Potensi Mualaf Era Kontemporari*. Shah Alam: IKAZ, UiTM. 97-110.
- Noor Hafizah Mohd Haridi, Syarul Azman Shaharuddin, Nur Amalina A. Rahman dan Norsaleha Mohd Salleh. 2019. “Emosi mualaf selepas masuk Islam: Kajian di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP)”. Dalam Azri Bhari. Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaacob (pytn). 2019. *Memperkasakan Potensi Mualaf Era Kontemporari*. Shah Alam: IKAZ, UiTM. 297-316.
- Noor Hisham Md Nawawi. 2018. Membentuk Manusiawi Melalui Pendidikan. Kertas kerja dibentangkan Simposium Kebangsaan Kecemerlangan Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab 2.0 2018 anjuran Persatuan Intektual Muslim Malaysia pada 12 November 2018.
- Hussain, S. S. and Ashraf, Syed Ali. 1979. *Crisis in Muslim Education*, Jeddah: Hodder and Stoughton.
- Zulkiple Abd. Ghani, Anuar Puteh, Badlihisam Mohd Nasir, Abdul Ghafar Hj. Don, Ahmad Redzuan Mohd Yunus dan Abdul Halim Tamuri. 2009. *Sistem dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Saudara Muslim*. Kuala Lumpur: JAKIM.

## **Akta**

Akta Pendidikan 1996

**PEMBANGUNAN  
KURIKULUM PENDIDIKAN  
ISLAM ISLAM DI KALANGAN  
MUALAF**

Prof. Dato' Dr. Zulkipl Abd. Ghani

# PEMBANGUNAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM ISLAM DI KALANGAN MUALAF

Prof. Dato' Dr. Zulkiple Abd. Ghani  
*Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,*  
*Universiti Sains Islam Malaysia*  
drzulkip@usim.edu.my

## ABSTRAK

Pembangunan kurikulum pendidikan Islam kepada golongan mualaf perlu dilakukan secara sistematik terutama mengambil kira kepelbagaian latar belakang dan kemampuan mereka. Objektif utama ialah supaya mereka dapat mempelajari asas-asas ajaran Islam serta mengamalkannya dalam kehidupan. Bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang dan isu-isu pendidikan yang dihadapi oleh saudara Muslim, keperluan kandungan mengikut perspektif mereka dan juga contoh kurikulum dan modul bagi golongan pertengahan dan tinggi. Selain pembangunan kurikulum, aspek sokongan seperti guru yang kompeten, infrastruktur pendidikan, pedagogi dan kewangan juga akan memastikan pengajaran dan pembelajaran serta bimbingan saudara Muslim mencapai objektif menghasilkan ummah terbaik.

**Kata kunci:** Pembangunan Kurikulum, Pendidikan Islam, Mualaf

## PENDAHULUAN

“Kelas Mualaf juga dijalankan di seluruh Selangor. Kini ada 4,312 Mualaf yang mengikutinya dengan sejumlah 260 kelas setiap sesi (260 x 3 kali seminggu = 780 kali seminggu). Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyediakan dana, digajikan guru yang khusus, termasuk guru Mualaf mobil yang mendatangi Mualaf yang berkeperluan khusus. Mualaf juga diberikan elaun kehadiran. Ada silibusnya dan ada ujiannya bagi mengukur tahap kefahaman mereka”. (<https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/03/Final-EDISI-MAIS-Bil.1.2020-1.pdf>)

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) atau bimbingan pendidikan Islam di kalangan mualaf di seluruh negara pada umumnya tidak seragam khususnya dari segi kurikulum. Oleh kerana kerangka perundangan memberi hak kepada negeri bagi tujuan pendaftaran mualaf dan bimbingan, terdapat kepelbagaian dari segi pengurusan dan bimbingan mualaf. Jika dilihat dari kenyataan di atas seperti yang dilaporkan di Negeri Selangor, P&P serta bimbingan mualaf bukan sahaja melibatkan aspek kurikulum tetapi juga keperluan guru yang kompeten, infrastruktur yang kondusif termasuk penggunaan alat sokongan teknologi, peruntukan kewangan dan juga pendekatan P&P seperti pedagogi, andragogi dan huetagogi. Objektif utama P&P dan



bimbingan mualaf adalah untuk membolehkan mereka memahami dan mengamalkan aspek asas ajaran Islam seperti perkara-perkara asas fardhu ‘ain dan al-Qur’an serta as-Sunnah. Selain perkara asas berkenaan, kurikulum lanjutan turut disediakan untuk memberi peluang kepada golongan mualaf meneroka potensi diri sehingga berjaya menjadi mukallaf, iaitu da’ie yang mencapai tahap berupaya melakukan ‘*creating knowledge*’ yang bertanggungjawab berkongsi nikmat kehidupan beragama Islam.

Bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang P&P dan bimbingan golongan mualaf di Malaysia secara ringkas termasuk isu-isu berbangkit berkaitan bimbingan dan keperluan golongan mualaf, menyenaraikan keperluan kandungan kurikulum berdasarkan penyelidikan yang pernah dijalankan serta contoh-contoh kandungan kurikulum dan modul bagi peringkat pertengahan dan tinggi yang telah diterbitkan oleh Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM (2008) dan JAKIM (2009) bertajuk “Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Saudara Muslim” berasaskan penyelidikan yang dibiayai oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

## **LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ISLAM GOLONGAN MUALAF**

Ketika ini, golongan mualaf yang memeluk Islam mempunyai pilihan yang banyak untuk mendalami ilmu-ilmu Islam melalui pendidikan formal dan tidak formal. Pelbagai maklumat mengenai Islam boleh diperolehi secara atas talian melalui laman sesawang dan di media sosial. Namun begitu, pendidikan terbaik tentulah secara formal yang mempunyai kurikulum yang teratur dan guru yang mursyid. Setiap negeri menyediakan institusi khusus seperti Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah (PUSBA) di Sungai Petani, Kedah; Kompleks Darul Hidayah, Permatang Tok Gelam, Penaga, Pulau Pinang; Teratak Fitrah di Sabah; Pusat Dakwah Islamiah Paroi, Negeri Sembilan; Balai Islam Melaka serta program pendidikan formal dan tidak formal oleh institusi bukan kerajaan (NGO) seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Malaysia Chinese Muslim Association (MACMA), Hidayah Centre Foundation, Islamic Outreach ABIM dan Multiracial Reverted Foundation (MRM).

Setiap negeri berhadapan dengan keperluan golongan mualaf yang berbeza dari segi anutan agama asal, tahap tinggi rendah pendidikan, latarbelakang kaum dan etnik, gender, peringkat umur, status sosio-ekonomi serta tujuan memeluk Islam. Memandangkan terdapat kepelbagaian yang wujud, pihak berkuasa agama menyandarkan aktiviti P&P dan bimbingan secara formal kepada kerangka perundangan dan menggubal kaedah-kaedah berdasarkan keperluan masing-masing. Contohnya, di Pulau Pinang terdapat Kaedah Jagaan dan Pengajaran Orang Masuk Islam dan Cara Pendaftarannya (Negeri Pulau Pinang) 1998 yang mewajibkan orang yang memeluk Islam hendaklah menghadiri Bengkel Bimbingan Asas Fardhu ‘Ain seperti dicatat di Bahagian 5 (1) seperti berikut:

5. (1) Mana-mana orang yang didaftarkan di bawah seksyen 84 hendaklah:

- (a) Menghadiri Bengkel Bimbingan Asas Fardu Ain pada waktu-waktu pejabat selama 3 hari di Jabatan Agama Islam, Negeri Pulau Pinang atau di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Majlis; dan,
- (b) Menghadiri mana-mana kelas Fardu Ain selama 2 minggu hingga 1 bulan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Mana-mana orang yang telah menghadiri kelas Fardu Ain di bawah perenggan 5(1) (b) hendaklah ditemuduga bagi memastikan tahap kefahaman Islam orang tersebut dan soalan-soalan yang perlu dikemukakan ialah-

- (a) Pengertian Iman dan Islam;
- (b) Rukun iman dan Islam;
- (c) Pengertian Air, Najis dan Istinja;
- (d) Pengertian wudhu' dan rukun-rukunnya;
- (e) Pengertian mandi wajib;
- (f) Pengertian sembahyang dan Rukun-rukunnya;
- (g) Pengertian hukum dan pembahagiannya.

Mualaf yang berpindah atau bertukar tempat kerja dari satu negeri ke negeri lain umpamanya mungkin akan berhadapan dengan sedikit sebanyak perbezaan dari segi pendekatan P&P dan bimbingan. Dalam menjalani kehidupan yang serba baru, golongan mualaf tidak terlepas daripada pelbagai cabaran yang mampu menggugat keimanan mereka sekiranya tidak dibimbing dan disokong oleh sistem P&P yang seragam dan berkesan. Pelbagai masalah akan terpaksa diharungi sama ada dari segi emosi, adat, budaya, kekeluargaan, ekonomi, kerjaya, birokrasi, perundangan dan sebagainya. Masalah-masalah ini mampu merebak dan mengesani saudara Muslim dengan lebih serius hingga ke peringkat kembali kepada agama asal (murtad). Dalam merekabentuk kurikulum dan penyampaian berkesan, masalah yang membelenggu golongan mualaf yang perlu diberi perhatian, antaranya seperti berikut:

- a. Penyingkiran oleh kaum keluarga dan masyarakat asal. Secara umumnya masyarakat asal mereka menganggap menukar agama kepada agama Islam adalah satu perbuatan yang amat dibenci kerana mereka beranggapan bahawa Islam adalah hanya untuk orang Melayu. Ianya adalah satu bentuk pengkhianatan dan penghinaan kepada keturunan dan perjuangan bangsa kerana bagi mereka ia memutuskan ikatan kekeluargaan/ keturunan. Lantaran itu ada di kalangan saudara Muslim yang disingkirkan oleh keluarga dan masyarakat mereka. Walaupun ada yang terus tinggal bersama keluarga, namun mereka seolah-olah disisihkan dari segala aspek kehidupan keluarga dan komuniti. Masalah ini bukanlah suatu yang baharu bahkan ianya seakan-akan telah menjadi satu tradisi yang wujud bersama-sama penerimaan saudara Muslim terhadap agama Islam. Untuk menangani isu-isu tekanan dan pemuluan oleh pihak keluarga, beberapa negeri mewujudkan pusat khidmat yang menawarkan tempat penginapan sementara seperti Kompleks Darul Hidayah di Wilayah Persekutuan dan

Pusat Perlindungan Mualaf Baitul Salam di Selangor. Para peserta di pusat-pusat seperti ini diberi pendedahan kepada agama Islam secara terancang di samping aspek-aspek kebajikan mereka sentiasa dipenuhi.

- b. Pandangan negatif dan prejudis dari masyarakat Melayu (Islam). Ini juga merupakan masalah/cabaran yang telah berakar umbi dalam konteks keislaman saudara Muslim. Berdasarkan interaksi bersama saudara Muslim di PERKIM dan MACMA menyatakan bahawa pada peringkat awal pemeluk Islam, cabaran yang terpaksa dihadapi selain dari kemarahan anggota keluarga dan masyarakat ialah masalah penerimaan dari masyarakat Melayu (Islam). Kebanyakan anggota masyarakat Melayu menganggap kemasukan Islam golongan seperti mereka adalah kerana mempunyai motif dan kepentingan tertentu. Selain dari itu mereka juga dianggap sebagai orang Islam kelas kedua. Masalah lain yang terpaksa dihadapi adalah pandangan masyarakat Melayu yang mahu melihat mereka hidup dengan mengamalkan secara total amalan dan budaya Islam (termasuk juga amalan dan budaya Melayu). Sekiranya mampu hidup seperti orang Melayu, mereka dengan senang akan diterima oleh masyarakat tersebut dan begitu jugalah sebaliknya. Fenomena ini berlaku kerana secara umumnya masyarakat (sama ada Melayu atau lain-lain) telah menganggap bahawa masuk Islam itu adalah masuk Melayu.
- c. Bidang pekerjaan yang tidak sesuai dengan tuntutan agama Islam. Sebahagian daripada saudara Muslim yang mempunyai pekerjaan sebelum memeluk Islam dalam bidang yang bercanggah dengan agama Islam seperti mereka yang bekerja di premis-premis judi, arak dan sebagainya. Selepas memeluk Islam, golongan ini berada dalam dilema di antara dua keadaan iaitu sama ada untuk meneruskan pekerjaan dengan mengetepikan tuntutan agama ataupun berhenti bekerja dan mencari pekerjaan baru untuk menyara diri dan keluarga. Biasanya untuk mencari pekerjaan baru bukanlah suatu perkara mudah. Selain dari itu, ada juga di kalangan saudara Muslim yang mendapat tekanan dari majikan yang tidak Islam selepas mengetahui mereka memeluk Islam sehingga dipecat ataupun mereka berhenti sendiri kerana tidak mampu untuk menyerap tekanan-tekanan tersebut.
- d. Kehilangan hak untuk mendapat harta pusaka. Apabila memeluk Islam, mereka tidak lagi berhak untuk mewarisi harta pusaka. Keadaan ini kadang-kadang boleh menjadi serius sehingga menyebabkan mereka kembali kepada agama asal mereka untuk mendapatkan hak pewarisan tersebut. Kerana itu dalam Islam, golongan saudara Muslim atau mualaf ini adalah merupakan salah satu dari lapan asnaf yang berhak untuk menerima pemberian zakat.
- e. Tiadanya keselarasan aktiviti dakwah di antara organisasi-organisasi tertentu dan kekurangan bahan bacaan yang sesuai. Senario ini akan membawa kepada kepelbagaian bentuk dan pendekatan dakwah yang sudah semestinya sedikit sebanyak mengelirukan saudara Muslim dalam

memahami dan menghayati Islam. Kekurangan bahan-bahan rujukan seperti buku, risalah tentang Islam dan sebagainya (yang sesuai dengan peringkat mereka) pula akan memburukkan lagi keadaan. Walaupun tidak dinafikan adanya inisiatif dari pelbagai pihak seperti PERKIM, JAWI, MACMA dan sebagainya dalam menerbitkan bahan-bahan bacaan yang mudah dalam pelbagai bahasa, namun ianya masih lagi terhad dan kurang mencukupi.

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan mualaf seperti yang disenaraikan di atas telah cuba ditangani bukan sahaja oleh pihak berkuasa agama di negeri-negeri, tetapi juga oleh pihak NGO terutama PERKIM yang terlibat secara langsung mendidik golongan mualaf dan anak-anak mereka sejak awal tahun 1960-an. Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) yang berpusat di Pengkalan Chepa, Kelantan, menyediakan pusat pengajian secara sistematik dengan menyediakan kelengkapan P&P, biasiswa dan ujian dengan menganugerahkan sijil (berasaskan beberapa tahap) kepada mereka yang berjaya. Objektif utama IDIP ialah supaya golongan mualaf dan anak-anak mereka khususnya dapat memahami dan menghayati Islam sebagai satu cara hidup dan dapat kembali menyebarkan Islam di kalangan komuniti asal mereka. Terdapat tiga tahap kurikulum yang dilaksanakan iaitu kursus persediaan pengajian Islam, Sijil Asas Pengajian Islam dan Sijil Pengajian Islam (Razaleigh Muhamat dan Marlon: 2014). Model IDIP turut diadaptasi oleh beberapa institusi lain termasuk Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) yang menawarkan Diploma Dakwah Islamiyyah.

Secara umum, peluang pendidikan golongan mualaf sehingga ke peringkat tertinggi kini lebih terbuka dengan sokongan banyak institusi hingga ke peringkat ijazah kedoktoran, contohnya seperti dilaporkan oleh Majlis Agama Islam Selangor:

“Mengikut statistik 2019, seramai 11,652 Mualaf disantuni LZS. Sebanyak RM52.1 juta pula disalurkan, untuk keperluan hidup dan juga pembangunan diri. Mualaf yang tekun, boleh terus menyambung pengajian. LZS menyediakan biasiswa. Setakat ini ada 35 orang menyambung diploma, 28 ijazah pertama, dua orang sarjana dan enam orang calon doktor falsafah”. (<https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/03/Final-EDISI-MAIS-Bil.1.2020-1.pdf>)

## **KEPERLUAN KURIKULUM BAGI MUALAF**

Seperti yang disebut di atas, kurikulum yang digubal bagi keperluan golongan mualaf perlu disesuaikan dengan latarbelakang mereka yang pelbagai. Untuk tujuan perkongsian, satu kajian telah pernah dilakukan oleh penulis bersama rakan-rakan (2005) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan melalui pendedaran soal selidik kepada 130 orang responden terpilih golongan mualaf yang mengikuti kelas-kelas bimbingan saudara Muslim yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Untuk tujuan kertas ini, di bawah dibincangkan dapatan mengenai ciri-ciri demografi responden, keperluan kandungan, persepsi terhadap kelas bimbingan dan persepsi terhadap guru-guru yang mengajar.

### 3.1 Demografi Responden

Tujuan utama bahagian ini adalah untuk membentangkan data kajian yang diperolehi daripada tinjauan yang dijalankan. Jadual 2 berikut menunjukkan taburan latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini.

**JADUAL 1:** Latar belakang responden kajian

<b>CIRI DEMOGRAFI</b>		<b>KEKERAPAN</b>	<b>PERATUS</b>
Jantina	Lelaki	57	43.8
	Perempuan	73	56.2
Umur	15-30	41	31.5
	31-45	47	36.2
	46-60	30	23.1
	60 keatas	9	6.9
Taraf Perkahwinan	Berkahwin	81	62.3
	Bujang	29	22.3
	Duda	11	8.5
	Ibu Tunggal	9	6.9
Agama sebelum memeluk Islam	Kristian	53	40.8
	Hindu	14	10.8
	Buddha	37	28.5
	Confucious	3	2.3
	Lain-lain	23	17.7
Bangsa	Cina	46	35.4
	India	17	13.1
	Bumiputera	28	29.2
	Filipina	10	7.7
	Lain lain	19	14.6
Pendidikan	Pengajian Tinggi	22	16.9
	Sekolah	108	83.1
Keluarga yang telah Islam	Tiada	66	50.8
	Ada	64	49.2
Keanggotaan pertubuhan dakwah	Ada	53	40.8
	Tiada	77	59.2
Kelas Bimbingan lain	Ada	90	69.2
	Tiada	40	30.8

Jadual di atas menunjukkan taburan responden kajian berdasarkan jantina di mana 43.8% terdiri daripada lelaki dan 56.2% daripada perempuan. Berdasarkan kepada umur pula, jadual di atas menunjukkan 31.5% daripada responden berusia antara 15-30 tahun, 36.2% berusia antara 31-45 tahun dan 23.1% pula berusia antara 46-60

tahun. Hanya terdapat 6.9% responden kajian ini yang berusia melebihi 61 tahun. Secara keseluruhannya, responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada saudara Muslim yang berkahwin iaitu sebanyak 62.3%, diikuti oleh mereka yang masih bujang (22.3%), 8.9% mereka daripada golongan duda dan 6.9% daripada kumpulan ibu tunggal.

Jadual di atas menunjukkan latar belakang agama sebelum mereka memeluk agama Islam di mana majoriti mereka menganut agama Kristian (40.8%), 28.5% pula beragama Buddha, 10.8% beragama Hindu dan 2.3% pula beragama Confusius. Seramai 23 responden (17.7%) pula menganut ajaran atau kepercayaan tradisi yang wujud kalangan golongan Bumiputera Sabah. Daripada latar belakang bangsa pula, majoriti responden terdiri daripada bangsa Cina iaitu 35.4%, India 13.1%, Bumiputera (29.2%), Filipina (7.7%) dan lain-lain bangsa (14.6%). Daripada aspek pendidikan pula, hanya 16.9% terdiri daripada mereka berpendidikan tinggi (ijazah dan diploma) dan majoriti mereka terdiri dari yang berpendidikan rendah 83.1% (rendah dan menengah).

Selain itu, taburan responden yang mempunyai keluarga telah memeluk Islam adalah hampir sama iaitu 50.8% yang tiada keluarga memeluk Islam dan 49.2% yang mempunyai keluarga yang memeluk Islam. Daripada sudut penglibatan dalam badan dakwah, kebanyakan mereka tidak terlibat dalam mana-mana pertubuhan (59.2%) dan hanya 40.8% daripada terlibat dalam pertubuhan-pertubuhan dakwah. Dalam aspek kehadiran dalam kelas-kelas agama dan bimbingan lain, majoriti daripada mereka (69.2%) menyatakan mereka menghadiri kelas-kelas lain yang dianjurkan. Hanya 30.8% yang menyatakan mereka tidak pernah menghadiri lain-lain kelas bimbingan agama.

### 3.2 Keperluan Kandungan Kelas Bimbingan Saudara Muslim

Kajian ini memberi tumpuan untuk mengkaji keperluan kandungan dalam pengajaran dan pembelajaran kelas bimbingan mengikut pandangan golongan saudara Muslim. Mereka telah diminta untuk mengenal pasti urutan kepentingan daripada kedudukan pertama sehingga kedua puluh. Dalam membentangkan dapatan kajian, data kajian telah dikodkan semula di mana kandungan yang paling utama akan mendapat tahap min yang tinggi dan begitu juga sebaliknya. Jadual berikut akan menunjukkan kepentingan kandungan kajian berdasarkan persepsi pelajar-pelajar kelas bimbingan saudara Muslim.

**JADUAL 2:** Keperluan kandungan kelas bimbingan

	<b>KANDUNGAN BIMBINGAN</b>	<b>KEDUDUKAN</b>	<b>MIN*</b>
1	Konsep Syahadah	1	17.52
2	Konsep Keimanan Dalam Islam	4	15.78
3	Bimbingan Sembahyang/Solat	2	16.69
4	Membaca Al-Quran	7	11.64
5	Konsep Kenabian	10	10.98
6	Konsep Ketuhanan	6	13.28
7	Penjelasan Rukun Iman	5	15.32
8	Penjelasan Rukun Islam	3	15.89
9	Bimbingan Puasa	8	11.60
10	Kedudukan Islam Dengan Agama Lain	12	8.89
11	Sejarah Para Nabi Dan Para Sahabat	15	7.56
12	Bimbingan Umrah Dan Haji	18	5.28
13	Adab Dan Akhlak Islam	9	11.44
14	Asas-Asas Bahasa Arab	20	5.12
15	Tafsir/Huraian Al-Quran Dan Hadith	16	6.53
16	Kewajipan Berdakwah	19	5.23
17	Isu Dan Cabaran Sebagai Seorang Muslim	13	8.74
18	Bimbingan Perkahwinan Dalam Islam	17	6.51
19	Perkara Halal Dan Haram Dalam Islam	11	10.09
20	Hubungan Dengan Keluarga	14	8.53

\*Telah dikod semula

Jadual di atas telah menunjukkan persepsi para pelajar kelas bimbingan saudara Muslim terhadap keperluan kandungan yang perlu diberikan keutamaan. Berdasarkan jadual di atas, tajuk yang berkaitan konsep syahadah perlu diberikan keutamaan kerana mempunyai min yang tinggi (17.52). Jika dilihat kepada 10 tajuk yang utama, tajuk konsep syahadah merupakan aspek yang perlu diberikan keutamaan dan ini diikuti oleh tajuk-tajuk utama yang berkaitan bimbingan solat (16.69), penjelasan rukun Islam (15.89), konsep keimanan dalam Islam (15.78), penjelasan rukun iman (15.32), konsep ketuhanan (13.28), bimbingan puasa (11.60) adab dan akhlak Islam (11.44) dan konsep kenabian (10.98).

Sepuluh aspek lain yang juga perlu diberikan perhatian dalam pembinaan modul iaitu perkara halal dan haram dalam Islam (10.09), kedudukan Islam dengan agama lain (8.89), isu dan cabaran sebagai seorang Muslim (8.74), hubungan dengan keluarga (8.53), sejarah para nabi dan sahabat (7.56), Tafsir al-Quran dan Hadith (6.53), bimbingan perkahwinan dalam Islam (6.51), bimbingan umrah dan haji (5.28), kewajipan berdakwah (5.23) dan asas-asas Bahasa Arab (5.12). Dapatan ini boleh memberikan satu asas atau gambaran awal untuk menentukan keperluan kandungan yang perlu diberikan perhatian dalam mengubal panduan atau modul untuk saudara baru.

### 3.3. Persepsi Terhadap Pelaksanaan Kelas Bimbingan

Hasil bagi satu tinjauan umum terhadap persepsi peserta-peserta kelas bimbingan tentang keberkesanan pengajaran yang diberikan dalam meningkatkan pengetahuan asas Islam mereka adalah seperti berikut:

**JADUAL 3:** Kesan pengajaran kelas bimbingan terhadap pengetahuan asas agama

BIL	PERKARA	MIN
	Bimbingan yang saya ikuti telah meningkatkan PENGETAHUAN saya tentang:	
C1	Konsep beriman kepada Allah	4.64
C2	Konsep beriman kepada Rasul	4.57
C3	Konsep beriman kepada Malaikat	4.50
C4	Konsep beriman kepada Rasul	4.56
C5	Konsep beriman kepada Kitab	4.56
C6	Konsep beriman kepada Qada' dan Qadar	4.56
C7	Konsep dua kalimah syahadat	4.70
C8	Cara menunaikan solat	4.66
C9	Kaedah berpuasa	4.60
C10	Kewajipan menunaikan zakat	4.46
C11	Kewajipan menunaikan haji	4.43
C12	Konsep akhlak dalam Islam	4.60
C13	Sifat mahmudah (baik)	4.55
C14	Sifat mazmumah (buruk)	4.26
C15	Halal dan haram dalam Islam (makanan,minuman)	4.60
C16	Konsep menutup aurat	4.51
C17	Hubungan dengan keluarga	4.57
C18	Konsep perkahwinan	4.47

Secara keseluruhannya, berdasarkan penilaian umum peserta-peserta, dapatan kajian dalam jadual di atas menunjukkan pengajaran dalam kelas saudara baru yang dijalankan memberikan kesan yang baik terhadap pengetahuan asas-asas agama menurut pandangan responden kajian. Kesemua min dalam item-item di atas berada pada tahap yang tinggi iaitu berada pada tahap 4.26 sehingga 4.70. Para peserta juga dikehendaki untuk menilai kesan pengajaran terhadap peluang untuk amalan praktikal dalam kelas bimbingan yang dijalankan seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

**JADUAL 4:** Peluang untuk melakukan pratikal dalam kelas bimbingan

BIL	PERKARA	MIN
	Bimbingan yang saya ikuti memberikan peluang saya untuk melakukan PRAKTIKAL: (Item C19-C30)	
C19	Wuduk (mengambil air sembahyang)	4.67
C20	Solat wajib lima waktu	4.73
C21	Solat sunat	4.43



C22	Bacaan-bacaan solat	4.56
C23	Wirid dan doa	4.41
C24	Salawat atas Nabi Muhammad	4.50
C25	Membaca al-Quran	4.47
C26	Adab dalam pergaulan	4.46
C27	Menutup aurat	4.50
C28	Kaedah mandi wajib	4.57
C29	Beristinjak/Bersuci	4.60
C30	Berzakat	4.46

Dapatan kajian dalam jadual di atas juga menunjukkan bahawa pengajaran dalam kelas saudara Muslim yang dijalankan telah memberikan peluang yang baik kepada peserta-peserta untuk melakukan amalan praktikal semasa kelas bimbingan dijalankan. Kesemua min bagi item-item di atas berada pada tahap yang tinggi iaitu berada antara 4.43 sehingga 4.73. Kedua-dua jadual di atas menunjukkan para peserta bagi kelas bimbingan secara umumnya merasa berpuas hati dengan pengajaran yang diberikan. Pada pandangan mereka sebagai saudara Muslim, pengajaran yang diberikan telah meningkatkan tahap pengetahuan Islam mereka serta dalam memberikan peluang untuk melakukan praktikal atau amali berkaitan ibadah asas dalam Islam.

#### 3.4 Persepsi terhadap kaedah pengajaran guru

Kajian ini juga telah membuat satu tinjauan terhadap persepsi para peserta terhadap proses pengajaran dan pembelajaran kelas bimbingan yang mereka telah ikuti. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, kedua-dua jadual di atas telah memberikan gambaran umum peserta-peserta terhadap kesan pengajaran kelas bimbingan kepada ilmu pengetahuan dan juga peluang mereka untuk melakukan amalan praktikal. Namun, penilaian umum ini hanya terbatas kepada penilaian pengajaran yang diberikan berdasarkan kepada persepsi mereka dan terbatas kepada pengalaman mereka yang baru sahaja memeluk agama Islam. Jadual berikut pula akan memberikan tumpuan kepada penilaian secara yang lebih khusus terhadap berapa aspek penting dalam proses yang pengajaran dan pembelajaran yang mereka lalui.

**JADUAL 5:** Persepsi terhadap kaedah pengajaran guru

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MIN</b>
<b>C31*</b>	Ustaz/Ustazah saya tidak hanya menyampaikan pengajaran dalam bentuk syarahan/kuliah	1.67
<b>C32</b>	Ustaz/Ustazah saya sering bercerita kisah-kisah (nabi atau sahabat) dalam kelas bimbingan	4.40
<b>C33</b>	Ustaz/Ustazah sering memberikan peluang kepada pelajar untuk bertukar pandangan di dalam kelas.	4.24
<b>C34</b>	Ustaz/Ustazah menunjukkan cara melaksanakan ibadat semasa pengajaran	4.46
<b>C35</b>	Ustaz/Ustazah sering memberi peluang kepada saya mempraktikkan cara-cara melaksanakan ibadat	4.39

<b>C36</b>	Tunjuk cara/Demonstrasi daripada Ustaz/Ustazah memudahkan kefahaman saya untuk beribadat	4.46
<b>C37</b>	Latihan/Praktikal ibadah yang dilakukan dapat mempertingkatkan amalan harian saya	4.49
<b>C38*</b>	Ustaz/Ustazah saya banyak membuat aktiviti/latihan menghafaz ayat-ayat al-Quran	2.90
<b>C39</b>	Saya sering diminta oleh Ustaz/Ustazah melakukan latihan/amali/bacaan berulang kali	4.12
<b>C40</b>	Ustaz/Ustazah saya sering memperdengarkan contoh bacaan ayat al-Quran di dalam kelas	4.20
<b>C41</b>	Bahan pengajaran yang dibekalkan oleh Ustaz/Ustazah memberi faedah kepada saya	4.38
<b>C42</b>	Ustaz/Ustazah saya berbincang dengan pelajar-pelajar di dalam kelas	4.33
<b>C43*</b>	Saya diberi peluang untuk mengemukakan idea semasa dalam kelas	3.17
<b>C44</b>	Ustaz/Ustazah akan meminta saya membuat pembacaan awal untuk kelas Pendidikan Islam	3.86
<b>C45</b>	Ustaz/Ustazah sering menggunakan komputer dalam pengajarannya	2.94
<b>C46*</b>	Kaedah pengajaran yang digunakan Ustaz/Ustazah dalam pengajaran menarik minat saya	3.07
<b>C47*</b>	Saya merasa tidak bosan dengan cara pengajaran Ustaz/Ustazah saya	3.69
<b>C48*</b>	Penggunaan istilah Bahasa Arab tidak menyukarkan saya untuk memahami kandungan pengajaran	2.74
<b>C49</b>	Saya sangat seronok jika kelas Pendidikan Islam diadakan di luar bilik kuliah	3.56
<b>C50</b>	Aktiviti lawatan boleh meluaskan pandangan dan pengalaman saya tentang Islam	4.42
<b>C51</b>	Ustaz/Ustazah yang mengajar saya adalah contoh terbaik/role model kepada saya	4.36
<b>C52</b>	Penggunaan bahan multimedia pendidikan Islam mudah proses bimbingan kepada saya	4.04
<b>C53</b>	Tempoh bimbingan yang diberikan mencukupi	3.80
	<b>MIN KESELURUHAN</b>	<b>3.80</b>

\*Item negatif yang telah ditukar kepada item positif

Secara umumnya, persepsi peserta-peserta terhadap proses pengajaran dan pembelajaran tersebut masih berada pada tahap yang agak tinggi iaitu 3.80. Kebanyakan item-item di atas didapati berada pada tahap tinggi iaitu antara 3.69 hingga 4.49. Berdasarkan dapatan-dapatan ini, peserta mempunyai persepsi yang positif terhadap beberapa aspek antaranya: guru bercerita kisah-kisah (nabi atau sahabat), peluang kepada pelajar untuk bertukar pandangan, menunjukkan cara melaksanakan ibadat semasa pengajaran, memberi peluang mempraktikkan cara-cara

melaksanakan ibadat, latihan/amali/bacaan berulang kali, memperdengarkan contoh bacaan ayat al-Quran, membekalkan bahan pengajaran, berbincang dengan pelajar-pelajar di dalam kelas dan contoh terbaik/ *role* kepada pelajar.

Namun begitu terdapat beberapa item yang mendapat min yang agak rendah dan ianya perlu dilihat dengan teliti untuk meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran kelas bimbingan saudara Muslim. Sehubungan itu, perbincangan akan memberikan tumpuan kepada beberapa item yang utama untuk melihat beberapa aspek dengan lebih terperinci persepsi pelajar terhadap perkara-perkara yang berkaitan, khususnya item-item yang berada pada tahap sederhana dan rendah. Perbincangan akan memberikan fokus kepada beberapa isu dalam proses pengajaran dan pembelajaran kelas bimbingan yang diberikan.

Jadual di atas menunjukkan bagi item C31, dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru-guru pendidikan Islam yang mengajar dalam program bimbingan ini sering menyampaikan pengajaran dalam bentuk syarahan/kuliah kerana minnya berada pada tahap rendah (1.67). Seharusnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran dan tidak hanya memberikan tumpuan kepada kaedah tradisional atau konvensional iaitu syarahan dan kuliah sahaja. Bagi item C38, dapatan kajian menunjukkan min bagi item yang berkaitan aktiviti/latihan menghafaz ayat-ayat al-Quran hanya berada pada tahap 2.90. Ini menunjukkan guru-guru agak kurang membuat aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran bimbingan yang diberikan. Dapatan bagi item (C43) juga menunjukkan guru-guru kurang memberikan peluang kepada peserta-peserta untuk mengemukakan idea semasa dalam kelas dimana min bagi item ini berada pada tahap sederhana iaitu 3.17. Selain itu, jadual di atas juga menunjukkan guru-guru pendidikan Islam kurang menggunakan teknologi terkini khususnya komputer dalam proses pengajaran mereka. Ini disebabkan min bagi item C45 hanya berada pada tahap 2.94.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan satu aspek yang penting dimana para peserta menyatakan bahawa Kaedah pengajaran yang digunakan Ustaz/Ustazah mereka dalam pengajaran kurang menarik minat kebanyakan daripada mereka. Ini kerana min bagi item berada pada tahap sederhana iaitu 3.07. Salah satu aspek lagi yang perlu diberikan tumpuan dalam proses pengajaran bimbingan mualaf dimana penggunaan istilah Bahasa Arab agak menyukarkan mereka untuk memahami kandungan pengajaran. Min bagi item ini (C48) juga berada hanya pada tahap yang sederhana iaitu 2.74. Kajian juga menunjukkan para peserta akan merasa agak seronok jika kelas bimbingan ini diadakan di luar bilik kuliah. Min bagi item juga berada pada tahap yang sederhana iaitu 3.56.

## **CONTOH KURIKULUM BAGI GOLONGAN PERTENGAHAN DAN TINGGI**

Kurikulum ini dibangunkan dengan mengambilkira keperluan golongan pertengahan dan tinggi dan dinamakan Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Saudara Muslim (SPPSM) dan diterbitkan oleh Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM serta JAKIM. Apa yang dimaksudkan dengan SPPSM ini ialah sebuah sistem yang

dibangunkan bertujuan menjadi panduan kepada setiap Saudara Muslim untuk mempelajari Islam secara sistematik, terancang dan berkesan dalam konteks persekitaran Malaysia. Modul ini dirangka khusus bagi golongan Saudara Muslim di peringkat pertengahan dan ke atas, yang bekerja dan mempunyai masa terhad untuk menghadiri kelas-kelas pengajian secara sepenuh masa. Sistem ini mencadangkan proses pengajaran dan pembelajaran, membangunkan modul yang mengandungi isi kandungan dan penilaian, dan mencadangkan sistem latihan tenaga pengajar.

SPPSM ini akan dilaksanakan dalam TEMPOH masa 4 semester dan setiap semester akan mengambil masa selama 6 bulan. Tempoh keseluruhan ialah 2 tahun. Bagi setiap semester, modul dengan tema-tema berikut akan dilaksanakan:

- i) Modul 1 - Pengenalan Islam;
  - ii) Modul 2 - Pengukuhan Iman;
  - iii) Modul 3 - Penghayatan Islam; dan,
  - iv) Modul 4 - Pendakwah Islam
- a. Dari segi PELAKSANAAN, setiap peserta akan bermula dari modul 1, apabila tamat dan berjaya akan dianugerahkan sijil untuk membolehkan mereka mengikuti modul berikutnya. Selepas tamat modul keempat dengan jayanya, peserta boleh dianggap bukan lagi dalam status mualaf. Mereka perlu diberi insentif tertentu untuk bergiat aktif sebagai pendakwah.
  - b. Konsep PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) akan berjalan selama 20 minggu, 3 minggu untuk persediaan dan peperiksaan serta 3 minggu cuti (jumlah setiap modul ialah 26 minggu) seperti jadual berikut:

Modul	Kegiatan	Tempoh
Modul 1,2,3,4	Perkuliahan/amali	10 minggu
	Cuti	1 minggu
	Perkuliahan/amali	10 minggu
	Minggu ulangkaji	1 minggu
	Peperiksaan	2 minggu
	Cuti	2 minggu

Proses P&P akan berlangsung selama 8 jam seminggu, iaitu 4 jam pada hari Sabtu dan 4 jam pada hari Ahad atau bedasar kesesuaian.

- c. SISTEM PENILAIAN pencapaian peserta akan mengambil kira gabungan aspek kognitif dan juga amali. 50% markah diperuntukan bagi menilai aspek kognitif (penguasaan ilmu pengetahuan) melalui peperiksaan bertulis, 40% penilaian oleh guru melalui ujian lisan, amali dan pemerhatian, dan 10 % penilaian oleh rakan-rakan. Pencapaian 70% keseluruhan dianggap sebagai LULUS dan layak menerima sijil SIJIL ASAS ILMU DAN PENGHAYATAN ISLAM 1-2 dan Sijil ASAS PENGAJIAN DAN PENGHAYATAN ISLAM 3-4.

d. Konsep Dan Kerangka Pembinaan Modul

Modul ini disusun berdasarkan kepada 9 BAHAGIAN iaitu BAHAGIAN 1- AKIDAH; BAHAGIAN 2 – SYARIAH/IBADAH; BAHAGIAN 3- AL-QUR’AN; BAHAGIAN 4 – HADIS; BAHAGIAN 5- AKHLAK; BAHAGIAN 6 – SIRAH; BAHAGIAN 7 – PERBANDINGAN AGAMA; BAHAGIAN 8 – DAKWAH; dan, BAHAGIAN 9 – ISU SAUDARA BARU. Setiap bahagian mempunyai unit-unit tajuk secara khusus.

Dari segi PELAKSANAAN, penekanan secara menyeluruh diberi kepada aspek teori dan amali. Pemberat bagi setiap BAHAGIAN dan unit-unit berdasarkan tema modul seperti jadual berikut:

Jadual 6: Kerangka Modul

Modul	Kandungan	Jam kontaks	Bahagian/unit	Tempoh
<b>Modul 1</b> ➤ Ujian ➤ Sijil Asas Ilmu dan Penghayatan Islam 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akidah</li> <li>• Ibadah</li> <li>• Al-Qur’an</li> <li>• Hadis</li> <li>• Akhlak</li> <li>• Sirah</li> <li>• Perbandingan Agama</li> <li>• Isu Saudara Baru</li> </ul>		A/ Unit 1-4	6 bulan
<b>Modul 2</b> ➤ Ujian ➤ Sijil Asas Ilmu dan Penghayatan Islam 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akidah</li> <li>• Ibadah</li> <li>• Al-Qur’an</li> <li>• Hadis</li> <li>• Akhlak</li> <li>• Sirah</li> <li>• Perbandingan Agama</li> <li>• Isu Saudara Baru</li> </ul>			6 bulan
<b>Modul 3</b> ➤ Ujian ➤ Sijil Asas Pengajian dan Penghayatan Islam 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akidah</li> <li>• Ibadah</li> <li>• Al-Qur’an</li> <li>• Hadis</li> <li>• Akhlak</li> <li>• Sirah</li> <li>• Perbandingan Agama</li> <li>• Dakwah</li> <li>• Isu Saudara Baru</li> </ul>			6 bulan

<b>Modul 4</b> ➤ Ujian ➤ Sijil Asas Pengajian dan Penghayatan Islam 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akidah</li> <li>• Ibadah</li> <li>• Al-Qur'an</li> <li>• Hadis</li> <li>• Akhlak</li> <li>• Sirah</li> <li>• Dakwah</li> <li>• Perbandingan Agama</li> <li>• Isu Saudara Baru</li> </ul>			6 bulan
---	---	--	--	---------

e. Panduan/ Latihan Pengajar

- i. Setiap pengajar perlu melalui latihan khusus (dilantik secara tetap/kontrak) dan perlu disistematikkan berdasarkan kesesuaian pihak berkuasa berkaitan.
- ii. Kandungan modul yang disediakan hanya sebagai panduan mengambil kira subjek-subjek utama yang perlu dikuasai oleh Saudara Baru secara berperingkat. Justeru, pengajar perlu menambah maklumat dengan merujuk kepada bacaan tambahan yang lebih mendalam.
- iii. Bagi peserta yang dapat menguasai isi kandungan secara lebih pantas, mereka perlu digalakkan untuk meneruskan pembelajaran sendiri – iaitu dengan membuat latihan, memperkukuhkan amali serta mendalami isi kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah.
- iv. Peserta perlu digalakkan supaya merujuk kepada sumber-sumber bacaan tambahan yang dicadangkan, serta cuba menjawab soalan-soalan yang disediakan dengan mengadakan perbincangan dua hala dengan tenaga pengajar. Pelajar perlu digalakkan supaya lebih proaktif dan pengajar memberi lebih fokus kepada aspek penghayatan.

## PENUTUP

Pendidikan mualaf khususnya mengenai perkara fardu 'ain dan pendidikan Islam pada masa kini perlu bersifat dinamik, tahap kurikulum yang disesuaikan dengan keperluan khalayak, mengambilkira aspek pendidikan formal dan tidak formal, mempunyai guru atau pelatih yang terlatih dalam aspek pedagogi serta mengadaptasi kemajuan teknologi bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Dalam pengajaran dan pembelajaran, selain kurikulum yang bersifat lestari, keabsahan guru serta pedagogi turut memainkan peranan dalam menentukan penghasilan yang berkualiti. Pembinaan kurikulum golongan mualaf diharap dapat emenuhi tuntutan Allah SWT sebagaimana firman Nya:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Ertinya:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersikap demikian ialah orang-orang yang berjaya (Surah Ali-Imran, 3:104).

## RUJUKAN

- Razaleigh Muhamat@Kawangit dan Marlon Pontino Guleng, 2014. Respon Mualaf Terhadap Pendidikan Dan Latihan Amali Yang Dilaksanakan Oleh Institut Dakwah Islamiah Perkim, Kota Bharu Kelantan. Kertas dibentang di *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective Disunting* oleh: Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar
- Siti Adibah Abu Bakar dan Siti Zubaidah Ismail. 2018. Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan, *Jurnal Usuludin* 46 (2). Hal. 97-122
- Zulkiple Abd. Ghani, Anuar Puteh, Badlihisam Mohd Nasir, Abdul Ghafar Hj. Don, Ahmad Redzuan Mohd Yunus dan Abdul Halim Tamuri. 2009. Sistem dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Saudara Muslim. Kuala Lumpur: JAKIM.

<https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/03/Final-EDISI-MAIS-Bil.1.2020-1.pdf>

**DINAMIKA PENDIDIKAN  
MUALAF DI MALAYSIA :**

**KAJIAN RINGKAS SEJARAH  
USAHA KERAJAAN DAN  
BADAN PERTUBUHAN BUKAN  
KERAJAAN**

Dr. Wahibah Binti Hj Twahir @ Hj Tahir & Norafidah Binti Gordani



# **DINAMIKA PENDIDIKAN MUALAF DI MALAYSIA : KAJIAN RINGKAS SEJARAH USAHA KERAJAAN DAN BADAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN**

Dr. Wahibah Binti Hj Twahir @ Hj Tahir  
*Jabatan Pengajian Islam,  
Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Norafidah Binti Gordani  
Calon Ijazah Doktor Falsafah Usuluddin,  
Jabatan Pengajian Islam,  
Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
wahibahfsk@gmail.com  
abiddhaif@gmail.com*

## **ABSTRAK**

Dakwah Islamiyyah di negara ini dilihat memberikan impak yang positif dengan meningkatnya bilangan bukan Islam yang telah memeluk Islam. Pertambahan mualaf ini memberi petunjuk bahawa wujudnya dinamika pengurusan, pendidikan, kebajikan dan bimbingan yang berterusan oleh pihak yang terlibat dalam hal ehwal mualaf. Bab ini bertujuan membincangkan berkaitan dinamika pendidikan mualaf yang terdapat di Malaysia sama ada yang dijalankan secara formal atau pun tidak formal oleh agensi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan bukan kerajaan yang terlibat secara langsung dalam hal ehwal pendidikan mualaf seterusnya memberikan panduan dakwah mualaf berasaskan ayat-ayat dalam al-Qur'an. Kajian ini lebih bersifat kualitatif iaitu dengan merujuk kajian literatur berkaitan sejarah pendidikan mualaf di Malaysia dan penganalisan berasaskan konsep pendidikan mualaf berpandukan al- Qur'an al-Karim. Pada akhir kajian pengkaji mendapati bahawa pendidikan mualaf terus berkembang pesat secara terancang, berterusan dan bersepadu oleh pelbagai pihak dalam agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan penghayatan beragama di kalangan mualaf di Malaysia. Usaha-usaha yang sangat positif dan proaktif tersebut perlu diwarwarkan menerusi pelbagai siaran media bagi memastikan Islam itu agama bukan paksaan dan membawa mesej kesejahteraan kepada seluruh umat manusia tanpa mengira senioriti sebagai penganut Islam.

**Kata kunci:** Mualaf, Pendidikan Islam, Pendidikan Mualaf, Institusi Dakwah

## PENGENALAN

Terdapat 15 kajian yang dianalisis dan telah diklasifikasikan oleh Kamal Azmi Abd Rahman (et al.) 2019, kepada tujuh tema iaitu pendidikan Mualaf dan keluarga, kajian tokoh Mualaf, syariah Mualaf, kefahaman akidah, masalah Mualaf, pengurusan Mualaf dan metodologi dakwah terhadap Mualaf. Kajian tersebut membantu penulis menyenaraikan pelbagai pihak yang terlibat dalam usaha membangunkan pendidikan dan kebajikan golongan Mualaf dan membenteng satu aspek lagi perbincangan iaitu bertemakan dinamika usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan berpandukan kajian sejarah.

## KERANGKA KONSEP

Perkataan Mualaf dinyatakan menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي  
الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ۗ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ  
حَكِيمٌ

Maksudnya: “*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk golongan fakir, dan miskin, dan ‘amil-‘amil yang mengurusnya, dan golongan mualaf yang dilembutkan hatinya, dan untuk golongan hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah dan golongan musafir yang keputusan (belanja) dalam perjalanan. Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan yang datang dari Allah. Dan ingatlah Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana*”. (Surah al-Taubah, 9: 60)

Ayat 60 dalam surah al-Taubah ini menyebutkan istilah Mualaf atau “*Mualafatu qulubuhum*” yang membawa maksud individu yang dijinakkan hatinya untuk cenderung kepada agama Islam (Noreha Che Abah et al, 2019). Ayat ini juga menjelaskan bahawa golongan Mualaf merupakan salah satu daripada lapan golongan yang berhak menerima zakat (Nurayuni Adibah et al, 2019). Golongan Mualaf ini bukan saja memerlukan sokongan dari sudut kebajikan, bahkan sangat memerlukan bimbingan yang sewajarnya dalam memahami mereka berkaitan agama, terutama hal-hal akidah dan ibadah asas (Irwan, M.S et al, 2015).

Selain istilah Mualaf, istilah saudara baru atau saudara muslim turut diberikan kepada mereka yang baru memeluk Islam di Malaysia (Nurayuni Adibah et al, 2019 dan Irwan, M.S et al, 2015). Walau bagaimana pun, para ulama turut mengiktiraf adanya golongan Mualaf dalam kalangan mereka yang belum masuk Islam berdasarkan kelayakan mereka sebagai penerima zakat (Azman et.al, 2015).

Pendidikan Islam merupakan medium utama bagi Muallaf untuk meningkatkan pengetahuan agama Islam (Siti Fathimatul Zahrah et al, 2015). Program pendidikan Muallaf adalah satu usaha penting dilaksanakan bertujuan membantu mereka meningkatkan tahap kefahaman mengenal agama Islam seterusnya berupaya mempraktikkan cara hidup Islam dalam kehidupan (Nurayuni Adibah et al, 2019) seterusnya membantu mereka membina persepsi diri yang baru selepas menjalani proses konversi dan peralihan dalam anutan agama (Siti Fathimatul Zahrah et al, 2015)

Oleh itu, pendekatan yang tepat dan bersesuaian amat wajar dalam menyampaikan ajaran Islam kepada Muallaf bagi menjamin keberkesanan penghayatan dan kefahaman mereka tentang agama Islam (Noraini Mohamad et al, 2017). Pendidikan dan tuntutan agama ini hendaklah disampaikan secara berperingkat iaitu bermula dengan pemantapan akidah (tauhid), kemudian diikuti pelaksanaan syariat dan dimurnikan dengan keindahan akhlak, termasuk juga mengutamakan perkara asas dalam agama sebelum perkara cabang (Zulhelmi & Azman, 2013; Noraini Mohamad et al, 2017).

## **SEJARAH PENDIDIKAN MUALAF DALAM SEJARAH AWAL ISLAM**

Pendidikan atau tarbiah Muallaf ini hakikatnya telah berlaku semenjak zaman Nabi Muhammad SAW iaitu ketika turunnya wahyu yang pertama di Kota Mekah. Rasulullah SAW sendiri menerima pendidikan terus daripada Allah SWT dan juga pendidikan al-Qur'an melalui perantaraan Malaikat Jibril alaihissalam. Penurunan ayat terawal surah al-'Alaq memperlihatkan Rasulullah SAW adalah individu pertama yang mendapat asuhan Allah SWT dan usaha baginda membentasi buta huruf dalam kalangan masyarakat Arab (Norhayati dlm Maimun et al, 2017). Ini menjadi panduan yang jelas peri pentingnya satu bentuk pendidikan yang berasaskan kepada budaya iqra yang menjadi tunjang kepada sistem pendidikan dalam Islam khususnya kepada golongan muallaf. Pendidikan pada fasa awal Islam ini dibahagikan kepada dua bentuk iaitu pendidikan akidah dan pendidikan al-Qur'an dan pelaksanaannya merangkumi dasar, metod, kurikulum, dan seumpamanya yang dikolaborasikan dengan pelaksanaan tarbiah Islamiah, sama ada secara teori maupun secara praktikal (Muhammad Zulazizi Mohd Naw, 2020).

Menurut al-Bhūtī (1991), pengukuhan akidah berlangsung selama 13 tahun pada fasa dakwah Rasulullah SAW di Mekah. Pengukuhan akidah yang dimaksudkan ini adalah dengan memperbaiki akidah, membersihkan daripada segala kekotoran dan pemujaan selain Allah SWT dan mendidik jiwa dengan menghapuskan adat resam nenek moyang yang sukar untuk ditinggalkan oleh sebahagian besar masyarakat jahiliyah ketika itu (Noraini Mohamad et al, 2017). al-Bhūtī (1991) turut menyebutkan bahawa dakwah yang dijalankan di Mekah berbeza dengan penekanan dakwah di Madinah, ini kerana masyarakat Mekah terkenal dengan paganisme dan *taqlid* kepada adat resam nenek moyang mereka terutama dalam penyembahan berhala.

Al-Quran diturunkan oleh Allah SWT mengikut kepada kesesuaian keadaan, tempat dan seumpamanya. Oleh demikian, terdapat ayat-ayat al-Quran yang dikategorikan sebagai *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*. Antara ciri-ciri ayat *Makkiyyah* adalah ayat-ayat ini lebih berfokus kepada pengukuhan akidah yang merujuk kepada permulaan dakwah Islam atau terhadap golongan yang baru mengenal Islam yang disebut juga Mu'alaf (Zulhelmi & Azman, 2013).

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ (1) قُمْ فَأَنْذِرْ (2) وَرَبِّكَ فَكَبِّرْ (3) وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ (4)  
وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ (5) وَلَا تَمَنَّؤْ تَسْتَكْبِرُ (6) وَلِرَبِّكَ فَاصْبِرْ (7)

Maksudnya: “Wahai orang yang berselimut!. Bangunlah serta berilah peringatan dan amaran (kepada umat manusia). Dan Tuhanmu, maka ucaplah dan ingatlah kebesaranNya!. Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan. Dan segala kejahatan, maka hendaklah engkau jauhi. Dan janganlah engkau memberi (sesuatu, dengan tujuan hendak) mendapat lebih banyak daripadanya. Dan bagi (menjalankan perintah) Tuhanmu, maka hendaklah engkau bersabar (terhadap tentangan musuh)!.” (Surah al-Muddassir, 74:1-7)

Menurut al-Mubārakfūrī (1976), ayat 1-7 Surah al-Muddassir ini merangkumi pelbagai bentuk suruhan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW, iaitu suruhan berdakwah, suruhan mentauhidkan Allah SWT, keimanan kepada Hari Akhirat, Tazkiyatu al-Nafs (membersihkan jiwa dari segala kemaksiatan dan kemungkarannya) dan menyerahkan segala urusan hanya kepada Allah SWT. Sayyīd Qutb (2003) pula dalam mentafsirkan ayat *فَرَبِّكَ وَكَبِّرْ* iaitu dengan maksud hanya Allah SWT satu-satunya yang wajib dibesarkan, yang berhak dibesarkan dan ayat ini menjelaskan maksud tauhid. Bahkan, ayat-ayat Makkiyyah yang bersifat pensyariatannya juga tidak menjelaskan secara terperinci amalan-amalan dalam bentuk syariat, melainkan amalan-amalan tersebut ada kaitannya dengan aspek akidah, sepertimana larangan memakan daging haiwan yang tidak disembelih dengan nama Allah (Noraini Mohamad et al, 2017).

Firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ ۖ وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَيُوحُونَ إِلَيْكُمْ  
أُولِيَاءِهِمْ لِيُجَادِلُوكُمْ ۖ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang tidak disebut nama Allah ketika menyembeliknya, kerana sesungguhnya yang sedemikian itu adalah perbuatan fasik (berdosa... ” (Surah al-An’am, 6:121)*

Sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang memberi gambaran bagaimana pengukuhan akidah yang diterapkan baginda SAW:

Maksudnya: *“Daripada Mu’az r.a berkata: Rasulullah SAW mengutus aku ke negara Yaman, Baginda bersabda: “Sesungguhnya kamu mendatangi kaum dari Ahli Kitab, maka, perkara utama yang kamu seru kepada mereka adalah penyembahan kepada Allah, jika mereka telah mengenal Allah, khabarkan kepada mereka sesungguhnya Allah memfardukan ke atas mereka solat lima waktu siang dan malam, jika mereka melakukannya, khabarkan kepada mereka sesungguhnya Allah memfardukan ke atas mereka zakat, diambil daripada golongan kaya di kalangan mereka dan diberikan kepada golongan miskin di kalangan mereka. Jika mereka mentaatinya, ambillah daripada mereka (zakat), dan jauhilah harta-harta yang bernilai sahaja. (Muslim, 1954M: 1/51)*

Hadis Nabi SAW ini memiliki tatacara dakwah kepada bukan Islam dan peringkat- peringkat kewajiban yang dituntut kepada seorang Muallaf. ia melambangkan kerahmatan Islam dan meraikan keadaan Muallaf yang masih belum mampu melaksanakan segala tuntutan syariat Islam secara keseluruhannya (Zulhelmi & Azman, 2013).

## **PERKEMBANGAN PENDIDIKAN MUALAF DI MALAYSIA**

### **1. Kerajaan Persekutuan**

#### **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**

Dakwah Islamiah kepada Orang Asli merupakan salah satu aktiviti utama JAKIM. Sehubungan dengan tanggungjawab ini, Cawangan Dakwah Orang Asli (DOA) di bahagian Dakwah JAKIM telah ditubuhkan. Cawangan ini ditubuhkan hasil daripada mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dalam persidangan kali ke-19 pada 22 April 1991 yang telah meluluskan penubuhan cawangan tersebut. Melalui Cawangan Dakwah Khas, JAKIM telah menganjurkan pelbagai aktiviti dan program khusus pada setiap tahun bagi mendekati sasaran dakwah dari kelompok ini. Antaranya Kursus Pemantapan Akidah dianjurkan bagi memberikan kefahaman dan memantapkan akidah golongan yang baru memeluk Islam di kalangan Saudara Muslim dan masyarakat Orang Asli. Kelas Fardhu Ain merupakan program mingguan yang dilaksanakan oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli yang ditugaskan di Perkampungan Orang Asli. Kelas ini bertujuan untuk memberikan maklumat berkenaan asas-asas fardhu ain kepada masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam bagi membolehkan mereka memahami dan seterusnya mengamalkan ajaran Islam yang mereka anuti (Jamilah & Engku Ahmad Zaki, 2014).

## **Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)**

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) didirikan pada tahun 1974 oleh pemerintah Malaysia. Misi YADIM adalah melaksanakan dan mengkoordinasi kegiatan dakwah merentas ideologi dan metodologi. Visinya adalah memimpin dakwah berdasarkan Al-Quran dan Hadis sehingga terus berupaya menjadi penggerak yang efektif dalam memanfaatkan potensi umat melalui pendekatan dakwah Islam dan dakwah Islam. YADIM juga terlibat dalam program yang berkaitan dengan Mualaf Cina di Malaysia, termasuk di Kelantan. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) turut membantu dan bersama-sama dengan Mualaf dari Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) dalam beberapa program (Aemy Elyani Mat Zain et al, 2020).

## **2. Kerajaan Negeri**

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) merupakan institusi agama di setiap negeri yang berautoriti dalam menguruskan hal ehwal Mualaf, yang menjalankan pendidikan Mualaf secara formal atau pun tidak formal. Di samping agensi kerajaan, terdapat juga badan-badan berkanun dan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat secara langsung dalam hal ehwal pendidikan Mualaf di Malaysia di antaranya Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA), Islamic Outreach Angkatan Belia Islam Malaysia (IOA) dan lain-lain (Noreha Che Abah et al, 2019). Meskipun begitu, NGO yang terlibat dalam mengurus hal ehwal Mualaf ini turut bergantung kepada pihak MAIN atau JAIN bagi mendapatkan sumber dana dalam menjalankan aktiviti yang telah disusun (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018).

Pihak MAIN atau JAIN dan beberapa NGO terlibat memainkan peranan bagi mengadakan kelas-kelas bimbingan fardu ain kepada Mualaf secara berkala sama ada harian mahupun mingguan. Di peringkat NGO, kelas-kelas yang diadakan kebanyakannya menggunakan bahasa ibunda Mualaf sebagai bahasa pengantar antaranya menggunakan Bahasa Mandarin, Kantonis, Tamil dan seumpamanya. Bagi Mualaf yang mempunyai kekangan untuk mengikuti jadual kelas yang disusun di peringkat MAIN atau JAIN, NGO turut menyediakan kelas persendirian kepada Mualaf yang berhajat dengan waktu yang fleksibel. Bagi memenuhi keperluan spiritual Mualaf, pihak MAIN dan JAIN juga menguruskan pendidikan Mualaf melalui kelas-kelas bimbingan, kursus dan bengkel yang dianjurkan (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018).

Di peringkat MAIS (Majlis Agama Islam Selangor) terdapat beberapa program dan kursus yang telah diatur oleh Bahagian Pembangunan Insan, iaitu Kursus Intensif Saudara Kita (Asas), Kelas-Kelas Fardhu Ain, Kursus Intensif Saudara Kita (Lanjutan), Program dan Aktiviti Sosial, Kursus Perkaderan Pendakwah dan Kursus Perkaderan Profesional (Razaleigh Muhamat Kawangit, 2015).

### **Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS)**

Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS) ditubuhkan pada 1995 ditadbir dan diselia oleh Jabatan Agama Islam Selangor dan merupakan sebuah pusat latihan yang berada di bawah Jabatan Agama Islam Selangor. Sebagai sebuah pusat latihan, ILDAS bertanggungjawab dan berperanan dalam merangka dan melaksanakan program latihan, kursus dan latihan kepada masyarakat awam dan penjawat-penjawat awam di negeri Selangor. Penubuhan ILDAS adalah untuk memenuhi hasrat Jabatan Agama Islam Selangor untuk melahirkan sistem pentadbiran dan pengurusan yang cekap berasaskan Islam (Abdul Ghafar Don et al, 2015).

### **JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah)**

Perkembangan gerakan dakwah di Sabah juga sinonim dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sebagai badan berautoriti agama. JHEAINS berperanan dalam menentukan hala tuju gerakan dakwah Islamiah di Sabah dan memastikan gerakan dakwah dapat dipertahan dan ditubuhkan pada 1 Januari 1996 (Bahagian Penyelidikan dan Informasi, JHEAINS). Secara dasarnya dari segi operasinya JHEAINS tertakluk kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) sebagai badan induk pembuat dasar berkaitan hal ehwal Islam di Sabah (Mohammad Raj Azzahari Radin, 2018).

Lazimnya, sebaik sahaja seseorang itu memeluk Islam, pihak JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah) akan mengadakan berbagai program susulan, khusus untuk mereka bagi menjelaskan dengan lebih mendalam tentang agama Islam serta tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebagai seorang Muslim. Program-program ini ada yang berbentuk seminar, ceramah, kelas-kelas pengajian, dan konvensyen, seperti Kursus Asas Saudara Kita, Kelas Bimbingan Saudara Kita, dan Konvensyen Pembangunan Saudara Kita.

Program yang berbentuk kelas pengajian pula dijalankan pada setiap Sabtu, dari jam 8 pagi hingga 12 tengahari. Modul pengajiannya mengambil masa 3 tahun untuk disempurnakan. Antara penekanan yang diberikan semasa kelas ini berjalan ialah tentang ilmu fardhu ain, termasuk mengaji, cara bersembahyang, cara berpuasa, dan sebagainya.

Selepas tamat pengajian ini, para peserta dapat menguasai ilmu fardhu ain dan berupaya menjalankan tanggungjawabnya sebagai individu Muslim. Bagi mengukuhkan dan mendalami ilmu yang ada, maka bolehlah mereka menghadiri kelas harian, mingguan, dan bulanan, yang dianjurkan oleh pelbagai pihak, seperti JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah), MUIS (Majlis Ugama Islam Sabah), Masjid, dan sebagainya (Abd Hakim Mohad et al, 2016).

## **United Sabah Islamic Association (USIA)**

Penubuhan USIA (United Sabah Islamic Association atau Pertubuhan Islam Seluruh Sabah) pada tahun 1969 telah memberikan impak yang besar terhadap umat Islam Sabah, terutama dalam bidang pendidikan serta dakwah. Situasi ini sangat bertepatan kerana kekuasaan Sabah di bawah kepimpinan Tun Mustapha bin Datu Harun selaku Ketua Menteri Sabah. Gerak kerja USIA boleh dirumuskan kepada konsep 3P, iaitu Pendidikan, Pengislaman, dan Pembangunan (Hamdan Aziz, 2013; Nur A'thiroh & Abdul Imam, 2014).

Kegiatan pengislaman yang dilancarkan oleh USIA pada tahun 1970an dan kemudian telah dilanjutkan oleh MAIS (yang kini dikenali sebagai JIIEAINS) telah memberi sumbangan besar terhadap sejarah perkembangan Islam di Sabah khususnya dan di Malaysia amnya (Suraya Sintang, 2015). USIA selaku badan dakwah pertama Sabah juga telah melantik para pendakwah membuat tindakan susulan dalam membantu saudara baru di seluruh Sabah. Kemudian mereka akan diberikan bimbingan secara teori dan praktikal mengenai Islam. Setiap tahun mereka juga akan dihantar ke Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) bagi meneruskan pembelajaran (Mohd Nur Hidayat et al, 2021).

## **Pusat Latihan Dakwah (PLD) Sabah**

Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) telah membina beberapa buah Pusat Latihan Dakwah (PLD) dalam usaha menjaga golongan saudara baru yang semakin meningkat. PLD ini berfungsi sebagai satu wadah bagi membimbing saudara baru memahami Islam secara lebih mendalam. Pada tahun 1984, pentadbiran dan pengurusan pusat latihan tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pusat Latihan Dakwah Keningau (PLDK) merupakan pusat latihan dakwah Islam pertama dibuka iaitu pada tahun 1979. Sehingga kini, sebanyak empat buah pusat latihan dakwah Islam telah dibuka iaitu Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) iaitu nama baru bagi Pusat Latihan Dakwah Keningau, Pusat Latihan Dakwah Kudat, Pusat Latihan Islam Lahad Datu dan Pusat Latihan Islam Kundasang. Disamping memberikan bimbingan kepada golongan saudara baru, pusat latihan ini juga turut dibuka kepada masyarakat Islam asal yang tercicir daripada pendidikan agama (Mohd Nur Hidayat et al, 2021).

Kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang terbahagi kepada peringkat sijil dan diploma. Antara subjek-subjek yang diajar adalah seperti Tauhid, Fiqh, Hadis, Tafsir, Sejarah Islam, Akhlak, al-Quran, Bahasa Arab dan lain-lain lagi. Sejak ditubuhkan pada tahun 1979 sehinggalah tahun 2015, lebih 6000 pelatih telah berjaya menamatkan pengajian, iaitu seramai 5180 merupakan lepasan IPDAS dan 1726 orang lepasan PLD Kudat (Mohd Nur Hidayat et al, 2021).

## **Pusat Latihan Dakwah (PLD) Sarawak**

Organisasi HIKMAH ini dirasmikan pada tangga 13 Mei 1968 dan telah didaftarkan secara rasminya pada tanggal 3 April 1969. HIKMAH yang merupakan penerus perjuangan BINA awal yang kenal masyarakat Islam bukan saja di Sarawak tetapi di



seluruh dunia. HIKMAH telah menubuhkan sebuah Pusat Latihan Dakwah yang pertama pada tahun 1989 di Bintulu, Sarawak. Pada ketika itu, Pusat Latihan Dakwah tersebut dikenali sebagai Institut Dakwah Hikmah (INDAH). Nama Institut Dakwah Hikmah (INDAH) menjadi Pusat Latihan Dakwah (PLD) pada tahun 1999M (Yusman Mustapha, 2018).

Di samping pembelajaran dakwah secara formal dalam kelas, para pelajar juga dilibatkan dalam aktiviti luar seperti seni silat (bela diri), askar wataniah (tentara sukarelawan) dan aktiviti kemasyarakatan seperti Kerja Kuliah Nyata (KKN) dan praktikal di desa, pendalaman dan kota dalam rangka-rangka aplikasi ilmu dan keahlian dalam bidang masing-masing untuk mengembangkan dakwah dan Islamisasi. Untuk meneruskan proses pengkaderan pula, Kursus Pengajian Islam (KPI) dijalankan untuk masyarakat umum dan orang dewasa pada tahun 2003- 2004 dan untuk remaja dan lepasan SMA dan SMU (Yusman Mustapha, 2018).

### **Urusetia Saudara Kita (USK) Sarawak**

Antara organisasi Bukan Kerajaan (NGO) di Sarawak adalah Harakah Islamiah Sarawak (HIKMAH), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Yayasan Amal Malaysia (AMAL), Jemaah Islah Malaysia (JIM) dan Urusetia Saudara Kita (USK). Urusetia Saudara Kita (USK) Kuching ditubuhkan untuk menjaga orang yang memeluk agama Islam setelah memeluk Islam dengan pertolongan dari Pejabat Agama Islam, Yayasan Amal, Baitulmal dan pihak-pihak Bukan Kerajaan (NGO) yang lain. Organisasi ini juga bertindak sebagai penghubung antara Muallaf dan Pertubuhan Islam di Sarawak (Nurul Amiranadira, 2018).

Antara strategi USK adalah mengislamkan masyarakat Sarawak dan kemudiannya memberikan peluang pendidikan kepada mereka. Golongan Muallaf lelaki terutamanya akan mengikuti Kursus Lanjutan Saudara Kita (KLSK) dan Kursus Asas Kefahaman Islam (KAKI). Kemudian pelajar-pelajar yang dilihat berpotensi untuk menyebarkan dakwah akan dibiayai untuk menyambung pengajian di Pusat Latihan Dakwah Serantau, Bangi Selangor selama setahun. Pelajar-pelajar ini seterusnya akan direkrut untuk menjadi da'I untuk menyampaikan khitabah kepada masyarakat Bukan Islam di Sarawak. (Nurul Amiranadira, 2018).

Penglibatan Badan Bukan Kerajaan (Ngo) Dalam Hal Ehwal Muallaf

### **Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP)**

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) telah diasaskan oleh Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan didaftarkan pada 19 Ogos 1960. Selepas penubuhannya, Tunku telah dilantik sebagai penasihat sehingga tahun 1971 dan dipilih sebagai Presiden sehingga tahun 1989. PERKIM di peringkat negeri dikenali sebagai PERKIM Bahagian. Terdapat 13 buah bahagian di seluruh negara kecuali Sabah. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) merupakan antara institusi dakwah

dan kebajikan yang sangat berperanan menjalankan aktiviti dakwah kepada masyarakat Bukan Muslim dan menyediakan khidmat bimbingan kepada saudara Muslim di seluruh Malaysia. Dalam usaha mengembangkan dakwah Islahiyyah pula, PERKIM banyak menjalankan aktiviti dan program untuk saudara baru sebagai contoh kelas PERKIM, kursus intensif dan banyak lagi program yang dijalankan. (Anuar Puteh et al, 2014).

Dalam Perkara 6, Perlembagaan PERKIM (2019:14) tercatat peranan PERKIM yang meliputi perkara-perkara berikut termasuk memberi, mengada, mengurus dan menjalankan pelajaran dan pendidikan agama Islam menerusi segala jalan yang sah di sisi undang-undang. Antara aktiviti pelajaran dan pendidikan tersebut merangkumi kelas-kelas dan kursus-kursus tidakformal seperti kelas PERKIM, pembelajaran asas seperti Tauhid, Sirah, Fiqh, Iqra', peristiwa Islam dan lain-lain dan berkaitan wasiat dan harta pusaka (Anuar Puteh et al, 2014).

Di samping itu, Kelab PERKIM universiti ditubuhkan sebagai platform untuk mahasiswa menyebarkan dakwah di kalangan masyarakat. Kelab PERKIM dianggotai daripada ahli-ahli PERKIM yang melanjutkan pengajian di IPTA dan IPTS. Beberapa universiti di Malaysia telah menubuhkan Kelab PERKIM. Antaranya Kelab PERKIM (UKM), Kelab PERKIM (KUIS), Kelab PERKIM (UUM), Kelab PERKIM (UIA NILAI), Kelab PERKIM (UNIKL) dan sebagainya (NurA'thiroh Masyaa'il Tan et al, 2014 dan Noreha Che Abah et al, 2019).

Selain pendidikan secara tidak formal, PERKIM juga menyediakan pendidikan secara formal yang mana pelajar-pelajar akan mengikuti kursus, dianugerahkan sijil pada akhir kursus dan berpeluang menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi lagi. Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) merupakan satu-satunya institusi pendidikan yang menjalankan pendidikan formal kepada Mualaf. IDIP telah ditubuhkan pada akhir tahun 1961, bertempat di sebuah rumahbanglo dua tingkat, Jalan Ampang, Kuala Lumpur dan kemudian berpindah ke Taman Putra PERKIM, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan pada 15 Februari, 1991 hingga sekarang (Razaleigh & Marlon, 2014).

Kursus-kursus dan program yang disediakan oleh IDIP: termasuklah Kursus Pengajian Islam, Kursus Kemahiran Hidup dan kursus persediaan awal bagi pelajar-pelajar yang ingin menduduki peperiksaan SPM dan STPM dengan mengadakan kelas bimbingan akademik untuk membolehkan para pelajar melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara.

Institut Latihan Islamiah PERKIM ini menyediakan pendidikan secara formal. Penekanan diberikan kepada melahirkan peribadi Muslim sejati yang prihatin atas agama dan umat serta terlatih dalam kerja-kerja dakwah dan pengurusan. Di akhir kursus, pelajar akan dianugerahkan sijil mengikut bidang yang diikuti (Razaleigh & Marlon, 2014). 2.

### **Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)**

Persatuan Cina Muslim Malaysia atau lebih dikenali dengan singkatannya iaitu MACMA (Malaysian Chinese Muslim Association) telah ditubuhkan secara rasminya pada 8 September 1994 bagi memenuhi kehendak masyarakat Cina Muslim dalam menggembelng usaha dakwah dengan lebih berkesan dan tertumpu kepada bangsa Cina serta rakyat berbilang kaum dan bangsadi negara ini. (Nur Aisyah Abu Hassan et al, 2018 dan Muhammad Faris & Nur A'thiroh Masyaa'il, 2018)

Program Pemantapan Akidah adalah salah satu program yang dianjurkan PERKIM dengan kerjasama MACMA bagi tujuan memberi pendedahan mengenai akidah Islam kepada para peserta khususnya Mualaf berbangsa cina agar mereka memahami konsep akidah dengan betul. Gerakan-gerakan dakwah seperti MACMA (Malaysian Chinese Muslim Association) yang bernaung di bawah PERKIM sangat komited mempelbagaikan pengisian program dalam dwi-bahasa. Komitmen ini menjadikan program MACMA dapat menarik minat golongan Cina. Kebiasaannyatiga jenis bahasa digunakan oleh MACMA mengikut kepada sasaran audien seperti Bahasa Mandarin, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Perbezaan Bahasa ini berkait rapat dengan kawasan tempat tinggal dan latar belakang pendidikan (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan et al, 2014).

### **Islamic Information & Services Foundation (IIS)**

Bermula dari sebuah syarikat perniagaan, iaitu Saba Islamic Media ditubuhkan bagi melakukan dakwah melalui konsep perniagaan yang menjual barangan seperti 'buku-buku dakwah kepada orang bukan Islam. sebagai alternatif lain dalam memperluaskan dakwah bukan melalui perniagaan, IIS ditubuhkan sebagai yayasan berdaftar pada 16 Disember 2004. IIS melalui platform IIS telah menggunakan pendekatan-pendekatan tersendiri yang dapat dirumuskan melalubentuk dan program dialog bagi membetulkan salah tanggapan bukan Islam terhadap agama Islam. Ketua Pegawai Dakwah IIS iaitu pendakwah bebas terkenal, Encik Shah Kirit Kakulal Govindji (Aemy Elyani Mat Zain et al, 2015).

### **Hidayah Centre Foundation (HC)**

Hidayah Centre Foundation merupakan pusat perlindungan dan bimbingan mualaf yang merupakan hasil inisiatif yang dibentuk oleh panitia dakwah Jamaah Islah Malaysia (JIM) pada November 2005. Pada tahun 2008, Hidayah Centre kemudiannya dinaungi di bawah Organisasi Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM). Pada tahun 2012, Hidayah Centre secara rasmi didaftarkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, sebagai sebuah yayasan. Pengasas merangkap pemimpin awal Hidayah Centre Foundation merupakan ketua biro Dakwah JIM pada ketika itu iaitu Haji. Nicholas Sylvester Muhammad Abdullah. Objektif organisasi Hidayah Centre ini ialah untuk membantu saudara baru yang berhadapan dengan masalah-masalah keluarga, sosial dan saudara baru yang memerlukan tempat perlindungan (Haziman Mahathir, 2019).

Kelas bimbingan saudara baru dijalankan setiap minggu. Kelas ini berperanan untuk membimbing saudara baru dalam memahami, mempelajari, menghayati dan seterusnya mengamalkan agama Islam. Kelas ini merangkumi bidang ilmu aqidah, fiqh, akhlak, sirah dan al-Quran yang dibimbing oleh pembimbing yang telah dilantik oleh Hidayah Centre Foundation. Kelas ini juga terbuka kepada non-Muslim yang ingin mempelajari Islam (Haziman Mahathir, 2019).

### **Kolej Dar al-Hikmah (KDH), Kajang**

KDH ditubuhkan pada tahun 1989 dan merupakan antara institusi pendidikan Islam swasta yang terawal di Malaysia. Ditubuhkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), sebuah pertubuhan bukannya kerajaan yang aktif dalam kegiatan dakwah dan kemasyarakatan. KDH pada awalnya didirikan dengan nama Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam (IPI). Ia dibangunkan dalam suasana masyarakat awam khususnya umat Islam yang dahagakan ilmu khususnya yang berkaitan dengan ilmu-ilmu agama Islam. (Ghazali Basri, 1994). Bermula tahun 2008, Kolej Dar al-Hikmah (KDH) telah dipilih sebagai salah satu institusi pengajian tinggi panel oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi menampung keperluan pendidikan golongan asnaf Mualaf. MAIS menghantar parapelajar dalam kalangan asnaf Mualaf yang berkelayakan (menurut kriteria MAIS) untuk melanjutkan pengajian di peringkat diploma di KDH dengan penajaan oleh pihak MAIS (Muhammad Hafiz & Hairunnizam).

### **Pusat Dakwah Serantau (PDS)**

Pusat Dakwah Serantau adalah sebuah institusi pendidikan agama yang satu-satunya memfokuskan pengajian dalam bentuk membangunkan pendakwah lapangan yang terdiri dari kalangan Mualaf-Mualaf daripada Sabah, Sarawak dan Rantau Asian. PDS mula beroperasi pada Julai 2010 dengan pengambilan seramai 30 orang pelajar. Pusat Pendidikan peringkat diploma ini telah dibangunkan oleh NGO Dakwah, Kebajikan dan Kemanusiaan Yayasan Amal Malaysia, diasaskan bagi tujuan memperkukuhkan lagi gerak kerja dakwah di lapangan dengan melahirkan lebih ramai kader dakwah yang mampu bergerak di medan, dari kalangan masyarakat setempat yang terpilih dan akan kembali pulang berkhidmat di tempat masing-masing (Laman Web Rasmi Yayasan Amal Malaysia, 2021).

### **Multiracial Reverted Muslim (MRM).**

Malaysia Reverted Muslim (MRM) ditubuhkan oleh Firdaus Wong Wai Hung sebagai platform dakwah kepada masyarakat Bukan Muslim serta memberikan peluang kepada golongan Mualaf untuk berinteraksi dan mendapatkan sokongan melalui medium *Facebook*. Akaun *Facebook* MRM ini bergerak aktif sejak tahun 2010 dengan misi utamanya untuk "menyampaikan dakwah Islam yang sebenarnya kepada non Muslim & Muslim". Bagi mencapai visi tersebut antaranya adalah dengan memberikan platform bagi masyarakat Bukan Islam untuk memperoleh informasi tentang Islam dan menciptakan sistem sokongan bagi umat Islam terutama di kalangan Mualaf. Antara usaha dakwah MRM dalam pendidikan adalah dengan mengadakan kelas fardhu ain

dan kaunseling kepada golongan Mualaf selain beberapa siri kursus dan bimbingan secara tahunan dan bulanan untuk golongan Mualaf (Aemy Elyani Mat Zain et al, 2020).

## **PENUTUP**

Dapat difahami usaha melaksanakan tanggungjawab pendidikan dan kebajikan ke atas golongan Mualaf telah digalas oleh pihak kerajaan dengan kerjasama badan bukan kerajaan sudah hampir 50 dekad. Wujudnya organisasi yang sistematik, kurikulum yang berkualiti dan gabungan padu dari pelbagai pihak menjadi penanda aras keprihatinan dan kesedaran yang tinggi masyarakat terhadap kewujudan Mualaf di tengah-tengah mereka. Pendidikan Mualaf di Malaysia sudah memiliki kurikulum yang lengkap dan bersifat menyeluruh dalam memastikan golongan Mualaf tidak tercicir dari aspek pendidikan dan bimbingan yang berterusan. Namun, pelbagai isu berbangkit terutama berkaitan murtad, tekanan hidup dan gerakan dakyah agama lain menjadi cabaran yang perlu diberi perhatian dan memastikan dinamika pendidikan dan kebajikan mualaf ini sesuai dengan keperluan zaman.

Penulis mencadangkan agar kajian lebih mendalam dan menyeluruh berkaitan komitmen pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan diberi perhatian oleh para penyelidik bagi menjadi rujukan kepada pihak yang terlibat secara langsung dalam hal ehwal pendidikan dan kebajikan para mualaf di Malaysia. Penulis juga mencadangkan kajian lanjut berkaitan usaha dakwah kepada golongan bukan Islam yang dikategorikan sebagai segolongan Mualaf yang diperakui sekumpulan ulama bagi menyebarkan kefahaman Islam kepada golongan yang bukan Islam dan meningkatkan hubungan baik dengan mereka agar jurang yang melibatkan perbezaan kaum dan bangsa dapat dihapuskan demi keharmoniaan dan kemakmuran negara.

## RUJUKAN

- Al-Bhūtī, Saʿīd Ramadhān. 1991. *Fiqh Al-Sīrah Al-Nabawīyyah: Mujāz Li al-Tārikh al-Khilāfah al-Rāsyidah*. Cet.10. Dimasyq: Dār al-Fikr.
- al-Mubārakfūrī, Safīy al-Rahmān. 1976. *al-Rahīq al-Makhtūm*. Ismāʿīlyyah: Maktabah al-Nūr al-Islamī.
- Qutb, Sayyīd Ibrāhīm Husayn al-Shaʿrabi. 2003. *Fī Zilāl al-Qurʿān*. c.38. Kāherah: Dār al-Syurūq.
- Abd Hakim Mohad, Kasim Mansur & Ros Aiza Mohd Mokhtar. 2016. *Dakwah Islam di Sabah, Malaysia: Satu Eksplorasi Awal*. *Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Vol.1(2):151- 166.
- Abdul Ghafar Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Hussin & Mohd Aderi Che Noh. 2015. *Penilaian Keberkesanan Kursus Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam Institut Latihan Dan Dakwah Selangor (ILDAS)*. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 2 (3): 25-35.
- Aemy Elyani Mat Zain, Idris Zakaria & Jaffary Awang. 2015. *Pendekatan Islamic Information & Services Foundation (IIS) dalam Pembudayaan Dialog antara Agama di Malaysia*. *Jurnal ISLAMIYYAT* 37(1) 2015:77-86.
- Aemy Elyani Mat Zain, Nur Aisyah Abu Hassan, Safinah Ismali, Siti Zahidah Mu'al. 2020. *Penggunaan Bahasa Mandarin Sebagai Medium Dakwah Dalam NGO Di Malaysia*. *Jurnal AL-BANJARI*: Vol. 19, No.1 (Januari-Juni 2020), hlm. 1-15.
- Anuar Puteh, Abdul Ghafar Hj Don, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Badlihisam Mohd Nasir, Yusmasayu Abdullah. 2014. *Komitmen Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Dalam Mengurus Saudara Baru Warga Asing*. Disunting oleh: Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. Kertas Kerja yang dibentangkan di dalam Seminar Serantau Dakwah dan Etnik di Universiti Malaysia Sabah(UMS) pada 20-21 November 2014. © Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor.
- Azman, A.R, Irwan, M.S, Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim, & Norlina Ismail. 2015. *Analisis Pentafsiran Muallaf Menurut Islam Dan Enakmen pentadbiran Agama Islam Negeri Di Malaysia*. *INFAD: Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6: 20-28.
- Hamdan Aziz. 2013. *Peranan USIA dalam Pendidikan, Dakwah, dan Politik di Sabah, Malaysia, 1969–1976*. *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 1(2): 167-178.

- Haziman Mahathir Bin Abdul Hajis. 2019. *Peran Hidayah Centre Foundation Dalam Perkembangan Dakwah Islamiyah Di Malaysia Tahun 2005-2017M*. Tesis Sarjana. Fakultas Adab Dan Humaniora Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Irwan, M.S, Azman, A.R Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Anuar Musaddad & Norlina Ismail. 2015. *Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf Dalam Kalangan Mualaf Di Malaysia*. INFAD: Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. 6: 50-65.
- Jamilah Mohd Zain & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2014. *Aktiviti Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan Dan Cabarannya*. Disunting oleh: Muhamad Faisal Ashaari, Abu Dardaa
- Mohamad, Ahmad Irdha Mokhtar. Prosiding Bicara Dakwah Kali ke-15: Pengurusan Dakwah Kontemporari, 6 Mei 2014. Anjuran Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Mohammad Raj Azzahari Bin Radin. 2018. *Strategi Unit Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Dalam Menyebarkan Dakwah Pada Non-Muslim Di Negeri Sabah*. AL- IDARAH: Jurnal Manajemen Dan Administrasi Islam. Vol. 2, No. 2 (Julai – Disember 2018).
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Abang Mohd Razf Abang Muis, Saifulazry Mokhtar, Irma Wani Othman, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg & Jais Abdul Hamid. 2021. *Gerakan Dakwah Dan Impaknya Terhadap Peningkatan Komposisi Muslim Di Sabah*. International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC). 6: 23:125-139.
- Muhammad Faris Abdul Fatah & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao. 2018. *Keberkesanan Program Dakwah MACMA Kelantan Terhadap Mualaf*. Jurnal At-Tahkim, Vol. 8, No. 25 Jun 2018. Taszkia University College of Islamic Economic.
- Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mariam Abd. Majid, Syarul Azman Shaharuddin, Latifah Bibi Musafar Hameed, Hanis Najwa Shaharuddin, & Nurfida'iy Salahuddin. 2017. *Penilaian Terhadap Kursus Mualaf Di Selangor*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. 4(2): 67-87.
- Muhammad Zulazizi Mohd Naw. (2020). *Pelaksanaan Tarbiyah Islamiah Pada Zaman Rasulullah S.A.W di Mekah dan Madinah: Satu Sorotan*. UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies. 3 (2020): 27 – 43

- Noreha Che Abah, Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2019). *Isu dan Cabaran Saudara Barudi Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. Jurnal AL-ANWAR, Volume 8, No. 2, Disember 2019: 1-13.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao & Abdul Imam Basirun. (2014). *Pendekatan Dakwah United Sabah Islamic Association (Usia) Terhadap Peribumi Di Negeri Sabah: Tinjauan Dari Segi Ekonomi*. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective. Disunting oleh: Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao, Razaleigh Kawangit @ Muhamat, Anuar Puteh & Fakrul Adabi Abdul Kadir. (2014). *Persepsi Saudara Muslim Terhadap Program Dakwah di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kebangsaan, Kuala Lumpur*. Jurnal Sains Humanika 2:1:145–150.
- Nur Aisyah Abu Hassan, Safinah Ismail, Aemy Elyani Mat Zain & Siti Zahidah Mual. (2018). *Penggunaan Bahasa Mandarin Dalam Dakwah Oleh Gerakan-Gerakan Dakwah: Sumbangan dan Peranannya di Malaysia*. Jurnal WARDAH. Universiti Islam Negeri, Raden Fatah, Palembang
- Nurayuni Adibah Abdullah, Mariam Abd. Majid & Noraini Mohamad. 2019. *Persepsi Mualaf Terhadap Modul Pengajaran Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM) Daerah Hulu Langat, Selangor*. Dlm. *Memperkasa Potensi Mualaf Era Kontemporari*. Penerbit: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM.
- Nurul Amiranadira. 2018. *Strategy of Khithabah in Dealing with Converts to Islam in Sarawak Malaysia*. Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies. 12: 318-336.
- Razaleigh Muhamat Kawangit. 2015. *Saudara Baru Di Malaysia: Keperluan Kepada Dakwah Semasa*. Conference: Simposium Kebudayaan Dan Kerjasama Indonesia – Malaysia. (SKIMXIV 2015).
- Razaleigh Muhamat@Kawangit & Marlon Pontino Guleng. 2014. *Respon Mualaf Terhadap Pendidikan Dan Latihan Amali Yang Dilaksanakan Oleh Institut Dakwah Islamiah PERKIM, Kota Bharu Kelantan*. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective Disunting oleh: Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. © Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor.
- Samsiah Jayos, Faizah Abd Ghani, Lokman Mohd Tahir, Kamarul Azmi Jasmi dan Nur Fatimah Abdullah Bandar. 2017. *Organization as a Support System among Revert Clients in Malaysia*. Journal of Cognitive Sciences and Human Development. Vol. 3 (1), Sept 2017.



Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. 2018. *Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan*. Jurnal Usuluddin 46 (2) 2018: 97-122.

Siti Fathimatul Zahrah binti Yusri & A' thiroh Masyaa' il Tan binti Abdullah @ Tan Ai Pow. 2015. *Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Mualaf: Satu Tinjauan Literatur*. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah. Disunting oleh: Ahmad Irdha Mokhtar dan Zulkefli Aini. © Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor. ISBN 123-456-7890-98-7 (2015), <http://www.ukm.my/skim>.

Suraya Sintang. 2015. *Sejarah Perkembangan Mualaf Di Sabah, Peranan Dan Sumbangan Usia (United Sabah Islamic Association)*. Jurnal Al-Tamaddun, Bil I (2005) 51-90. Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Yusman Mustapha. 2018. *Sejarah Dan Perkembangan Pusat Latihan Dakwah (PLD) Yayasan HIKMAH Kuching, Sarawak Tahun 1989-2018M*. Tesis Sarjana. Fakultas Adab Dan Humaniora Universitas Islam Negeri (Uin) Sunan Ampel Surabaya.

Zulhelmi, M.N & Azman, A.R. 2013. *Pendekatan Al-Quran Dan Al-Sunnah Dalam Menyantuni Mualaf*. Jurnal INFAD: Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. 12-26.

Laman Web Rasmi

Yayasan Amal Malaysia. (2021). dimuat turun daripada <https://www.amalmalaysia.org.my/komplekspds/>

# **SISTEM PENDIDIKAN MUALAF DI MALAYSIA: PERSPEKTIF GURU DAN PELAJAR MUALLAF**

Prof. Dr. Asmawati binti Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin (PhD)  
Noreha Che Abah & Abd. Muhsin Ahmad

# **PENDIDIKAN MUALAF DI MALAYSIA: PERSEPSI GURU DAN PELAJAR MUALAF**

Asmawati binti Suhid, PhD  
Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia.  
asmawati@upm.edu.my

Fathiyah Mohd Fakhruddin, PhD  
Noreha Che Abah  
*Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia.*

Abd. Muhsin Ahmad  
*Fakulti Undang-undang  
Universiti Malaya.*

## **ABSTRAK**

Pendidikan merupakan antara aspek yang amat diberi penekanan dalam Islam. Ini kerana, pendidikan dapat membimbing manusia untuk menjalani kehidupan yang benar dan mengikut syariat Islam. Oleh itu, golongan mualaf juga harus diberi pendidikan dan bimbingan yang sewajarnya agar mereka dapat melaksanakan kewajipan sebagai muslim sejati. Di Malaysia, terdapat peningkatan bilangan individu yang memeluk dan menerima Islam sebagai cara hidup mereka. Mereka diberikan pendidikan dan perlu mengikuti pengajian yang disediakan bagi memastikan mereka memahami dan mempraktikkan ajaran Islam dengan betul. Oleh itu, guru memainkan peranan penting bagi mencapai tujuan ini dengan mengaplikasi kaedah pengajaran yang menarik dan berkesan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi pelajar mualaf terhadap amalan pengajaran guru mereka di dalam kelas. Begitu juga, pandangan guru mualaf turut diterokai bagi mengesan pelaksanaan pendidikan mualaf dan tahap kefahaman pelajar. Seramai 349 orang pelajar mualaf dilibatkan dalam kajian ini yang menggunakan kaedah kuantitatif. Manakala temubual separa berstruktur dijalankan ke atas enam orang guru bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi positif terhadap amalan pengajaran guru mereka. Banyak input telah diperolehi daripada guru menerusi temubual yang dijalankan. Selain itu, kajian ini turut mengetengahkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada agensi yang berkaitan dan dijadikan panduan untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru dan sistem pendidikan mualaf di Malaysia.

Kata kunci: Amalan pengajaran guru, Pendidikan Islam, pelajar mualaf, guru Pendidikan Islam, nilai akhlak.

## PENGENALAN

Golongan mu'alaf atau disebut juga saudara baharu merupakan golongan yang diberi perhatian oleh Islam. Sebagai contoh, dari segi hak menerima pembahagian zakat golongan mu'alaf merupakan salah satu golongan yang berhak menerimanya. Sebagaimana maksud firman Allah SWT dalam surah al-Taubah, "Sesungguhnya zakat itu adalah untuk orang fakir, miskin, pengurus zakat, mu'alaf yang jinak hatinya kepada Islam, hamba, orang yang berhutang, orang yang berjuang di jalan Allah serta orang yang dalam musafir dan terputus bekalan". Ini kerana, mereka perlu dibimbing dan dipantau amalan dan kehidupan mereka agar sentiasa berada di landasan syariat Islam.

Di Malaysia, individu yang baru memeluk Islam digelar saudara baharu atau mu'alaf. Umumnya gelaran ini diberikan oleh orang Melayu kepada orang-orang Cina, India dan bangsa lain yang memeluk Islam (Amran Kasimin, 1985). Disebut dalam al-Quran misalnya dalam surah al-Taubah ayat 60, istilah mu'alaf atau '*mualafatu qulubuhum*' bermaksud individu yang dijinakkan hatinya untuk cenderung kepada agama Islam. Jelas menunjukkan bahawa golongan mu'alaf atau disebut juga sebagai saudara baharu merupakan golongan yang diberi perhatian dalam Islam (Noreha Che Abah, Asmawati Suhid dan Fathiyah Mohd. Fakhruddin, 2019). Jika ditinjau, bilangan mereka yang menerima Islam didapati semakin meningkat dari tahun ke tahun. Ini berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2016, jumlah saudara baharu yang memeluk agama Islam di Malaysia adalah seramai 9,400 orang, 9,200 orang pada tahun 2017 dan pada tahun 2018 pula adalah seramai 8,340 orang (Perbualan menerusi telefon bersama pegawai JAKIM, Januari 2019). Bagi mengekalkan keimanan mereka agar teguh terhadap Allah SWT dan sentiasa mengamalkan syariat Islam yang benar, maka golongan mu'alaf ini perlu diberi pendidikan dan bimbingan yang sewajarnya. Seterusnya dapat menjalani kehidupan harian dengan sebaiknya dan sentiasa diberkati Allah SWT.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Pendidikan merupakan antara aspek penting yang menjadi salah satu keperluan bagi pembangunan sesebuah tamadun manusia. Begitu juga, pembangunan modal insan sangat berkaitan dengan Pendidikan Islam (Asmawati Suhid, [Fathiyah Mohd Fakhruddin](#), [Noreha Che Abah](#) dan [Abd. Muhsin Ahmad](#), 2020). Istilah 'Pendidikan Islam' merujuk satu usaha yang menyeluruh, bersepadu dan berterusan untuk membantu individu menguasai kemahiran, membina pengetahuan dan menghayati ilmu berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifah di bumi dengan berkesan (Nik Aziz Nik Pa, 2014). Jika diteliti, istilah pendidikan berasal dari perkataan Arab iaitu ربي yang bermaksud subur, bertambah dan meningkat. Justeru, tarbiyyah atau pendidikan ialah satu tingkah laku manusia dalam menjaga, memelihara dan mendidik seseorang sehingga dia menjadi lebih baik dari sebelumnya (Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd. Fakhruddin, Samsilah Roslan, Lukman Abdul Mutalib dan Mohd. Aderi Che Noh,

2014). Seterusnya, pendidikan menurut Islam hendaklah memfokuskan pembentukan insan secara holistik dan seimbang yang mengambil kira kehidupan di dunia dan di akhirat. Ini ditegaskan oleh Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhrudin, Lukman Abdul Mutalib dan Abd.Muhsin Ahmad (2019), *“function of education should not only focus on national development and unity as well as the production of human resources, but also focus on the development of the individual as a holistic and balanced person, in terms of his physical, emotional, spiritual, intellectual and also social capabilities.”* Bagi menyemai kefahaman kepada golongan yang baru memeluk agama Islam ini, pendidikan merupakan salah satu medium yang berkesan dalam menerapkan kefahaman kepada golongan muallaf agar mereka boleh mendapatkan pengetahuan berkenaan agama yang baru dianuti oleh mereka. Pendidikan yang sistematik dan tersusun bukan sahaja dapat menarik golongan muallaf memahami ajaran agama Islam bahkan dapat membina keyakinan mereka terhadap kebenaran agama yang dianuti (Azman Ab Rahmani, Nur Ain Syafiqah Rahmatii, Muhd Faiz Abd. Shakoriii, Nurul Shazwani Nordini & Mohamad Anwar Zakaria, 2020).

Oleh yang demikian, golongan muallaf ini tidak terkecuali dalam memenuhi perintah Allah SWT untuk menuntut ilmu khususnya ilmu berkaitan dengan agama kerana mereka baharu berjinak dengan agama Islam. Di Malaysia, golongan muallaf turut diberi perhatian oleh pihak kerajaan untuk memberikan pendidikan kepada mereka. Badan-badan bukan kerajaan atau NGO turut memainkan peranan penting dalam menguruskan hal ehwal muallaf khususnya dalam pendidikan seperti Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), dan Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA), (Siti Adibah dan Siti Zubaidah, 2018). Selain itu, mereka juga dikehendaki mengikuti kelas pengajian yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri. Semasa mengikuti kelas pengajian tersebut, mereka dibekalkan dengan beberapa modul yang merangkumi peringkat Asas, Pertengahan dan Lanjutan yang disediakan oleh negeri masing-masing. Namun begitu, yang menjadi isu atau permasalahannya ialah pengurusan pendidikan muallaf yang didapati tidak selaras di antara organisasi tersebut (Syarul Azman, Hanis Najwa, Muhmamad Yusuf, Mustafa Kamal & Akmal Syazan, 2017). Di samping itu juga, timbul isu tentang pelaksanaan pengurusan yang kurang sesuai dan menyukarkan muallaf memeluk Islam. Selain itu, berdasarkan dapatan kajian mereka turut menghadapi masalah dan cabaran lain seperti sumber pendapatan, pertembungan adat dan budaya, psikologi, dan masalah penerimaan keluarga.

Oleh itu, pelaksanaan pendidikan muallaf perlu dipertingkatkan dan guru pula hendaklah bijak mengaplikasi kaedah mengajar yang sesuai dan berkesan bagi memastikan pengajaran mereka difahami oleh pelajar. Seterusnya mereka dapat mengamalkannya dalam kehidupan harian. Justeru, dalam kajian ini pengkaji cuba meneroka amalan pengajaran guru dan kaedah penyampaian guru dalam kelas pengajian serta keberkesanan pelaksanaan pendidikan muallaf di Malaysia. Seterusnya membincangkan masalah dan cabaran yang timbul dalam kalangan guru muallaf.

## SOROTAN LITERATUR

### **Pengurusan Pendidikan Mualaf di Malaysia**

Umat Islam khususnya golongan mualaf yang masih baru dalam memahami Islam perlu menuntut ilmu terutamanya ilmu berkaitan dengan agama Islam. Namun begitu, disebabkan golongan ini merupakan orang baharu mempelajari dan mendekati ajaran Islam, mereka memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar yang berterusan. Pendidikan melibatkan mualaf diberi perhatian khusus dalam membimbing mereka kepada jalan yang lurus. Malah pendidikan untuk mereka tidak boleh dipandang ringan kerana dikhuatiri akan menyebabkan akidah mereka terpesong untuk kembali kepada agama asal disebabkan kurangnya bimbingan untuk mendalami ilmu khususnya ilmu Pendidikan Islam. Sebagaimana menurut Asmawati, Abd Muhsin, Fathiyah dan Noreha (2019), golongan mualaf perlu sentiasa dibimbing dan dipantau pemahaman, penghayatan dan amalan mereka agar tidak bercanggah dengan hukum Islam dan semua amalan mereka diterima Allah SWT. Oleh itu, perkara penting bagi seseorang mualaf untuk memahami Islam adalah melalui bimbingan dan pendidikan yang diberikan oleh badan-badan yang bertanggungjawab. Ini kerana pendidikan bukan hanya bertujuan melahirkan individu yang mempunyai ilmu sahaja tetapi bagi membina penghayatan keperibadian insan yang seimbang dalam semua aspek kehidupan mereka (Muhammad Fikri, 2017). Sehubungan dengan itu, badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan atau pun NGO telah ditubuhkan dan salah satu tujuannya adalah untuk mengurus dan memberi bimbingan serta pendidikan kepada golongan mualaf. Namun begitu, yang menjadi isu atau permasalahannya ialah pengurusannya yang tidak selaras di antara organisasi tersebut. Hal ini dibuktikan dengan hasil kajian Syarul Azman *et. al*, (2017 yang berkisarkan cabaran dan permasalahan mualaf yang tiada keselarasan aktiviti yang dijalankan. Di samping itu juga, timbul isu tentang pelaksanaan pengurusan kurang sesuai dan menyukarkan mualaf memeluk Islam. Ketidakselarasan aktiviti dakwah ini, secara tidak langsung akan membawa kepada kepelbagaian bentuk dan pendekatan dakwah yang akan mengelirukan saudara baharu dalam memahami dan menghayati Islam (Syarul Azman *et. al*, 2017).

Di Malaysia, badan-badan kerajaan seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Negeri (JAIN) bertanggungjawab memberi perhatian dan bimbingan yang khusus terhadap golongan mualaf dalam membentuk keperibadian untuk menuju kebenaran Islam di samping mendalami ilmu Islam (Siti Adibah dan Siti Zubaidah, 2018). Dengan kata lain, mereka diberi pendidikan dan disediakan pelbagai program yang dianjurkan oleh badan-badan dakwah yang terlibat bagi membentuk kefahaman Islam dalam diri mereka (Noreha, Asmawati dan Fathiyah, 2019). Malah, dengan kewujudan program, kursus, dan juga kelas pendidikan untuk mualaf ini bukan hanya dapat membimbing mualaf, bahkan pada masa yang sama berperanan untuk memberi kefahaman, penghayatan dan seterusnya mengamalkan ilmu Islam yang diperolehi dalam kehidupan mereka sebagai seorang Islam. Seterusnya, dapat melahirkan insan profesional yang bertaqwa dan mantap imannya terhadap Allah SWT.

## **Kaedah Pengajaran Guru**

Kelas pengajian yang dijalankan untuk mualaf atau saudara baharu merupakan satu inisiatif penting bagi memastikan mereka dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan amalan mereka tentang Islam. Kelas pengajian tersebut yang diadakan secara berkala dan merangkumi beberapa aspek penting dalam Islam merupakan satu bentuk sokongan kepada mualaf selain daripada sokongan kewangan. Bagaimanapun, kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan perlu digunakan bagi membantu kefahaman dalam kalangan mereka yang baru memeluk Islam yang memerlukan bimbingan asas secara berterusan (Noraini, Mariam & Ain Nathasha, 2017). Mohd Faris & Ahmad Yunus (2019) memetik kajian lepas bahawa sehingga kini tidak terdapat garis panduan untuk para pengajar modul pengajian saudara baharu yang sistematik dalam menyampaikan pengajaran mereka. Perkara yang sama turut dikemukakan oleh Siti Fathimatul Zahrah & Nur Masyaa`il (2015) tentang terdapat tenaga pengajar yang kurang menguasai kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan bagi mengajar saudara baharu.

Kaedah pengajaran secara umum merujuk kepada tindakan sistematik guru untuk mencapai objektif pengajaran sesuai dengan tajuk pelajaran dan tahap pencapaian pelajar (Nurul Syuhada, Fathiyah & Asmawati, 2016). Kaedah pengajaran yang sesuai dan tepat dapat menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran agar dapat memberi kesan kepada kefahaman pelajar, perubahan amalan dan sikap mereka. Oleh yang demikian, pengajaran memerlukan elemen yang penting iaitu tujuan dan sasaran yang ingin dicapai iaitu hasil dan perubahan yang diharapkan pada diri pelajar (Noor Hisham, 2011).

Mualaf ialah individu yang boleh dianggap seperti kanak-kanak yang suci daripada dosa. Oleh itu, mereka perlu dicorak dan dididik dengan sebaiknya agar mampu beramal sebagai seorang Islam yang lengkap. Keperluan kepada kaedah pengajaran yang sesuai dan berhikmah adalah sesuatu yang tidak boleh dipandang remeh (Noraini & Mariam, 2019). Konsep hikmah disentuh oleh Allah SWT dengan jelas dalam Surah al-Nahl ayat 125 yang bermaksud:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Huraian di atas jelas mengisyaratkan kepentingan kaedah pengajaran atau penyampaian yang sesuai dan berkesan dipilih ketika kelas pengajian mualaf. Tanpa kaedah pengajaran yang sesuai dan efektif akan memberi kesan kepada tahap kefahaman, kemahiran melaksanakan ibadah serta tahap amalan dan penghayatan agama dalam kehidupan saudara baharu.

Sebagaimana dijelaskan lagi oleh Aminurrashid Ahmad Dahari, Asmawati Suhid dan Fathiyah Mohd Fakhrudin (2019) dalam al-Ghazali (2007) *”knowledge coupled with the power of the intellect will be able to help identify people with His creation, glorify Him, and thus give birth to ubudiyah”*.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah,

1. mengenal pasti persepsi pelajar mualaf terhadap amalan pengajaran guru dalam kelas pengajian mualaf;
2. meneroka keberkesanan Modul Asas kelas pengajian mualaf yang digunakan oleh setiap negeri dalam pengajaran dan pembelajaran golongan mualaf;
3. mengenal pasti keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru; dan
4. meneroka kefahaman pelajar mualaf terhadap ilmu yang dipelajari.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Populasi kajian terdiri daripada pelajar mualaf di Malaysia dan guru yang mengendalikan kelas pengajian mualaf. Sejumlah 349 orang pelajar dipilih secara rawak berstrata dari beberapa buah pusat pengajian di negeri bagi setiap zon. Satu set soal selidik digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan daripada pelajar mualaf. Pembinaan instrumen kajian mengambilkira cadangan Cohen, Manion & Morrison (2000) dan telah ditentukan oleh panel pakar untuk mengesahkan item instrumen. Indeks kebolehpercayaan dan nilai alpha untuk instrumen yang dibina adalah 0.956. Bagi menganalisis data yang diperoleh, analisis statistik deskriptif yang melibatkan pengiraan frekuensi, peratusan, min, dan sisihan piawai digunakan. Nilai interpretasi min adalah berdasarkan kepada Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi nilai skor min

Nilai Skor Min	Interpretasi Tahap Bahagian B
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.01 – 2.00	Sangat Rendah

Sumber: Nunally (1978)



Data kuantitatif yang diperoleh ini telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for The Social Sciences (SPSS) versi 21.0. Dapatan kajian juga disokong dengan dapatan temubual yang telah dijalankan dengan menggunakan protokol temubual separa struktur. Seramai enam (6) orang guru dari setiap zon telah dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*) sebagai peserta kajian bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Guru yang terlibat merupakan mereka yang telah mengajar di pusat pengajian mualaf lebih daripada lima tahun. Data kualitatif telah dianalisis menggunakan perisian NVivo.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### *Demografi Pelajar Mualaf*

Berdasarkan Jadual 2 di bawah, daripada 349 orang responden yang terlibat sebanyak 22.3% adalah lelaki dan 77.7% adalah perempuan. Dari segi bangsa pula didapati majoriti adalah berbangsa bangsa Cina (24.6%), India (13.2%) dan lain-lain (57.6%). Bangsa lain terdiri daripada Kadazan, Iban, portugis, Siam, dari Vietnam, Myanmar, Colombia dan Filipina.

Jadual 2: Demografi Pelajar Mualaf

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Perempuan	271	77.7%
Lelaki	78	22.3%
Jumlah	349	100.00%
<b>Bangsa</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Melayu	16	4.6%
Cina	86	24.6%
India	46	13.2%
Lain-lain	201	57.6%
Jumlah	349	100.00%

### *Demografi Guru Pengajian Mualaf*

Peserta guru mualaf yang terlibat dalam temubual kajian adalah seramai enam orang. Tiga orang perempuan dan tiga orang lelaki. Empat orang daripada mereka memiliki Ijazah. Terdapat juga daripada kalangan mereka yang mengikuti pengajian pondok.

### *Persepsi Pelajar Mualaf Terhadap Pengajaran Guru*

Dapatan kajian berkaitan persepsi pelajar mualaf terhadap amalan pengajaran guru ditunjukkan dalam Jadual 3,4 dan 5. Ia merangkumi peringkat permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran. Bagaimanapun, fokus kajian adalah pelajar mualaf yang mengikuti modul pengajian asas.

#### *Permulaan Pengajaran*

Jadual 3: Persepsi Pelajar Mualaf terhadap Permulaan Pengajaran

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>
1.	memulakan pengajaran dengan bacaan doa.	349	4.72	.568
2.	bertanyakan keadaan/kesihatan pelajar.	349	4.32	.758
3.	memulakan pengajaran apabila semua pelajar telah bersedia.	349	4.48	.700
4.	memulakan pengajaran dengan menarik.	349	4.37	.803
5.	menerapkan nilai akhlak sebelum memulakan pengajaran.	349	4.43	.709
6.	menepati waktu dalam memulakan pengajaran.	349	4.45	.661
7.	mengaitkan isi pengajaran dengan pengalaman pelajar.	349	4.26	.847
8.	mengajukan soalan yang merangsang semangat pelajar untuk belajar.	349	4.42	.770

## Perkembangan Pengajaran

Jadual 4: Persepsi Pelajar Muallaf terhadap Perkembangan Pengajaran

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>
	Guru saya:			
1.	sentiasa menarik perhatian pelajar.	349	4.47	.649
2.	sentiasa menyelitkan kata-kata nasihat.	349	4.54	.653
3.	memberi contoh berkaitan dengan realiti kehidupan ketika mengajar.	349	4.45	.691
4.	memberi pujian kepada pelajar yang menjawab soalan dengan betul.	349	4.44	.651
5.	menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pelajar.	349	4.55	.621
6.	menggunakan teknik pengajaran yang menarik.	349	4.46	.670
7.	memberi contoh berkaitan dengan realiti kehidupan ketika mengajar.	349	4.40	.685
8.	sentiasa mendengar pandangan pelajar.	349	4.44	.655
9.	memberi peluang pelajar memberikan pandangan.	349	4.46	.640
10.	memberi peluang pelajar untuk bertanyakan soalan.	349	4.54	.598
11.	sentiasa menggalakkan pelajar berbuat kebaikan.	349	4.68	.696
12.	sentiasa mengingatkan pelajar agar tidak membuat kejahatan.	349	4.57	.646
13.	menekankan adab bersama dengan keluarga.	349	4.54	.621

14.	mengingatn agar sentiasa menghormati sunnah Rasulullah s.a.w.	349	4.68	.585
15.	berusaha membentuk akhlak dengan bercerita tentang kisah-kisah rasul dan kisah teladan.	349	4.68	.572
16.	berusaha memastikan pengajaran memberi kesan dalam diri pelajar.	349	4.54	.635
17.	mengambil kira minat pelajar.	349	4.36	.703
18.	mengambil kira kebolehan pelajar.	349	4.35	.700
19.	menjawab persoalan pelajar dengan jelas.	349	4.55	.670

### *Penutup Pengajaran*

Jadual 5: Persepsi Pelajar Muallaf terhadap Penutup Pengajaran

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>
	Guru saya:			
1.	mengulangi isi-isi penting.	349	4.46	.644
2.	bertanya sekiranya pelajar tidak faham.	349	4.52	.716
3.	menutup pengajaran dengan membaca surah al-Asr.	349	4.57	.709
4.	menutup pengajaran dengan membaca doa.	349	4.67	.603
5.	berpesan agar pelajar mengamalkan nilai akhlak dalam kehidupan.	349	4.59	.635

6.	mengingatkan pelajar agar melaksanakan ibadah solat.	349	4.68	.595
7.	sentiasa memberi motivasi kepada pelajar agar terus mengamalkan ajaran Islam.	349	4.67	.599
8.	mengucapkan terima kasih.	349	4.64	.592

Berdasarkan Jadual 3, 4 dan 5 di atas berkaitan dengan amalan pengajaran guru, didapati rata-rata pelajar mempunyai pandangan positif terhadap amalan pengajaran guru mereka. Min yang diperoleh adalah tinggi iaitu di antara 4.26 - 4.72. Apa yang menarik perhatian pengkaji ketika sesi permulaan pengajaran ialah, guru sentiasa memulakan kelas dengan bacaan doa (min=4.72, SP=.568) dan menerapkan nilai akhlak sebelum memulakan pengajaran (min=4.43, SP=.709). Hal ini penting bagi memantapkan aspek kerohanian pelajar agar sentiasa mengamalkan suruhan Allah SWT dan menjauhi laranganNya. Guru juga didapati sentiasa menepati waktu untuk memulakan pengajaran (min=4.45, SP=.661) dan memastikan para pelajar telah bersedia untuk mengikuti sesi pembelajaran (min=4.48, SP=.700).

Di peringkat perkembangan pengajaran pula, pelajar bersetuju bahawa guru mereka mengingatkan agar sentiasa menghormati sunnah Rasulullah SAW (min=4.68, SP=.585) dan sentiasa menggalakkan pelajar berbuat kebaikan (min=4.68, SP=.696) serta berusaha membentuk akhlak dengan bercerita tentang kisah-kisah rasul dan kisah teladan (min=4.68, SP=.572). Amalan ini merupakan amalan terpuji yang perlu dicontohi oleh guru lain kerana golongan mualaf perlu sentiasa dibimbing dan diingatkan tentang perbuatan baik yang diredhai Allah SWT. Sebagaimana menurut Asmawati *et.al*, (2020), golongan mualaf perlu sentiasa dibimbing dan dipantau pemahaman, penghayatan dan amalan mereka agar tidak bercanggah dengan hukum Islam seterusnya amalan mereka diterima Allah SWT. Dari segi teknik pengajaran, guru didapati menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pelajar (min=4.55, SP=.621), memberi peluang pelajar untuk bertanya soalan (min=4.54, SP=.598), dan menjawab persoalan pelajar dengan jelas (min=4.55, SP=.670). Manakala di peringkat penutup pengajaran pula, guru didapati sentiasa mengingatkan pelajar agar mendirikan ibadah solat (min=4.61, SP=.537) dan sentiasa memberi motivasi kepada pelajar agar terus mengamalkan ajaran Islam (min=4.60, SP=.507). Begitu juga, sebelum mengakhiri kelas, guru sekali lagi membaca doa bersama-sama pelajar (min=4.62, SP=.535) dan turut berpesan kepada pelajar agar mengamalkan nilai akhlak dalam kehidupan (min=4.52, SP=.548).

Berdasarkan dapatan ini, jelas memperlihatkan bahawa secara keseluruhannya guru mengaplikasi dan berjaya menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai seterusnya dapat menarik minat dan memberi kefahaman pelajar. Sebagaimana menurut Lezah & Rosy (2018), kepelbagaian kaedah pengajaran dapat memberi kesan kepada kefahaman pelajar, perubahan amalan dan sikap mereka. Oleh itu, menurut Noor Hisham (2011) pengajaran memerlukan elemen yang penting iaitu tujuan dan sasaran yang ingin dicapai iaitu hasil dan perubahan yang diharapkan pada diri pelajar.

### ***Dapatan Temubual Guru Mualaf***

Data kualitatif yang telah diperoleh menerusi sesi temubual separa struktur telah dianalisis dan dilaporkan secara umum berdasarkan objektif kajian.

#### *Keberkesanan modul asas kelas pengajian saudara baharu yang digunakan oleh setiap negeri*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa modul pengajian asas yang digunakan buat masa ini adalah bersesuaian tetapi ia adalah mengikut tahap tertentu. Bagi tahap 1, peserta kajian secara jelas menyatakan bahawa modul yang digunakan adalah sesuai. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan modul ini adalah berkesan mengikut tahap pembelajaran pelajar, tetapi ia memerlukan penambahbaikan. Hal ini kerana dapatan kajian menunjukkan masih terdapat kelemahan modul yang digunakan. Antara kelemahan yang dinyatakan oleh peserta kajian adalah:

1. Kandungan modul yang digunakan adalah ringkas sehingga guru terpaksa menggunakan alternatif dan kreativiti sendiri dengan memanfaatkan masa selama 40 minit yang diperuntukkan bagi menyampaikan isi pelajaran.
2. Kebanyakan modul ditulis dalam bahasa Arab atau Jawi. Situasi ini menyebabkan guru terpaksa menulis atau menterjemahkan semula ayat-ayat tersebut ke dalam bahasa Melayu ataupun rumi.
3. Terdapat juga kandungan subtopik yang tidak menyeluruh dan terlalu ringkas. Ini menyebabkan guru terpaksa mencari bahan rujukan lain sebagai bahan sokongan.
4. Terdapat huraian yang ada di dalam modul tidak lengkap. Contohnya hanya memberi maksud atau terjemahan bagi sesuatu sub topik seperti perkataan Allahu Akbar (Allah Maha Besar). Penerangan perlu dilakukan oleh guru dengan lebih tepat. Maka, guru terpaksa mencari alternatif sendiri memberi penerangan yang lebih jelas kepada pelajar.
5. Terdapat juga keperluan untuk menambah isi kandungan. Ada juga modul yang dibekalkan memerlukan penerangan secara visual. Sebagai contoh pergerakan dalam solat. Gambarajah diperlukan bagi membolehkan pemahaman yang lebih baik buat pelajar dan bukan bergantung kepada ayat ringkas sahaja.
6. Modul yang ringkas juga menyebabkan guru terpaksa mempelbagaikan kaedah seperti menggunakan internet untuk mencari bahan rujukan tambahan.

7. Ada juga guru yang mengubah maklumat daripada modul dijadikan dalam bentuk lagu, bagi menarik perhatian dan memberi kefahaman kepada pelajar.
8. Terdapat seorang responden yang menggunakan buku KAFA sebagai modul tahap asas 1.

Kesimpulannya, secara umum semua responden peserta kajian menyatakan bahawa modul asas berkenaan berkesan membantu mereka dalam proses pengajaran. Namun begitu, terdapat kelemahan yang perlu ditambah baik dan dimantapkan.

#### *Keberkesanan Kaedah Pengajaran yang Digunakan oleh Guru*

Kebiasaannya guru akan diberikan latihan dan kursus sekurang-kurangnya setahun sekali sebelum mereka melaksanakan pengajaran menggunakan modul yang dibekalkan. Bagaimanapun, terdapat seorang guru yang tidak mendapat Latihan. Oleh itu, daripada aspek kaedah pengajaran guru, semua guru peserta kajian yang ditemubual telah menggunakan kepelbagaian kaedah dalam pengajaran mereka bagi memastikan pelajar dapat memahami apa yang diajar. Kaedah pengajaran yang digunakan adalah merupakan kesinambungan penggunaan modul yang dibekalkan oleh pihak institusi. Antara kaedah pengajaran yang digunakan oleh mereka ialah:

1. Soal jawab. Soal jawab akan dilakukan setiap kali selepas selesai sub topik yang diajar. Sesi soal jawab pula akan dilakukan ke atas pelajar secara berkumpulan mahupun individu. Tetapi, kebiasaannya soal jawab secara individu lebih ditekankan berbanding secara berkumpulan.
2. Penerangan. Kaedah ini akan dilakukan bagi setiap sesi pengajaran. Ia banyak berpandukan modul yang telah dibekalkan. Hampir semua guru menggunakan kaedah penerangan sebagai asas dalam pengajaran mereka.
3. Perbincangan berkumpulan. Kaedah ini digunakan untuk pelajar pada tahap pertengahan dan lanjutan. Perbincangan secara berkumpulan juga akan disusuli dengan melakukan pembentangan di hadapan kelas. Justifikasi guru melaksanakan kaedah pengajaran ini adalah kerana apabila mereka duduk secara berkumpulan, akan berlaku perkongsian ilmu dan maklumat. Ada dalam kalangan pelajar yang belajar di tempat lain, dengan itu mereka juga membawa ilmu dari tempat lain dan dikongsikan bersama rakan sekelas.
4. Pentaksiran berterusan. Pentaksiran berterusan akan dijalankan selepas setiap sesi pengajaran dan pembelajaran bagi sesuatu tahap pembelajaran.
5. Bertanyakan soalan sebelum mula kelas. Terdapat juga guru yang bertanyakan soalan sebelum memulakan kelas kerana ingin memastikan pelajar mereka benar-benar boleh memahami dan menguasai pembelajaran yang dipelajari. Soalan yang ditanya adalah berkisarkan kepada sub topik lepas yang telah diajar.
6. Soal secara umum (ramai)/ individu. Kaedah ini dilakukan bagi memastikan pelajar boleh menguasai pelajaran bagi sub topik yang diajar. Soalan diajukan secara umum

untuk mendapatkan gambaran menyeluruh. Tetapi secara individu dilakukan bagi memastikan setiap pelajar boleh menguasai topik terutama dari segi bacaan al-Quran, surah al-fatihah, doa-doa ringkas seperti doa makan, doa tidur dan sebagainya.

7. Selepas tiga tajuk, buat Latihan. Terdapat guru yang akan membuat latihan iaitu latih tubi setelah selesai tiga tajuk yang diajar. Kaedah ini juga dilakukan bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan dengan pelajaran yang telah dipelajari sebelum mempelajari topik seterusnya.
8. Rujuk nota dan modul. Guru sentiasa menggalakkan pelajar mereka menggunakan nota dan modul apabila latihan diberikan. Tiada paksaan sewaktu sesi pembelajaran dilakukan. Begitu juga sewaktu ujian atau latihan, pelajar dibenarkan untuk sentiasa merujuk nota dan modul. Kadangkala sewaktu peperiksaan sahaja guru akan sedikit bertegas dengan memberi masa yang sedikit untuk merujuk nota dan modul.
9. Pendedahan kepada soalan. Guru sentiasa memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai bentuk soalan yang akan ditanya sewaktu ujian atau *exam*.
10. Pemantauan melalui graf. Kaedah ini lebih mirip kepada penilaian terhadap pencapaian pelajar. Pelajar akan dipantau melalui satu graf yang disediakan oleh guru sendiri. Graf tersebut adalah merujuk kepada sejauh mana pencapaian yang diperolehi oleh pelajar berpandukan ujian mengikut sub topik yang dilaksanakan.
11. Sering menasihati pelajar semasa mengajar. Terdapat guru yang mempraktikkan kaedah memujuk pelajar semasa belajar, antaranya dengan cara memberi nasihat dan menyalurkan hubungan hati dengan pelajar. Hubungan hati bermaksud sentiasa mengambil berat mengenai kebajikan pelajar, mewujudkan suasana gembira untuk pelajar datang dan belajar di institusi, menjaga percakapan, menjaga batas pergaulan dan melayan pelajar dengan baik.
12. Memberikan bahan bertulis kepada yang boleh menulis dan membaca. Guru memberikan bahan bertulis kepada pelajar yang boleh membaca dan menulis. Namun, ada beberapa orang pelajar yang tidak tahu membaca dan menulis. Bahan-bahan ini merupakan bahan rujukan atau sebagai tambahan selain daripada modul.
13. Beri tempoh untuk menghafal. Pelajar akan diberikan tempoh untuk menghafal sesuatu surah misalnya, sebelum guru menyoal semula apa yang telah dipelajari.
14. Kaedah Talaqi
15. Menggunakan internet. Terdapat guru yang menggunakan youtube, sebagai contoh untuk memuat turun surah bagi memudahkan pelajar menghafal. Ia boleh dipasang dan didengari selama 24 jam bagi membolehkan pelajar mempelajari dengan cara yang lebih efektif. Guru berpendapat dengan cara ini akan membantu pelajar secara maksimum untuk lebih faham dan senang untuk mengingat.
16. Memberi contoh bagi subjek sirah. Guru memberikan contoh seperti cerita pendek bagi menarik minat pelajar dan memudahkan guru pelajar memahami serta ingat apa yang diajar.
17. Menggunakan lagu atau nasyid. Guru juga agak kreatif menggunakan lagu atau nasyid terutama bagi tahap 1, iaitu tahap asas bagi memudahkan pelajar ingat mengenai sesuatu topik sebagai contoh apabila belajar mengenai sifat wajib Allah.
18. Memotong keratan bagi surah al-fatihah. Guru menggunakan teknik khusus dengan cara membuat potongan atau keratan, sebagai contoh surah al-Fatihah. Ia dilakukan



bagi kalangan pelajar yang tidak boleh bercakap. Apabila pelajar berjaya menyusun keratan tersebut dengan tepat maka guru akan mengetahui bahawa pelajar tersebut telah boleh membaca dengan betul dan objektif pembelajaran tercapai.

Kesimpulannya, kepelbagaian kaedah yang digunakan oleh guru semasa mengajar pelajar mualaf dengan dibantu oleh modul sebagai asas panduan telah berjaya membolehkan pelajar memahami apa yang dipelajari dengan lebih baik. Modul hanya digunakan oleh guru sebagai asas dan panduan sahaja. Terdapat juga guru yang menggunakan kreativiti sendiri untuk menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga, berdasarkan temubual, terdapat guru yang mengambil inisiatif menyediakan Rancangan Pengajaran Mingguan mengikut penggal dengan jelas. Justeru, guru didapati kreatif dan berusaha mempelbagaikan cara serta kaedah pengajaran mengikut peringkat atau tahap pelajar mereka. Hal ini amat penting terutama pada zaman kini memerlukan guru bertindak secara kreatif dan inovatif dalam menyampaikan ilmu termasuk Pendidikan Islam bagi menarik minat murid dan agar pengajaran mereka berkesan. Sebagaimana menurut Asmawati Suhid, Mohd. Yusri Mohd. Naser, Abd. Muhsin Ahmad, Noreha Che Abah, Rosnani Jusoh dan Zeinab Zaremohzzabieh (2021), “*in Islamic Education, innovation comes in the form of a new pedagogic theory, a methodological approach, a teaching method, an instructional tool, or a learning process, all of which upon implementation, brings about significant changes in teaching and learning in terms of improved student outcomes.*”

#### *Kefahaman Pelajar Mualaf Terhadap Ilmu yang Dipelajari*

Secara keseluruhan, pelajar mualaf dapat memahami segala tajuk yang diajar berdasarkan kepada apa yang dimaklumkan oleh guru peserta kajian. Kefahaman pelajar banyak bergantung kepada kaedah pengajaran guru dalam kelas pengajian. Manakala modul yang dibekalkan adalah sebagai panduan asas untuk guru memulakan langkah pengajaran mereka. Modul memberi panduan ringkas, nota pegangan untuk pelajar dan rujukan untuk pelajar. Situasi ini juga berkait rapat dengan beberapa cabaran yang terpaksa ditempuhi oleh guru dalam menyampaikan pelajaran kepada pelajar. Antara cabaran yang paling ketara adalah berpunca daripada modul pengajian dan juga daripada pihak mualaf. Tiada cabaran dilaporkan daripada aspek cabaran pentadbiran.

#### *Cabaran Yang Dihadapi oleh Guru dan Cadangan Guru*

Guru yang ditemubual turut ditanya tentang cabaran yang mereka hadapi berkaitan pendidikan mualaf. Berikut merupakan beberapa cabaran yang dinyatakan oleh guru dan dirumuskan seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Cabaran Yang Dihadapi oleh Guru

Cabaran Modul Pengajian	Cabaran Pelajar Muallaf
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Modul yang ditulis adalah dalam Bahasa Arab dan tulisan Jawi. Rata-rata pelajar tidak tahu dan tidak memahami Bahasa Arab atau Jawi. Oleh itu, untuk membantu dan memudahcara, guru bertindak menyalin semula maksud atau menyalin semula perkataan tersebut ke Bahasa Melayu atau tulisan rumi.</li> <li>2. Modul yang dibekalkan adalah ringkas. Ini memaksa guru untuk mencari bahan rujukan yang lain untuk menyokong tajuk yang ingin diajar.</li> <li>3. Terdapat buku rujukan yang dibekalkan namun ia kurang membantu, maka guru melakukan kreativiti sendiri dengan pelbagai cara agar objektif pembelajaran tercapai.</li> <li>4. Modul yang dibekalkan juga mempunyai isi yang terhad dan huraian adalah tidak menyeluruh. Sesetengah topik hanya menyatakan tajuk tetapi tidak membekalkan maklumat tambahan yang diperlukan.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Terdapat pelajar muallaf yang tidak dapat membaca al-Quran dengan fasih walaupun sudah berada di tahap pertengahan.</li> <li>2. Pelajar tidak tahu membaca dan menulis</li> <li>3. Pelajar mempunyai latar belakang yang berbeza – ada pelajar yang cepat dan ada pelajar yang lambat menguasai pembelajaran.</li> <li>4. Latar belakang pendidikan pelajar yang berbeza.</li> <li>5. Faktor umur pelajar yang tua.</li> <li>6. Pelajar tidak memahami bahasa yang digunakan oleh guru – pelat, bangsa lain (Cambodia), Siam dan lain-lain.</li> <li>7. Pelajar yang kadang kala datang ke institusi.</li> <li>8. Pelajar ponteng.</li> <li>9. Pelajar tidak mengulang kaji pelajaran di rumah.</li> <li>10. Pelajar sensitif.</li> </ol>

Seterusnya, guru juga turut mencadangkan beberapa penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi memperbaiki modul yang sedia ada. Antaranya, selaraskan modul antara semua negeri, menyediakan huraian bagi semua sub topik dan bukan hanya sekadar tajuk yang ringkas, perlu menambah bahan rujukan lain yang dapat membantu guru menghuraikan topik atau sub topik sesuatu pelajaran, soalan pengukuhan disediakan selepas sub topik bagi memudahkan pelajar membuat ulang kaji, perlu melibatkan banyak aktiviti amali untuk tahap 1, mendahulukan perkara yang wajib diketahui dahulu contohnya dalam melakukan solat, pelajar perlu tahu mengenai “taharah”, susunan topik dan sub topik yang perlu diajar di dalam modul perlu dikemas kini secara teratur.

#### *Hubungan Antara Guru dan Tahap Kefahaman Pelajar*

Berpandukan hasil analisis dan dapatan yang diperoleh, pengkaji mendapati terdapat hubungan yang jelas antara guru dan tahap kefahaman pelajar. Sejauh mana pelajar dapat memahami dan menguasai apa yang diajar sebenarnya banyak bergantung kepada kaedah pengajaran guru tersebut. Guru yang efektif dan kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka membantu pelajar agar lebih memahami modul yang diberikan. Dengan cara tersebut, pelajar muallaf dapat memahami dan menghayati ajaran Islam dengan lebih baik. Pendekatan dan pelbagai kaedah yang

digunakan oleh guru dalam pengajaran dapat membantu saudara baharu. Guru turut menambah bahawa modul hanya digunakan sebagai bahan atau panduan asas untuk mereka melakukan persediaan sebelum proses pengajaran dan pembelajaran. Ia dijadikan sebagai garis panduan untuk guru supaya objektif pembelajaran tercapai dan guru dapat kenal pasti apakah topik yang perlu diajar kepada mualaf. Namun begitu, guru tidak menyumbang 100% terhadap penghayatan ajaran Islam dalam kalangan mualaf ini. Rata-rata guru yang ditemu bual menyatakan bahawa guru hanya sebagai pembimbing, hasil usaha keras dan inisiatif mualaf itu sendiri yang akan menentukan sejauh mana mereka boleh memahami dan menghayati apa yang diajar oleh guru. Kebanyakan pusat pengajian turut mengadakan pelbagai aktiviti dan program yang menarik dan bermanfaat bagi memantapkan lagi ilmu dan kefahaman para pelajar.

## **PENUTUP**

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa guru yang mengajar pelajar mualaf mempamerkan kesungguhan dalam mendidik dan membimbing pelajar mereka. Rata-rata guru berjaya mempelbagaikan kaedah mengajar bagi menarik minat dan memastikan pelajar faham apa yang dipelajari walaupun terdapat kekangan namun dapat diatasi dengan baik. Hal ini sangat penting kerana selain dapat memelihara aqidah dan amalan mereka, ia juga dapat merapatkan hubungan antara guru dan pelajar. Pelajar mualaf yang diajar oleh guru terdiri daripada pelbagai bangsa dan peringkat umur, juga datang daripada latar belakang sosial dan budaya yang berbeza. Maka sudah tentu mereka amat perlu dibimbing dari semasa ke semasa bagi membantu mereka membina persepsi diri yang baru selepas menjalani proses konversi dan peralihan (Siti Fathimatul Zahrah & A'thiroh Masyaa'il Tan, 2015). Para guru didapati sentiasa memberi nasihat dan perhatian serta memelihara hubungan kasih sayang antara mereka. Amatlah penting golongan ini dibantu dan diberikan sokongan moral bagi membolehkan mereka melakukan adaptasi terhadap persekitaran dan lingkungan hidup yang baharu bersama masyarakat. Kurikulum pendidikan yang terancang khusus bagi golongan mualaf melalui perlaksanaan inisiatif bimbingan dan pemantapan akidah, berupaya untuk memelihara serta memantapkan lagi pegangan akidah mereka. Selain dari aspek ilmu asas fardu ain, kurikulum pendidikan mualaf termasuk metod pengajaran dan pembelajaran juga perlu menyasarkan aspek sokongan sosio-ekonomi bagi bagi meredakan tekanan emosi, ekonomi dan kehidupan asnaf mualaf dan mempersiapkan mereka bagi menghadapi sebarang masalah dan cabaran. Umat Islam tidak seharusnya membiarkan perbezaan bangsa, budaya dan ras menguasai pemikiran mereka sehingga mengesampingkan kehadiran mualaf di tengah-tengah masyarakat Islam (Asmawati *et.al*, 2019). Diharapkan cabaran dan masalah yang diketengahkan oleh para guru dapat diberi perhatian sewajarnya oleh pihak yang berkaitan. Ini bagi memastikan mereka tetap dan istiqamah dalam Islam dan memperoleh kebaikan di dunia dan akhirat.

## RUJUKAN

- Aminurrashid Ahmad Dahari, Asmawati Suhid dan Fathiyah Mohd Fakhruddin (2019). Implementation Critical Thinking in Teaching Islamic Education. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8 (4), 805-823, 2019.
- Amran Kasimin (1985). *Saudara baru Cina di Wilayah dan Selangor*. Bangi: Universiti Putra Malaysia.
- Asmawati Suhid, Mohd. Yusri Mohd. Naser, Abd. Muhsin Ahmad, Noreha Che Abah, Rosnani Jusoh dan Zeinab Zaremohzzabieh (2021), Challenges and Readiness of Islamic Education Teachers in Innovative Teaching and Learning. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*, 9(2), 293-308, 2021.
- Asmawati Suhid, [Fathiyah Mohd Fakhruddin](#), [Noreha Che Abah dan Abd. Muhsin Ahmad \(2020\)](#). *Persepsi pelajar mualaf terhadap amalan pengajaran guru: Satu tinjauan awal*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-dekan Pendidikan pada 11-12 November 2020.
- Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Fathiyah Mohd Fakhruddin dan Noreha Che Abah. (2019). Aplikasi 'Urf dalam amalan adat dan budaya saudara baharu di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*, Vol 2(5), 65-77.
- Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Lukman Abdul Mutalib dan Abd.Muhsin Ahmad (2019). Juvenile Delinquent Pupils' Perceptions on the Teaching of Islamic Education: A Preliminary Study. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(4), 340-354, 2019.
- Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Samsilah Roslan, Lukman Abdul Mutalib dan Mohd. Aderi Che Noh (2014). Private Islamic Primary school teachers' commitment in human capital development in Malaysia, *Mediterranean Journal of Social Sciences*, Vol. 5 (27), 2014, 766-774.
- Azman Ab Rahmani, Nur Ain Syafiqah Rahmatii, Muhd Faiz Abd. Shakoriii, Nurul Shazwani Nordini & Mohamad Anwar Zakaria. (2020). Sorotan Literatur Kajian Modul Pengajian Mualaf Di Malaysia. E-Prosiding [eISSN: 2710-6462] Diskusi Syariah dan Undang-undang: Siri 1/2020,46-53.
- Cohen, J. and Manion, L. & Morrison, K. (2000). *Research Methods in Education*. 5<sup>th</sup> edtn. London: Routledge.

- Mohd Faris Hakimi Shahimi & Ahmad Yunus Kasim (2019). Pengajaran akidah Islam terhadap saudara baharu di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP): Satu kajian kes. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 5(2), 34-41.
- Muhammad Fikri Norddin (2017). *Amalan penghayatan pendidikan islam terhadap murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina*. Tesis Sarjana, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Aziz Nik Pa (2014). *Memaknai konsep ta'dib dalam pendidikan islam sekolah rendah dan menengah di Malaysia: Cabaran Transformasi*. Dalam Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran dan Penyelesaian, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Noreha Che Abah, Asmawati Suhid dan Fathiyah Mohd Fakhruddin (2019). Isu dan cabaran saudara baharu di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal AL-ANWAR*, Vol 8 (2), 1-13.
- Noor Hisham Md Nawi. (2011). *Pengajaran dan pembelajaran: Penelitian semula konsep asas menurut perspektif gagasan Islamisasi ilmu moden*. Kertas kerja yang dibentangkan di Kongres Pengajaran & Pembelajaran UKM pada 18-20 Disember 2011 di Hotel Vistana, Pulau Pinang.
- Noraini Mohamad, Mariam Abd. Majid & Ain Nathasha Omar. (2017). Metodologi pengajaran muallaf di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 4(2), 215-223.
- Nunnally, J. C. (1978). *An overview of psychological measurement. Clinical diagnosis of mental disorders*, 97-146.
- Nurul Syuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid. (2016). Pendekatan dan kaedah pengajaran ibadah solat guru Pendidikan Islam menurut perpektif murid. *Online Journal of Islamic Education*. 4(2), 46-53.
- Siti Adibah Abu Bakar dan Siti Zubaidah Ismail (2018). Pengurusan muallaf di Malaysia: Kerjasama dinamik antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan. *Jurnal Usuluddin* 46 (2), 97-122.
- Siti Fathimatul Zahrah Yusri dan A'thiroh Masyaa'il Tan (2015). *Pengajaran Pendidikan Islam terhadap muallaf: Satu tinjauan literatur*. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah, 2015.
- Syarul Azman Shahrudin, Hanis Najwa Shahrudin, Muhmamad Yusuf Marlon Abdullah, Mustafa Kamal Amat Misra & Akmal Syazan Fauzan .2017. Cabaran dan permasalahan Muallaf dan Penyelesaian oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). Akses pada 10 Oktober 2019 di <http://conference.kuis.edu.my/isra/eprosiding/pdf/021-ISRA-2017.pdf>

# **METODE PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN MUALAF**

Prof. Dr. Mohd Aderi bin Che Noh, Prof. Madya. Dr. Noor bin Azizi Ismail &  
Halim bin Ismail

## **METODE PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN MUALAF**

Prof. Dr. Mohd Aderi bin Che Noh  
Prof. Madya. Dr. Noor bin Azizi Ismail  
*Fakulti Pengajian Bahasa Utama,  
Universiti Sains Islam Malaysia*  
Halim bin Ismail  
*Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*  
aderi@usim.edu.my  
azizi12@usim.edu.my  
halimismail@iium.edu.my

### **ABSTRAK**

Islam adalah agama yang dinamik melalui peningkatan umat Islam sama ada lahir secara fitrah sebagai seorang Islam mahupun saudara baru yang memeluk Islam. Saudara baru juga dikenali sebagai mualaf. Pendidikan dari perspektif Islam adalah satu proses kehidupan yang panjang. Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan diri mualaf setelah memeluk Islam. Sehubungan dengan ini, tujuan kajian ini akan mengenalpasti methodologi kepada golongan Mualaf. Kajian ini menggunakan metodologi pengumpulan data primer dengan menganalisis data-data kepustakaan. Hasil kefahaman yang berkualiti melalui metode pengajaran yang bersesuaian akan meningkatkan tahap penghayatan Islam yang tinggi dikalangan pelajar mualaf. Artikel ini akan membincangkan konsep mualaf dalam Islam di Malaysia, Pendidikan Islam terhadap mualaf, metode pengajaran Pendidikan Islam terhadap mualaf serta cabaran dalam melaksanakan metode pengajaran Pendidikan Islam terhadap pelajar mualaf. Hasil sorotan kajian lepas mendedahkan bahawa kaedah pendidikan yang sesuai akan membantu meningkatkan kualiti kefahaman mualaf terhadap agama Islam. Pelbagai kaedah pengajaran yang bersesuaian telah diaplikasikan supaya pembelajaran dapat diterima dengan baik. Perbincangan awal artikel ini diharapkan mampu memberi dan mengembangkan kajian lanjutan pada masa akan datang bagi membantu meningkatkan kualiti pengajaran dalam mendidik golongan mualaf.

**Kata kunci:** mualaf; Pendidikan Islam; metode, pengajaran, saudara baru

## PENGENALAN

Islam merupakan agama yang syumul dan sempurna kepada seluruh umat manusia yang menyentuh seluruh aspek kehidupan manusia sama ada dari segi rohani mahupun jasmani. Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam surah Al-Maidah 5:3.

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya) kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.” (Mohamad Khindir 2015:139)

Ayat di atas jelas membuktikan bahawa agama Islam merangkumi semua aspek kehidupan manusia sama ada dalam konteks hubungan manusia dengan Allah, manusia dengan manusia serta manusia dengan alam. Ini kerana secara fitrahnya manusia memerlukan agama tanpa mengira mana-mana agama dalam mengatur kehidupan manusia. Agama Islam adalah agama yang benar yang telah mengariskan panduan peraturan hidup yang jelas melalui sumber utama iaitu al-Qur’an dan al-Sunnah yang disampaikan oleh para Rasul dengan tujuan utama mengesakan Allah S.W.T. (Sidek Baba 2006; Nur A‘thiroh Masyaa’il Tan 2007).

Menurut Mohd Azmi & Maimunah (2003); Mohd Zaid et.al (2011); Maimun Aqsha (2013), Islam adalah suatu agama yang semakin berkembang melalui pertambahan umat Islam sama ada pertambahan keluarga Islam mahupun pemeluk Islam yang dikenali sebagai saudara baru atau mualaf. Pertukaran agama daripada agama lain ke agama Islam bukan satu perkara baru malah telah bermula sejak zaman Rasullullah s.a.w lagi sehingga sekarang yang menyebabkan berlaku peningkatan jumlah umat Islam di sesebuah negara termasuk di Malaysia. Oleh sebab Islam bersifat syumul dan universal, agama Islam dapat diterima baik oleh orang bukan Islam dan seterusnya menarik minat mereka untuk menganut agama Islam. Golongan mualaf terdiri daripada pelbagai lapisan umur bermula kanak-kanak sehingga orang tua.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Razaleigh Muhamat & Marlon Pontino Guleng (2014) terhadap 100 orang mualaf (respondan) di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) Kota Bharu Kelantan, umur responden telah dikategorikan kepada enam peringkat iaitu 18 tahun ke bawah seramai 18 orang, 19-25 tahun sebanyak 61 orang, 26-30 tahun seramai 12 orang, 31-35 tahun tiga orang, 36-40 tahun empat dan 41 tahun ke atas seramai dua orang. Berdasarkan kajian ini, golongan mualaf yang berumur 18 tahun ke bawah berada di kedudukan kedua tertinggi.



Oleh itu, penulis berpendapat bahawa golongan pelajar mualaf berada di peringkat menengah perlu diberi perhatian oleh pihak sekolah serta guru dalam membantu dan membimbing mereka mendalami Islam menggunakan beberapa metode pengajaran yang bersesuaian.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Maklumat yang diperolehi mengenai kajian ini merupakan hasil sebahagian daripada sorotan literatur yang dilakukan oleh penulis. Kajian ini secara umum menggunakan pendekatan kajian keperustakaan sepenuhnya bagi mendapat maklumat dari bahan ilmiah seperti buku, jurnal, artikel, kertas kerja prosiding dan seminar. Penulis juga menggunakan tulisan-tulisan moden sebagai sumber sekunder daripada sarjana-sarjana Islam untuk melengkapkan penyelidikan daripada kajian ini.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Konsep Mualaf Dalam Islam Di Malaysia**

Di Malaysia, golongan mualaf atau saudara Muslim adalah golongan yang minoriti. Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, masyarakat Cina, India atau lain-lain masyarakat yang memeluk Islam dipanggil 'mualaf'. Mualaf menurut bahasa berasal daripada perkataan 'alafa' membawa maksud cenderung atau jinak. Menurut pandangan syara' bermaksud orang kafir yang ada harapan masuk Islam dan orang baru memeluk agama Islam yang imannya masih lemah (Nor Adibah & Razaleigh Muhamat @ Kawangit 2015). Ini selari dengan Irwan et.al (2014), mualaf merupakan mereka yang telah bertukar pegangan agama dan kepercayaan kepada agama Islam. Mualaf adalah golongan yang telah dijinakkan hatinya dengan Islam ini sangat memerlukan perhatian, bimbingan dan dorongan yang sewajarnya dalam memahamkan mereka berkenaan agama, terutama hal-hal akidah dan ibadat.

Perkataan mualaf berasal daripada perkataan alifa, ya'lifu, ilfan. Alifahu pula bermaksud suka atau gemar akan dia atau menjinaki. Seseorang mualaf mula melaksanakan tanggungjawab seorang muslim apabila mereka melafazkan dua kalimah syahadah (Irwan et.al 2014; Syarul Azman et.al 2016). Golongan mualaf ini turut dibincangkan secara terperinci pengertiannya mengikut empat mazhab yang terkenal iaitu Mazhab Syafie, Hanbali, Hanafi dan Maliki. Golongan muslim yang baru memeluk Islam ini dikenali sebagai mualaf di dalam Islam berdasarkan terma al-Quran sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah At-Taubah 9:60.

“Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mualaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdakakan) budak. Orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”. (Irwan et.al 2014 : 115)

Berdasarkan ayat di atas, golongan mualaf disebut juga sebagai ‘mualafati qulubuhum’ iaitu orang-orang yang telah dilembutkan hatinya (Hasanah Abd Khafidz, 2006 dalam Irwan et.al 2014). Ayat di atas juga menjelaskan golongan mualaf turut tergolong dalam golongan yang menerima zakat. Menurut Razaleigh Muhamat (2014), pemberian zakat kepada golongan mualaf adalah salah satu cara untuk memenangi dan melembutkan hati mereka untuk menerima Islam serta bertujuan untuk memotivasikan serta menguatkan pegangan aqidah Islamiyah yang baru dianuti oleh mereka. Di antara penjelasan ringkas ayat tersebut menyebut bahawa golongan mualaf adalah salah satu daripada golongan yang berhak untuk menerima zakat selain fakir, miskin, amil dan ibnu sabil fi sabilillah (Nur A’thiroh Masyaa’il Tan 2007; Nor Adibah & Razaleigh Muhamat 2015).

Selepas memeluk Islam, golongan mualaf ini akan mengikuti beberapa kelas agama yang diadakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri dan badan-badan NGO seperti IDIP yang menawarkan kursus-kursus jangka pendek dalam mempelajari agama Islam (Razaleigh Muhamat & Marlon Pontino Guleng 2014). Bagi golongan pelajar mualaf, terdapat subjek Pendidikan Islam yang diajarkan di sekolah dalam mendedahkan mereka terhadap Islam. Kesyumulan pendidikan Islam adalah bentuk tarbiah yang paling baik dalam membentuk seseorang individu (Siti Fathimatul Zahrah & A’thiroh Masyaa’il Tan 2015). Oleh itu, peranan guru-guru muslim terutama guru Pendidikan Islam dilihat amat penting dalam mengenalpasti sekiranya terdapat pelajar-pelajar mualaf di dalam kelas agar kehadiran mereka dibantu.

### **Pendidikan Islam Terhadap Golongan Mualaf**

Pendidikan Islam merupakan medium utama bagi mualaf untuk meningkatkan pengetahuan agama Islam. Golongan mualaf merupakan golongan muslim yang masih dalam proses mempelajari agama Islam. Golongan ini secara asasnya memerlukan bimbingan yang efektif bagi membantu mereka membina persepsi diri yang baru selepas menjalani proses peralihan agama (Siti Fathimatul Zahrah & A’thiroh Masyaa’il Tan 2015). Pendidikan Islam itu sendiri mempunyai matlamat dan falsafah yang murni bertujuan untuk membangun dan membentuk individu, masyarakat serta negara yang diredai oleh Allah S.W.T (Mohd Aderi et.al 2014).

Sebelum melihat pengertian Pendidikan Islam secara menyeluruh, penulis akan membincangkan makna pendidikan menurut pandangan Barat dan Islam. Pendidikan menurut pandangan sarjana Islam Al-Syaibani (1991) dalam Noor Hisham (2011), pendidikan adalah membina atau membentuk keperibadian yang sempurna dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada jasmani, rohani, akal, amalan dan sosial bagi mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat. Konsep-konsep utama yang ditekankan dalam definisi ini ialah pembinaan peribadi pelajar dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Hassan Langgulung dalam Mohd Aderi et.al (2014), pendidikan adalah sesuatu pemindahan nilai kebudayaan untuk melahirkan manusia yang bertanggungjawab dan berbakti kepada Allah. Al-Attas pula mendefinisikan pendidikan ialah ‘pengenalan dan pengakuan yang ditanam secara beransur-ansur dalam diri manusia, mengenai tempat seseorang yang tepat dalam hubungannya dengan hakikat itu serta dengan kapasiti dan potensi jasmani, intelektual mahupun rohani’. Definisi pendidikan oleh sarjana Islam berbeza dengan sarjana Barat yang mana sarjana Barat memberi takrifan pendidikan tanpa menyentuh aspek kepercayaan dan ketuhanan. John Stuart Mill (1984) dalam Noor Hisham (2011) mendefinisikan pendidikan ialah aktiviti memahami potensi yang terdapat pada seseorang dan seterusnya berbuat sesuatu untuk kesempurnaan tabii.

Pendidikan Islam menurut Mohd Roslan dan Wan Mohd Tarmizi (2011), bahawa pendidikan Islam sebagai satu kefahaman yang akan menjauhkan manusia dari sifat tercela dan menyelami sifat terpuji. Ini bermakna bahawa pendidikan Islam adalah pendidikan yang membentuk nilai moral akhlak yang tinggi dengan menjauhi sebarang amalan sifat buruk dan memuliakan peribadi dengan akhlak yang murni. Abdul Halim El Muhammady (1984) turut memberikan pengertian bahawa pendidikan Islam sebagai proses untuk melatih diri dalam aspek rohani, jasmani dan akal berdasarkan nilai pengajaran yang dianjurkan dalam al- Quran dan sunnah (Siti Fathimatul Zahrah & A’thiroh Masyaa’il Tan 2015). Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan diri mualaf setelah memeluk Islam menurut apa yang terkandung di dalam al-Quran dan sunnah.

Konsep Pendidikan Islam adalah melatih perasaan halus pelajar sehingga dapat membentuk sikapnya terhadap kehidupan, segala tindakan, keputusan dan pendekatan pada semua jenis ilmu pengetahuan, melalui nilai-nilai kerohanian dan nilai etika Islam yang mendalam (Syed Ali Ashraf dalam Mohd aderi et.al 2014). Ini bersesuaian dengan matlamat Pendidikan Islam untuk melahirkan murid yang mantap keimanan dan ketaqwaan sebagai benteng ketahanan diri, menguasai dan mengamalkan ilmu fardu ain dan fardu kifayah sebagai pedoman dan amalan hidup (Fathiyah 2012). Menurut Noor Hisham (2011), pendidikan islam ialah ‘satu proses yang diusahakan secara sedar oleh pendidik dengan menerapkan ilmu, nilai dan kemahiran tertentu untuk mengembangkan seluruh potensi peserta didik secara optimum dengan membimbingnya mengenali Tuhan dalam setiap posisi kehidupannya’.

Pendidikan Islam dianggap sebagai satu sistem yang dikenali juga sebagai ta'dib kerana ta'dib itu sendiri merangkumi pertumbuhan fizikal, intelek, emosi dan rohani manusia serta pembentukan akhlak insan. Menurut (Siti Fathimatul Zahrah & A'thiroh Masyaa'il Tan 2015), Hasil sorotan kajian lepas mendedahkan bahawa kaedah pendidikan yang sesuai akan membantu meningkatkan kualiti kefahaman. Ini menunjukkan bahawa pendidikan Islam menyediakan panduan dalam membentuk dan membangunkan individu dalam setiap aspek untuk menjadi seorang khalifah Allah di muka bumi.

Ini selari dengan matlamat Pendidikan Islam KBSM yang telah diungkap oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2002) sebagai menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh, beradab, berakhlak mulia berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara (Fathiyah 2012: 22).

Berdasarkan matlamat yang di gariskan oleh KPM ialah matlamat untuk melahirkan insan yang dibangunkan secara seimbang dan menyeluruh. Matlamat berkenaan selari dengan matlamat penciptaan insan iaitu pengabdian yang sepenuhnya kepada Allah S. W.T. hal ini kerana tanpa menjadi insan yang sempurna menyeluruh pengabdian kepada Allah S.W.T tidak mampu direalisasikan. Matlamat ini perlu mendukung ke arah penghasilan pelajar yang beriman, berilmu, beramal, berakhlak dan menjadikan Islam sebagai cara hidup dan panduan hidup (Fathiyah 2012).

### **Metode Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Mualaf**

Pengajaran merupakan proses bimbingan yang diberikan kepada pelajar-pelajar untuk membantu mereka dalam proses pembelajaran. Menurut Tengku Sarina dan Faridah (2008), pengajaran merupakan proses guru membimbing pelajar-pelajarnya ke arah menghasilkan perubahan tingkah laku dalam diri seseorang itu supaya menjadi orang yang baik, bijak dan cekap dalam disiplin ilmu yang dipelajari. Sementara menurut Siti Fathimatul Zahrah & A'thiroh Masyaa'il Tan (2015), metode pengajaran yang bersesuaian adalah penyumbang utama kepada kefahaman tentang Islam di kalangan mualaf. Ini kerana golongan mualaf memerlukan bimbingan yang efektif dalam membina personaliti diri sebagai seorang muslim selepas melalui proses pertukaran agama.

Terdapat pelbagai metode pengajaran yang boleh dilaksanakan mengikut matlamat pengajaran yang ingin dicapai. Metode dalam konteks Pendidikan Islam ialah menggunakan cara tertentu untuk mendekati sesuatu dalam mencapai sesuatu (Maimun Aqsha 2013). Ini selari dengan kenyataan Maimun Aqsha & Roslan (2005); Siti Najidah (2015) bahawa dalam mencapai matlamat yang dikehendaki, pengajaran

perlu melihat kepada kaedah pengajaran yang dapat menarik minat pelajar, keadaan dan kebolehan pelajar serta kemampuan guru itu sendiri. Pengajaran untuk muallaf perlu melihat kepada metode yang dapat menarik minat pelajar muallaf mendalami Pendidikan Islam serta melihat kemampuan muallaf dalam menerima dan menyesuaikan diri mereka dalam mempelajari Pendidikan Islam. Sebagaimana Firman Allah dalam surah Al-Jumuah 62:2.

“Dialah Yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang ummiyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keEsaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (daripada iktikad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak) dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata”. (Tafsir Quran Karim : Mujamma’ Fahd)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Rasulullah saw telah menggunakan pelbagai kaedah dalam menyampaikan seruan dakwah dengan melihat kefahaman dan kedudukan seseorang individu sama ada pelajar yang baru mendalami Islam atau pelajar yang telah lama menguasai Islam (Mohd Aderi et. al 2015).



Rajah 1: Metode Pengajaran Muallaf

Penyampaian pengajaran dengan kaedah yang kurang tepat bakal mempengaruhi impak pembelajaran. Oleh itu, berdasarkan rajah 1 penulis memilih beberapa metode yang bersesuaian dalam pengajaran pelajar muallaf dalam meemahami dan mengamalkan Islam dalam kehidupan harian.

Dalam sejarah Islam pengislaman golongan mualaf telah lama berlaku sejak zaman Rasulullah s.a.w. melalui dakwah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w sama ada secara terang- terangan atau senyap. Sementara menurut Fathiyah (2012); Maimun Aqsha (2013), Rasulullah s.a.w telah mempamerkan satu metode pendidikan yang menyeluruh sebagai panduan kepada seluruh manusia. Metode ini dikenali sebagai 'role model' yang mana pengajaran dan pembelajaran Rasulullah yang paling mudah adalah sahsiah baginda yang menjadi faktor kepada kejayaan didikan dan dakwah yang dilaksanakan.

Menurut Ab. Halim & Mohamad Khairul (2010); Ab. Halim (2015), guru muslim perlu mempunyai akhlak yang baik, kerana mereka secara amnya dianggap sebagai model atau teladan untuk pelajar-pelajar, terutamanya bagi pelajar mualaf. Guru-guru muslim adalah orang yang secara langsung mendidik mualaf mengenai Islam dan membimbing mereka dengan teliti bagaimana untuk hidup sebagai muslim yang baik. Ini bertepatan dengan teori "Pembelajaran Sosial" (Bandura 1977) yang mana seseorang individu belajar melalui pemerhatian dan interaksi dengan anggota sosial lain dalam aktiviti seharian. Oleh itu saudara baru perlu didedahkan dengan pengetahuan dan amalan yang betul mengenai Islam melalui sikap dan akhlak yang ditonjolkan oleh guru.

Seterusnya metode pengajaran secara bimbingan dan kaunseling. Menurut Mohd Azmi & Maimunah (2003), pelajar mualaf mempunyai iman yang masih lemah. Justeru itu, mereka memerlukan bimbingan guru dalam memahami serta mengukuhkan pegangan pelajar mualaf dalam mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka seharian Menurut Tengku Sarina dan Faridah (2008), guru perlu mengenal pasti pendekatan pengajaran yang sesuai bagi pelajarannya dalam membimbing pelajar menguasai konsep-konsep dalam Pendidikan Islam.

Menurut Nur A'Thiroh Masyaa'il Tan (2009), golongan mualaf akan melalui beberapa tahap yang memerlukan ilmu, kesabaran, dorongan, sokongan, nasihat dan motivasi yang berterusan untuk menghadapi setiap tahap tersebut sehingga akhirnya membawa kepada tahap ketenangan dalam al-makrifatullah. Setiap golongan mualaf memerlukan kaunseling dalam memberi dorongan yang berbentuk mental dan rohani dalam mendalami Islam. Seterusnya menurut Nor Adibah & Razaleigh (2015), perkhidmatan kaunseling pula adalah amat penting dalam kehidupan seorang mualaf. Kaunseling amat digalakkan berdasarkan firman Allah S.W.T dalam surah Nahl 16:125.

“Serulah ke jalan TuhanMu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik...”.  
(Salleh et.al 2002 : 265)

Oleh itu, dapat difahami bahawa kaunseling perlu dijalankan dengan cara yang tepat dan berkesan bersesuaian dengan keadaan serta keperluan seseorang muallaf (Salleh et.al 2002). Menurut kajian yang dijalankan oleh Nor Adibah & Razaleigh (2015), bimbingan kaunseling bagi muallaf perlu dijalankan dengan menggunakan modul standard khas untuk golongan muallaf supaya proses kaunseling dapat dijalankan dengan jayanya dan menjimatkan masa proses kaunseling itu sendiri. Al-Ghazali menyatakan guru perlu memerhatikan masalah yang dihadapinya oleh pelajarnya yang akhirnya membentuk satu penyelesaian (Abdul Salam dalam Mohd Aderi et.al 2014).

Proses pengajaran akan semakin berkesan apabila wujudnya komunikasi yang berkesan antara guru dan pelajar muallaf melalui aspek bimbingan dan kaunseling. Apabila membicarakan bimbingan dan kaunseling, bukan hanya guru kaunseling sahaja yang berperanan malah guru Pendidikan Islam juga harus memainkan peranan sebagai pembimbing pelajar muallaf terutama berkaitan soal agama Islam. Seorang guru perlu bersikap peramah dan mudah dihampiri. Ini membolehkan guru bergaul serta mewujudkan hubungan yang baik serta perasaan ingin lebih mengenali dengan dekat mengenai pelajar muallaf. Konsep ini sesuai dengan kaedah pendidikan Rasulullah yang menggunakan kaedah kasih sayang antara guru dan pelajar (Ab.Halim & Mohamad Khairul 2010; Mohd Aderi et.al 2014; Mohd Khairuddin 2014 ).

Azhar Haji Ahmad dan Ab. Halim Tamuri (2010) dalam Siti Fathimatul Zahrah & A'thiroh Masyaa'il Tan (2015), menyatakan bahawa dalam mempraktikkan amalan pengajaran, guru perlu berbalik kepada Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai amalan dan panduan. Antara kaedah pengajaran yang boleh dijadikan amalan dalam membimbing muallaf ialah pengajaran secara refleksi. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Hasyr 59:2.

“... Maka ambillah (kejadian itu) untuk menjadi pengajaran, hai orang-orang yang yang mempunyai pandangan”. (Hasbi et.al 1971 : 915)

Ayat di atas jelas membuktikan bahawa pengajaran berkesan apabila pelajar belajar daripada pengalaman yang lepas sama ada pengalaman diri sendiri atau masyarakat agar kesalahan yang sama tidak berulang semula (Siti Fathimatul Zahrah & A'thiroh Masyaa'il Tan 2015). Ini selari dengan Teori pembelajaran pengalaman Kolb (1984) menyatakan bahawa idea bukanlah satu unsur pemikiran yang tidak boleh diubah tetapi dibentuk semula melalui pengalaman. Oleh itu, pembelajaran adalah satu proses di mana konsep sentiasa diubahsuai oleh pengalaman. Seterusnya pengajaran secara pemerhatian dan penelitian turut disentuh di dalam Al-Quran. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Nisa' 4:82.

“Maka apakah mereka tidak memperhatikan Al-Quran? Kalau kiranya Al-Quran itu bukan dari sisi Allah, tentulah mereka mendapat pertentangan yang banyak di dalamnya”. (Hasbi et.al 1971:132)

^Keseluruhan ayat di atas menjelas bahawa Allah turut menyeru manusia untuk mengambil pengajaran dengan melakukan pemerhatian dan meneliti sebelum membuat rumusan dan keputusan. Dalam pembelajaran masa kini, kaedah ini lebih dikenali sebagai pengajaran menggunakan inkuiri. Menurut Krishner et al. (2006) menyatakan bahawa guru berperanan sebagai fasilitator yang menyediakan persekitaran yang membolehkan pelajar berfikir pada tahap yang tinggi seperti membuat keputusan dan juga menyelesaikan masalah. Secara tidak langsung, pelajar mualaf akan dibimbing oleh guru dalam menyelesaikan masalah dan dilema yang mereka hadapi dalam dunia relaiti.

Metode terakhir yang akan dibincangkan oleh penulis ialah guru mengaplikasikan metode pengajaran secara individu terhadap pelajar mualaf. Menurut Sharifah Alwiyah (1981), pengajaran individu itu tidak mengira bentuk atau cara menjalankannya. Pendekatan individu yang digunakan oleh guru dalam kaedah pengajaran akan membimbing guru untuk mendekati pelajar secara menyeluruh serta membina hubungan yang berkesan antara guru dan pelajar (Tengku Sarina & Faridah 2008). Dalam situasi pelajar mualaf, penekanan pengajaran secara individu perlu dilakukan supaya pelajar faham apa yang diajar seperti melaksanakan ibadah solat. Guru perlu menerangkan cara mengerjakannya secara teori dan melakukan amali. Oleh itu, pelajar yang lemah dalam pencapaian ini akan mendapat perhatian daripada guru berdasarkan keupayaannya sendiri.

### **Cabaran Metode Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Mualaf**

Berdasarkan metode pengajaran yang telah dibincangkan sebelum ini, cabaran yang paling utama ialah keberkesanan kaedah pengajaran. Keberkesanan pengajaran merupakan penyumbang utama kepada peningkatan kefahaman Islam di kalangan mualaf. Penyampaian pengajaran dengan kaedah yang kurang tepat bakal memberi kesan terhadap pembelajaran pelajar mualaf. (Siti Fathimatul Zahrah & A’thiroh Masyaa’il Tan (2015). Sementara menurut Azmi & Maimunah (2003), kekurangan kaedah pengajaran yang kurang lengkap menyebabkan penyampaian guru tidak dapat disampaikan dengan baik. Oleh sebab itu, bimbingan dalam pengajaran perlu dilakukan secara teliti dan sistematik dengan menekankan pemahaman dan mendorong penghayatan yang optimum.



Menurut Sayyid Buhar et.al (2013); Siti Rugayah et.al (2014), cabaran-cabaran luaran turut mempengaruhi kehidupan pelajar mualaf dalam mengamalkan cara hidup Islam. Antara cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh pelajar ialah penerimaan ahli keluarga dan masyarakat. Dalam kajian yang dijalankan oleh Muhammad Yusuf et.al (2014) menunjukkan bahawa kebanyakan mualaf akan menerima sindiran daripada keluarga sendiri serta dilabelkan sebagai masuk melayu. Secara tidak langsung ini meninggalkan kesan emosi terutama pelajar yang dalam proses membentuk keyakinan diri.

Cabaran seterusnya ialah kekurangan pengetahuan tentang ajaran Islam menyebabkan pelajar mualaf tidak dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai muslim terutama berkaitan ibadah seperti kewajipan solat lima waktu. Menurut Faizal Arif (2013) dalam (Siti Fathimatul Zahrah & A'thiroh Masyaa'il Tan (2015), salah satu faktor golongan mualaf kembali kepada agama asal disebabkan mualaf tidak memiliki pengetahuan agama serta tidak mengamalkan ajaran Islam. ini kerana terdapat dari kalangan mualaf masih tidak mampu membaca Al-Fatihah walaupun telah lama memeluk Islam. Jika keadaan ini berterusan kemungkinan akan menyebabkan mereka berasa tawar hati dalam mendalami agama Islam dan akhirnya kembali pada agama yang asal .

Selain itu, cabaran yang perlu dihadapi mualaf ialah pendedahan maklumat tentang Islam yang tidak disampaikan secara terperinci dan kurangnya program berterusan dalam proses bimbingan yang diterima secara sistematik dan berterusan (Mohamad Zaid et. al 2011). Namun, menurut kajian Razaleigh Muhamat & Marlon Pontino (2014), terdapat beberapa institut dakwah yang mula memainkan peranan dalam usaha melaksanakan pendidikan dan latihan amali. Antaranya Institut Dakwah Islamiah PERKIM yang berperanan memberi pendidikan Islam secara formal terhadap golongan mualaf serta ahli keluarga mereka.

Oleh itu, metode pengajaran bagi golongan mualaf tidak tertumpu hanya pada guru tetapi pihak-pihak lain juga seperti badan dakwah berperanan dalam mengambil berat terhadap golongan mualaf agar golongan ini tidak berasa asing meneruskan kehidupan dalam agama Islam. Ini turut disokong oleh Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah (2013) dalam Nor Adibah & Razaleigh (2015), agar pihak-pihak tertentu berusaha untuk mempertingkatkan kehidupan mualaf dalam melahirkan mualaf yang berkualiti.

## **PENUTUP**

Secara kesimpulannya dapat difahami bahawa pendidikan Islam memiliki kurikulum yang lengkap untuk disampaikan kepada setiap mualaf yang memeluk Islam kerana pendidikan Islam bersifat menyeluruh yang berkesan sebagai pembentuk peribadi muslim yang utama. Ia menjadi penyumbang utama kepada pembangunan diri mualaf setelah memeluk Islam. Guru-guru muslim serta badan-badan dakwah perlu memberi perhatian yang lebih serius dalam isu pembangunan pendidikan mualaf dalam memastikan tahap kefahaman dan penghayatan oleh mualaf sentiasa berada di tahap memuaskan berbanding situasi masa kini. Ini bagi mengelakkan pelajar mualaf serta keluarga mereka kembali kepada agama asal.

Oleh itu, pengajaran pendidikan Islam terhadap mualaf perlu mengutamakan pembinaan kefahaman akidah terutama terhadap pelajar mualaf. Pendidikan yang ingin disampaikan perlu penjelasan untuk membentuk kefahaman dan menghilangkan sebarang keraguan. Seterusnya membina penghayatan dalam diri serta membimbing keyakinan pelajar mualaf untuk terus hidup dalam Islam. Apabila pelajar mualaf mula memahami konsep akidah, pelajar secara perlahan akan mula menghayati ajaran Islam yang akan membina kekuatan dalam diri melalui pelaksanaan ibadah wajib serta bimbingan dan dorongan yang diterima oleh mereka.

## **RUJUKAN**

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and arabic Education* 2(1): 43-56.
- Ab. Halim Tamuri. 2015. Educating Teacher For Mualaf: The Tawhidic Base. *Jurnal Hadhari* 7(2): 1-10.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. 2012. Peranan & Cabaran Guru Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Irwan, Azmna, Mahazan, Niradli Ridzwan Shah, Wan Mohd Fazrul Azdi, Rose Irnawaty, Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Anuar Musaddad & Norlian Ismail. 2015. Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf dalam Kalangan Mualaf di Malaysia. *Jurnal Infad* 6: 111-134.
- Maimun Aqsha Lubis & Roslan. 2005. Kaedah Pengajaran Pengetahuan Agama Islam di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan* 30: 141-150.
- Maimun Aqsha Lubis. 2013. Peradaban Islam & Tamadun Dunia. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Aderi Che Noh, Noraini Omar & Nur Hanani Hussin. 2014. Sumber Pendidikan Islam. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Azmi Mat Sah & Maimunah Ismail. 2003. Status Program Pembelajaran di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes di Negeri Melaka. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 11(1): 81-95.
- Noor Hisham Md Nawi. 2011. *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Marlon P.Guleng @ Muhammad Yusuf Marlion Abdullah, Razaleigh Muhamat @ Kawangit & Syarul Azman Shahrudin. 2014. Cabaran Mualaf dalam Masyarakat. *The Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 1. <http://www.myjournal.my/html> [12 Oktober 2016].
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Haji Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji. 2014. Komunikasi Guru dalam Bilik Darjah dan Tingkah laku Delinkuen Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan* 5: 59-77.
- Mohd Khindir Ngah, Maimun Aqsha Lubis & Mohd Anizan Saidin. 2015. Strategi-strategi Dakwah Rasulullah S.A.W. *The Eight International Workshop and Conference of Asean Studies in Islamic and Arabic Education*, hlm.139-149.
- Mohamad Zaid Mohd Zin, Sharifah Anom Omar, Saurdi Ishak, Nurfaahiratul Azlina Ahmad & Mohd Sapawi Jamain. 2011. UiTM Student (Muslim Convert) Perspective on Fundamentals of Fardhu Ain. *International Proceedings of Economics Development & Research*, hlm. 540-545.
- Nor Adibah Ibrahim & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2015. Keperluan Modul Kaunseling Standard kepada Mualaf Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam Akademi Islam KUIS* 8(3): 115-129.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham. 2009. Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari* 2: 83-97.
- Paul A.Kirschner, John Sweller & Richard E. Clark. 2006. Why Minimal Guidance During Instruction Does Not Work: An Analysis of the Failure of Constructivist, Discovery, Problem-Based, Experiential, and Inquiry-Based Teaching. *Educational Psychologist* 41(2): 75-86.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit & Marlon Pontino Guleng. 2014. Respon Mualaf Terhadap Pendidikan dan Latihan Amali yang Dilaksanakan oleh Institut Dakwah Islamiah Perkim, Kota Bharu Kelantan. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 20 November.
- Rohaila Yusof, Norasmah Othman & Faridah Karim. 2005. Strategi Pembelajaran Pengalaman Berasaskan Model Kolb dalam Pendidikan Perakaunan. *Jurnal Pendidikan* 30: 113-128.

- Salleh Amat, Ab Halim Tamuri & Mohd Arif Ismail. 2002. Aplikasi Kaunseling dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1): Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi, hlm.264-274.
- Sayyid Buhar Musal Kassim, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Zawiyah Baba. 2013. A Survey Of Problems Faced By Convercts To Islam In Malaysia. Jurnal of social Sciences and Humanities 8(1): 85-97.
- Sidek Baba. 2006. Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Siti Fathimatul Zahrah Yusri & A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pow. 2015. Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Mualaf: Satu Tinjauan Literatur. Prosiding Seminar Pengurusan: Ke Arah Pemantapan Ummah, hlm. 1-17.
- Siti Rugayah Tibek, Fariza Md Sham & Muhammad Hilmi Jalil. 2014. Pembangunan Dakwah Mualaf. Bangi: Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah. 2012. Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah. Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia 2(1): 18-36.
- Syarul Azman Shahrudin & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2014. Sikap Pembelajaran terhadap Pencapaian Kursus Fardhu Ain dalam Kalangan Mualaf Cina di Jabatan Agama Islam Daerah Kajang. Islamiyyat 36(2): 97-102.
- Syarul Azman Shahrudin, Mariam Abdul Majid, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Fakhri Bin Sungit, Zulkifli Abd. Hamid & Hanis Najwa Shahrudin. 2016. Isu Dan Permasalahan Mualaf (Cina) Di Malaysia. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (Irsyad 2016).

# **ANDRAGOGI PENDIDIKAN ISLAM MUALAF**

Dr. Abdul Hamid bin Ali & Dr. Wan Anuar bin Yaacob

# ANDRAGOGI PENDIDIKAN ISLAM MUALAF

Dr. Abdul Hamid bin Ali  
Dr. Wan Anuar bin Yaacob  
*Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu, Kelantan*  
ipgm-1965@moe-dl.edu.my  
wananuari@yahoo.com

## ABSTRAK

Kajian ini berfokus kepada andragogi pendidikan Islam dalam kalangan mualaf. Andragogi adalah mempelajari cara bagaimana orang dewasa belajar yang terdiri daripada pelbagai ciri dan kelompok. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah secara analisis teoritikal dan dokumen dengan cara memberi tumpuan khusus terhadap mualaf. Kajian ini mengupas mengenai ciri andragogi mualaf berdasarkan teori dengan mengemukakan prinsip-prinsip pembelajaran orang dewasa, konsep bimbingan dan peranan fasilitator andragogi pengajaran mualaf. Selain itu kertas ini turut mengemukakan kaedah praktis andragogi mualaf serta contoh aplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, ciri khas pembelajaran mualaf dilihat unik kerana konsep pembelajaran, kandungan bahan pembelajaran serta amalan pedagogi mereka adalah berbeza dengan teori dan amalan andragogi biasa. Kajian ini diharapkan dapat membantu peranan fasilitator andragogi mualaf seterusnya menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran mualaf menjadi lebih menarik, efisien dan efektif.

**Kata Kunci :** Andragogi, Mualaf, Perinsip, Bimbingan, Kaedah dan Aplikasi.

## PENDAHULUAN

Aktiviti pembelajaran selamanya akan berlangsung selagi mana manusia mengupayakan kapasiti berfikir dalam setiap tindakan mereka. Dalam aktiviti belajar, proses pembelajaran kanak-kanak, remaja dan orang dewasa adalah berbeza mengikut pertumbuhan dan perkembangan mereka. Dalam konteks pembelajaran orang dewasa, golongan ini bukan lagi dianggap sebagai objek sosial yang perlu dibentuk serta dipengaruhi oleh orang lain secara berterusan. Tujuan pembelajaran orang dewasa lebih mengarah kepada penyempurnaan identiti atau insan kamil (*process of becoming a person*) bukan lagi proses pengendalian dan manipulasi diri mereka untuk disesuaikan dengan orang lain. Proses pembelajaran orang dewasa adalah merupakan proses untuk mencapai aktualisasi diri (*self-actualization*).

Sebagaimana pedagogi, andragogi juga merupakan satu segmen penting dalam pendidikan. Terdapat ramai dalam kalangan orang dewasa belum mendapat pendidikan yang sempurna sama ada secara formal atau tidak. Mereka juga mempunyai latar belakang sejarah kehidupan yang berbeza, mempunyai kematangan yang berbeza serta telah mendapat pendedahan pelbagai maklumat dalam berbagai perkara serta tidak perlu banyak bergantung kepada pengarahannya sendiri orang lain.

Secara esensialnya pembelajaran orang dewasa memerlukan pendekatan khusus dan sewajarnya setiap teori yang berkaitan dengan pembelajaran mereka perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Berdasarkan konsep dan teori andragogi, diharapkan dapat membantu orang dewasa khususnya saudara baru yang mula mendekati diri untuk belajar sesuatu tentang agama dan adaptasi sosial masyarakat muslim seterusnya dapat merealisasikan proses pencapaian pendidikan seumur hidup (*long life education*) terhadap mereka. Pembelajaran dewasa juga bergantung kepada tahap kematangan orang dewasa tersebut serta domain arahan mereka (Nadkarni, 2003). Oleh hal yang demikian, kertas ini akan cuba mengupas mengenai masalah andragogi dalam kalangan saudara baru serta langkah-langkah cadangan ke arah pelaksanaan pengajaran ke atas mereka dengan cara yang lebih baik.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Secara etimologi, maksud andragogi adalah memimpin atau melayani (latin “andros” bermaksud orang dewasa dan “agogos” yang bermaksud memimpin), andragogi adalah seni dan sains yang membantu pelajar dewasa untuk belajar (*the art and science of helping adults learn*) (Knowles, 1980). Jika pedagogi biasa fokus kepada mengajar anak-anak andragogi bukan sahaja melihat perkembangan dari segi biologi bahkan juga termasuk sosial dan psikologi. Dewasa di sini pula merujuk kepada seseorang yang telah mampu memainkan peranan secara sosial-budaya. Walau bagaimanapun, dalam konteks pembelajaran formal kajian menunjukkan kombinasi antara pedagogi dan andragogi sangat berorientasi terhadap proses pembelajaran (Norah, Jamalludin dan Baharudin, 2012).

Secara amnya dapat difahami bahawa andragogi adalah mempelajari cara bagaimana orang dewasa belajar, andragogi didasarkan pada prinsip bahawa perlunya fasilitator mencipta iklim pembelajaran "dewasa" terhadap persekitaran bilik darjah melalui penerokaan pembelajaran bersama dan pembelajaran berterusan (Hagen & Park, 2016). Dalam hal ini semestinya orang dewasa belajar dengan cara yang berbeza, semakin dewasa dan matang seseorang sudah tentu semakin kompleks pengetahuan yang dimilikinya. Oleh itu proses pembelajaran juga perlu dipelbagaikan mengikut kaedah dan teknik tertentu atau dengan kata lain andragogi menyediakan kaedah bagi individu untuk memudahkan pembelajaran mereka sendiri (Knowles, 1973).

Dewasa dalam maksud ini juga adalah kematangan, Smith dan Delahaye (1987) mengukur kematangan pelajar melalui beberapa indikator di antaranya adalah seperti pengetahuan mereka dalam bidang subjek, tahap minat dalam memperoleh pengetahuan, tahap kesediaan menerima tanggungjawab belajar untuk belajar dan tahap kemahiran yang dimiliki oleh pelajar. Selain itu pelajar dewasa juga diidentifikasi sebagai pelajar yang memiliki kesedaran terhadap diri sendiri, pengalaman, motivasi belajar, orientasi terhadap pembelajaran dan memiliki sejumlah pengetahuan yang menunjukkan kematangan dengan ciri-ciri yang boleh diukur (Muduli, Kaura & Quazi, 2018).

Andragogi adalah satu terma yang luas merangkumi pendidikan kolej dan universiti, latihan berasaskan pekerjaan, pendidikan komuniti atau peningkatan sendiri. Boleh dikatakan bahawa pembelajaran dewasa adalah mengenai perubahan – perubahan dalam sikap, pengetahuan, tingkah laku, kemahiran, cara berfikir dan produktiviti. Pembelajaran orang dewasa juga sangat signifikan dengan pembelajaran sepanjang hayat dimana konsep asasnya adalah implikasi ekonomi, memberi sumbangan kepada pertumbuhan masyarakat, membantu membawa perubahan dan meningkatkan kualiti hidup bagi setiap individu (Norzaini Azman, 2009). Dalam konteks pendidikan abad 21 bagi orang dewasa, terdapat lima asas bagi pembelajaran orang dewasa iaitu belajar untuk mengetahui, untuk melakukan, belajar untuk hidup bersama, belajar untuk menjadi, dan belajar untuk mengubah diri dan masyarakat ([www.unesco.org](http://www.unesco.org)).




Figure 3. The Five Pillars of Learning

UNESCO dalam hal ini menjelaskan bahawa proses pembelajaran individu adalah berbeza mengikut peranan mereka masing-masing kategori seperti pekerja buruh, pekerja sendiri, penganggur, penfasilitators, ibu bapa, warganegara, sukarelawan, pendatang, jiran, penganut agama, pemimpin, rakyat dan sebagainya.



## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kualitatif, ia melibatkan penakulan induktif bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu (Trochim, 2008). Sebagaimana kaedah yang biasa digunakan dalam bidang sains sosial seperti historiografi, etnografi, dan sosiologi kualitatif. Kajian ini menekankan kepada analisis dokumen, ianya dilihat selari dengan keadaan bidang yang masih belum matang dari segi teori dan amalan, kajian ini juga mendapati pendekatan, teknik, kaedah, isu dan pengsektoran oleh pengkaji awal bidang andragogi umum adalah relevan dan dapat digunakan sebagai panduan dan rujukan.

### **Prinsip Pembelajaran Orang Dewasa**

Antara prinsip pembelajaran orang dewasa sebagaimana yang digariskan oleh Knowles, (1990) adalah;


1. Belajar Untuk Tahu - Pelajar dewasa perlu tahu mengapa mereka perlu belajar sesuatu sebelum berusaha untuk mempelajarinya. Apabila mereka mengambil keputusan belajar sendiri, mereka akan menggunakan tenaga sepenuhnya untuk meneroka kepentingan pelajaran dan akibat yang mungkin berlaku jika tidak mempelajarinya. Pelajar dewasa perlu tahu mengapa mereka perlu belajar sesuatu sebelum berusaha untuk mempelajarinya. Apabila mereka mengambil keputusan belajar sendiri, mereka akan menggunakan tenaga sepenuhnya untuk meneroka kepentingan pelajaran dan akibat yang mungkin berlaku jika tidak mempelajarinya.
2. Mempunyai Konsep Belajar Kendiri - *self-directed learners*  
Pelajar dewasa mempunyai konsep sendiri yang ingin bertanggungjawab ke atas keputusan sendiri untuk kehidupan mereka sendiri. Oleh itu, pelajar dewasa mempunyai “keperluan psikologi” terhadap hala tuju sendiri dalam proses pembelajaran.
3. Mempunyai Pengalaman Belajar - *prior experience and the adult learner*.  
Pelajar dewasa mempunyai pengalaman yang lebih luas dan kualiti pengalaman yang berbeza berbanding remaja. Maka, terdapat kepelbagaian dalam perbezaan individu dewasa.
4. Mempunyai Kesiediaan untuk Belajar - *readiness to learn*  
Pelajar dewasa bersedia untuk belajar semua perkara yang mereka perlu tahu dan bersedia untuk belajar apabila mereka melihat pembelajaran itu relevan dengan kehidupan sebenar mereka.
5. Berorientasi Pembelajaran. Pelajar dewasa adalah individu yang berteraskan kehidupan (*life-centred*), berorientasi tugas atau masalah dalam proses pembelajaran. Pelajar dewasa bermotivasi untuk belajar sesuatu demi mengembangkan ilmu yang dilihat akan membantu mereka menjalankan tugas atau memfasilitasikan masalah dalam kehidupan seharian.

6. Motivasi - Walaupun pelajar dewasa memberi respon kepada sebahagian motivasi luaran, namun motivasi yang paling berkesan ialah motivasi dalaman.

Dalam hal ini, keberadaan muallaf dalam belajar adalah bagi memenuhi tuntutan kehendak ingin tahu yang mendalam terhadap agama yang mereka anuti. Oleh hal yang demikian dalam kalangan mereka telah terbentuk konsep belajar sendiri dalam memenuhi keperluan matlmata ini. Selain itu sebagai pelajar dewasa, para muallaf juga telah memiliki pelbagai maklumat, mereka telah biasa mencerna dan menganalisis maklumat dengan begitu rupa sebelum berada dalam Islam. Pembelajaran mereka juga berorientasikan pembelajaran di mana mereka akan cuba mencari penyelesaian terhadap permasalahan hidup semasa di samping mempunyai motivasi sendiri yang baik untuk meneruskan pembelajaran.

Dalam Pendekatan Pembelajaran Dewasa untuk Kejurulatihan, Cox (2006), membincangkan lapan teori atau falsafah pembelajaran orang dewasa dan bagaimana ia dapat diterapkan dalam latihan bimbingan. Konsep pembelajaran orang dewasa yang dicadangkan adalah pembelajaran transformatif, reflektif amalan, pembelajaran berdasarkan pengalaman, gaya pembelajaran, pengembangan mata pelajaran, nilai dan motivasi dan keberkesanan diri. Dewasa ini fasilitator bukan sahaja perlu mempelajari aspek teori pembelajaran orang dewasa bahkan mereka juga perlu mengenal aspek memberi latihan (*coaching*) kepada peserta yang terlibat. Oleh hal yang demikian fasilitator perlu menghasilkan andragogi untuk amalan terbaik dalam *coaching*. Pengalaman kejurulatihan sebenarnya memerlukan penglibatan yang mendalam serta latihan yang berkesan perlu diberikan kepada fasilitator bagi mengajar orang dewasa (Jeanes, (2021).

Bagi andragogi, terdapat beberapa teori dan model telah diperkenalkan. Antaranya adalah model cadangan Hagen & Park (2016) sebagaimana berikut;



Model Hagen & Park (2016)

Mualaf merupakan antara golongan utama yang diberi perhatian daripada 8 golongan asnaf yang telah disebutkan dalam al-Quran. Mualaf dari segi definisi semasa adalah mereka yang dijinakkan hati mereka untuk menerima Islam dan telah melafazkan dua kalimah syahadah. Mereka juga merupakan golongan yang perlu dibantu dari sudut psikologi, kewangan dan sangat perlu diberikan bimbingan dan pemantauan agama yang berterusan bagi mengelakkan mereka terumbang-ambing atau kembali kepada agama asal. Mualaf atau disebut juga sebagai saudara baru atau saudara muslim merupakan mereka yang telah bertukar pegangan agama dan kepercayaan kepada agama Islam. Mereka yang telah terbuka hatinya dengan Islam ini sangat memerlukan perhatian, bimbingan dan dorongan yang sewajarnya dalam memahamkan mereka berkenaan agama, terutama hal-hal akidah dan ibadat asas seperti konsep bersuci, mandi, solat, puasa dan sebagainya (Irwan et. al. 2016).

Dalam konteks mualaf, terdapat beberapa kategori tertentu iaitu kategori remaja, orang dewasa dan golongan warga emas. Walaupun terdiri daripada pelbagai kategori namun sumber, bahan dan sukatan pembelajaran mereka adalah sama iaitu mengenai Islam dan penyempurnaan rukun iman serta cara hidup. Apa yang berbeza adalah tahap penguasaan kandungan dan kecerdasan yang mereka miliki. Dari sudut pengislaman mereka pula terdapat beberapa kategori dalam kalangan mereka yang masuk Islam, antaranya adalah:

- 1) Memeluk Islam tetapi tanpa kesedaran yang kukuh, hanya melalui pengamatan terhadap amalan dan tingkah laku agama dari kawan-kawan.
- 2) Memeluk Islam dengan niat dan sangat bermotivasi dengan agama baru tetapi kosong dengan pengetahuan agama baru.
- 3) Memeluk Islam tetapi dengan tujuan untuk lari dari masalah keluarga asal dan kesempitan hidup
- 4) Memeluk Islam selepas membuat kajian dan mendalami agama ini dengan serius serta membuat perbandingan melalui pelbagai agama.
- 5) Kategori penguasaan bahasa, mualaf yakin memeluk Islam tetapi hanya memahami bahasa ibunda tanpa memahami bahasa Melayu dan lain-lain bahasa.

## **KONSEP BIMBINGAN PENGAJARAN MUALAF**

Setiap fasilitator mestilah mahir dalam sesuatu subjek dan menunjukkan sokongan ikhlas serta responsif terhadap keperluan mualaf. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran mualaf, fasilitator yang efektif bukan hanya bertindak sebagai sumber rujukan tetapi lebih kepada seorang pemudahcara serta memiliki kemahiran komunikasi berkesan dalam membantu pelajar menghuraikan persoalan dan kekeliruan dalam pembelajaran. Fasilitator juga memerlukan kemahiran interpersonal untuk membantu pelajar meneroka peranan mereka sebagai pelajar dewasa agar mereka dapat meningkatkan tanggungjawab terhadap pembelajaran.

## Peranan Fasilitator Andragogi Mualaf

Dalam konteks pembelajaran mualaf, fasilitator perlu memahami bahawa setiap peserta bersamanya adalah individu yang berada pada tahap di mana mereka merasa amat perlu untuk belajar. Oleh itu, fasilitator perlu memberi keyakinan bahawa dalam setiap sesi pengajaran mualaf akan mendapat maklumat tentang kepuasan belajar yang baru. Saban waktu fasilitator perlu membantu setiap pelajar mendiagnosis jurang antara aspirasi dengan tahap kebolehan pelajar. Fasilitator juga perlu mengenalpasti masalah-masalah yang dialami mualaf serta berusaha menutup jurang setiap permasalahan mereka. Kaedah pengajaran dan pembelajaran bersama adalah penting dalam andragogi, fasilitator perlu melibatkan mereka dalam proses pembelajaran seoptimum mungkin. Prosedur yang perlu dilalui oleh fasilitator sebagaimana dikemukakan Knowles (1986) adalah sebagai berikut:

- a) Mencipta suasana belajar kondusif (keadaan fizikal yang selesa seperti tempat duduk, suhu, pengudaraan, pencahayaan dan dekorasi, aliran interaksi, ciptakan situasi tempat duduk yang berlainan)
- b) Mengesan keperluan pelajar (menerima setiap pelajar sebagai seorang yang berharga serta menghormati perasaan dan idea pelajar, berusaha membina hubungan saling mempercayai dan membantu dikalangan pelajar dengan menggalakkan aktiviti-aktiviti kerjasama dan merangsang pembelajaran.
- c) Merumuskan sukatan yang sesuai dengan keperluan pelajar (menyediakan kurikulum pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan)
- d) Merancang pengajaran (merancang pengajaran dan pembelajaran mengikut topic, minggu, hari dan masa yang sesuai)
- e) Mempelbagaikan aktiviti, kaedah dan teknik yang sesuai.
- f) Menilai aktiviti belajar serta mengesan keperluan selanjutnya yang diperlukan.

Memahami hakikat bahawa mualaf adalah individu dewasa yang telah memiliki beberapa ciri di atas, maka kertas ini turut menambah beberapa perkara berhubung dengan andragogi dalam konteks pembelajaran mualaf. Antaranya adalah:

### 1. Memahami aspek regulasi diri dalam belajar mualaf (*Self Regulated Learning*)

Belajar dengan regulasi diri adalah kemampuan untuk mengelola secara efektif pengalaman belajar sendiri di dalam berbagai cara sehingga mencapai hasil belajar yang optimal (Winne, 1997). Konsep pembelajaran sendiri terhadap seseorang mualaf boleh menjadikan mereka lebih bertanggung jawab terhadap proses pembelajaran mereka sendiri. Memang dalam belajar individu ini akan mengalami masalah dan sebaik-baik penyelesaian masalah dalam konteks pembelajaran sendiri adalah melalui usaha berterusan yang dilakukan oleh individu untuk mencari jalan penyelesaian.

Kajian juga menunjukkan mana-mana pelajar yang mempunyai regulasi diri dalam belajar yang baik akan membantu seseorang dalam memenuhi berbagai tuntutan yang dihadapinya (Rachmah, 2015). Seseorang mualaf yang mempunyai regulasi diri dalam belajar boleh menjadikan dirinya lebih jelas dalam menetapkan halatuju, menilai diri dan membuat adaptasi dengan persekitaran dalam mencapai tujuan (Santrock, 2007), ini kerana bagi orang dewasa, regulasi diri dalam belajar mempunyai peranan yang besar dalam pencapaian prestasi akademik. Regulasi pembelajaran sendiri dapat menjadikan proses pembelajaran berlaku dengan sempurna serta pelajar itu sendiri dapat menentukan hala tuju pembelajaran tersebut dengan sempurna (Zimmerman, 1990).

## 2. Perlunya Penglibatan Emosi Belajar Bagi Mualaf.

Apa yang dimaksudkan dengan penglibatan emosi adalah merujuk kepada keadaan afektif seseorang pelajar serta perasaan kebersamaannya terhadap persekitaran yang boleh mempengaruhi penglibatan mereka terhadap pembelajaran dan penyesuaian positif. Banyak bukti menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai perasaan positif terhadap institusi mampu menyesuaikan diri mereka terhadap aspek sosio-budaya serta mampu mengatasi kesan negatif serta tingkah laku kemurungan dan terlibat dengan aktiviti kekerasan (Fang, Sun, dan Yuen, 2016). Selain itu, mereka yang tidak dapat melepaskan diri secara emosi dari pengaruh negatif serta aspek kognitif lain yang boleh menyebabkan berlakunya kegagalan akademik dan tingkah laku berisiko (Hirschfield & Gasper, 2011).

Bagi pelajar mualaf yang memiliki latar belakang pelbagai sudah tentu ciri-ciri seperti ini ada pada mereka dan sudah tentu aspek ini sedikit sebanyak turut mempengaruhi cara belajar mereka. Dalam keadaan ini, penglibatan emosi adalah mustahak. Komuniti pelajar ini perlu diberi kesedaran bahawa mereka adalah sebahagian dari institusi yang membimbing mereka dan ia adalah tempat memperkasakan ilmu dan membentuk nilai dan jatiri yang berterusan. Dalam proses ini, mualaf perlu melibatkan diri mereka secara emosional dalam pelbagai persekitaran pembelajaran. Penglibatan pelajar adalah penting di mana pada satu segi rasa kebersamaan mereka akan dapat membantu mengembangkan nilai dan keyakinan diri dan seterusnya mampu menyumbang kepada penyesuaian diri secara psikososial yang positif dalam pelbagai konteks perkembangan sendiri.

## 3. Perlunya Resiliensi Diri Dalam Diri Mualaf

Sebelum masuk Islam, individu mualaf sudah tentu akan mengalami pengalaman dan masalah sukar. Tidak semua mualaf mampu untuk berhadapan dengan situasi tersebut. Secara amnya resiliensi didefinisikan sebagai kemampuan individu dalam beradaptasi dengan pelbagai situasi yang sukar dalam kehidupan (Reivich & Shatte, 2002). Individu beresiliensi tinggi biasanya mampu mengubah diri dengan cepat untuk kembali kepada kondisi sebelum trauma atau pelbagai pengalaman pahit yang pernah dialami. Menurut Reivich & Shatte (2002), Individu tertentu dianggap sebagai memiliki resiliensi sekiranya mereka mampu untuk segera bangkit kembali kepada situasi semula sebelum berlakunya sesuatu trauma dan berdaya tahan terhadap situasi

negatif yang dialami. Situasi seperti ini biasa berlaku terhadap semua orang lebih-lebih lagi dalam kalangan mula berjinak-jinak dengan persekitaran baharu. Justeru itu golongan muafak perlu dilihat secara lebih dekat tentang keupayaan mereka dalam menanggapi pelbagai situasi, kekuatan dan kegagalan semasa dalam proses bimbingan amat bergantung terhadap resiliensi diri. Biasanya muafak yang mampu menghadapi rintangan dan mampu bertahan serta dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi akan memiliki resiliensi yang tinggi.

Resiliensi yang dimiliki oleh seorang individu, mempengaruhi sikap individu sama ada semasa berada di bangku sekolah mahupun dalam lingkungan masyarakat. Mereka ini juga memiliki ciri kesihatan emosi dan mental serta mampu beradaptasi dengan lingkungan secara lebih berkesan. Individu yang resilien, adalah mereka yang dapat bangkit dan berdiri semula selepas mengalami trauma atau kecewaan yang dihadapinya (Bobby, 1999). Kapasiti terhadap resiliensi ini ada pada setiap orang kerana secara lahiriah manusia dianggap mampu untuk bertahan dari penderitaan, kekecewaan, atau tentangan hidup.

#### 4. Perlunya pembelajaran melalui refleksi.

Dalam kalangan penyelidik pendidikan mereka bersetuju bahawa amalan refleksi adalah salah satu komponen yang paling kritikal dalam program pengajaran Zippay (2010). Amalan refleksi adalah satu proses pemikiran yang teliti dan mendalam terhadap semua tindakan- tindakan yang dilakukan sama ada yang dirancang atau tidak, selain itu amalan refleksi juga membolehkan individu berupaya untuk memfokuskan pemikiran melalui dialog dengan diri mereka sendiri mengenai apa yang mereka lakukan (Hatton dan Smith, 1995).

Walaupun pada asasnya amalan refleksi adalah sesuatu yang amat ditekankan kepada fasilitator dalam usaha menolong mereka melaksanakan analisis kritis terhadap isu-isu yang dapat menghalang proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Lai dan Calandra, 2010) sama ada pada peringkat sebelum dan semasa proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (*Reflection on-action*) mahupun malan refleksi yang berlaku selepas pengajaran dan pembelajaran (*reflection-in-action*), namun begitu menggalakkan pelajar membuat refleksi sendiri selepas sesi pengajaran dan pembelajaran, membimbing pelajar menulis refleksi dengan betul dan berkesan serta menulis refleksi selepas sesi pengajaran dan pembelajaran adalah amat baik bagi pelajar (Badrul Hisham dan Mohd Nasruddin, 2015).

Kajian juga menunjukkan kegagalan melaksanakan refleksi amalan boleh mempengaruhi profesionalisme fasilitator dan prestasi pembelajaran pelajar (Nor Hasniza Ibrahim, Johari Surif, Mohammad Yusof Arshad dan Mahani Mokhtar, 2012). Dalam hal ini bagi memenuhi aspirasi pengajaran berkesan, aspek amalan refleksi perlu disuburkan dalam kalangan peserta muafak supaya mereka dapat memikir dan menyuarakan pemikiran selepas mereka berdialog dengan diri mereka sendiri mengenai apa yang telah, sedang dan akan mereka lakukan dalam pembelajar.

## KAEDAH, TUJUAN DAN CADANGAN STRATEGI PENGAJARAN MUALAF.

Dari sudut kaedah, tujuan dan cadangan strategi pembelajaran mualaf sebagaimana yang dicadangkan oleh Norzaini Azman (2009) boleh dilihat sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1 : Kaedah, tujuan dan cadangan strategi pengajaran mualaf**

KAEDAH	TUJUAN	CADANGAN / STRATEGI
Syarahan	Untuk menyediakan banyak maklumat (pengetahuan) dalam masa yang singkat. Kaedah yang berkesan menyediakan maklumat tidak ada dalam bahan bercetak atau bahan-bahan lain.	Membangunkan minat pelajar melalui perkara yang boleh untuk menarik perhatian. Menyediakan garis panduan yang lengkap dengan isi-isi penting. Mengatur dan menyusun bahan-bahan berkaitan dalam satu turutan yang logik untuk pelajar. Mulakan dengan gambaran keseluruhan. Terangkan sesuatu yang biasa sebelum beralih kepada yang luar biasa. Bincangkan perkara berkenaan secara tertib. Daripada ringkas kepada kompleks. Buat perubahan dengan kerap dalam persekitaran pengajaran pembelajaran. Kerap menggunakan bantuan visual untuk menambah perubahan dan kejelasan. Tunjukkan semangat
Sumber perseorangan (pakar sesuatu bidang)	Untuk menyediakan pengetahuan dan pengalaman daripada orang yang mahir dalam sesuatu topik.	Sediakan sumber perseorangan itu dengan : Topik perbincangan (hubungan objektif yang jelas) Tempoh sesi Pengetahuan dan pengalaman utama pelajar berkenaan tajuk Perkara-perkara khusus Jumlah dan latar belakang pelajar Menentukan keperluan kelengkapan sumber perseorangan tersebut.

		<p>Mengenalpasti kehendak atau permintaan pelajar.</p> <p>Memberi keutamaan kepada pelajar berkaitan sumber pencapaian.</p> <p>Menggalakkan pelajar bertanya.</p>
Simposium	<p>Untuk menyediakan pelbagai sudut pandangan terhadap isu, masalah atau topik tertentu daripada panel pakar</p>	<p>Mentafsirkan dengan jelas tentang isu, masalah atau topik yang akan dibincangkan dan berkongsi pendapat dengan ahli panel simposium.</p> <p>Pilih empat hingga enam ahli panel.</p> <p>Pilih ahli panel daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman.</p> <p>Memastikan setiap ahli panel bersedia meringkaskan penyampaian isu, masalah atau perkara.</p> <p>Memastikan fasilitator memberi komen bagi setiap persembahan.</p> <p>Selepas persembahan, biarkan ahli panel menyertai perbincangan panel dengan bertanya antara satu sama lain atau respon kepada soalan-soalan penonton/rakan lain.</p> <p>Merancang perbincangan lanjutan semasa sesi selanjutnya.</p>
Perbincangan panel	<p>Untuk menyediakan peluang kepada pakar atau sekumpulan pelajar untuk memberikan pandangan yang berbeza terhadap suatu topik, isu atau masalah kepada ahli panel lain dan penonton (pelajar). Perbincangan panel seharusnya sejajar dengan pemikiran pelajar</p>	<p>Mentafsirkan dengan jelas isu atau masalah yang dibincangkan.</p> <p>Pilih (dikalangan pelajar) untuk menjadi ahli panel.</p> <p>Lantik ketua panel.</p> <p>Sentiasa ingat untuk menyesuaikan persekitaran pembelajaran dengan penonton (pelajar).</p> <p>Pastikan perbincangan berlangsung dalam tempoh masa yang ditetapkan</p>
Arahan berasaskan bantuan komputer	<p>Untuk memberi peluang kepada pelajar dewasa belajar mengikut kemampuan sendiri.</p>	<p>Menyediakan persekitaran pembelajaran di mana pelajar boleh belajar tanpa gangguan.</p> <p>Menyediakan teknologi komputer terkini. Menayangkan program perisian (tutorial) dengan meluas.</p> <p>Pilih program perisian yang menyediakan pembelajaran aktif (interaksi).</p>



		<p>Pilih program perisian yang mempunyai pelbagai bentuk pembelajaran (pendengaran, gambaran dan rasa).</p> <p>Pilih program perisian yang menyediakan maklum balas segera</p>
Perbincangan kumpulan	<p>Untuk memberi peluang kepada pelajar berfikir secara membina, membuat keputusan dan/atau meningkatkan hubungan kemanusiaan</p>	<p>Bimbing pelajar memilih topik untuk dibincangkan.</p> <p>Sediakan senarai soalan utama yang akan merangsang pemikiran dan perbincangan.</p> <p>Atur persekitaran pembelajaran yang menggalakkan perbincangan.</p> <p>Menetapkan keadaan di mana pelajar mempunyai peluang yang sama rata untuk menyertai perbincangan.</p>
Kajian Kes	<p>Untuk menyediakan sejumlah masalah atau situasi sebenar yang dialami oleh individu atau kumpulan.</p> <p>Kaedah terbaik untuk menggembar-gemburkan kontroversi dan debat isu yang mana rumusan tepat tidak wujud.</p>	<p>Kemukakan kes dengan 3 atau 4 persoalan yang akan menggerakkan perbincangan.</p> <p>Bersedia dengan soalan asas untuk merangsang pemikiran dan perbincangan.</p> <p>Mengatur persekitaran pembelajaran untuk menggalakkan perbincangan.</p> <p>Mewujudkan keadaan yang memberi peluang sama rata kepada pelajar untuk menyertai perbincangan.</p> <p>Membimbing perbincangan ke arah hasil yang diinginkan.</p>
Penyelesaian masalah	<p>Untuk memberi peluang kepada pelajar menyelesaikan masalah melalui pengumpulan, aplikasi dan penilaian maklumat. Kaedah pengajaran yang berkesan menggalakkan pelajar untuk menyelidik, berfikir dan mengkritik tentang sesuatu topik.</p>	<p>Berikut adalah prosedur dalam menyelesaikan masalah:</p> <p>Merumus dan mentafsir masalah.</p> <p>Mengenal pasti faktor-faktor yang relevan berkaitan masalah.</p> <p>Mengumpul maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah.</p> <p>Pilih penyelesaian tentatif dan/ atau alternatif.</p> <p>Cuba menyelesaikan masalah.</p> <p>Menilai keputusan dan tentukan tindakan yang diperlukan.</p> <p>Pilih masalah yang relevan kepada kehidupan pelajar.</p>

		<p>Gunakan kajian kes, main peranan, atau kaedah pengajaran untuk melibatkan pelajar dalam menyelesaikan masalah.</p> <p>Jadikan penyelesaian masalah sebagai pembelajaran aktif yang memerlukan pelajar mengkaji topik tersebut.</p> <p>Biarkan pelajar mendapatkan maklumat.</p> <p>Biarkan pelajar menggunakan pelbagai sumber untuk mengumpul maklumat.</p> <p>Biarkan pelajar merumuskan apa yang dipelajari daripada proses penyelesaian masalah.</p>
Role Play	<p>Untuk memberi peluang kepada pelajar mengalami masalah hubungan kemanusiaan yang biasa terjadi dalam persekitaran yang terjamin.</p>	<p>Menentukan objektif yang ingin dicapai.</p> <p>Membentuk main peranan untuk mencapai objektif yang ditentukan.</p> <p>Menyediakan penyertaan pelajar dalam main peranan serta menyediakan situasi dan skrip jika diperlukan.</p> <p>Menganalisis dan merumus main peranan untuk mengaitkannya dengan objektif.</p>
Brainstorming	<p>Untuk mendapatkan idea-idea kreatif atau untuk mengenal pasti kemungkinan kepada penyelesaian masalah. Membenarkan pelajar untuk meluahkan pendapat dan idea tanpa dihakimi oleh pelajar lain.</p>	<p>Mulakan sesi brainstorming dengan tajuk atau masalah khusus.</p> <p>Menerangkan peraturan-peraturan sesi brainstorming:</p> <p>Semua pendapat dan idea yang berkaitan dengan topik dialu-alukan.</p> <p>Penilaian pendapat dan idea tidak dibenarkan.</p> <p>Kritikan tidak dibenarkan.</p> <p>Mengembangkan idea orang lain adalah digalakkan.</p> <p>Menitik beratkan kuantiti idea adalah dituntut; lebih banyak idea, lebih baik.</p> <p>Memastikan kumpulan sentiasa fokus kepada topik dan masalah.</p>

Demonstrasi	Untuk membentuk prosedur langkah demi langkah yang betul yang diperlukan apabila melaksanakan tugas.	Menarik minat pelajar dengan melibatkan mereka dalam demonstrasi (persembahan). Menghimpunkan semua kelengkapan dan bekalan serta mengulanginya sebelum melakukan demonstrasi sebenar. Jadikan demonstrasi yang ringkas – cuba jangan terlalu banyak mengajar dalam satu demonstrasi. Periksa untuk mendapatkan penjelasan dengan bertanyakan soalan dan perhatikan tanda-tanda kekeliruan pada pelajar. Menggariskan langkah-langkah (prosedur) menggunakan beberapa gambaran. <i>f</i> Banyak kali menyebut isi-isi penting. Melengkapkan masa untuk pelajar mengaplikasi dan melatih kemahiran yang baru diperolehi.
Lawatan/ rombongan	Untuk memberi peluang kepada pelajar untuk meneliti latihan dan permasalahan atau untuk menghubungkan pelajar dengan orang atau perkara lain.	Menentukan objektif yang tepat untuk dicapai. Pilih tempat yang sesuai. Merancang pengangkutan (termasuklah peta jika diperlukan). Menerangkan faktor istimewa di tempat lawatan. Merancang lawatan seterusnya dan membuat kesimpulan.

Manakala contoh Pengajaran Andragogi yang dibawa sebagai contoh terhadap aplikasi pembelajaran boleh dilihat melalui jadual 2 di bawah. (Aspek Pemahaman Agama).

**Jadual 2 :**

<b>Pernyataan tentang agama</b>	<b>Memahami Rasionalisasi Islam</b>	<b>Mempelajari Ilmu-ilmu Islam Asas</b>	<b>Mempelajari Bahasa dan Cara Ibadat</b>	<b>Mempelajari Cara Hidup Islam</b>	<b>Kaedah PdP</b>
Apakah tujuan agama	Apakah Islam	Apakah Ilmu Fardhu Ain dan Kifayah	Apakah amalan ritual asas dalam Islam	Bagaimanakah cara hidup Islam (Individu/keluarga/ masyarakat)	1. Brainstorming 2. Penyelesaian masalah
Ke manakah halatuju agama	Apakah sumber dan Matlamat Islam	Dari manakah asas ilmu-ilmu Islam	Apakah tujuan ibadat	Apakah tujuan menjaga tata cara hidup Islam	1. Sumber perseorangan (pakar sesuatu bidang) 2. syarahan
Apakah perbezaan antara manusia beragama dengan tidak beragama	Apakah perbezaan Islam dengan agama lain	Apakah perbezaan ilmu-Islam dan selain ilmu Islam	Apakah perbezaan ibadat Islam muslim dan non muslim	Apakah perbezaan cara hidup Islam dan bukan Islam	1. Studi perbandingan 2. Game Base Learning 3. Analisis dokumen 4. Demonstrasi
Apakah keyakinan agama	Bagaimanakah seseorang perlu menetapkan keyakinan terhadap Islam	Bagaimanakah anda yakin dan konsisten untuk belajar	Bagaimana menetapkan keyakinan untuk beribadat	Bagaimana menetapkan cara hidup Islam	1. Perbincangan Kumpulan. 2. Gallery walk 3. Lakunan 4. Kajian kes
Tetapkan pegangan agama	Tetapkan pegangan dengan Islam	Tetapkan pendirian belajar	Tetapkan pendirian dalam ibadat	Bagaimanakah mengamalkan kehidupan Islam secara konsisten	1. Lakunan/pementasan 2. Lawatan 3. Projek

## **PENUTUP**

Sehingga kini kajian mengenai aspek andragogi yang tepat dalam kalangan mualaf masih sangat kurang dilaksanakan. Mualaf yang merupakan saudara muslim seagama sangat memerlukan perhatian, bimbingan dan dorongan yang sewajarnya dalam memahami mereka berkenaan agama, terutama hal-hal akidah dan ibadat asas seperti konsep bersuci, mandi, solat, puasa dan sebagainya. Secara esensialnya pembelajaran orang dewasa memerlukan pendekatan khusus dan pelbagai teori yang berkaitan dengan pembelajaran bagi merealisasikan proses pencapaian pendidikan dan mencipta iklim pembelajaran "dewasa" seperti belajar untuk tahu, konsep belajar sendiri, pengalaman belajar, kesediaan untuk belajar, belajar berorientasi pembelajaran dan motivasi. Justeru kertas ini mencadangkan beberapa konsep bimbingan mualaf dengan menjelaskan peranan fasilitator andragogi selain memberi cadangan perkara berhubung dengan andragogi dalam konteks mualaf seperti memahami aspek regulasi diri dalam belajar mualaf (*self regulated learning*), perlunya penglibatan emosi belajar, perlunya resiliensi diri dan perlunya pembelajaran melalui refleksi. Selain itu kertas kajian ini juga turut membincangkan mengenai kaedah, tujuan dan cadangan strategi pengajaran serta contoh pembelajaran mualaf.

## **PENGHARGAAN**

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak IPDAS Kampus Kudat serta Pengarah Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Keningau di atas jemputan membentangkan kertas kajian ini bersempena Konvensyen Pendidikan Mualaf 2021. Juga kepada pihak Pengarah IPGKKB, Timbalan Pengarah dan Ketua Jabatan Kecemerlangan Akademik yang turut membantu dalam memberikan input pembentangan. Semoga semua usaha ini mendapat ganjaran dari Yang Maha Mengetahui.

## **RUJUKAN**

- Hagen, M., & Park, S. 2016. We knew it all along! Using cognitive science to explain how andragogi works. *European Journal of Training and Development*.
- Hatton, N. and Smith, D. 1995. Reflection in teacher education: Towards definition and implementation. *Teacher and Teacher Education*. 11(1), 33-49.
- Ibrahim, N. H., Surif, J., Arshad, M. Y., & Mokhtar, M. 2012. Self reflection focusing on pedagogical content knowledge. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 56, 474-482.

- Irwan, M. S., Azman, A. R., Mahazan, A. M., Shamsudin, N., Musaddad, N. A., & Ismail, N. 2016. Penerimaan Penggunaan Istilah Muallaf Dalam Kalangan Muallaf di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 6.
- Jeanes, E. 2021. A meeting of mind (sets). Integrating the pedagogy and andragogi of mindsets for leadership development. *Thinking Skills and Creativity*, 39, 100758.
- Knowles, M.S. 1973. *The Modern Practice of Adult Education*, Association Press, New York, NY.
- Knowles, S. 1980. *The Modern Practice of Adult Education: From Pedagogy to Andragogi*, Follett, Chicago, IL.
- Muduli, A., Kaura, V., & Quazi, A. 2018. Pedagogy or andragogi? Views of Indian postgraduate business students. *IIMB Management Review*, 30(2), 168-178.
- Nadkarni, S. 2003. Instructional methods and mental models of students: An empirical investigation. *Academy of Management Learning & Education*, 2(4), 335-351.
- Noor, N. M., Harun, J., & Aris, B. (2012). Andragogi and pedagogy learning model preference among undergraduate students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 56, 673-678.
- Norzaini Azman. 2009. *Pembelajaran Dewasa, Panduan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan* (pp.67-92)Chapter: Pembelajaran Dewasa ,Publisher: PPA, UKM).
- Osman, B. H. A., & Basar, M. N. 2015. Penilaian Kendiri Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 Pensyarah Institut Pendidikan Fasilitator Kampus Ipoh. In *Conference Paper Keningau*. 1-35.
- Rachmah, D. N. (2015). Regulasi diri dalam belajar pada mahasiswa yang memiliki peran banyak. *Jurnal psikologi*, 42(1), 61-77.
- Santrock, J. W. 2007. *Educational psychology*. Canada: McGrawHill Companies, Inc.
- Smith, B. J., & Delahaye, B. L. 1987. *How to be an effective trainer*. Wiley.
- Trochim, W. M., Marcus, S. E., Mâsse, L. C., Moser, R. P., & Weld, P. C. 2008. The evaluation of large research initiatives: a participatory integrative mixed-methods approach. *American Journal of Evaluation*, 29(1), 8-28.
- Winne, P. H. 1997. "Experimenting to Bootstrap Self-Regulated Learning". *Journal of Educational Psychology*, (Online). 3 (89): 397-410, (<ftp://ftp.uwc.ac.za/users/DMS/CITI/bootstrapping.pdf/>, diakses 04 Julai 2021).

Zimmerman, B. J. 1990. Self regulated learning and academic achievement: an overview. *Educational Psychologist*, 25(1), 3-17.

Zippay, C. F. 2010. An exploration of the critical and reflective thinking and the culturally relevant literacy practices of two preservice teachers. Unpublished *PhD Dissertation*. University Tennessee State.

# **PSIKOLOGI PENDIDIKAN MUALAF**

Prof. Madya Dr. Salasiah Hanin Hamjah



## **PSIKOLOGI PENDIDIKAN MUALAF**

Prof. Madya Dr. Salasiah Hanin Hamjah  
*Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan*  
*Fakulti Pengajian Islam*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
salhanin@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

Psikologi dan pendidikan merupakan antara bidang ilmu yang perlu dikaji dalam kehidupan mualaf. Hal ini kerana golongan mualaf sering menghadapi pelbagai cabaran psikologi dalam usaha mendapatkan pendidikan Islam. Ada dalam kalangan mereka menghadapi tekanan, kebimbangan, kemurungan dan kurang motivasi untuk menimba ilmu. Justeru itu objektif kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti cabaran dalaman dan luaran berkaitan psikologi yang dihadapi oleh mualaf dalam mendapatkan pendidikan Islam. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis kaedah yang boleh dilakukan bagi mengatasi masalah psikologi mualaf dalam Pendidikan Islam. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Hasil kajian mendapati antara masalah dalaman dalam aspek psikologi pendidikan yang dihadapi oleh mualaf adalah seperti pengurusan emosi, keyakinan diri, hasrat menjadi contoh teladan dan motivasi belajar yang rendah. Manakala aspek cabaran luaran psikologi pendidikan yang dihadapi oleh mualaf ialah persepsi dan penerimaan negatif masyarakat Islam, tentangan daripada keluarga dan masalah kewangan. Antara langkah yang boleh dilakukan bagi mengatasi cabaran dalaman dan luaran psikologi pendidikan mualaf adalah seperti meyakini tentang kelebihan menuntut ilmu, terus mendalami ilmu Islam sebagai kekuatan hujah mempertahankan kebenaran, membina kekuatan spiritual, memperkukuh keyakinan dan penghargaan sendiri serta mendapatkan sokongan moral daripada individu yang signifikan dalam kehidupan mereka. Kajian ini memberi implikasi positif kepada mualaf dan agensi berkaitan bagi mengenalpasti cabaran psikologi pendidikan mualaf dan melaksanakan kaedah mengatasinya bagi melestarikan kesejahteraan hidup golongan mualaf.

**Kata Kunci :** Psikologi, Mualaf, Cabaran, Dalaman, Luaran

## **PENDAHULUAN**

Psikologi merupakan satu bidang ilmu pengetahuan yang mempelajari tentang manusia. Perkataan *psychology* berasal daripada gabungan dua perkataan Greek iaitu *psyche* (psiko) dan *logos*. *Psyche* bermaksud jiwa, rohani, minda dan mental manakala *logos* (logi) pula bermakna kajian (Asmawati 2004; Mahmood Nazar 2001). Bila digabungkan perkataan *psychology* membawa maksud kajian tentang jiwa, mental dan rohani manusia. Daripada pengertian ini, aspek tingkahlaku sering terkait dengan keadaan jiwa dan mental manusia sehingga pakar psikologi secara umumnya mendefinisikan ilmu psikologi sebagai satu kajian yang saintifik tentang jiwa, mental dan tingkahlaku manusia (Mahmood Nazar 2001). Oleh itu, apabila membincangkan tentang psikologi, ia boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu psikologi yang dilihat sebagai satu kajian yang saintifik, kajian tentang tingkahlaku manusia dan kajian mengenai proses mental manusia (Kamarulzaman & Abdul Malek 2006).

Hakikatnya ilmu psikologi merupakan satu bidang ilmu yang mengkaji tentang manusia dan cuba memahami manusia secara mendalam ke atas semua skop kehidupannya (Mahmood Nazar 2001). Hasil kajian ini tercetuslah teori tentang personaliti, sikap dan tingkahlaku manusia dengan tujuan utamanya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memahami manusia. Dalam kehidupan mualaf, ilmu psikologi adalah ilmu yang penting untuk dipelajari kerana dengan ilmu ini seorang mualaf itu dapat membantu dirinya untuk mengenali diri sendiri dan mengenali orang di sekelilingnya. Dengan ilmu psikologi juga, seorang mualaf itu lebih mudah untuk menyesuaikan dirinya dengan kehidupan baharu setelah memeluk Islam kerana dia dapat mengawal emosi, fikiran dan tingkahlakunya ke arah gaya hidup yang sejahtera.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN DAN KAJIAN LITERATUR**

Aspek pendidikan Islam adalah aspek penting dan perlu diberikan perhatian sewajarnya dalam kehidupan mualaf. Hal ini kerana dengan ilmu pengetahuan golongan mualaf akan lebih dihormati. Dengan ilmu pengetahuan juga dapat melepaskan mereka daripada kemelut kejahilan dan membuka jalan yang luas untuk melakukan amal soleh dan kebajikan.

Selain itu, Pendidikan Islam juga penting bagi memantapkan akidah golongan mualaf agar mereka tidak kembali kepada agama asal atau murtad. Di Malaysia kebanyakan kes murtad dalam kalangan mualaf adalah berpunca daripada kurangnya bimbingan agama dan tidak dapat memahami akidah Islam dengan baik. Ada dalam kalangan mualaf kurang menghayati ajaran Islam kerana tidak tahu untuk merujuk kepada siapa dan kurang mendapat panduan sepanjang bergelar muslim. Malah

kebanyakan para muallaf tidak dapat mengamalkan sepenuhnya ajaran Islam dalam kehidupan seharian disebabkan oleh faktor-faktor tertentu (Aimi & Nur Najwa 2020; Ahmad Yunus et al. 2017).

Satu perkembangan yang baik di Malaysia apabila pihak Majlis Agama Negeri atau agensi berkaitan pengurusan muallaf seperti PERKIM memberikan tumpuan kepada pendidikan muallaf. Pengurusan pendidikan muallaf dilaksanakan melalui kelas-kelas bimbingan, bengkel dan kursus yang dianjurkan. Pada peringkat permulaan, kebanyakan negeri atau agensi mengadakan kursus pengenalan kepada agama Islam termasuk perkara-perkara asas sama ada secara teori mahupun praktikal seperti ilmu tauhid, ibadah solat, cara mandi wajib dan lain-lain lagi. Walaupun silibus atau modul yang diguna pakai juga berlainan antara negeri-negeri, namun kesemua negeri menekankan pengajaran dalam perkara asas Islam termasuklah pengajian al-Quran, akidah, fiqh, akhlak dan sirah (Siti Adibah & Siti Zubaidah 2018).

Secara umumnya kajian terdahulu berkaitan muallaf telah banyak dilakukan. Kajian berkaitan definisi muallaf adalah antara kajian yang sentiasa dilakukan sehingga ke hari ini. Pelbagai takrifan mengenai muallaf diperbahaskan dengan teliti daripada pelbagai pihak. Begitu juga dengan penggunaan gelaran muallaf yang digunapakai mengikut tempoh tertentu bermula daripada tarikh seseorang mendaftarkan pengIslamannya yang sentiasa menjadi isu hangat dan seakan tiada keputusan tuntas yang seragam bagi seluruh Malaysia (Azman et al. 2015; Zuliza 2001; Siti Adibah & Siti Zubaidah 2018; Aimi Wafa & Nur Najwa 2020).

Selain itu banyak juga kajian telah meneliti berkaitan cabaran yang dihadapi oleh muallaf dalam pelbagai aspek seperti cabaran ekonomi, sosial, pendidikan, keluarga, pekerjaan dan sebagainya (Zainuddin et al. 2017; Nur Ain Sumaiyah & Noor Aishah 2018; Noreha, Asmawati & Fathiyah 2019). Kajian lalu juga telah membuktikan bahawa muallaf turut menghadapi masalah psikologi setelah memeluk Islam (Noreha, Asmawati & Fathiyah 2019; Nur Najwa et al. 2019). Golongan muallaf terpaksa berhadapan dengan cabaran psikologi dalam proses mereka mendapatkan pendidikan Islam. Cabaran ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu cabaran dalaman yang datang dari dalam diri muallaf itu sendiri serta cabaran luaran yang datang daripada persekitaran mereka.

Walaupun begitu belum banyak kajian menumpukan kepada cabaran psikologi dalam Pendidikan Islam (Kamal Azmi et al. 2019). Ini jelas menunjukkan terdapat keperluan untuk terus meneroka aspek ini agar golongan muallaf dapat diberikan motivasi untuk mengatasi masalah psikologi bagi meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan ilmu-ilmu Islam sehingga akhirnya muallaf berjaya menjadi umat Islam yang

komited dengan ajaran Islam malah dapat menjadi contoh teladan yang baik kepada umat Islam lain.

## **CABARAN DALAMAN DAN LUARAN PSIKOLOGI PENDIDIKAN MUALAF**

Golongan mualaf menghadapi pelbagai cabaran psikologi dalam usaha menuntut ilmu-ilmu Islam. Cabaran itu boleh dibahagikan kepada cabaran dalaman dan cabaran luaran. Cabaran dalaman adalah cabaran berkisar tentang emosi, hati dan fikiran seperti mempunyai masalah dalam menguruskan stress, kebimbangan dan kemurungan, masalah kurang keyakinan diri serta kerisauan gagal menjadi contoh teladan yang baik kepada orang lain.

### **1. Pengurusan Emosi**

Dalam usaha mendapatkan Pendidikan Islam, golongan mualaf sering berhadapan dengan masalah pengurusan emosi. Emosi yang dihadapi ini pula sering berkisar tentang stres dan kebimbangan. Jika emosi ini tidak dapat ditangani dengan baik, sudah tentu akan menjejaskan proses menuntut ilmu pendidikan Islam yang dilakukan kerana tidak dapat memberikan tumpuan. Stres dalam mendapatkan ilmu pengetahuan berlaku apabila memikirkan terlalu banyak pelajaran dan pengetahuan Islam yang perlu dipelajari sedangkan kemampuan dirinya adalah terbatas. Ini bertepatan dengan definisi stres yang sering difahami sebagai suatu situasi di mana tuntutan kehidupannya terlalu banyak dan melangkaui keupayaannya (Farj Abd Qadir 1993). Stres juga berlaku akibat wujudnya banyak perubahan dan tuntutan dalam kehidupan seseorang (Brecht t.th.) Hal ini berlaku kerana golongan mualaf terpaksa menempuh pelbagai perubahan setelah memeluk Islam. Jika dahulu kehidupan mereka bahagia bersama keluarga, tetapi kini bersendirian kerana dibuang keluarga. Jika dahulu mereka tidak sembahyang setiap hari tetapi kini wajib solat lima kali sehari. Jika dahulu mereka tidak perlu menutup aurat tetapi kini wajib menutup aurat dan lain-lain lagi perubahan yang perlu dilakukan kerana tuntutan Islam.

Selain itu, emosi kebimbangan juga akan menimpa jiwa mualaf. Ada mualaf yang bimbang dengan kemampuannya menuntut ilmu Islam. Lebih-lebih lagi apabila mengetahui ada banyak cabang ilmu yang perlu dipelajari dan diamalkan dalam Islam seperti mempelajari tentang solat, akidah, hukum syarak, belajar membaca al-Quran dan sebagainya. Bagi mualaf yang telah berumur, kebimbangan akan menjadi lebih tinggi kerana ragu dengan kemampuan mentalnya untuk memahami dan mengingati ilmu-ilmu Islam dalam kehidupan. Kebimbangan juga akan sering menghantui emosi mualaf terutama tentang kemampuannya untuk menunaikan segala tanggungjawab sedangkan terlalu banyak yang perlu dipelajarinya. Emosi kebimbangan ini jika tidak

diatasi dengan baik dibimbangi akan menjadi kemurungan. Apabila kemurungan melanda diri, golongan mualaf akan melakukan tingkah laku yang tidak sewajarnya seperti banyak menangis, keletihan, cepat marah, kesukaran memberi tumpuan terhadap sesuatu perkara yang dilakukan, sukar tidur malam dan mempunyai niat membunuh diri (Nur Ain & Noor Aishah 2018).

## 2. Keyakinan Diri

Antara lain cabaran dalaman yang dihadapi oleh golongan mualaf ialah kurang keyakinan diri. Kurang keyakinan diri berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor dan salah satunya adalah disebabkan kurang ilmu pengetahuan mengenai ajaran Islam. Apabila diajukan soalan mengenai Islam, dia tidak dapat memberikan jawapan yang tepat dan apabila keadaan ini seringkali berulang, keyakinan dirinya semakin terhakis.

Keyakinan diri ialah kepercayaan dalam diri seseorang bahawa dirinya boleh mengendalikan kehidupannya dengan baik serta mampu menghadapi segala cabaran yang dihadapi dengan jayanya. Orang yang mempunyai keyakinan diri mempunyai impak yang ketara pada motivasi, emosi dan tingkah laku yang positif (Lim & Sheridean 2016). Namun hakikatnya, kadang-kadang golongan mualaf hilang keyakinan diri dalam mendapatkan pendidikan Islam. Mereka mula mempertikaikan kemampuan diri dan mental dalam menuntut ilmu. Lebih membimbangkan jika mereka mengalami kesangsian terhadap agama Islam yang baharu dianutinya. Sebagai seorang mualaf, masalah keyakinan diri boleh wujud lebih-lebih lagi jika berkaitan dengan pertikaian orang lain dengan pilihan yang dilakukan untuk memeluk Islam. Keyakinan diri menjadi goyah apabila ada yang mempertikaikan kebenaran Islam dan ini sudah semestinya menuntut dirinya untuk lebih mendalami ilmu Islam khususnya berkaitan dengan akidah dan keimanan. Selain itu, ada juga dalam kalangan mualaf yang kurang keyakinan diri dalam menuntut ilmu Islam dan merasakan dirinya serba kekurangan, jahil dan gagal menyesuaikan diri dengan ilmu, suasana dan kehidupan baharu. Tekanan bertubi-tubi yang terpaksa dihadapi menjadikan dirinya seolah-olah hilang keyakinan diri dan rasa keseorangan serta gagal mengatasi masalah.

## 3. Hasrat menjadi Contoh Teladan (*Role model*)

Ini juga merupakan salah satu daripada cabaran dalaman yang terpaksa dihadapi oleh golongan mualaf. Sebagai insan yang baharu memeluk Islam, tentulah tersemat dalam diri mereka untuk memperbaiki diri dan menjadi contoh teladan kepada mualaf dan orang bukan Islam yang lain terutama kepada keluarganya sendiri. Mereka tidak mahu dilabelkan sebagai orang jahil yang hidup dalam kegelapan. Yang menjadi masalahnya ialah mereka kadang-kadang tidak berupaya menjadi contoh teladan yang baik kerana masih terikut-ikut dengan budaya kehidupan lama yang sukar dibuang dalam masa

yang singkat. Ini menjadi satu dilema antara hati yang ingin terus menjadi baik dengan nafsu yang mengajak kepada kejahatan. Dalam konteks ini, jiwa muallaf adalah menepati *al-nafs al-lawwamah* (al-Qiyamah 75:2);

وَلَا أُفْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ

Maksudnya;

*Dan Aku bersumpah dengan al-nafs al-lawwamah (Bahawa kamu akan dibangkitkan sesudah mati).*

Keadaan hati yang begini biasa dihadapi oleh kebanyakan golongan muallaf, malah biasa juga dihadapi oleh orang beriman yang telah lama memeluk Islam. Jika hati dikuasai oleh sifat-sifat syaitan maka dia akan berpaling daripada Allah SWT sehingga berlakulah perbuatan yang melanggar perintah dan larangan Allah SWT. Namun sekiranya hati dikuasai oleh sifat-sifat malaikat, hatinya tidak akan terpedaya oleh hasutan syaitan bahkan cenderung untuk melakukan ketaatan kepada Allah SWT (Salasiah 2008). Inilah cabaran dalaman yang sering berperang dalam diri seorang muallaf iaitu dalam persimpangan antara istiqamah melakukan kebaikan sebagaimana diajar oleh Islam atau kadang-kadang tersasar melakukan amalan jahiliah sebelum memeluk Islam.

#### 4. Motivasi dan Kesungguhan Belajar

Sebagai seorang muallaf, rata-rata memahami bahawa mereka perlu banyak belajar tentang Islam. Namun kadang-kadang golongan muallaf ini terpaksa berhadapan dengan masalah kurang motivasi belajar. Motivasi adalah perkara penting dalam kehidupan ini kerana motivasi adalah penggerak yang mengarah seseorang melakukan sesuatu usaha untuk mencapai matlamat yang diinginkan (Asmawati 2004). Dalam konteks ini, motivasi belajar adalah penting bagi mendorong muallaf menambah ilmu pengetahuan tentang Islam supaya akhirnya mereka menjadi insan yang berilmu dan beramal soleh. Biasa berlaku kepada golongan muallaf motivasi belajar menjadi berkurangan lebih-lebih lagi apabila terpaksa menghadapi tentangan daripada keluarga non-Muslim serta kekangan masa belajar yang seringkali terhalang disebabkan kesibukan dengan urusan kerja, keluarga dan masalah peribadi. Motivasi yang berkurangan ini kadang-kadang menjadikan mereka rasa malas, berputus asa dan tiada keinginan serta kesediaan yang tinggi. Dalam situasi begini sudah tentu mereka memerlukan sokongan daripada sahabat Muslim supaya mereka tidak rasa keseorangan dalam pengembaraannya mencari ilmu pengetahuan.

## **CABARAN LUARAN**

Golongan muallaf bukan sahaja menghadapi cabaran dalaman psikologi tetapi juga menghadapi cabaran luaran dalam mendapatkan Pendidikan Islam. Antara cabaran luaran yang biasa dihadapi adalah seperti menghadapi persepsi negatif daripada masyarakat Islam, mendapat tentangan daripada keluarga serta mengalami masalah kewangan.

### **1. Persepsi dan Penerimaan Masyarakat Islam**

Antara cabaran utama yang perlu dihadapi oleh golongan muallaf ialah tentang cabaran luar yang ditimbulkan oleh masyarakat Islam itu sendiri. Tidak semua orang Islam menerima baik usaha golongan muallaf untuk menuntut ilmu Islam. Malah ada dalam kalangan mereka yang mempunyai prasangka dan prejudis terhadap golongan muallaf (Marlon et al. 2014). Sebagai contoh, ada yang beranggapan golongan muallaf menuntut ilmu Islam adalah kerana ikut-ikutan. Ada juga yang beranggapan muallaf menuntut ilmu-ilmu Islam kerana terpaksa bukan dengan keikhlasan di hati lebih-lebih lagi bagi yang memeluk Islam kerana perkahwinan. Golongan muallaf nampaknya terpaksa menerima sahaja telahan dan tanggapan sesetengah masyarakat Islam tersebut sehinggalah mereka dapat membuktikan keikhlasan memeluk Islam dengan betul-betul mematuhi ajaran Islam sehingga tiada ruang untuk dipertikaikan lagi komitmen mereka terhadap ajaran Islam.

Selain itu, ada juga masyarakat Islam yang membuat tanggapan negatif terhadap golongan muallaf yang memeluk Islam kerana kemiskinan. Pada mereka golongan muallaf yang miskin ini mempelajari ilmu-ilmu Islam bukan dengan keikhlasan tetapi hanya sekadar ingin mendapatkan bantuan zakat dan bantuan-bantuan lain daripada pihak berautoriti.

### **2. Tentangan daripada Ibu Bapa dan Ahli Keluarga**

Ini merupakan cabaran yang lebih besar dan terpaksa dihadapi oleh golongan muallaf. Ada yang mendapat tentangan dalam menuntut ilmu-ilmu Islam secara agresif daripada ibu bapa dan ahli keluarga sehingga ada yang dipulau, dibunuh, dikurung, dipukul dan didera secara fizikal dan mental (Marlon et al. 2014). Golongan non-Muslim ini menjadi lebih marah dan tidak puas hati jika golongan muallaf mendalami ilmu Islam kerana bimbang pengetahuan tersebut akan menjadi ancaman kepada mereka terutama ketika mempersoalkan kepercayaan yang mereka anuti selama ini.

### 3. Cabaran Kewangan

Ada dalam kalangan mualaf yang terpaksa menghadapi masalah kewangan setelah memeluk Islam seperti dibuang pekerjaan, dihalau daripada rumah, tidak diberikan harta warisan, serta tidak mendapat saraan hidup daripada ibu bapa dan keluarga (Marlon et al. 2014). Keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi kesukaran dalam menuntut ilmu Islam. Mereka mungkin mengalami kekurangan masa dan tumpuan terhadap kuliah-kuliah ilmu kerana terpaksa menyelesaikan terlebih dahulu masalah besar yang mereka hadapi seperti terpaksa membina kehidupan baharu dengan mencari pekerjaan baharu, tempat tinggal yang baharu dan tidak lagi boleh mengharapkan bantuan kewangan daripada keluarga. Ringkasnya, mereka terpaksa menyelesaikan dahulu sumber kewangan sebagai keutamaan yang perlu diberikan perhatian berbanding mendapatkan ilmu pengetahuan.

### **KAEDAH MENGATASI CABARAN PSIKOLOGI PENDIDIKAN MUALAF**

Terdapat pelbagai kaedah boleh dilakukan bagi menghadapi cabaran psikologi pendidikan mualaf sama ada cabaran dalaman mahupun luaran. Islam mendidik umatnya agar tidak berputus asa dan melakukan ikhtiar apabila berhadapan dengan sesuatu cabaran. Antara kaedah yang boleh dilakukan bagi melestarikan usaha menuntut ilmu Islam seperti meyakini tentang kelebihan menuntut ilmu, terus mendalami ilmu Islam sebagai kekuatan hujah mempertahankan kebenaran, membina kekuatan spiritual, memperkukuh keyakinan diri dan dapatkan sokongan moral daripada individu tertentu yang signifikan dalam kehidupan.

#### 1. Meyakini tentang Kelebihan Menuntut Ilmu

Dalam usaha mendapatkan Pendidikan Islam, golongan mualaf perlu meyakini tentang janji Allah berkaitan kelebihan menuntut ilmu. Ilmu pengetahuan adalah asas penting untuk mencapai kebahagiaan. Tanpa ilmu seseorang itu tidak mungkin dapat mengecapi kebahagiaan. Ini bertepatan dengan pandangan al-Ghazali (1983; 2000) yang mengatakan kebahagiaan dicapai menerusi ilmu dan amal. Ilmu yang utama ialah ilmu mengenal Allah (*ma'rifah Allah*) dan amal pula terdiri daripada ibadah, berakhlak mulia dan *tazkiyah al-nafs (riyadah dan mujahadah*. Justeru itu, bagi mencapai kebahagiaan, golongan mualaf perlu mencari ilmu pengetahuan dan melakukan amal soleh dan amal soleh itu tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan sempurna jika tidak memiliki ilmu pengetahuan.



Golongan mualaf perlu terus berusaha mendapatkan ilmu pengetahuan Islam khususnya ilmu akidah berkaitan mengenal Allah SWT tanpa putus asa. Dalam pendidikan dan pembangunan keperibadian mualaf, fokus utama yang harus ditekankan adalah hal-hal yang berkaitan dengan akidah kerana akidah adalah perkara asas dalam Islam (Kamal Azmi et al. 2019). Ilmu akidah akan berupaya memantapkan keimanan dan Allah SWT berjanji akan memberikan keberkatan yang melimpah ruah di langit dan di bumi bagi sesiapa yang memantapkan keimanan kepada-Nya;

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ  
وَالْأَرْضِ

Maksudnya;

*Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah kami akan membuka kepada mereka yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi (Surah al-A'raf, 7 :96)*

Selain itu, golongan mualaf juga perlu tabah dalam menuntut ilmu Islam kerana hanya dengan ilmu dapat memantapkan keimanan dan amal soleh. Dalam konteks ini, Allah SWT memberi jaminan kepada orang yang beriman dan beramal soleh bahawa mereka akan dihindari daripada emosi kebimbangan dan berdukacita sebagaimana firman Allah SWT;

بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَلَا خَوْفٌ  
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Maksudnya;

*Bahkan sesiapa yang menyerahkan diri kepada Allah sedangkan dia pula berusaha supaya baik amalannya, maka dia akan beroleh pahalanya di sisi Allah, dan tidaklah ada kebimbangan terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita (al-Baqarah, 2 : 112)*

Islam banyak mengulas tentang kelebihan menuntut ilmu bagi menggambarkan pentingnya ilmu pengetahuan dalam kehidupan umat. Selain sebagai medium untuk mencapai kebahagiaan, ilmu juga dapat menjadi laluan untuk memasuki syurga. Perkara ini dijelaskan dalam hadis Rasulullah SAW daripada Abu Hurairah RA.;

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Maksudnya:

*Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke syurga (Hadis Riwayat al-Tirmidhi, Kitab al-Ilm, Bab Fadl Talab al-Ilm)*

Perbincangan ini jelas menunjukkan pentingnya ilmu pengetahuan Islam dalam kehidupan muallaf untuk mencapai kebahagiaan dan memasuki syurga Allah di akhirat kelak. Kebahagiaan dan syurga ini adalah merupakan kemuncak kebahagiaan hakiki dan menjadi impian dan dambaan setiap insan.

## 2. Terus Mendalami Ilmu Islam sebagai Kekuatan Hujah Mempertahankan Kebenaran

Golongan muallaf perlu sentiasa mempelajari ilmu Islam sepanjang hayatnya kerana ilmu Islam adalah ilmu yang sangat luas dan mempelajarinya tiada jalan penamatnya. Ini bertepatan dengan kalam ulama' atau mutiara kata yang indah daripada ahli hikmah yang bermaksud "tuntutlah ilmu dari buaian sehingga ke liang lahad" yang jelas menggambarkan betapa Islam sangat menekankan tentang menuntut ilmu sejak kecil lagi hingga ke hujung nyawa.

Menuntut ilmu berkaitan Islam adalah merupakan kunci bagi membina keyakinan iman dan kekuatan hujah bagi menangkis kritikan tentang Islam. Menuntut ilmu Islam juga dapat mengatasi masalah salah faham tentang Islam sehingga akhirnya tersingkaplah segala keistimewaan Islam dan menjadikan keimanan seseorang muallaf itu lebih mantap dan sukar digugat. Dalam dakwah, kaedah ini dikenali sebagai 'mujadalah' dengan cara yang baik. Ini bertepatan dengan ayat al-Quran (al-Nahl, 16 :125);

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِهِمْ بِآيَاتِي هِيَ  
أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya;

*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*

Al-Bayanuni (1990) menyatakan perkataan *mujadalah* boleh diertikan sebagai saling berbalas hujah. Walaubagaimanapun, dalam konteks dakwah, Syalabi (1983) menegaskan perdebatan atau perbincangan saling bertukar hujah itu mestilah dilakukan dengan tujuan untuk mencari kebenaran dan menyampaikan kebenaran Islam bukan untuk memandang rendah pemikiran pihak yang diajak berdebat, bukan juga untuk menang atau menjadi terkenal. Dengan ini jelaslah kepada mualaf bahawa mereka perlu terus menimba ilmu pengetahuan Islam supaya ilmu yang dimiliki itu dapat menjadi kekuatannya ketika berhujah menegakkan kebenaran Islam bersama ahli keluarga atau masyarakat sekelilingnya yang masih belum memeluk Islam.

### 3. Membina Kekuatan Spiritual

Tidak dinafikan bahawa golongan mualaf menghadapi pelbagai cabaran dalam mendapatkan ilmu pengetahuan Islam. Cabaran ini kadang-kadang melemahkan usaha mereka untuk terus menimba ilmu lebih-lebih lagi jika cabaran itu datangnya daripada orang terdekat seperti keluarga dan sahabat handai. Dalam situasi ini, kekuatan spiritual sangat diperlukan agar golongan mualaf terus tabah menambah ilmu pengetahuan dan berjaya menangkis apa jua cabaran yang muncul. Kekuatan spiritual adalah senjata paling bermakna bagi membina kekuatan diri. Sejarah Islam telah membuktikan bahawa para nabi dan sahabat sentiasa melakukan solat malam untuk menjadikan jiwa mereka kuat dalam menyebarkan ajaran Islam. Hal ini ada dijelaskan dalam sebuah hadis;

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ عَلَيَكُمْ بِقِيَامِ  
اللَّيْلِ فَإِنَّهُ دَابُّ الصَّالِحِينَ قَبْلَكُمْ وَهُوَ قُرْبَةٌ إِلَى رَبِّكُمْ وَمَكْفَرَةٌ لِلْسَّيِّئَاتِ  
وَمَنْهَاةٌ لِلْإِثْمِ

Maksudnya;

*Kerjakanlah qiyamullail kerana ia merupakan amalan (keadaan) orang salih sebelum kamu dan dapat menghampirkan kamu kepada tuhan kamu, menghapuskan dosa serta mencegah daripada melakukan dosa. (Hadis Riwayat al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Da'awat, Bab fi Du'a al-Nabi SAW)*

Golongan muallaf perlu meneladani para nabi dan orang soleh terdahulu yang menjadikan *qiyamullail* sebagai kaedah membina kekuatan spiritual dan kerana itulah mereka tetap teguh menghadapi cabaran hidup meskipun cabaran itu sangat tragis. Selain itu, golongan muallaf boleh juga membina kekuatan spiritual dengan mempelajari, membaca dan menghayati makna ayat-ayat dalam al-Quran. Ada ketikanya sewaktu membaca al-Quran, Allah tunjukkan ayat-ayat yang dapat menjadi penenang jiwa serta dapat meleraikan kekusutan. Ayat al-Quran yang dibacanya itu, akan terasa di hatinya seolah-olah yang dibacanya itu ditujukan kepada dirinya sendiri tidak kiralah sama ada ianya berupa suruhan atau larangan Allah SWT malah jika dia membaca tentang kisah-kisah nabi dan umat terdahulu, dia segera mengambil pengajaran. Contohnya apabila membaca ayat berkaitan murahnya keampunan Allah SWT, hatinya akan menjadi gembira (al-Ghazali 2000; Salasiah 2016). Membaca al-Quran juga dapat memberi motivasi kepada seseorang untuk menghadapi kesukaran dalam kehidupan lantaran di dalam al-Quran diceritakan pelbagai kisah yang dapat dijadikan panduan. Contohnya kisah kesukaran menjalani kehidupan berdakwah sebagaimana dilalui sendiri oleh Rasulullah SAW., nabi Nuh dan sebagainya.

Zikir juga mempunyai peranan tersendiri dalam memberikan kekuatan jiwa kepada seseorang muallaf menghadapi persoalan hidup. Ini kerana sesiapa yang mengingati Allah, Allah juga akan mengingatnya (al-Ghazali 2000). Perhatian dan ingatan Allah SWT. kepada hamba-Nya itu sudah tentu memberi makna bahawa Allah akan sentiasa memelihara dan melindunginya. Perkara ini dinyatakan dalam firmanNya (al-Baqarah 2:152) ;

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ

Maksudnya;

Oleh itu ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan, dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan ni'mat-Ku).

#### 4. Memperkukuh Keyakinan dan Penghargaan Kendiri

Salah satu kaedah yang boleh dilakukan bagi mengatasi cabaran mendapatkan ilmu pengetahuan Islam ialah memperkukuh keyakinan diri. Orang yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi akan menganggap cabaran dalam kehidupan adalah suatu yang perlu ditempuh dan diatasi bukan melarikan diri. Justeru itu, golongan muallaf perlu membina keyakinan diri dalam menuntut ilmu-ilmu Islam. Segala cabaran dalam menuntut ilmu perlu dihadapi dengan keyakinan diri yang tinggi sehingga dapat menukar yang susah menjadi mudah. Mereka perlu meningkatkan keyakinan diri dalam menuntut ilmu dengan mempelajari kemahiran pembelajaran seperti menguasai teknik mendengar, memberi tumpuan, mengingat, *mind mapping*, mengulangkaji dan kemahiran insaniah yang lain agar dapat meningkatkan keyakinan diri dalam menguasai ilmu pengetahuan Islam.

Selain itu, ada baiknya juga bagi golongan muallaf ini, cuba membina keyakinan diri dengan mempelajari ilmu Pengajian Islam secara formal seperti mendapatkan ijazah dalam bidang Pengajian Islam sehingga ke peringkat doktor falsafah misalnya supaya mereka akan dipandang mulia oleh masyarakat. Akhirnya golongan muallaf yang berjaya mencapai tahap keyakinan diri yang tinggi dalam menuntut ilmu-ilmu Islam, bukan sahaja dapat meyakinkan dirinya tentang ilmu yang dikuasai tetapi juga dapat menjadi pendakwah untuk menyampaikan ilmu Islam tersebut kepada orang lain sama ada kepada non-muslim mahupun kepada individu muslim. Pada tahap ini, mereka bukan sahaja mempunyai keyakinan diri yang mantap tetapi juga mempunyai potensi untuk mengalami penghargaan sendiri. Kajian Nazri et al. (2018) menyatakan penghargaan sendiri mempunyai pengaruh yang signifikan kepada kesejahteraan psikologi muallaf kerana individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi mampu berfikiran positif, rasional, mempunyai daya tahan diri yang mantap serta cemerlang dalam mengurus diri sendiri.

#### 5. Dapatkan Sokongan Moral daripada Individu yang signifikan dalam Kehidupan

Proses menimba ilmu pengetahuan Islam adalah proses berterusan yang tiada akhirnya selagi hayat dikandung badan. Dalam menempuh tempoh masa yang panjang pastinya sesekali ada gangguan seperti rasa malas, putus asa, rasa keseorangan, rasa terbeban, letih dan sebagainya. Bagi mengatasi perasaan sedemikian, golongan muallaf perlu mendapatkan sokongan moral daripada individu tertentu seperti pasangan hidup, sahabat sejiwa ataupun kaunselor. Kajian Samsiah et al. (2014) membuktikan bahawa

golongan mualaf sangat memerlukan pelbagai bentuk sokongan seperti sokongan emosi, fizikal dan rohani. Tanpa sokongan moral daripada orang yang paling hampir dengan kehidupan mualaf, tentu mereka tidak bersemangat untuk terus belajar. Individu yang rapat dalam kehidupan mualaf boleh berfungsi sebagai pendorong untuk golongan mualaf mendapatkan ilmu pengetahuan dan menyedarkan golongan mualaf bahawa dengan ilmu pengetahuan sahaja dapat mengangkat darjat kemuliaan mereka.

## **PENUTUP**

Golongan mualaf adalah merupakan golongan yang terpilih dan mendapat hidayah untuk memeluk Islam. Lazimnya setelah memeluk Islam mereka akan menghadapi pelbagai cabaran hidup lebih-lebih lagi jika menghadapi tentangan daripada keluarga sendiri. Hakikatnya mereka bukan sahaja mengalami cabaran berkaitan kewangan, pekerjaan, keluarga, rumahtangga, penyesuaian diri dan hubungan sosial tetapi mereka juga berdepan dengan masalah psikologi pendidikan. Dalam aspek psikologi pendidikan, cabaran mereka dapat dibahagikan kepada cabaran dalaman dan cabaran luaran. Sungguhpun demikian, semua cabaran ini boleh diatasi dengan pelbagai kaedah antaranya meyakini kelebihan menuntut ilmu, terus gigih mendapatkan ilmu Islam, membina kekuatan spiritual, memperkukuh keyakinan diri dan dapatkan sokongan moral daripada individu tertentu yang signifikan dalam kehidupan. Moga pendekatan ini dapat diamalkan dalam kehidupan mualaf supaya mereka akhirnya dapat menjadi orang berilmu, beramal dan berakhlak mulia sebagai hamba Allah SWT yang taat dan berjaya di dunia dan akhirat.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali. 2017. Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif*. Special Issue 1, 89-100.
- Aimi Wafa Ahmad & Nur Najwa Hanani Abd Rahman (2020) Sokongan Sosial: Satu Keperluan dalam Pemerksaan Saudara Baru. *Jurnal Pengajian Islam*. 13 (2), 238-253.
- al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. 1990. *al-Madkhal Ila 'Ilm al-Da'wah*. Beirut : Muassasah al-Risalah.
- al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad Bin Ahmad. 2000. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah : Dar al-Taqwa li al-Turath.

- Al-Ghazali. (1983). *Kitab Mizan al- 'Amal*, Beirut : Dar al-Kitab al- 'Arabi,
- al-Tirmidhi, Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa Bin Surah. 1999. *Sunan al-Tirmidhi*.  
Kaherah : Dar al-Hadith.
- Asmawati Desa. 2004. Psikologi untuk Golongan Profesional. Kuala Lumpur : Mc  
Graw Hill.
- Azman, A.R, Irwan, M.S, Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd.  
Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim & Norlina Ismail (2015) Analisis  
Pentafsiran Mualaf Menurut Islam dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam  
Negeri di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Vol. 6, 9-37.
- Brecht, Grant. t.th. *Sorting Out Stress*. Kuala Lumpur : Synergy Books International  
Farj Abdul Qadir Taha. 1993. *Mawsu'ah Ilm al-Nafs wa al-Tahlil al-Nafsiyy*.  
Kaherah: Su'ad al-Sabah
- Kamal Azmi Abd Rahman, Mohd Noor Hussin & Rosni Wazir. 2019. Keberkesanan  
Pengajian Akidah bagi Mualaf: Analisis Keperluan. Kertas kerja dibentangkan  
dalam International Seminar on Muallaf (ICOM 2019), h. 1-12.
- Kamarulzaman Kamaruddin & Abdul Malek Abdul Rahman. 2006. Aplikasi  
Pendekatan Psikologi Kaunseling dalam Berdakwah. Dlm. Isu-isu Kaunseling  
Perspektif Islam. Sunt. Md Noor Saper. Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 36-54.
- Lim Xing Er & Sheridean Zakaria. 2016. Meningkatkan Self-Esteem Murid Melalui  
Teknik Step by Step. Proceeding of ICECRS, 1 (2016) International Seminar on  
Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October  
2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia, 267-274.
- Mahmood Nazar Mohamed. 2001. *Pengantar Psikologi : Satu Pengenalan Asas  
kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan  
Pustaka.
- Marlon P. Guleng, Razaleigh Muhamat@Kawangit & Abu Dardaa Mohamad. 2014.  
Penyesuaian Diri Mualaf terhadap Masyarakat dalam kalangan Pelajar Institut  
Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). *Jurnal al-Hikmah*. 6, 78-93.
- Nazri Yasin, Jamiah Manap, Arena Che Kassim. 2018. Pengaruh Penghargaan Kendiri  
terhadap Kesejahteraan Psikologi Mualaf. [\*e-Bangi : Journal of Social Sciences  
and Humanities\*. 15\(3\), 173 -182.](#)
- Noreha Che Abah, Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhrudin. 2019. Isu dan  
Cabaran Saudara Baharu di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Al-Anwar*,  
8(2), 1-13

- Nur Ain Sumaiyah Abdullah @ Sumitra A/P Valaitham & Noor Aishah Rosli. 2018. Kemurungan dalam kalangan Muallaf di Pusat Pengajian PERKIM Wilayah Persekutuan. *Journal of Psychology & Counselling*. 5 (1), 52-63.
- Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Akmaliza Abdullah, Siti Norlina Muhamad, Mohammad Naqib Hamdan, Abdul Basit Samat@Darawi. 2019. Pendekatan Psikologi Dakwah dalam Menangani Masalah Saudara Baru. Seminar Serantau Dakwah dalam Masyarakat Majmuk. Anjuran Persatuan Ulama Malaysia, h. 267-286.
- Salasiah Hanin Hamjah. 2008. Pendekatan Da'wah al-Irsyad al-Nafsiyy menurut al-Ghazali : Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Tesis Doktor Falsafah. Penang : Universiti Sains Malaysia.
- Salasiah Hanin Hamjah. 2016. Pendekatan Kaunseling Spiritual menurut al-Ghazali. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsiah Jayos, Faizah Abd Ghani, Lokman Mohd Tahir, Kamarul Azmi Jasmi & Nur Fatimah Abdullah Bandar. 2014. System Support in Counselling among Revert Clients in Malaysia. *Journal of Cognitive Sciences and Human Development*, 1(1), 74-81.
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. 2018. Pengurusan Muallaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin*. 46 (2), 97-122.
- Syalabi, Ra'uf. 1982. *al-Da'wah al-Islamiyyah fi 'ahdiha al-Makki, Manahijuha wa Ghayatuha*. Kuwait : Dar al-Qalam
- Zainuddin, Azammuddin, Amat, Salleh & Mohd Ishak, N. 2017. Persepsi dan Masalah Muallaf terhadap Kesejahteraan Diri di Selangor: Satu Kajian. *E-Journal of the Global Summit on Education 2017*. Vol. 6, 54-66
- Zuliza Mohd. Kusrin. 2001. Pendaftaran Memeluk Agama Islam di Malaysia. *Islamiyyat*, Vol. 22, 13-23.



# **SOSIOLOGI PENDIDIKAN MUALAF**

Prof. Madya Dr. Muhamad Zahiri bin Awang Mat &  
Prof. Madya Dr. Adnan bin Abd. Rashid

## **SOSIOLOGI PENDIDIKAN MUALAF**

Prof. Madya Dr. Muhamad Zahiri bin Awang Mat  
*Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan,  
Brunei Darussalam*

Prof. Madya Dr. Adnan bin Abd. Rashid  
*Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia*

### **ABSTRAK**

Proses pemantapan saudara baharu memeluk Islam atau dikenali sebagai mualaf perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat. Proses ini mampu berjalan dengan lancar dan berkesan sekiranya institusi awam dan swasta, NGO dan badan sukarelawan berganding bahu menjayakannya. Bab ini secara umumnya bertujuan untuk meninjau dan menganalisis secara kolektif beberapa isu berkaitan konsep dan pelaksanaan pendidikan mualaf. Secara khusus untuk menganalisis konsep sosiologi pendidikan mualaf, peranan sosiologi pendidikan dalam membina individu mualaf cemerlang, faktor-faktor kelestarian harmoni masyarakat Islam dan aspek-aspek pendidikan mualaf. Penulisan ini bersifat kajian kepustakaan dengan pendekatan deduktif. Analisis dokumen yang berkaitan dijalankan untuk mencapai tujuan penulisan bab ini. Bab ini mencadangkan lima faktor-faktor kelestarian harmoni masyarakat Islam dan empat aspek menjayakan pendidikan mualaf di Malaysia.

**Kata kunci:** pendidikan Islam, dakwah, mualaf, sosiologi pendidikan Islam

### **PENDAHULUAN**

Agama Islam adalah agama fitrah dan bersifat universal tanpa mengira bangsa, status ekonomi, pendidikan, kewarganegaraan atau usia. Ukuran utama adalah tahap ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT sama ada ia seorang Islam berdasarkan keturunan atau dalam kalangan saudara baharu. Proses pemantapan saudara baharu memeluk Islam atau dikenali sebagai mualaf perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang berkaitan. Proses ini mampu berjalan dengan lancar dan berkesan sekiranya institusi awam dan swasta, NGO dan badan sukarelawan berganding bahu menjayakannya. Maka disinilah aspek sosiologi pendidikan mualaf memainkan peranannya membimbing mualaf ke arah pemantapan amalan Islam

## OBJEKTIF DAN METODOLOGI

Kertas kerja ini secara umumnya bertujuan untuk meninjau dan menganalisis secara kolektif beberapa isu berkaitan konsep dan pelaksanaan pendidikan mualaf. Secara khusus untuk menganalisis konsep sosiologi pendidikan mualaf, peranan sosiologi pendidikan dalam membina individu mualaf cemerlang, faktor-faktor kelestarian harmoni masyarakat Islam dan aspek-aspek pendidikan mualaf. Kertas kerja ini bersifat analisis dokumen untuk mencapai tujuan kertas kerja ini.

### Konsep Sosiologi Pendidikan Mualaf

#### a) Pendidikan

Pendidikan adalah suatu ilmu perihal mendidik<sup>11</sup> (Kamus Dewan, 1989) yang penting dalam semua lapisan kehidupan manusia tidak kira bangsa, agama dan keturunan kerana pendidikan itu mengangkat martabat ketamadunan manusia ketahap yang lebih tinggi dan cemerlang. Tanpa proses pendidikan dan suntikan ilmu, manusia menuju kepada kegelapan, kesesatan dan kehancuran nilai-nilai manusia itu sendiri bahkan boleh mencambah sifat-sifat kebinatangan dalam diri mereka. Oleh itu di dalam perspektif Islam manusia wajib dididik dan dibimbing dengan ilmu sepanjang kehidupan mereka sejak dari lahir hinggalah akhir hayat mereka.

Kepentingan ilmu ini jelas dibentang di dalam al-Quran di mana di awal kejadian manusia iaitu Nabi Adam AS telah diajar oleh Allah SWT akan semua nama-nama sebelum mengharungi kehidupannya di dunia ini<sup>12</sup>. Begitu juga dengan wahyu yang diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW juga ayat tuntutan untuk mencari ilmu “ Bacalah dengan nama Tuhanmu yang mencipta (sekalian makhluk) ...<sup>13</sup>. Berdasarkan maksud ayat-ayat berkenaan menunjukkan peripentingnya ilmu dan pendidikan itu dituntut oleh setiap individu Muslim dan diamalkan di dalam kehidupan terutamanya dalam mentaati perintah Allah SWT. Ilmu dan pendidikan itu mengeluarkan manusia atau Muslim dari kegelapan yang gelita kepada kecerahaan sinaran cahaya yang membimbing kehidupan yang sejahtera. Ilmu dan pendidikan menjadikan seseorang Muslim *taqarraub ilallah* (mendekati Allah) dan hamba Allah yang patuh dan takut kepada-Nya iaitu Allah yang Maha Agung seperti mana maksud ayat: “ Sebenarnya yang takut kepada Allah dari kalangan hambaNya hanyalah orang yang berilmu”<sup>14</sup> Oleh yang demikian di dalam Islam, ilmu dan pendidikan mestilah berteraskan al-Quran dan Sunnah baginda Nabi Muhammad SAW bagi membimbing kehidupan setiap individu Muslim lebih-lebih lagi bagi mereka yang baharu menerima Islam (*mualaf*).

---

<sup>11</sup> Kamus Dewan, 1989, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>12</sup> Surah Al-Baqarah, 2; ayat 31.

<sup>13</sup> Surah Al-'Alaq, 30; ayat 1-5.

<sup>14</sup> Surah Fatir, 35; ayat 28.

## **b) Sosiologi**

Manakala Sosiologi adalah ilmu berkenaan masyarakat (sifat dan pertumbuhannya), ilmu yang mengkaji kehidupan manusia dalam masyarakat<sup>15</sup>. (Kamus Dewan, 1989). Oleh itu bidang sosiologi ini melibatkan pergaulan atau hubungan manusia dengan kelompok manusia yang lain terutama dalam mengatur masyarakat yang sihat lagi tersusun. Jadinya ilmu sosiologi melibatkan hubungan individu dan anggota masyarakat serta perkembangannya juga gejala-gejala yang tercetus dari hubungan sesama manusia.

Dalam konteks perbincangan tentang mualaf, memahami ilmu ini penting dan besar peranannya. Ianya penting terutamanya melibatkan penglibatan diri seseorang *mualaf* dengan anggota masyarakat Islam bagi membina jatidiri Mukmin yang kebal menghadapi *mehnah* atau ujian di awal penerimaan ajaran baru bagi kehidupan mereka. Dengan adanya kekebalan terutamanya melibatkan soal keimanan pada setiap diri *mualaf* di awal penerimaan Islam dapat menjadi asas *istiqamah* dalam menjalani kehidupan sebagai saudara baharu hingga penghujung hayat mereka. Oleh yang demikian anggota masyarakat Islam merupakan penaung atau payung yang kukuh dalam menjaga kesejahteraan iman individu bernama *mualaf*. Bila sosiologi digabungkan dengan pendidikan maka ia melibatkan institusi awam atau swasta dan kesan pengalaman individu terhadap pendidikan dan hasilnya.

Dengan kata lain ia melibatkan kehidupan sosial dan perkembangan sosial dan kesan tingkahlaku individu dalam institusi sosial. Selaras dengan ini institusi atau agensi memainkan peranan yang penting dalam proses pendidikan dan membimbing individu atau kelompok masyarakat bagi mencapai matlamat yang dihasratkan oleh institusi berkenaan. Dalam konteks sosiologi pendidikan mualaf sudah tentu institusi sedia ada seperti IPDAS, PERKIM, JAIN, MAIN, NGO dan lain-lain dapat menggembeling tenaga pendidik dan menggubal kurikulum atau modul yang berkaitan bagi memperkasakan pengetahuan, amalan dan keimanan para mualaf ketahap yang sewajarnya. Dalam kertas kerja ringkas ini beberapa perkongsian fikiran dan pandangan dapat dikongsi bersama bagi menjadikan program-program dakwah mualaf lebih sistematik dan supaya mereka sentiasa terbimbing dan terpandu dengan lebih berkesan.

### **Peranan Sosiologi Pendidikan Dalam Membina Individu Mualaf Cemerlang**

Kesejahteraan, keharmonian dan kestabilan kehidupan masyarakat Islam dapat dihasil menerusi sosiologi pendidikan yang melibatkan susunan sosial yang saling bergantung dan ingat memperingati antara satu sama lain. Masyarakat Islam yang dapat mempertahankan nilai-nilai ini sudah tentu dapat menjadi penaung dan pelindung anggota atau individu yang merupakan keanggotaan masyarakat itu. Kelestarian kondisi masyarakat Islam sebegini dapat membantu dan membimbing saudara baru dalam Islam (mualaf) dengan sosialisasi kehidupan seorang Muslim. Demi menjaga kelestarian masyarakat Islam sebegini, beberapa aspek dan faktor perlu direalisasikan

---

<sup>15</sup> Kamus Dewan, 1989, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

dalam kehidupan masyarakat. Ini juga merupakan tujuan bersosial melalui pendidikan dalam Islam di mana untuk membimbing individu dan masyarakat mengenali sunnah-sunnah Allah dalam bermasyarakat dan hubungan antara mereka di atas dasar ukhuwwah, taawaun dan takaful, juga melahirkan masyarakat yang kuat berpegang teguh kepada akidah Islamiah dan saling prihatin antara satu sama lain (*Majalah 'Ulum Ijtim'iyah*, t.t.).

## **FAKTOR-FAKTOR KELESTARIAN HARMONI MASYARAKAT ISLAM.**

### **a. Ikatan persaudaraan sesama Muslim.**

Agenda ikatan persaudaraan Islam adalah elemen yang amat penting dalam memupuk kesejahteraan dan keharmonian sesebuah masyarakat Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud: “Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara maka damaikanlah di antara dua saudara kamu itu; dan bertaqwalah kepada Allah semuga kamu beroleh rahmat”<sup>16</sup>. Teras persaudaraan inilah yang diberi keutamaan oleh Baginda Nabi Muhammad SAW dalam pelan pembentukan dan pembangunan masyarakat Islam Madinah dengan mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar. Kaum Ansar yang terdiri dari Aus dan Khazraj sering bersengketa dan berperang sejak puluhan tahun yang lalu. Walaupun begitu, tautan hati yang berpaksikan aqidah Islamiyah yang sama, mereka melupakan parut-parut lama persengketaan yang telah berlaku kerana berpegang teguh dengan kalimah *tayyibah* ‘tiada tuhan melainkan Allah’<sup>17</sup>. Prinsip inilah yang wajar diguna pakai oleh masyarakat Islam masa kini dalam memasyarakatkan saudara kita yang baru menerima cahaya Islam agar hati mereka lebih jinak dengan ajaran Islam serta tidak membataskan bangsa sebagai ukuran Islam. Firman Allah yang bermaksud: “...dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa suku puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antaramu”<sup>18</sup>.

Dasar *taqwa* inilah perlu menjadi asas landasan yang wajar diberi keutamaan dalam memasyarakatkan muallaf supaya terhakis fahaman sedia ada dalam kalangan muallaf bahawa memeluk agama menjadi ‘bangsa Melayu’ yang memaksa mereka berubah budaya sosial anutan mereka selama ini kepada budaya Melayu. Selain dari itu dalam kalangan muallaf juga sering menganggap bahawa apabila mereka menerima Islam maka mereka akan diklasifikasikan sebagai anggota masyarakat kelas kedua berbanding dengan bangsa Melayu. Perasaan rendah diri ini terkesan dalam jiwa muallaf sehingga mereka cuba mengelak dan mengasingkan diri dari masyarakat Melayu yang mendominasi agama Islam di Malaysia. Sedangkan semangat persaudaran yang ada dalam sosio budaya masyarakat Islam ialah menyemai perasaan

---

<sup>16</sup> Surah Al-Hujarat, 49; ayat 10.

<sup>17</sup> Lihat: Muhammad Rawwas Qal’aji, 1984, *Qira’ah Jadidah li al-sirah al-Nabwiyyah*, Kuwait: Dmustafa ar al-Buhuth al-’Ilmiah; Mustafa al-Siba’ei, 2015, *Perjalanan Hidup Nabi Muhammad SAW: Kajian dan Pengajian*. Terjemahan: Dr. Abdul Rashid Hj Ahmad. Alor Star: Pustaka Darussalam.

<sup>18</sup> Surah Al-Hujarat, 49; ayat 13.

kasih sayang, tolong menolong, bantu membantu, bertolak ansur, bermesra dan cinta-mencintai antara umat Islam tanpa batasan bangsa atau negara.<sup>19</sup>

Ini juga dijelaskan seperti mana maksud hadith yang diriwayatkan dari Nu'man bin Basyir RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Anda lihat orang-orang yang beriman itu dalam saling kasih-mengasihi, saling cinta-mencintai dan saling tolong-menolong, seperti sebatang tubuh. Kalau ada salah satu anggota yang terkena penyakit, seluruh batang tubuh ikut menderita tidak dapat tidur dan menderita panas.”<sup>20</sup> Dengan pemahaman konsep persaudaran Islam dalam kalangan mualaf dapat memantap dan memperkasa hubungan mereka dengan masyarakat Islam sedia ada di sekeliling mereka. Bahkan masyarakat Islam yang sedia ada wajib menyantuni mualaf dengan penuh kasih sayang dan bimbingan berlandaskan tunjuk ajar al-Quran dan Sunnah Baginda Nabi Muahammad SAW. Prinsip persaudaraan Islam ini dikira penting dalam pembinaan kurikulum dan modul pendidikan untuk masyarakat mualaf supaya salah faham dapat dipadamkan dalam pemikiran mereka.

#### b. Bekerjasama ke arah kebaikan dan ketaqwaan

Individu dalam masyarakat Islam yang dididik dengan ajaran Islam akan menanam dalam dirinya sifat dan perlakuan atau amalan bantu membantu, tolong menolong berasaskan ketaqwaan kepada Allah SWT dan menjauhkan diri dalam tolong menolong perkara yang buruk dan keji. Prinsip ini ditegas oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud: “...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan permusuhan.”<sup>21</sup> Ini adalah asas penting sosio budaya masyarakat Islam yang harmoni dan cemerlang di mana individu Muslim sentiasa bersiap-siaga untuk menghulur bantuan pertolongan dan mengutamakan saudaranya sepertimana ia mengurus dirinya sendiri. Dalam hadith lain Nabi SAW ada menjelas yang bermaksud: “Tidak beriman seseorang dari kamu sehinggalah ia mengasihi saudaranya seperti ia mengasihi diri sendiri.”<sup>22</sup> Maksud hadith ini memberi satu gambaran di mana setiap individu Muslim sewajarnya mengurus dirinya dari sikap pentingkan diri (*selfish*) sehingga ia bersedia untuk *infak* dirinya demi untuk Islam dan saudaranya seperti yang diamalkan oleh para sahabat baginda Nabi SAW atau *salafus soleh*.

Sifat mengasihi begini yang tertanam dalam diri individu Muslim sudah pasti membentuk sikap yang sentiasa memikirkan kebaikan dan kebajikan untuk orang lain atau saudara seIslam (*altruism*) melebihi dirinya sendiri. Dengan kata lain, Allah SWT berfirman dengan maksud: “Kamu tidak sekali-kali akan mencapai kebaikan/kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu *infak* sebahagian apa yang kamu sayangi.”<sup>23</sup> Ayat ini menegaskan bahawa Allah tidak sekali-kali menerima (memberi ganjaran yang mahal) sesuatu kebaikan dari individu Muslim melainkan ia

---

<sup>19</sup> (*Majalah 'Ulum Ijtim'iyah*, t.t.).

<sup>20</sup> **Hadis Sahih Bukhari, Jilid 4. Hadis Nombor 1701.**

<sup>21</sup> Surah Al-Maidah, 5; ayat 2.

<sup>22</sup> Hadith Riwayat Bukhari, Jilid 1, hadith no 13.

<sup>23</sup> Surah Ali-Imran, 3; ayat 92.

menyumbangkan sesuatu yang terbaik darinya. Prinsip ini (*altruism*) menyebabkan setiap anggota masyarakat Islam sentiasa berlumba-lumba untuk bertolong-tolongan dan membantu antara satu sama lain (*fastabiqul khairat*) atas dasar ketaqwaan kepada Allah SWT terutamanya dalam membantu golongan mualaf yang menaruh harapan kepada individu Muslim membimbing mereka.

Saudara baru di dalam Islam (mualaf) merupakan golongan masyarakat Islam yang amat berhajat kepada bertolongan ke arah kebaikan dan ketakwaan (*ta'awan 'ala al-birr wa al-taqwa*) dalam semua aspek kehidupan kerana di awal Islam mereka memerlukan bimbingan ilmu-ilmu Islam, kaunseling, pertolongan sama ada moral dan kebendaan dan sebagainya kerana setelah memeluk Islam setiap mualaf berhadapan dengan cabaran tersendiri sama ada dari ibu-bapa, keluarga, jiran, sahabat handai dan disisih oleh masyarakat mereka<sup>24</sup>. Elemen *ta'awanu 'alal- birr wa taqwa* yang sepatutnya menjadi amalan sosio budaya masyarakat Islam inilah menjadi tempat para mualaf bergantung harap sepenuhnya dalam membina kekebalan iman mereka bagi mengharungi kehidupan sebagai Muslim. Ini semua adalah aspek-aspek sosiologi pendidikan dalam Islam terutama apabila berinteraksi dengan saudara baharu. Prinsip ini wajar diambil kira dalam modul pendidikan dan bimbingan para mualaf untuk kesejahteraan hidup mereka.

### c. *Islah* kelemahan dan hubungan masyarakat

Sesebuah masyarakat yang sejahtera tidak dapat lari dari kesepaduan dan kesatuan ummah di mana hubungan individu dengan individu yang lain perlu akrab atas landasan iman bagaikan binaan seperti mana maksud hadith: "Sesungguhnya seorang mukmin terhadap seorang mukmin bagaikan sebuah rumah, yang satu mengukuhkan yang lain." Ketika berkata itu, Rasulullah SAW mendekati jarinya.<sup>25</sup> Ini bermaksud dalam menjalin hubungan membina sesebuah masyarakat, semua individu mestilah saling bantu membantu dalam mengislah masyarakat ke arah kekuatan ummah tanpa mengira sama ada muslim atau mualaf. Demikian juga dalam membentuk dan membangun kesepaduan masyarakat Islam perlu ada *islah* dan *tazkirah* semasa berinteraksi antara satu sama lain seperti yang disaran di dalam al-Quran yang bermaksud: "Maka bertaqwalah kamu kepada Allah dan perbaiki hubungan di antara kamu..."<sup>26</sup>, dan juga firman-Nya: "Dan tetap tekunlah engkau memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang yang beriman"<sup>27</sup>.

---

<sup>24</sup> Lihat Razaleigh Muhamat Kawangit, 2016, *Pembangunan Dakwah Mualaf Di Malaysia: Cabaran Dalam Masyarakat*. Kertas Kerja. Kertas kerja Utama di: 1st International Conference On Mualaf Development And Empowerment (DE MUALAF), Kuala Lumpur, Mac 2016; Razaleigh Muhamat Kawangit, 2015, *Saudara Baru Di Malaysia: Keperluan Kepada Dakwah Semasa*. Kertas kerja: Simposium Kebudayaan dan Kerjasama Indonesia - Malaysia 2015 (SKIMXIV 2015). 25 November 2015 (Wednesday), Hotel Everly Putrajaya, Malaysia. Anjuran Institut of Malaysian and Internatuonal stidies (IKMAS).

<sup>25</sup> **Hadis Sahih Bukhari, Jilid 1. Hadis Nombor 0285.**

<sup>26</sup> Surah Al-Anfal, 8; ayat 1.

<sup>27</sup> Surah Al-Zariyyat, 51; ayat 55.

Namun dalam usaha memperbaiki (*islah*) dan memberi peringatan (*tazkirah*) bukanlah satu tugas yang mudah bahkan kadang-kadang ia membawa kepada perpecahan masyarakat. Usaha murni *islah* dan *tazkirah* perlu dilakukan dengan penuh hemah bagaikan menarik rambut dalam tepung yang tidak meninggalkan kesan kerosakan persekitaran. Perinsip *islah* dan *tazkirah* ini wajib dilakukan dengan mutiara hikmah yang berlandaskan iman, ilmu, akal dan bijaksana tidak sama sekali mengikut hawa nafsu, emosi dan hasutan syaitan. Untuk mencapai prinsip ini memerlukan ilmu sosiologi dakwah, akhlaq, psikologi, kaunseling dan *role model* seperti saranan dari firman Allah yang bermaksud: “Maka dengan sebab rahmat dari Allah, engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka, dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.”<sup>28</sup>. Selain itu maksud hadith Nabi SAW dari Anas bin Malik dari Nabi SAW bersabda: “Berilah mereka khabar gembira agar mereka tidak menjauhkan diri, mudahkanlah segala urusan mereka dan jangan dipersulit.”<sup>29</sup>.

Panduan dari ayat al-Quran dan hadith junjungan besar Nabi SAW menerapkan kepada setiap anggota masyarakat akan elemen-elemen dalam berkomunikasi antara satu sama lain terutamanya golongan muallaf yang baru mengenali Islam. Menyantuni muallaf seperti ini akan dapat memikat hati dan menambah rasa cinta mereka dengan saudara Muslim yang membimbing mereka lebih-lebih lagi sesuatu perkara yang berkaitan budaya dan pengangan mereka sebelum Islam. Perinsip ini amat penting untuk diambilkira dalam membina modul pendidikan sosiologi muallaf bagi memantapkan kesepaduan dan keutuhan masyarakat Islam.

#### d. Memenuhi keperluan ahli masyarakat

Hubungan sosial masyarakat Islam adalah melalui saling memenuhi hajat, keperluan, melepaskan kesusahan dan saling meringankan bebanan yang di tanggung oleh setiap anggota masyarakat. Baginda Nabi SAW memotivasikan umat Islam dalam memenuhi keperluan ini dengan sabdanya yang bermaksud: "Seorang muslim adalah saudara bagi sesama muslim. Dia tidak boleh menganiaya saudaranya dan tidak boleh pula membiarkan saudaranya (teraniaya). Siapa yang membantu (mencukupkan) keperluan saudaranya maka Allah Taala membantunya pula (mencukupkan) keperluannya. Siapa yang melapangkan kesulitan seorang muslim. maka Allah Taala melapangkan pula kesulitannya kelak di hari kiamat. Dan siapa yang menutup kesalahan (rahsia.) orang muslim, maka Allah menutupi pula kesalahannya kelak di hari kiamat"<sup>30</sup>. Penyemaian prinsip ini dalam setiap diri anggota masyarakat Islam sudah tentu ia dapat membentuk iklim yang kondusif di mana golongan muallaf merasai hidup mereka terbela dan terpelihara apabila mereka berada dalam naungan masyarakat Islam. Ajaran Islam membuka ruang yang luas dalam memenuhi keperluan antara satu sama lain seperti nasihat-menasihati, bersedeqah dan zakat, memberi buah fikiran, pertolongan, mendoakan dan sebagainya yang boleh menimbulkan kelegaan dan kesejahteraan kepada saudara baru (muallaf).

---

<sup>28</sup> Surh<sup>l</sup> Ali-Imran, 3; ayat 159.

<sup>29</sup> **Hadis Sahih Muslim Jilid 3. Hadis Nombor 1717.**

<sup>30</sup> **Hadis Sahih Muslim Jilid 4. Hadis Nombor 2210.**



Usaha-usaha yang mulia ini dari ajaran Islam menjelaskan bahawa pergaulan sosial setiap anggota masyarakat Islam sentiasa melestarikan kesetabilan, keharmonian dan kesejahteraan yang memberi satu jaminan kepada muallaf dalam mempertahankan aqidah mereka yang masih baharu dalam menghadapi cabaran kehidupan mereka sebagai Muslim. Situasi terjamin (*takaful*) yang terdapat dalam masyarakat Islam yang saling memenuhi keperluan setiap ahli masyarakat dalam apa jua keadaan dapat merangsang para muallaf semakin akrab mereka mendampingi ajaran Islam dan dapat menenangkan jiwa serta rohani mereka. Maka dengan itu, elemen memenuhi keperluan saudara baharu Muslim merupakan aspek yang perlu untuk diambil kira untuk pembangunan modul sosiologi pendidikan muallaf bagi kesejahteraan amalan Islam mereka.

e. Masyarakat Islam yang hebat (*champion/victory*)

Masyarakat Islam adalah *khairu ummah* yang perlu dibanggakan oleh setiap anggotanya. Ini merupakan anugerah Allah SWT sepertimana maksud al-Quran: “Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada yang mungkar, serta kamu pula beriman kepada Allah...”<sup>31</sup>. Sebaik-baik umat yang diiktirafkan oleh Allah SWT merangkumi setiap anggota masyarakat Islam yang dapat mendampingi satu sama lain lebih-lebih lagi muallaf yang baru mengenal Islam dan perlu bimbingan. Umat Islam adalah umat contoh kepada sekalian manusia dan mereka sentiasa berdoa kepada Allah SWT agar menjadi umat yang mencapai kemenangan dan kecemerlangan (*champion/victory*) seperti maksud al-Quran: “maka tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir.”<sup>32</sup>.

Ayat ini bukan sekadar menjelaskan kemenangan umat Islam di dalam peperangan sahaja tetapi ia memberi makna yang lebih jauh dari itu di mana umat Islam berdoa supaya menjadi jaguh (*champion/victory*) dalam kemuliaan akhlak, ilmu dan pendidikan, ekonomi, sains dan penyelidikan, jaguh dalam interaksi sosial (mu‘amalat), pengurusan masa, kebersihan dan lain-lain yang pernah tercipta nama dalam sejarah tamadun Islam. Kejaguhan ini adalah satu *role-model* kepada semua umat manusia lebih-lebih lagi orang bukan Islam, setidak-tidaknya dapat menjadi satu kebanggaan kepada golongan muallaf di mana mereka dipilih oleh Allah menjadi umat yang cemerlang dan jaguhan manusia. Masyarakat Islam masa kini perlu berusaha bersungguh mengembalikan dan mengekal kejaguhan ini (*champion/victory*) agar masyarakat Islam dipandang tinggi dan mulia oleh segenap lapisan manusia. Inilah sebenarnya elemen-elemen *hadharah* dan *‘umran* sebenar sebagaimana dijelaskan oleh Ibn Khaldun dalam kitabnya *Muqaddimah*<sup>33</sup>.

Golongan *muallaf* pasti merasai diri mereka hebat dengan masyarakat Islam yang menjadi jaguh umat manusia dan boleh mendorong sahabat-sahabat mereka

---

<sup>31</sup> Surah Ali-Imran, 3; ayat 110.

<sup>32</sup> Surah Al-Baqarah, 2; ayat 286.

<sup>33</sup> Lihat perbincangan tentang *hadharah* dan *‘umran* dalam; Ibn Khaldun, 2010, *Muqaddimah*.  
Kaherah: Dar al-Taufiqiyah Li al-Turath.

bukan Islam terbuka hati dengan Islam. Namun masa kini umat Islam dipandang rendah kerana umat Islam sendiri yang gagal memperkasa kedudukan mereka sebagai *khairu ummah* dan saling bercakaran dan berbunuhan sesama sendiri sehingga umat Islam dianggap sebagai penganas yang boleh membawa kebingungan di kalangan mualaf. Menjadi satu tanggungjawab yang besar dalam kalangan anggota masyarakat Islam untuk menjelaskan *tasawwur* Islam kepada saudara baru Islam supaya mereka tidak terkeliru atau was-was dengan ajaran Islam. Anggota masyarakat Islam bertanggungjawab membentuk rangkaian sosial untuk saudara baru dalam masyarakat Islam berlandaskan sosiologi Pendidikan mualaf. Golongan mualaf wajar diberi perhatian sosial dengan mengadakan rangkaian sosial (*social network*) mualaf supaya hidup mereka tidak terasing dengan masyarakat Islam dan kelestarian iman mereka terpelihara.

### **ASPEK SOSIAL PENDIDIKAN MUALAF**

Aspek sosial yang merangkumi hubungan individu antara satu sama lain dan dengan institusi keagamaan adalah penting dalam sesebuah masyarakat Islam. Ianya bertambah penting apabila melibatkan dakwah dan pembangunan insan sahabat baharu. Dalam hal ini, untuk menjadikan dakwah mualaf itu berkesan maka beberapa aspek perlu diambilkira antaranya aspek pengukuhan dan peningkatan ilmu, bimbingan dan kaunseling, pembangunan diri mualaf dan pengamalan kehidupan muslim.



**Rajah 1.1:** Aspek Sosial Pendidikan *Mualaf*

Huraian mengenai empat aspek ini sebagaimana Rajah 1.1 berikut:

Rajah 1.1 di atas menjelaskan empat aspek utama yang perlu dititikberatkan dalam pendidikan mualaf. Maka pendidikan dan pembangunan mualaf yang melibatkan empat aspek ini memerlukan sokongan masyarakat dan institusi kerajaan serta swasta yang disebut sebagai struktur sosial. Struktur ini perlu mempunyai hubungan dinamik yang terjalin antara individu, kumpulan, masyarakat dan institusi. Perbincangan empat aspek serta peranan struktur sosial adalah sebagaimana berikut:

### **Pengukuhan dan Peningkatan Ilmu**

Aspek pengukuhan dan peningkatan ilmu merupakan asas kepada pemahaman Islam yang sebenar. Kajian mualaf di Selangor mendapati empat faktor utama yang mendorong seseorang memeluk Islam ialah ingin menemui makna hidup, mencari ketenangan diri, hasil dari pemerhatian dan hasil kajian mengenai Islam<sup>34</sup>. Ini menunjukkan mualaf memeluk Islam di atas kesedaran inginkan kebenaran beragama. Pendidikan dan bimbingan agama berterusan amat diperlukan oleh seseorang mualaf bagi berpindah daripada *formal conversion* kepada *practical conversion*. Pendidikan dan bimbingan ini boleh diperolehi melalui penglibatan mereka dalam kelas-kelas yang disediakan sama ada oleh institusi kerajaan seperti MAIN dan JAIN atau NGO. Dalam hal ini mengetahui status pendidikan dan status sosial mualaf menjadikan proses bimbingan dapat dijalankan dengan baik dan lebih berkesan. Pada peringkat permulaan seseorang memeluk Islam, kebanyakan negeri mengadakan kursus pengenalan kepada agama Islam sekurang-kurangnya selama tiga hingga lima hari dan bermalam. Kursus seumpama ini diadakan sebagai satu platform supaya mualaf mendapatkan pendedahan awal terhadap perkara-perkara asas dalam Islam sama ada dalam bentuk teori mahupun praktikal seperti perkara tauhid, ibadah solat, cara mandi wajib dan lain-lain lagi<sup>35</sup>.

Isi kandungan dan kaedah penyampaian pengajaran hendaklah bersesuaian dengan tahap kefahaman mualaf. Seperti yang dijelaskan memahami tahap pendidikan dan status sosial mualaf dapat membantu meningkat kefahaman agama Islam dengan lebih berkesan. Silibus atau kurikulum dan modul perlulah digubal secara komprehensif tetapi mudah difahami sebagai pendedahan awal kepada ajaran Islam sebelum berpindah kepada pengetahuan yang lebih mendalam berkaitan tasawwur Islam dan hikmah di sebalik kehidupan dan kematian, di samping ilmu fardu ain; tauhid, ibadah, akhlak, sirah dan pengajian al-Quran. Penyediaan modul atau buku teks dalam bahasa ibunda mualaf juga dapat memudahkan lagi mereka memahami dan menguasai ilmu yang disampaikan. Ini juga adalah berdasarkan pengalaman penulis terlibat dalam membina kurikulum mualaf di salah sebuah

---

<sup>34</sup> Lihat: Mariam bt Abd. Majid, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah & Safinah Ismail. (2017): Faktor Dorongan Mualaf Memeluk Islam Kajian Di Negeri Selangor Darul Ehsan, Dalam Multidisiplin Ilmu Penyelidikan. Seri Begawan: Unissa Press, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

<sup>35</sup> Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. (2018). Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin*, 46 (2) 2018, hlm: 97-122.

negeri di semenanjung Malaysia. Pembelajaran tidak terhenti di dalam kelas-kelas sahaja. Bimbingan seharian oleh mereka yang hampir dengan mualaf tersebut seperti pasangan Muslim, jiran tetangga dan komuniti setempat juga dapat membantu mereka memahami Islam dengan lebih berkesan lagi. Maka disinilah anggota masyarakat perlu prihatin dan memainkan peranan mereka membantu sahabat kalangan saudara baharu.

Pihak MAIN atau JAIN dan juga NGO hari ini sebenarnya telah memainkan peranan bagi mengadakan pendidikan berkala sama ada secara harian mahupun mingguan atau bulanan melalui kelas-kelas bimbingan fardu ain kepada mualaf. Difahamkan terdapat perbezaan di antara negeri terhadap pelaksanaan kelas tersebut sama ada dari segi kekerapan, hari dan waktu, bilangan kelas dan tenaga pengajar, bahasa pengantar serta tempat belajar. Sekalipun silibus atau modul yang diguna pakai juga berlainan antara negeri-negeri, namun kesemua negeri menekankan pengajaran dalam perkara asas Islam termasuklah pengajian al-Quran, akidah, fekah, akhlak dan sirah. Usaha NGO juga perlu dipertingkatkan dengan mengadakan kelas-kelas asas dan lanjutan Islam dengan menjadikan bahasa ibunda mualaf sebagai bahasa pengantar seperti Bahasa Mandarin, Tamil, Siam dan sebagainya. Bagi mualaf yang mempunyai kekangan untuk mengikuti jadual kelas yang disusun di peringkat MAIN atau JAIN, pihak NGO turut menyediakan kelas persendirian kepada mualaf yang berhajat dengan waktu yang fleksibel.<sup>36</sup> Walaupun telah banyak program dijalankan oleh pihak kerajaan dan NGO, penulis berpendapat program dakwah dan ukhuwah lain sempena hari-hari kebesaran Islam yang bersifat santai, terbuka dan menarik sesuai dijadikan acara tahunan bagi mualaf.

## **ASPEK BIMBINGAN DAN KAUNSELING**

Aspek bimbingan dan kaunseling juga sama pentingnya dengan aspek-aspek yang lain. Nur Najwa Hanani Abd Rahman et al., (2016)<sup>37</sup> menjelaskan dalam kajian mereka di Johor bahawa mualaf menghadapi transformasi hubungan kekeluargaan selepas memeluk Islam terutama dari sudut emosi. Selain itu, pelbagai masalah lain terpaksa mereka hadapi sama ada dari segi adat dan budaya, kekeluargaan, ekonomi, kerjaya, birokrasi, perundangan dan sebagainya. Masalah-masalah ini mampu merebak dan mengesani saudara baharu dengan lebih serius hingga ke peringkat kembali kepada agama asal (murtad) sekiranya ia tidak dibimbing dan ditangani dengan segera oleh pihak berkaitan. Pemahaman ahli keluarga mualaf mengenai masuk Islam bermakna menjadi Melayu, masuk Islam memutuskan hubungan keluarga, amalan poligami tidak memberi keadilan kepada wanita perlu diberi perhatian.

Hubungan kekeluargaan merupakan salah satu cabaran serta masalah yang dihadapi oleh mualaf selepas memeluk Islam. Di antaranya mereka mendapat

---

<sup>36</sup> Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail, 2018.

<sup>37</sup> Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Siti Aishah Yahya & Mohd Sufiean Hassan, 2016, *Transformasi Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita Dari Sudut Emosi Selepas Memeluk Islam Di Johor*. Jurnal Ilmi, Jilid 6, 2016: 125-148.

tentangan yang hebat daripada ahli keluarga kandung sehingga berlaku kes pemuluan ke atas mereka. Kenyataan tidak mengakui anak kandung oleh bapa, tidak dibenarkan pulang ke rumah dan putusanya segala perhubungan sama ada daripada segi kekeluargaan, kewangan dan hubungan sosial yang lain juga antara cabaran yang terpaksa mereka hadapi. Ini sekiranya tidak diberi sokongan moral dan kaunseling akan benar-benar mengganggu emosi dan seterusnya menyebabkan tekanan perasaan bagi mereka. Perasaan takut untuk bertemu dengan ahli keluarga selepas memeluk Islam, rasa kecewa apabila ahli keluarga tidak boleh menerima setelah memeluk Islam dan rasa sedih apabila disisihkan oleh keluarga selepas memeluk Islam menyebabkan mereka benar-benar tertekan.<sup>38</sup>

Pihak berkaitan kaunseling dan bimbingan muafaf seperti JAIN, MAIN, NGO dan lain-lain telah memainkan peranan mereka dalam meringankan beban emosi dan psikologi muafaf. JAKIM juga telah memainkan peranannya dalam meningkatkan pengurusan, bantuan dan bimbingan untuk muafaf. Maklumat merangkumi prosedur masuk Islam, pendaftaran muafaf, bantuan dan pusat pengajian untuk muafaf secara online disediakan.<sup>39</sup> Inisiatif JAKIM dengan mengadakan e-Muafaf sebagai langkah proaktif membantu muafaf.<sup>40</sup> Begitu juga peranan IPDAS (Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) dalam konteks kebajikan muafaf di negeri Sabah khususnya.

Pelaksanaan aspek sosial dalam konteks bimbingan dan kaunseling muafaf boleh berlaku pertamanya dengan menyediakan unit kunseling yang diuruskan oeh mereka atau pegawai yang bertauliah dan betul-betul profesional dan mempunyai sijil atau diploma atau perakuan dari agensi kebangsaan seperti PERKAMA (Persatuan Kaunseling Malaysia) atau mana-mana badan antarabangsa lain. Ini penting supaya proses kaunseling dapat berjalan dengan penuh profesional dan memberi kesan positif kepada saudara baharu. Seterusnya membudayakan individu dan masyarakat kepada konsep bantu membantu saudara baharu. Ini mesti bermula dengan mengadakan latihan dan kursus-kursus khas kepada mereka yang berminat untuk menjadi kaunselor unit dakwah muafaf. Individu terlatih boleh mendaftarkan diri dengan NGO, masjid, atau mana-mana badan dakwah dan pengurusan muafaf yang berdaftar untuk membantu meringankan bebas emosi dan psikologi muafaf. Ini termasuklah sukarelawan kaunselor bertauliah.

Begitu juga gabungan antara ilmu kaunseling Islam dan memahami budaya pelbagai etnik dalam kalangan kaunselor menjadikan kaunselor dapat menangani tekanan emosi dan sosial muafaf secara berkualiti sehingga muafaf lebih bertekad untuk memenuhi tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Muafaf juga memerlukan bimbingan dari aspek kemahiran dan keperluan modal kewangan untuk menyokong mereka mengembangkan bakat dalam bidang minat mereka sebagai kelangsungan hidup di masa hadapan<sup>41</sup>. Tidak dinafikan terdapat juga muafaf yang telah stabil

---

<sup>38</sup> Lihat Nur Najwa Hanani Abd Rahman et al., 2016.

<sup>39</sup> Ini disediakan melalui pautan: <https://www.malaysia.gov.my/portal/subcategory/162?language=my>

<sup>40</sup> Ini disediakan melalui pautan: [https://emualaf.islam.gov.my/index.php?pages=pg\\_negeri&s=14](https://emualaf.islam.gov.my/index.php?pages=pg_negeri&s=14)

<sup>41</sup> Basir, M. Z. K., Abdullah, N. A. M. T., Sham, F. M., Ismail, I., & Mokhtar, M. Y. O. (2021).

*Implementation Methods of Revert Da'wah Program in Malaysia: A Literature Review*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 11(3), 542-555.

ekonomi dan kedudukannya, namun dari aspek emosi, psikologi dan sokongan sosial masih diperlukan.

## **PEMBANGUNAN DIRI MUALAF**

Aspek ini juga penting sebagaimana aspek-aspek lain. Kebanyakan mualaf setelah memeluk Islam akan terdedah kepada krisis kehidupan dan kewangan. Ini berlaku rentetan dihalau keluarga, dibuang kerja, dipulau oleh rakan dan sebagainya. Dengan itu, antara bantuan awal yang diperlukan bagi mualaf yang tidak stabil kewangannya adalah bantuan berbentuk kewangan dan amatlah diperlukan bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka. Bantuan kewangan boleh disalurkan melalui pemberian wang sugu hati pemeluk Islam dan elaun kehadiran ke kelas atau program yang dianjurkan sebagai dorongan. Manakala, keperluan lain pula boleh diberikan dalam bentuk makanan keperluan asas, pakaian, tempat perlindungan, bantuan perubatan, pendidikan dan banyak lagi. Sebagai asnaf yang layak menerima zakat, kebajikan dan hak mualaf seharusnya terbela melalui sistem agihan zakat yang efisien. Sekalipun beberapa negeri telah menetapkan had tempoh panggilan mualaf bagi memudahkan pengurusan pendidikan dan kebajikan mualaf berkenaan, namun penentuan tersebut hendaklah dilakukan bersama wujudnya suatu pelan perancangan jangka masa panjang bagi pembangunan spiritual dan material mualaf itu sendiri.<sup>42</sup> Bantuan kewangan ini termasuklah pemberian wang sugu hati atau insentif pemeluk Islam bagi menarik dan menjinakkan hati saudara baru di samping meringankan tekanan yang dihadapi semasa fasa permulaan masuk Islam.

Di samping bantuan berbentuk kewangan, kebajikan lain seperti kemahiran-kemahiran yang sesuai dengan minat mualaf perlu dijalankan dan diuruskan secara professional dan komprehensif oleh semua badan dan agensi berkaitan. Pihak MAIN atau JAIN dan NGO telah memainkan peranan melalui bantuan perlindungan di rumah penempatan sementara, bantuan pendidikan dengan menanggung kos pengajian mualaf di institusi-institusi terpilih, bantuan kos atau alat perubatan, bantuan perkahwinan dan banyak lagi.<sup>43</sup> Namun begitu, keperluan ini perlu dipertingkatkan lagi oleh semua badan termasuklah anggota masyarakat dalam membantu mualaf memulakan hidup baharu. Satu hub *online* atau *one stop centre* secara maya perlu diwujudkan bagi menyatukan semua anggota masyarakat supaya dapat menyumbangkan tenaga, kewangan dan kemahiran membantu mualaf. Begitu juga program-program bantuan dan pembangunan sosioekonomi serta bengkel-bengkel yang melibatkan kemahiran seperti jahitan, perniagaan dan pengurusan kewangan perlu dianjurkan bagi membekalkan mualaf dengan ilmu kelangsungan hidup pada masa hadapan.

---

<sup>42</sup> Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail, 2018.

<sup>43</sup> Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail, 2018.

## PENGAMALAN KEHIDUPAN MUALAF

Amalan seharian mualaf sama ada dari segi ibadat dan amalan-amalan lain bergantung kepada sejauhmana kemampuan mereka memahami dan mengadaptasi budaya baharu ajaran Islam. Tahap kesukaran amalan ajaran Islam dalam kalangan mualaf adalah tidak sama. Ini bergantung kepada kemampuan kognitif atau tahap pencapaian akademik mualaf serta pengalaman dalam kehidupan seharian mereka. Antara isu amalan adalah kesukaran meninggalkan amalan lama sebelum memeluk Islam, masih berpegang dengan pantang larang masyarakat lama sebelum Islam, kemampuan mengintegrasikan adat dan budaya lama yang tidak bercanggah dengan Islam, kesukaran mempelajari dan menyebut huruf-huruf al-Quran (Bahasa Arab), cabaran berpuasa di bulan Ramadan, cabaran konsisten dalam solat fardhu dan lain-lain lagi.<sup>44</sup>

Institusi dakwah dan pendidikan awam serta NGO dan badan-badan lain perlu prihatin dalam membantu mualaf menangani kesukaran dan cabaran ini. Penerbitan buku, poster dan infografik berkaitan kaedah menangani kesukaran dan cabaran tersebut dapat membantu mualaf memahami cara amalan terbaik. Disamping itu melalui penerangan dan sesi bimbingan berterusan dapat membantu mualaf menjalankan tugas sebagai saudara baharu dalam kehidupan seharian. Sesi amali ibadat secara komprehensif dan juga ibadat-ibadat lain serta motivasi berterusan juga penting untuk mereka. Maka di sinilah sekali lagi peranan institusi dan struktur sosial perlu dipertingkatkan. Institusi masjid, NGO, individu, dan lain-lain dapat membantu kerajaan dalam memantapkan amalan ibadah dalam kalangan mualaf.

Program dan aktiviti dakwah dan ukhuwah melibatkan ziarah dan kaunseling melalui perkongsian pintar atau jaringan kerjasama antara pihak MAIN atau JAIN dengan pihak NGO dan lain-lain untuk mengendalikan program-program kepada mualaf adalah penting. Begitu juga penganjuran program-program dua hala yang dapat membina tautan ukhuwah sesama mualaf dapat menguatkan lagi keyakinan mereka untuk berpegang teguh kepada ajaran Islam. Sebagai contoh di Johor, pihak NGO telah dilibatkan bersama dalam anjuran Kursus Fasa Pemantapan Saudara Kita, Program Sehari “Mari Kenali Islam”, Dialog bersama Tokoh Mualaf, program keluarga angkat dan banyak lagi.<sup>45</sup> Sekalipun terdapat program-program NGO yang tidak dianjurkan secara bersama dengan MAIN atau JAIN, ia dilaksanakan dengan pemantauan atau makluman kepada pihak MAIN atau JAIN bagi mendapatkan dana. Begitu juga dengan aktiviti ziarah, pihak NGO boleh bergiat lebih aktif dalam melaksanakannya di bawah pemantauan MAIN atau JAIN. Banyak lagi aktiviti ziarah dan lainnya yang melibatkan pihak PERKIM. Skwad Sukarelawan MAIN yang terdiri daripada kalangan ahli NGO juga telah ditubuhkan.

Di samping menziarahi mualaf, antara tugas utama skuad tersebut adalah untuk mengenal pasti tahap pendidikan, ekonomi, masalah keluarga, pergaulan dengan

---

<sup>44</sup> Burhanuddin Jalal et al., 2017. *Pendidikan Islam Untuk Saudara Baru Anggota Angkatan Tentera Malaysia*. Journal of Education and Social Sciences, Vol. 6, Issue 2, (February) ISSN 2289-9855, 328-334.

<sup>45</sup> Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail, 2018.

masyarakat sekeliling, penguasaan fardu ain dan sebagainya. Jaringan kerjasama ini penting supaya tidak berlakunya pertindihan aktiviti, ketidaksesuaian uslub dakwah yang digunakan dan bahkan apabila timbulnya sebarang masalah, pihak agensi kerajaan yang terpaksa pula menjernihkan kembali keadaan.<sup>46</sup>

Isu pengamalan seharian mualaf ini tidak terhenti setakat mereka atau generasi pertama sahaja. Pihak berkaitan perlu juga memikirkan nasib generasi kedua Mualaf, iaitu kalangan anak-anak mereka. Malah, mereka ini lebih berpotensi dan dengan berpegang kepada prinsip melentur buluh sedari rebung, anak-anak lebih mudah ditempa mencipta kejayaan. Maka generasi kedua ini juga perlukan satu strategi masa depan berkaitan dengan pendidikan, kemahiran, sikap dan nilai serta motivasi<sup>47</sup>.

## **PENUTUP**

Memahami sosio budaya dan pendidikan mualaf memerlukan kerjasama semua pihak. Pemahaman dan perancangan yang sistematik menjadikan dakwah dalam kalangan saudara baharu lebih berkesan dan mencapai sasarannya. Oleh kerana itu jaringan kerjasama antara institusi agama yang menguruskan mualaf seperti JAKIM, MAIN, JAIN dan NGO serta badan-badan sukarelawan lain perlukan keseragaman bagi menjalankan fungsi dakwah kepada golongan mualaf di Malaysia, sama ada beroperasi di peringkat negeri mahupun kebangsaan. Begitu juga dengan adanya *one stop centre* atau hub rasmi secara maya dapat mempertingkatkan lagi pengurusan dan pemantapan mualaf di Malaysia. Semoga segala usaha yang telah dilakukan dan perancangan akan datang dapat menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara contoh dalam mengurus dan mentadbir mualaf di persada dunia.

## **RUJUKAN**

Basir, M. Z. K., Abdullah, N. A. M. T., Sham, F. M., Ismail, I., & Mokhtar, M. Y. O. 2021.

Buletin Edisi, 2020, Keluaran Majlis Agama Islam Selangor, Bil: 1/2020, No. ISSN: 2289 -635X. <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/03/Final-EDISI-MAIS-Bil.1.2020-1.pdf> (Akses: 15/7/2021)

Burhanuddin Jalal, Sayuti Ab Ghani, Amnah Saayah Ismail. 2017. Pendidikan Islam Untuk Saudara Baru Anggota Angkatan Tentera Malaysia. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 6, Issue 2, (February) ISSN 2289-9855, 328-334.  
<https://swmsa.net/forum/showthread.php?s=62fa16ecfd1983086dcaee8af85cb944&t=9363> (Akses: 20/7/2021)

---

<sup>46</sup> Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail, 2018.

<sup>47</sup> Buletin Edisi, 2020, Keluaran Majlis Agama Islam Selangor, Bil: 1/2020, No. ISSN: 2289 -635X, hlm:3



Ibn Khaldun. (2010). *Muqaddimah*. Kaherah: Dar al-Taufiqiyah Li al-Turath, Implementation Methods of Revert Da'wah Program in Malaysia: A Literature Review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(3), 542-555.

Kamus Dewan. (1989). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Majallah al-'Ulum al-Ijtima'iyah*. (t.t.). Ahdaf Ilm al-Ijtima' al-Tarbawiy.

Mariam bt Abd. Majid, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah & Safinah Ismail. 2017: Faktor Dorongan Mualaf Memeluk Islam Kajian Di Negeri Selangor Darul Ehsan, Dalam Multidisiplin Ilmu Penyelidikan. Seri Begawan: Unissa Press, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. <https://www.researchgate.net/publication/340644954> FAKTOR DORONGAN MUALAF MEMELUK ISLAM KAJIAN DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN [Akses 27/7/2021].

Muhammad Rawwas Qal'aji, 1984, *Qira'ah Jadidah li al-sirah al-Nabwiyyah*, Kuwait: Dmustafa ar al-Buhuth al-'Ilmiah.

Mustafa al-Siba'ei, 2015, *Perjalanan Hidup Nabi Muhammad SAW: Kajian dan Pengajian*. Terjemahan: Dr. Abdul Rashid Hj Ahmad. Alor Star: Pustaka Darussalam.

Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Siti Aishah Yahya & Mohd Sufiean Hassan. 2016. Transformasi Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita Dari Sudut Emosi Selepas Memeluk Islam Di Johor. *Jurnal Ilmi*, Jilid 6, 2016: 125-148.

Razaleigh Muhamat Kawangit, 2015, Saudara Baru Di Malaysia: Keperluan Kepada Dakwah Semasa. Kertas kerja: Simposium Kebudayaan dan Kerjasama Indonesia - Malaysia 2015 (SKIMXIV 2015). 25 November 2015 (Wednesday), Hotel Everly Putrajaya, Malaysia. Anjuran Institut of Malaysian and Internatuonal stidies (IKMAS).

Razaleigh Muhamat Kawangit, 2016, Pembangunan Dakwah Mualaf Di Malaysia: Cabaran Dalam Masyarakat. Kertas Kerja. Kertas kerja Utama di: 1st International Conference On Mualaf Development And Empowerment (DE MUALAF), Kuala Lumpur, Mac 2016.

Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. 2018. Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin*, 46 (2) 2018: 97-122.

Website rujukan Hadith:

<https://sigir.uitm.edu.my/svsi/sumberutama.php> (Akses 10 Julai 2021)

# **TEKNOLOGI PENDIDIKAN ISLAM DI KALANGAN MUALAF**

Dr. Tenku Putri Norishah binti Tenku Shariman, Dr. Othman bin  
Talib, & Farihan Abdullah

## **TEKNOLOGI PENDIDIKAN ISLAM DI KALANGAN MUALAF**

**Dr. Tenku Putri Norishah binti Tenku Shariman<sup>1</sup>, Dr. Othman  
bin Talib<sup>2</sup>, Farihan Abdullah<sup>3</sup>**

Multimedia University, Universiti Putra Malaysia dan Multimedia  
University

tengku.norishah@mmu.edu.my, otalib@upm.edu.my,  
farihan@mmu.edu.my

### **ABSTRAK**

Kajian ini mengkaji bagaimana teknologi media baru boleh diintegrasikan ke dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan mualaf untuk menjadikannya lebih relevan pada era revolusi 4.0. Walaupun pendidikan agama adalah salah satu aspek yang penting dalam pembentukan jati diri mualaf sebagai Muslim yang kuat tetapi pelaksanaan pendidikan mualaf dengan hanya menekankan penyampaian ilmu pengetahuan dari tenaga pengajar ke pelajar dengan cara tradisi iaitu melalui kelas pengajian bersemuka sahaja tidak mencukupi. Kajian ini menganjurkan supaya pendidikan mualaf harus memperkasakan pelajar dengan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat yang lebih kolaboratif dan melibatkan mereka dengan aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kaedah pembelajaran yang berteraskan teknologi ini juga mendorong pelajar untuk bersikap sendiri dan yakin dengan kemampuan sendiri yang memastikan individu mualaf sentiasa berfikiran positif dan terus semangat dalam menjalani kehidupan seharian sebagai seorang pelajar. Oleh itu bersesuaian dengan pembangunan dan inovasi teknologi dalam negara, pendidikan mualaf perlu dilengkapi dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang inovatif melalui penggunaan teknologi baru supaya untuk membentuk persekitaran pendidikan yang dinamik dan berdaya maju.

**Kata kunci:** pendidikan mualaf, pengajaran dan pembelajaran, teknologi pendidikan, kolaboratif

## PENGENALAN

Orang-orang yang baru memeluk agama Islam, iaitu golongan mualaf, perlu menempuh pelbagai cabaran apabila mereka menjalani kehidupan berlandaskan syariah Islam secara terang-terangan. Antara cabaran hidup yang dihadapi oleh seorang mualaf adalah dari aspek pengurusan hidup, ekonomi, psikologi, dan sosial yang melibatkan pertembungan adat dan budaya di antara kehidupan sebelum dan selepas memeluk agama Islam (Noreha, Asmawati Suhid dan Fathiyah, 2019). Oleh itu, sebagai seorang saudara baru Muslim, seorang Mualaf memerlukan bantuan untuk memelihara dan membentuk dirinya sehingga dia dapat membina ketahanan jiwa dan minda dari sudut pegangan akidah, akhlak dan sosial dalam masyarakat. Sehubungan itu, menurut Ahmad, Samsuddin dan Misnan (2017), aspek pendidikan agama terutama pendidikan akidah merupakan tuntutan utama dalam pembinaan diri Mualaf agar kehidupan mereka jelas dan tidak terumbang ambing apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran selepas memeluk Islam” (ms. 91). Di Malaysia, mualaf diberi pendidikan melalui pelbagai program yang dianjurkan oleh badan kerajaan yang menguruskan hal ehwal saudara baharu di peringkat negeri iaitu Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Kedua-dua agensi ini bertanggungjawab menguruskan hal ehwal saudara baharu iaitu pendaftaran mualaf, menyediakan bantuan kewangan dan kebajikan melalui peruntukan zakat dan menguruskan sistem pendidikan mualaf melalui kelas-kelas bimbingan, kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh negeri masing-masing secara berasingan (Noreha, Asmawati dan Fathiyah, 2019). Organisasi bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA), Islamic Outreach Angkatan Belia Islam Malaysia (IOA) dan Hidayah Centre Foundation juga menganjurkan program-program pendidikan dan bimbingan (Siti Adibah dan Siti Zubaidah, 2018).

PERKIM Pusat, sebagai contoh, telah menubuhkan Institut Dakwah Islamiah (IDIP), institusi pendidikan tinggi mualaf secara formal, yang bertapak di Pengkalan Chepa, Kelantan bagi memenuhi keperluan PERKIM dalam memberi pendidikan dalam kalangan saudara baharu. Malah IDIP juga menawarkan kursus pengajian Islam secara formal dengan memberikan sijil-sijil seperti Sijil Asas Pengajian Islam (SAP) dan Sijil Pengajian Islam (SPI) berdasarkan kelulusan yang ditawarkan (Razaleigh dan Marlon Pontino, 2015). Selain IDIP, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) juga adalah antara pusat pendidikan tinggi mualaf. IPDAS menawarkan kursus insentif selama 6 bulan, setahun dan 3 tahun. IPDAS turut menawarkan Sijil Pengajian Islam dan Dakwah (1 tahun 6 bulan) dan Diploma Dakwah Islamiyyah (3 tahun). Graduan IPDAS berjaya memenuhi keperluan guna tenaga manusia dalam bidang pendidikan dan dakwah. Impak dari perkembangan ini, jumlah penganut Islam di Sabah meningkat kepada 66% dan kualiti penghayatan Islam dalam kalangan orang Islam meningkat (Hajimin, Muis, Mokhtar, Othman, Esa, Ationg, & Hamid, 2021).

## LATAR BELAKANG KAJIAN DAN KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan kepada kajian literatur, kajian yang berkaitan dengan permasalahan golongan asnaf muallaf dan pembangunan mereka terutamanya dari segi fizikal dan mental seperti penempatan, perlindungan dan pendidikan masih lagi di tahap yang rendah (Nurwati dan Azizan, 2021). Golongan muallaf sentiasa mengalami kesukaran, permasalahan dan cabaran dalam mendalami serta mempraktikkan ajaran Islam yang memerlukan bimbingan agama yang konsisten untuk memastikan proses pendidikan Islam yang diterima oleh adalah selaras dengan apa yang diajar dalam Islam sekali gus mengelakkan dan mengurangkan angka kes murtad dalam kalangan muallaf (Ali dan Hamjah, 2015). Perkembangan pendidikan muallaf di Malaysia agak ketinggalan daripada arus perdana pendidikan nasional sejajar dengan kemajuan pembangunan pendidikan Malaysia yang memasuki era Industri 4.0. Masalah bahasa, kaedah dan cara penyampaian adalah antara halangan utama dalam menyampaikan mesej yang jelas kepada para pelajar muallaf (Faezy, Mohd Afandi, Mohd Izzat, Amsyar, Azri dan Siti Afifah, 2020). Isi kandungan dan kaedah penyampaian pengajaran tersebut juga hendaklah bersesuaian dengan tahap kefahaman muallaf selaku seorang yang baru berjinak-jinak untuk mengenali Islam (Siti Adibah dan Siti Zubaidah). Kaedah pembelajaran juga perlu divariasikan selaras dengan perkembangan pendidikan abad ke-21 bagi menghasilkan kelas yang interaktif dan bersesuaian mengikut tahap pengetahuan dan pemahaman muallaf (Marlon Puntino, Ahmad A'to', Mohd Hakim dan Siti Zahidah, 2019)

Salah satu saranan untuk meningkatkan mutu pendidikan golongan muallaf adalah memberi skim latihan secara berkala kepada tenaga pengajar bagi melahirkan tenaga pengajar yang berkualiti dan berkemahiran tinggi yang merangkumi latihan penggunaan teknologi komunikasi terkini dalam penyampaian ilmu supaya teknik penyampaian yang menarik, kreatif, mudah difahami dan sampai kepada golongan sasaran. Sebagai contoh hasil kajian yang telah dilaksanakan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) kelas pengajian saudara baru di Pusat Perlindungan Baitussalam Selangor mendapati bahawa guru yang mengajar di Baitussalam telah berjaya menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran dengan baik kepada pelajar, sehingga semua responden memberi respons yang sangat positif dan baik kepada guru-guru yang terlibat. Walaubagaimanapun, di antara aspek yang perlu ditambah baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah keperluan menggunakan alat bantuan mengajar yang lebih efektif dan menarik supaya dapat meningkatkan kefahaman dan menarik minat para pelajar dalam kelas (Faezy, Mohd Afandi, Mohd Izzat, Amsyar, Azri dan Siti Afifah, 2020). Penggunaan pendekatan cara pengajaran yang berasaskan kaedah elektronik dan telekomunikasi oleh tenaga pengajar seperti penggunaan medium pembelajaran atas talian dapat membantu memudahkan pengguna khususnya golongan muallaf untuk mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan mudah (Zainab, Wan Ibrahim, Salasiah Hanin, Rosmawati, Hasanah, dan Muhamad Faisal, 2019).

Teknologi menyediakan banyak alat yang mampu menambah-baik penyampaian ilmu pendidikan agama kepada muallaf dengan cara yang lebih mudah dan cekap. Tenaga pengajar berpotensi untuk akses pelbagai bahan pengajaran dan pembelajaran samada dari sumber tempatan atau global yang tidak terdapat di dalam persekitaran kelas (Fokide, 2017). Di samping itu, teknologi mengalakkan para pelajar untuk lebih aktif dalam kelas melalui aktiviti kolaborasi dan komunikasi dengan pelajar lain untuk menerokai pandangan-pandangan yang berbeza mengenai sesuatu topik tertentu atau ketika membuat projek bersama. Penglibatan pelajar yang dalam pembelajaran aktif akan membolehkan mereka lebih kreatif dan kritis dalam mempersembahkan tugas mereka. Penggunaan teknologi sebagai alat penyebaran maklumat yang utama seperti rangkaian media social (sebagai contoh twitter, Facebook dan lain-lain) boleh membuka ruang kepada para pelajar dan tenaga pengajar memperolehi maklumat atau kejadian semasa berkaitan Islam dari merata dunia. Akibatnya, pelajar boleh meningkatkan kefahaman tentang ilmu Islam sehingga mampu membuat keputusan yang tepat serta bersesuaian dengan dengan komuniti tempat tinggal mereka (Marcus, 2019). Pembentukan pelajar yang aktif dan boleh menyumbang idea memerlukan perubahan asas dalam rekabentuk pedagogi pendidikan muallaf terutama dari aspek integrasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan agama (Zainab, Wan Ibrahim, Salasiah Hanin, Rosmawati, Hasanah, dan Muhamad Faisal, 2019).

Faezy, Mohd Afandi, Mohd Izzat, Amsyar, Azri dan Siti Afifah, (2020) mendapati bahawa tenaga pengajar tidak dilatih untuk menggunakan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka dan berhujah bahawa integrasi teknologi ke dalam pedagogi harus menyumbang secara positif kepada proses pembelajaran pelajar. Dalam hal ini, tenaga pengajar perlu tahu bila, mengapa, dan bagaimana menggunakan aplikasi dan sumber teknologi untuk subjek yang mereka ajar. Integrasi teknologi boleh membangunkan kemahiran pembelajaran pelajar ke tahap yang tinggi dengan cara-cara berikut iaitu: a) menggunakan pelbagai teknologi yang berbeza supaya dapat memenuhi gaya pembelajaran yang berbeza; b) membolehkan pelajar bekerjasama dengan rakan sekelas melalui pertukaran bahan pembelajaran; c) memproses markah kerja kursus dan keputusan peperiksaan untuk menjejaki prestasi pelajar; d) meningkatkan pengetahuan tentang subjek, mengakses maklumat, dan berkongsi ilmu pengetahuan dan maklumat dalam bidang pendidikan agama.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah kualitatif yang menggunakan temu bual sebagai instrumen utama untuk mendapatkan maklumat. Menurut Roberts (2020), temu bual merupakan soal selidik atau cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat secara lisan dari seseorang responden melalui cara percakapan secara berhadapan muka dengan seseorang. Kelebihan temu bual adalah penemu bual boleh menerangkan dengan jelas tujuan kajian dan jenis maklumat yang diinginkan. Maklumat temu bual direkod melalui rakaman audio dan catatan nota. Kaedah temu bual secara berstruktur digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan kaedah ini, pengkaji berperanan sebagai moderator menyedia soalan dan memandu jawapan yang diberikan

responden. Metode ini digunakan kepada beberapa orang muallaf bagi mengetahui persepsi mereka tentang penggunaan teknologi sebagai alat pengajaran dan pembelajaran dalam aktiviti pendidikan muallaf. Instrumen yang diguna melibatkan borang soalan temu bual untuk mengenal-pasti pandangan muallaf tentang keberkesanan penggunaan teknologi dalam aktiviti pendidikan. Ini bertujuan mengukuhkan jawapan yang diberikan responden dalam pemilihan teknologi yang sering digunakan serta pengamalan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran yang dipraktik tenaga pengajar dalam aktiviti pendidikan muallaf.

Haradhan Kumar (2018) menyarankan responden kajian yang dipilih didasarkan kepada aspek yang merangkumi keperluan memenuhi persoalan kajian, bersedia untuk bekerja sama, ditemu bual dan dapat memberi maklumat yang diperlukan. Perkara ini bertujuan memastikan maklumat yang diperolehi berupaya menjawab persoalan kajian. Berdasarkan pandangan dan kriteria yang digariskan oleh Haradhan Kumar (2018), serta hasil saringan responden dari populasi, responden kajian yang dipilih terdiri daripada 5 orang tenaga muallaf sebagai sampel penyelidikan berdasarkan kriteria iaitu mereka terdiri daripada tenaga pengajar yang sudah berpengalaman mendidik muallaf selama sepuluh tahun atau lebih di sebuah pusat pendidikan muallaf dalam bidang agama.

## **HASIL DAN PERBINCANGAN**

Integrasi teknologi yang sesuai di dalam pendidikan muallaf adalah berpotensi untuk meningkatkan kecekapan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian ini mendedahkan bahawa kebanyakan tenaga pengajar muallaf tidak mengintegrasikan teknologi ketika melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran pengajaran dalam bilik darjah sebenar. Di peringkat awal temu-bual, tenaga pengajar telah diminta untuk mengenal pasti jenis teknologi yang digunakan dalam kelas pendidikan muallaf yang memudahkan proses pembelajaran pengajaran mereka. Dua orang tenaga pengajar menyebut bahawa mereka sentiasa berusaha mencuba pelbagai kaedah berasaskan komputer dan Internet untuk memastikan penglibatan pelajar yang aktif semasa sesi PdP dijalankan. Salah satunya adalah dengan menggunakan platform pembelajaran berasaskan permainan seperti Quizizz. Walaubagaimanapun, mereka menghadapi banyak cabaran disebabkan tidak menerima latihan yang mencukupi dalam penggunaan kemudahan teknologi, kekurangan peranti digital dan sokongan daripada pentadbiran institusi dan sikap beberapa tenaga pengajar untuk menerima kaedah PdP yang baru.

Hasil temu bual dengan tenaga pengajar menunjukkan bahawa teknologi media baru menggalakkan pembelajaran interaktif semasa PdP. Mereka mendedahkan bahawa teknologi telah membolehkan tenaga pengajar dan pelajar menemui kandungan yang terkini berkaitan topik yang dibincangkan dan menjadikan proses pembelajaran berlangsung dengan lebih efektif. Melalui teknologi, tenaga boleh memuat turun banyak kandungan seperti menayangkan video yang membantu pelajar memahami ajaran pendidikan agama dengan lebih mendalam. Respon daripada pelajar juga sangat positif.


Dari sudut pandangan pelajar, tenaga pengajar mendapati penggunaan teknologi dalam PdP telah meningkatkan pembelajaran pelajar melalui aktiviti PdP yang interaktif yang menggalakkan pemikiran kritikal serta penyertaan dalam pembelajaran.

Tenaga pengajar juga telah mampu membangunkan kemahiran komunikasi pelajar kerana penggunaan teknologi telah mewujudkan suasana pembelajaran kolaboratif di kalangan rakan kursus mereka. Pelajar boleh mengakses maklumat, berkongsi idea, ilmu pengetahuan dan pengalaman dengan pelajar lain. Sebagai contoh, melalui penggunaan telefon pintar, mereka boleh berinteraksi secara sosial antara satu sama lain, dan membincangkan isu Pendidikan agama melalui platform media sosial seperti WhatsApp, Facebook, telegram, YouTube, dan lain-lain. Selain itu, pelajar boleh menggunakan teknologi untuk menganalisis satu situasi, berfikir secara kritis, menyampaikan maklumat sehingga mereka dapat membangunkan satu idea atau menyelesaikan satu masalah di dalam tugas pembelajaran mereka.

Dapatan kajian, melalui temu-bual dengan tenaga pengajar muafak, telah menunjukkan penggunaan teknologi media baru memberi impak pembelajaran atau peluang yang luas kepada pelajar menerusi penglibatan aktif pelajar yang lebih interaktif dan kolaboratif. Pengalaman pembelajaran yang diperolehi menerusi penggunaan teknologi tidak dibatasi oleh empat dinding kelas semata-mata; malah penggunaannya mampu menambah nilai pembelajaran pelajar kerana kaedah pembelajaran yang menggunakan teknologi adalah menepati ciri-ciri Model Pembelajaran Komuniti Inquiry (Garrison, Anderson and Archer, 2000). Model Pembelajaran Komuniti Inquiry yang masih relevan sehingga hari ini menggunakan media teknologi komunikasi dan informasi khususnya Internet untuk menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran yang membina kefahaman dan ilmu pengetahuan mereka (kehadiran kognitif atau *cognitive presence*) melalui semangat bekerjasama, berkomunikasi dan berusaha menyokong satu sama lain untuk mencari bahan pembelajaran bersama-sama, berkongsi maklumat dan membincang isu-isu agama dengan kritis. Sebagai tambahan aktiviti pembelajaran berasaskan teknologi ini juga telah meningkatkan kebolehan pelajar untuk memberi pendapat mereka dengan lebih berani iaitu satu bentuk peningkatan diri seorang pelajar yang lebih berkeyakinan sebagai seorang penganut agama Islam dari aspek sosial dan emosi (kehadiran social atau *social presence*).



**Jadual 1: Model Pembelajaran Komuniti Inquiry**



Peranan tenaga pengajar juga ditekankan melalui Model Pembelajaran Komuniti Inquiry ini di mana kehadiran tenaga pengajar (*teaching presence*) masih lagi penting untuk memastikan persekitaran adalah sesuai dan kondusif pembelajaran adalah kondusif. Oleh itu, tenaga pengajar perlu berinovasi dan kreatif dalam menarik minat pelajar untuk terus mengikuti proses PdP secara lebih berkesan.

## **KESIMPULAN**

Arus perubahan kepada corak hidup dan sistem sosial masyarakat dunia dalam era industry 4.0, termasuk di Malaysia memerlukan masyarakat Malaysia secara umum, dan golongan muafaf khususnya untuk bergerak seiring dengan perubahan semasa melalui penguasaan ilmu pengetahuan dan peningkatan pembelajaran dan perkembangan individu muafaf dengan bantuan komputer dan teknologi Internet. Pembelajaran atas talian dan penggunaan teknologi media baru memberi peluang kepada tenaga pengajar dan pelajar muafaf melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai cara dan kaedah. yang membantu ke arah sistem perkongsian maklumat yang meluas. Kaedah PdP yang terkini seperti program *micro-credential* iaitu suatu program pembelajaran yang bertujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan individu tentang satu topik pembelajaran yang khusus dalam tempoh yang singkat perlu diperkenalkan dalam pendidikan muafaf yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar dewasa. Program *micro-credential* sering dilaksanakan melalui menerusi platform pembelajaran dalam talian dan program seperti ini akan memudahkan usaha untuk mengurangkan jurang kemahiran atau pengetahuan (*knowledge* atau *skills gap*) dapat dikurangkan dengan lebih cepat. Ianya satu contoh kaedah PdP yang terkini boleh diserapkan dalam sistem pendidikan muafaf.

Dengan kehadiran tenaga pengajar sebagai fasilitator yang menyediakan kemudahan serta memantau aktiviti PdP, pelajar akan berjaya melibatkan diri dalam pembelajaran kolaboratif secara atas talian dan berkongsi bahan pembelajaran dengan cepat dan mudah. Apabila pelajar-pelajar mudah dan cepat memahami aktiviti PdP yang dilakukan secara tidak langsung, akhirnya prestasi pencapaian pelajar akan meningkat. Oleh itu, pihak pengurusan dan pentadbir pendidikan mualaf perlu mengambil kira impak teknologi terhadap sistem latihan, pedagogi dan infrastruktur baru yang diperlukan untuk melakukan transformasi terhadap sistem pendidikan mualaf seperti menyediakan platform PdP atas talian yang efisien dan efektif, dan bahan pembelajaran sendiri yang boleh diakses dan diperolehi pada bila-bila masa dan dengan mudah sebagai sumber rujukan untuk pelajar.

## RUJUKAN

- Ahmad, Y.K, Samsuddin, A.H., & Misnan, J. (2017). Pengajaran akidah dalam kalangan mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif: Special Issue 1* (2017), 89-100.
- Ali, H.B., & Hamjah, S. H. (2015). Kepentingan gaya hidup islam dalam konteks saudaracbaru. *Bicara Dakwah UKM*, Kali Ke-16, 4 – 14.
- Faezy,A., Mohd Afandi, M.R., Mohd Izzat Amsyar, M.A., Azri B., & Siti Afifah, M.R. (2020). Analis modul pengajaran dan pembelajaran kelas pengajian mualaf di Pusat Perlindungan Baitus Salam, Selangor. *Jurnal Kesidang*, 5 (1), 19 - 30.
- Fokide, E. (2017). Examining Greek Pre-service teachers' Intentions to use Computers as in-Service Teachers. *Contemporary Educational Technology*. (8)1, 56 -75.
- Garrison, D. R., Anderson, T., & Archer, W. (2000). Critical inquiry in a text-based environment: Computer conferencing in higher education model. *The Internet and Higher Education*, 2(2-3), 87-105.
- Hajimin, M. N. H. H., Muis, A., M. R. A., Mokhtar, S., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Hamid, J. A. (2021). Gerakan Dakwah dan Impaknya Terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 125-139.
- Haradhan, K.M. (2018). Qualitative Research Methodology in Social Sciences and Related Subjects. *Journal of Economic Development, Environment and People*, 7 (1), 23-48
- Marcus B.P. (2019). Teaching Religion Using Technology in Higher Education. *Forum for International Research in Education*, 5 (1), 154 – 162.

- Marlon Puntino, G., Ahmad A'to', M., Mohd Hakim, A. & Siti Zahidah, M. (2019). Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Terhadap Islam dalam Kalangan Saudara Baru Etnik Iban di Sarawak. Dalam Adibah Abd Wahab. Mohd Afandi Mat Rani dan Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif (Penyunting), *Potensi Mullaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari* (381 – 392). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Noreha, CH., Asmawati, S. & Fathiyah, M.F. (2019). Isu dan cabaran saudara baharu di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Jurnal AL-ANWAR*, 8(2), 1-13
- Nurwati A.Z. & Azizan, A.R. (2019). Muallaf: Problems and suggested solutions. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 2 (1), 229 – 236.
- Nurwati A.Z., & Azizan, A.R. (2021). Zakat dan Muallaf serta kaitannya dengan Maqasid Shariah. *International Journal Of Zakat And Islamic Philanthropy*, 3(1), 125 - 136.
- Razaleigh Muhamat, K. & Marlon Pontino, G. (2015). Relationship Between Religious Practices and Academic Achievement of Muslim Convert Students in Malaysia. *Life Science Journal*, 12(6), 149-154.
- Roberts, R. E. (2020). Qualitative Interview Questions: Guidance for Novice Researchers. *The Qualitative Report*, 25(9), 3185 - 3203. <https://doi.org/10.46743/2160-3715/2020.4640>.
- Siti Adibah, A.B. & Siti Zubaidah, I. (2018). Pengurusan Muallaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin*, 46 (2), 97-122.
- Zainab, I., Wan Ibrahim, W.A., Salasiah Hanin, H., Rosmawati, M.R., Hasanah, A.K. & Muhamad Faisal, A. (2019). Senario pendidikan Islam dan hala tujunnya dalam sistem pendidikan Malaysia. *Journal Al-Hikmah*, 11 (2), 37 – 53.

# **PEMBANGUNAN KEPIMPINAN MUALAF**

Prof. Madya Dr. Abdul Ghafar bin Don

## PEMBANGUNAN KEPIMPINAN MUALAF

Prof. Madya Dr. Abdul Ghafar bin Don,  
*Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,*  
*Fakulti Pengajian Islam,*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
a.g.don@ukm.edu.my

### ABSTRAK

Mualaf adalah golongan yang baharu memeluk Islam dan perlukan bimbingan secara berterusan dan terancang supaya mereka dapat mencapai kesempurnaan hidup sebagai seorang Muslim. Namun demikian, usaha bimbingan ini bukanlah satu perkara mudah bagi membawa mereka ke arah kesempurnaan hidup mengikut syariat Islam. Lebih sukar lagi adalah usaha membina dan melahirkan kepimpinan mualaf yang berwibawa dan mampu membimbing rakan mualaf yang lain. Kertas ini, cuba membahas isu berkaitan pembangunan kepimpinan mualaf dan implikasi kepada perkembangan gerakan dakwah. Kaedah yang digunakan dalam membincangkan isu berkaitan subjek kajian ini adalah kaedah analisis dokumen dengan merujuk bahan-bahan bertulis berkaitan subjek perbincangan seperti jurnal, buku, tesis, akhbar dan lain-lain. Perbincangan dan analisis kajian ini mendapati bahawa pembangunan kepimpinan mualaf adalah signifikan, relevan dan perlu dalam konteks perkembangan dan pemeraksanaan gerakan dakwah Islamiyah di Malaysia dalam jangka masa panjang.

**Kata Kunci:** *Pembangunan, kepimpinan mualaf, dakwah, da'i*

### PENDAHULUAN

Mualaf atau saudara baru adalah golongan yang dijinakkan hati (*ta'lif*) mereka dari dua aspek. Pertama pemberian zakat serta lain-lain bantuan kebajikan atau sokongan khususnya dari sudut kerohanian, emosi dan mental. Kedua melalui aspek bimbingan ataupun didikan supaya mereka dapat memahami Islam dengan baik dan mampu melaksanakannya dengan dalam kehidupan. Seterusnya dapat kekal dengan akidah Islam yang dianuti tersebut. Proses seterusnya yang lebih penting ialah melahirkan kepimpinan mualaf supaya mereka boleh menjadi *da'i* dan model dakwah yang berkesan kepada masyarakat. Pembangunan kepimpinan dianggap fasa terakhir dalam proses pembinaan diri mualaf selepas melalui fasa pengenalan dan pengukuhan diri sebagai sebagai seorang Muslim.

## **KEBAJIKAN MUALAF**

Menurut Imam Shafie, dalam Kitab *al-Umm* (Jil.2, :97) mualaf ialah orang yang dijinakkan atau dilembutkan hatinya yang telah memeluk Islam. Berdasarkan pentafsiran ini, golongan mualaf menurut Mazhab Shafie terbatas kepada orang yang telah memeluk Islam sahaja. Oleh kerana mereka adalah orang baru dalam Islam, aspek kebajikan perlu diberi perhatian khusus bagi membantu mereka menyesuaikan diri dengan kehidupan baru selepas konversi. Sudah tentu situasi selepas konversi adalah satu tempoh peralihan kehidupan mualaf kepada satu kehidupan baru yang mencabar. Justeru, peruntukan khusus zakat untuk golongan mualaf pasca konversi ini adalah bagi membantu dan meringankan cabaran yang dihadapi tersebut serta bertujuan menguatkan lagi pegangan dan keyakinan mereka terhadap akidah Islam. Berkaitan motif pemberian zakat kepada golongan mualaf ini, Dr Ali Jarisyah (1985) menggunakan istilah '*li al-tahbib dan li al-tathbit*' (menimbulkan rasa kasih dan mengukuh/memantapkan diri) yang boleh dianggap senjata dan pendekatan berkesan dakwah terhadap mualaf.

Pemberian zakat kepada mualaf secara umumnya dilakukan dengan tujuan untuk mengukuhkan nilai-nilai pegangan agama dalam diri mereka. Menurut Fuadah Johari (2018) zakat diberikan kepada mualaf bertujuan untuk menghalang mereka dari perbuatan yang boleh mencetuskan pergolakan sosial. Ia juga bertujuan untuk menjadikan mereka menyedari kefahaman Islam sebagai panduan berterusan mereka ke jalan yang benar. Selain itu juga dengan bantuan zakat, secara tidak langsung mendorong mereka untuk mendekati diri kepada Allah serta untuk menunjukkan kepada mereka betapa Islam sentiasa peduli dan mengambil berat kepada mualaf. Bagaimanapun matlamat pengagihan zakat kepada asnaf mualaf tidak hanya tertumpu kepada bantuan kewangan semata-mata, malah ia perlu meliputi aspek kerohanian dan spritual. Pengagihan zakat berasaskan *maqasid syariah* adalah penting bagi memastikan agihan zakat yang diberikan menepati pensyariaan dan hikmah tuntutan zakat. Berdasarkan kajian Hairulfazli Mohammad Som et.al (2016) setiap skim yang disediakan oleh institusi zakat telah melengkapsi keperluan asnaf berasaskan *maqasid syariah*, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. *Maqasid syariah* memainkan peranan penting dalam konteks agihan zakat bagi mengukur keberkesanan sesuatu bantuan yang disalurkan dan meningkatkan kepercayaan serta pendirian asnaf mualaf terhadap agama Islam.

## **KONSEP KEPIMPINAN MUALAF**

Kepimpinan ialah proses interpersonal di mana pemimpin/pengurus mempengaruhi pekerja/subordinate bagi mencapai satu set matlamat tugas (the interpersonal process by which managers influence employee to accomplish set task goal) (Hampton 1987: 448). Yusef Uthman (2011) yang mengutip pandangan Frans dan Sander menyatakan bahawa kepemimpinan adalah pengaruh sosial yang terdapat dalam sebahagian masyarakat. Pemimpin menurut Avolio dan Bass (2002) perlu menjadi role model sehingga ia dikagumi (admired), dihormati (respected) dan dinilai oleh para pengikut.

Beekun dan Badawi (1999) menyatakan dalam Islam, terdapat dua peranan utama pemimpin Islam, iaitu: (i) Pertama mentransformasi pengikutnya daripada kegelapan jahiliyah kepada cahaya Islam dengan merubah nilai, sikap, tingkahlaku dan kepercayaan (values, attitude, behaviors and belief) agar selaras dengan nilai-nilai Islam, (ii) Kedua berkhidmat kepada pengikutnya dengan memuaskan kehendak dan keinginan mereka, menjaga kebajikan serta membimbing mereka ke arah kebaikan. Hal ini telah ditunjuk oleh baginda Rasulullah SAW di mana baginda telah mentransformasi masyarakat Arab daripada kegelapan hidup jahiliyyah kepada cahaya Islam, memenuhi kehendak dan keinginan pengikut dengan menghargai mereka, seterusnya membangunkan keperibadian Muslim sehingga terbinanya komuniti Muslim yang ideal.

Justeru, mualaf adalah sebahagian masyarakat Islam yang perlu dibangunkan kepimpinan mereka. Sekiranya mereka mempunyai kualiti yang baik sebagai seorang Muslim, mereka boleh berdakwah dan memimpin orang lain untuk menerima dan menghayati ajaran Islam berdasarkan definisi dan ciri-ciri kepimpinan yang dinyatakan tersebut.

Kepimpinan mualaf bertitik tolak daripada keupayaan golongan ini memahami Islam dengan baik dan berupaya mengamalkan dalam kehidupan secara sempurna sehingga boleh menjadi contoh kepada keluarga dan masyarakat di sekeliling mereka. Keupayaan mempengaruhi orang lain melalui ucapan dan tingkahlaku atau berdakwah pula merupakan satu tahap yang lebih tinggi dan ideal yang menjadi isyarat kepada pembangunan kepimpinan.

Mualaf adalah orang yang dijinakkan hati dengan bantuan-bantuan tertentu khususnya melalui peruntukan zakat bagi tujuan meneguhkan iman dan mengekalkan mereka dalam Islam. Selain bantuan kebajikan berbentuk material dan kewangan, sokongan-sokongan lain juga perlu dalam memastikan kehidupan mereka sebagai seorang Muslim terbelas dan sempurna. Salah satu elemen penting dalam menentukan halatuju kehidupan mualaf ialah aspek kepimpinan. Sehubungan dengan itu, usaha-usaha melahirkan kepimpinan mualaf adalah antara langkah strategik dan mampu memberi impak yang baik kepada perkembangan dan pemeraksanaan gerakan dakwah dalam jangka masa panjang.

Sebagai orang yang baharu dalam Islam, mualaf memerlukan didikan dan bimbingan secara terancang dan berterusan agar mereka memahami Islam dengan baik seterusnya dapat melaksanakan dalam kehidupan seharian. Seterusnya bagi memastikan mereka kekal dan istiqamah dengan Islam sehingga ke ahir hayat. Islam menekankan kepentingan mualaf diberi bimbingan atau didikan agama yang sempurna agar mereka menjadi Muslim yang sempurna. Amalan Rasulullah dalam membimbing mualaf yang mempunyai kualiti diri yang baik menjadi asas kepada proses dan pendekatan bimbingan mualaf masakini.

Aspek bimbingan dan latihan dalam melahirkan kader dakwah atau petugas Islam telah dilaksanakan Rasulullah secara terancang. Terdapat beberapa contoh bagaimana Rasulullah telah melaksanakan tarbiah perkaderan dakwah bagi melahirkan *da'i - qa'id* (pendakwah-pemimpin).

Contoh-contoh tersebut antaranya ialah:

1. Menjadikan rumah al-Arqam di Bukit Safa (al-Mubarkpuri 1995:98) sebagai pusat/markaz tarbiah kepimpinan *da'i*. Tarbiyah di rumah Abi al-Arqam adalah dalam suasana dakwah di peringkat awal. Islam masih belum kuat dan berdepan situasi masyarakat yang sebahagian besar masih lagi tidak beriman. Oleh itu, langkah memilih rumah al-Arqam adalah satu langkah strategik bagi memacu gerakan dakwah dengan melahirkan dan kader atau kepimpinan *da'i*. Kumpulan generasi awal Islam ini diajar asas-asas ilmu Islam dan diberi motivasi agar terus yakin dan beristiqamah dengan Islam. Latihan pembinaan kader dan kepimpinan *da'i* penting bagi tujuan kelestarian gerakan dakwah.
2. Pengutusan Mu'az bin Jabal bagi mengajar penduduk Yaman tentang asas-asas Islam pada fasa kemudiannya setelah Islam tertegak sebagai sebuah negara di Madinah merupakan langkah strategik seterusnya dalam memperkasakan perkembangan dakwah Islamiah. Muaz Radiyallahuanhu (r.a) telah menceritakan kisah dan apa yang telah diajar oleh Rasulullah SAW kepadanya. Muaz berkata: Nabi SAW telah mengutusku ke Yaman dan baginda SAW telah bersabda:

عن ابن عباس رضي الله عنهما أن رسول الله صلى الله عليه وسلم لما بعث معاذاً إلى اليمن قال له: ( إنك تأتي قوماً من أهل الكتاب، فليكن أول ما تدعوهم إليه شهادة أن لا إله إلا الله - وفي رواية: إلى أن يوحدوا الله-، فإن هم أطاعوك لذلك فأعلمهم أن الله افترض عليهم خمس صلوات في كل يوم وليلة، فإن هم أطاعوك لذلك فأعلمهم أن الله افترض عليهم صدقةً تؤخذ من أغنياءهم فترد على فقراءهم، فإن هم أطاعوك لذلك فأياك وكرائم أموالهم، واتق دعوة المظلوم فإنه ليس بينها وبين الله حجاب )، أخرجه البخاري ومسلم.

Maksudnya : “Wahai Muaz! Sesungguhnya engkau akan diutuskan kepada Ahli Kitab, maka serulah mereka kepada penyaksian (syahadah) bahawa sesungguhnya tiada tuhan selain Allah dan sesungguhnya aku adalah Rasulullah (utusan Allah). Sekiranya mereka boleh menerima dan mentaati mu pada perkara itu, maka ajarkan lah mereka tentang kefarduan solat lima waktu sehari semalam yang telah diperintahkan oleh Allah. Sekiranya mereka boleh menerima dan mentaatimu pada perkara



*itu, maka ajarkanlah mereka tentang kefarduan zakat yang mana harta dari golongan yang kaya di antara mereka diagihkan kepada golongan yang miskin di kalangan mereka. Sekiranya mereka boleh menerima dan mentaatimu, maka waspadalah dirimu terhadap kemuliaan harta mereka. Takutlah dirimu akan doa orang yang dizalimi kerana sesungguhnya tiada hijab di antara doa mereka dan Allah SWT (Hadis riwayat Al Bukhari dan Muslim, Sohih Al Bukhari, Kitab Tauhid, Bab Dakwah Nabi kepada ummatnya pada mentauhidkan Allah, no. hadis 7372, ms 4/378, Sohih Muslim, Kitab al-Iman, Bab Dakwah).*

Contoh-contoh amalan Rasulullah SAW dalam membimbing mualaf dengan menjadikan rumah al-Arqam sebagai pusat tarbiyah dan pengutusan Mu'az ke Yaman menjadi asas dalam usaha melahirkan kepimpinan dakwah. Ia adalah sunnah untuk diteladani dalam konteks pembangunan kepimpinan mualaf masa kini.

Sehubungan dengan itu, dari perspektif pendekatan yang strategik bagi perkembangan dakwah Islamiyah dalam jangka panjang ialah sejauh mana organisasi dakwah (Kerajaan/NGO) berupaya melahirkan kepimpinan mualaf atau kepimpinan *da'i* yang berkualiti yang boleh menjadi aset kepada dakwah. Ini memerlukan perancangan yang baik dan berterusan oleh agensi-agensi berkenaan dengan memaksimum segala potensi dan sumber yang ada.

#### **KEPERLUAN PEMBANGUNAN KEPIMPINAN MUALAF**

Kepimpinan akan dapat dilahirkan melalui latihan. Afzalur Rahman (2002:847-848) menjelaskan bahawa matlamat Islam adalah menyediakan satu kumpulan manusia yang bercita-cita untuk melaksanakan keadilan dan kebajikan dalam masyarakat disamping menghapuskan kejahatan dan ketidakadilan. Justeru mereka perlu dibimbing dan dididik di bawah satu sistem latihan dan disiplin yang tegas. Pembinaan peribadi adalah berasaskan kepada latihan seperti ini. Model latihan kepimpinan Rasulullah adalah bermotif melengkapkan diri seorang insan menjadi imam, khalifah dan pemimpin terbaik bagi menjalankan tanggungjawab mengajak kearah kebaikan dan mencegah kemungkaran (Abdul Bashir 2015, Rodrigue & Khaliq 2013).

Sebagai orang yang baru dalam Islam, mualaf memerlukan didikan dan bimbingan secara terancang dan berterusan agar mereka memahami Islam dengan baik seterusnya dapat melaksanakan dalam kehidupan seharian. Seterusnya bagi memastikan mereka kekal dan istiqamah dengan Islam sehingga ke akhir hayat. Islam menekankan kepentingan mualaf diberi bimbingan atau didikan agama yang sempurna agar mereka menjadi Muslim yang sempurna. Amalan Rasulullah dalam membimbing mualaf menjadi asas kepada proses dan pendekatan bimbingan mualaf masakini.

Bagi tujuan memperkasa dan memperkemas gerakan dakwah untuk jangka masa panjang, usaha-usaha melahirkan kepimpinan dalam kalangan mualaf adalah penting. Kepimpinan mualaf yang ada sekarang seperti Dr. Farid Ravi, Prof. Dr Ridhuan Tee Abdullah, Prof. Dr Taufik Yap, Ust Farhan, Br Nicholas Sylvester, Dr. Ann Wann Seng, Ust Fitri Abdullah, Ust Amran Varasu, Br Firdaus Wong, Ebit Liew dan lain-

lain adalah antara model dan ikon yang sentiasa diketengahkan dalam wacana dan pelbagai medium dakwah. Ikon dan model seperti perlu diramaikan lagi supaya boleh memberi lebih impak kepada dakwah. Terdapat beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan bagi tujuan pelaksanaan khususnya oleh agensi atau institusi berautoriti dalam dakwah, antaranya:

Terdapat beberapa perkara-perkara yang boleh diberi perhatian dalam soal latihan dan bimbingan kepimpinan mualaf, iaitu:

1. Senario yang ada menunjukkan kepada beberapa situasi berkaitan mualaf. Ada yang sudah lama memeluk Islam, tetapi masih mengikuti kelas pengajian kerana faktor-faktor tertentu. Seolah-olah menggambarkan Islam mereka masih ditakuk lama. Tidak ada peningkatan dari sudut kefahaman. Situasi lain ada yang masih tidak mengamalkan cara hidup Islam walaupun telah lama memeluk Islam. Kedua-dua kumpulan ini masih memerlukan keprihatinan melalui bimbingan berterusan dan usaha-usaha memberi kesedaran supaya dapat beramal dengan amalan Islam. Situasi ketiga ialah yang berpotensi. Keutamaan wajar diberikan kepada berpotensi agar mereka boleh menjadi duta dakwah yang berkesan. Namun demikian, dalam masa yang sama, usaha-usaha meningkat kefahaman Islam dan mengukuhkan pembinaan keperibadian Muslim yang mantap akidah terhadap kalangan yang masih dalam kelompok tiada perubahan terhadap kefahaman Islam dan yang tidak mengamalkan Islam dalam kehidupan.
2. Memahami tujuan latihan dan pembangunan kepimpinan mualaf. Pihak berkepentingan (stakeholders) yang terlibat dalam mengurus hal ehwal mualaf perlu jelas objektif dan halatuju pembangunan kepimpinan mualaf. Satu objektif standard perlu digariskan dalam menetapkan apakah yang ingin dicapai melalui program pembangunan kepimpinan mualaf ini. Blue-Print Pembangunan Kepimpinan Mualaf dengan menyasarkan tempoh tertentu misalnya 5 tahun boleh dirangka bagi mencapai objektif ini. Mualaf perlu disasarkan agar mereka boleh memimpin diri sendiri dan keluarga dari sudut amalan agama sekurang-kurangnya. Matlamat lebih ideal ialah keupayaan mereka mengajar, membimbing dan memimpin orang lain. Sehubungan dengan itu, pembinaan modul latihan dalam melahirkan kepimpinan mualaf yang sesuai dengan perkembangan dakwah semasa wajar diberi perhatian dan diambil tindakan.
3. Strategi kepada masyarakat pedalaman perlu diberi tumpuan dalam konteks dakwah di Sabah dan Sarawak serta kawasan-kawasan tertentu di semenanjung khususnya di perkampungan Orang Asli. Fokus boleh diberikan kepada program pengimarahkan surau. Sekiranya komuniti mualaf pedalaman boleh dilatih agar boleh mengurus dan mengimarahkan surau di kampung masing-masing, perkembangan Islam akan lebih baik. Program pengimarahkan surau/masjid boleh dianggap sebagai langkah jangka panjang yang strategik bagi tujuan pembangunan dakwah. Ia mampu menjadi model dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Ini kerana terdapat kes-kes di mana faktor orang

bukan Islam tidak tertarik kepada Islam ialah disebabkan orang Islam sendiri tidak memahami dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Dalam konteks Sabah, Ranau misalnya adalah kawasan yang mempunyai prospek kerana jumlah mualaf/saudara baru yang agak ramai. Semua pihak perlu berganding bahu dalam membimbing dan melahirkan kepimpinan mualaf khususnya melalui sumbangan dalam bentuk kewangan dan material lain. Masyarakat pedalaman amat memerlukan bimbingan secara sistematik dan berterusan.

4. Mengenal pasti individu berpotensi di seluruh negara yang boleh diketengahkan bagi manfaat dakwah. Satu mekanisme perlu diwujudkan bagi tujuan mencari bakat yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai pemimpin mualaf atau secara khusus sebagai *da'i*. Kewujudan Pusat Dakwah Serantau dengan idea asalnya adalah melahirkan *da'i* pemimpin di lasi dengan fokus utama Sabah dan Sarawak adalah antara contoh yang baik. Begitu juga pusat-pusat latihan lain seperti IDIP, PUSBA, IPDAS dan lain-lain yang telah melahirkan ramai tokoh mualaf yang berwibawa. Namun demikian, terdapat beberapa aspek yang perlu ditambah baik bagi tujuan melahirkan kepimpinan mualaf yang mampu menjadi katalis kepada gerakan dakwah. Kurikulum yang ada mungkin perlu disemak semula bagi disesuaikan dengan keperluan dakwah semasa.

## **PENUTUP**

Pembangunan, kemajuan dan kelestarian dakwah untuk jangkamasa panjang banyak ditentukan kepada kualiti penggerak dakwah. Golongan mualaf adalah antara entiti penting dalam mata rantai gerakan dakwah yang mampu memberi impak kepada perkembangan dakwah khususnya dakwah terhadap Non-Muslim. Usaha-usaha melahirkan kepimpinan mualaf melalui proses bimbingan dan pendidikan perlu dilaksanakan secara sistematik, berterusan serta pendekatan strategik. Lebih ramai kepimpinan *da'i* mualaf yang dilatih dan dilahirkan, lebih baik pula kesannya kepada kemajuan gerakan dakwah Islamiyah kepada masyarakat. Selain daripada langkah yang strategik, usaha-usaha bersepadu dengan menggembelengkan segala kekuatan; sumber manusia, potensi dan dana perlu dilaksanakan.

## RUJUKAN

- Abdul Bashir @Zolmat Aziz. 2006. *Pengurusan Islam: Alternatif Pengurusan Moden*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Afzalur Rahman. 2002. *Ensiklopedia Sirah. Zaharah Salleh* (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Avolio, B. J. and Bass, B. M. 2002. *Developing potential across a full range of leadership cases on transactional and transformational leadership*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Bass, B. M. (1985). *Leadership and performance beyond expectation*. New York: Free Press.
- Beekun, R. I., and Badawi, J. 1999/ *Leadership: An Islamic perspective*. Beltsville, Maryland: Amana Publications.
- David, R.Hampton. 1987. *Management*. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Hadis riwayat Al Bukhari dan Muslim , *Sohih Al Bukhari* ,Kitab Tauhid , bab Dakwah Nabi kepada ummatnya pada mentauhidkan Allah , no hadis 7372,ms 4/378 , *Sohih Muslim*, Kitab Al Iman, Bab Dakwah)
- Jihad Mohammad, Abdul L. Mohd. Ibrahim, Zarina Abdul Salam, Rossilah Jamil, Farzana Al-Mubarakpuri, Safi-ur-Rahman. 1995. *Ar-Raheeq al-Makhtum (The Sealed Nectar)*. Riyadh: Maktabah Dr-us-Salam.
- Quoquab. 201. Towards Developing a Conceptual Framework of Islamic Leadership: The Role of Taqwa as a Moderator, *International Journal Of Innovation And Business Strategy*, Vol.3: 1-16.
- Rodrigue, F & Khaliq, A. 2013. *Strategic Management from An Islamic Perspective*. Singapore: John Wiley & Sons Singapore Pte.Ltd.
- Yusef Othman al-Huzaim. 2011. *The Principles of Leadership*. Riyadh: Darussalam.

**HALA TUJU INSTITUT PENGAJIAN  
ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS)  
SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN  
TINGGI MUALAF**

Tn Hj. Mohamad Zamri Mohamed Shapik, Baharudin Othman  
& Mohamad Syafiq Abd Latip

# **HALA TUJU INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI MUALAF**

Mohamad Zamri Mohamed Shapik  
Baharudin Othman  
Mohamad Syafiq Abd Latip  
*Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah,  
Keningau, Sabah*

## **ABSTRAK**

Sesungguhnya Islam tersebar dengan pesat sekali di Malaysia khususnya Sabah. Fakta menunjukkan wujud peningkatan kemasukan Islam melalui pelbagai cara sama ada perkahwinan, aktiviti dakwah dan sebagainya. Ini sekaligus memberi impak yang besar khususnya Sabah sebagai negeri yang menerima kemasukan Islam yang paling tinggi dalam tempoh 2010 – 2018 berjumlah 20,246 orang. Oleh itu, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah sebagai satu-satunya institusi yang mempunyai premis lengkap yang menawarkan Program Dakwah berperanan dalam memberi pendidikan tinggi secara holistik khususnya kepada masyarakat setempat. Dalam memastikan pendidikan di kalangan Mualaf tidak terpinggir, rangka kerja yang berstruktur perlu mengambilkira latar belakang perkembangan agama Islam di Sabah, sistem dan rekabentuk pengajian dan cabaran pelaksanaannya di IPDAS. Oleh itu, IPDAS tampil dengan wajah baru sebagai peneraju sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Mualaf.

**Kata kunci:** Sabah, IPDAS, Mualaf, Institut Pengajian Tinggi

## **PENGENALAN**

Islam merupakan agama syumul yang tertegak dengan dakwah untuk memandu manusia kepada kesempurnaan pengabdian diri kepada Allah. Konsep keimanan dan keindahannya yang diterjemahkan dalam amalan harian dan disokong usaha yang tidak henti-henti daripada para pendakwah menjadi tunjang perkembangan dakwah dengan pesat.

Sejarah telah membuktikan bahawa kedatangan Islam ke nusantara melalui pelbagai cara. Laporan bancian 2018 menunjukkan bahawa berdasarkan jumlah penduduk di Malaysia pada tahun 2016, terdapat seramai 20,389, 632 penganut agama Islam di Malaysia (64.0 peratus) (<http://www.statistics.gov.my/portal> diakses 11 Sept. 2019). Bagi negeri Sabah sebagai antara negeri yang mempunyai kepadatan penduduk

tinggi telah menerima kedatangan Islam seperti mana tempat-tempat lain menerusi migrasi golongan pendakwah sejak abad ke – 15 ( Mohd. Nur Hidayat *et. al.*, 2018). Sebelum kemasukan pengaruh agama, penduduk Sabah tidak menganut sebarang agama (pagan) sebaliknya mengamalkan kepercayaan anisme (Hidayat, 2016). Pengaruh Islam terawal memasuki Sabah direkodkan dalam tahun 1300 (Mat Zin, 2003) dan penyebaran agama Islam ini tidak hanya terhad kepada etnik tertentu, bahkan ianya telah berkembang dengan meluas termasuklah Kadazandusun, Murut, Bajau, Sulu, Paitan dan sebagainya.

Kemasukan pengaruh Islam ini sudah tentunya perlu diseiring dengan pengembangan ilmu pendidikan samada formal atau sebaliknya. Apatah lagi majoriti penduduk di Malaysia adalah beragama Islam. Justeru, kemasukan saudara baru atau Mualaf perlu diberi perhatian agar pendidikan agama memberi kesan dalam kehidupan dan amalan harian mereka. Persoalannya, bagaimanakah pengurusan Pendidikan Mualaf di negeri-negeri? Apakah terdapat institusi Pendidikan Mualaf yang berperanan menjalankan usaha berterusan dalam menerapkan ilmu pengetahuan tentang ajaran Islam yang merangkumi ilmu aqidah, akhlak, ibadah dan Syariah? Apakah cabaran yang dihadapi oleh Pihak Pemberi Pendidikan dalam mengendalikan aktiviti pembelajaran?

Pada masa sama, timbul persoalan bagaimanakah halatuju pendidikan Mualaf di Malaysia dari peringkat asas sehingga ke pendidikan tinggi Islam? Oleh itu, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah tampil dengan agenda menawarkan program pendidikan tinggi untuk para mualaf dalam bidang pengajian Islam dan Dakwah. Namun IPDAS sedar di hadapan terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi.

## **MUALAF DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN**

Saban hari golongan jumlah orang bukan Muslim yang memilih Islam sebagai agama yang benar kian bertambah setiap tahun. Merujuk kepada statistik yang diperolehi dari Bahagian Dakwah, Cawangan Kefahaman Islam JAKIM menunjukkan bahawa di Malaysia jumlah mualaf dianggarkan 10 ribu orang setiap tahun. Negeri Sabah dan Selangor pula mencatat pengislaman yang tertinggi di Malaysia iaitu seramai 20,246 dan 16,708 bagi tahun 2010-2018. Manakala statistik mualaf yang memeluk Islam di seluruh Malaysia pada tahun 2010-2018 dianggarkan sebanyak 90,961 orang daripada pelbagai bangsa, etnik, budaya dan keturunan.

**Jadual 1:** Statistik Kemasukan Islam Tahun 2010 – 2018

NEGERI / TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	JUMLAH KESELURUHAN
PERLIS	61	55	61	50	48	59	52	52	22	<b>460</b>
KEDAH	258	235	250	167	198	193	176	209	190	<b>1876</b>
P.PINANG	249	274	369	302	290	200	329	341	269	<b>2623</b>
PERAK	548	625	614	550	528	530	492	520	416	<b>4823</b>
SELANGOR	1,625	1,484	1,567	2,111	2,493	2,187	1813	1700	1728	<b>16708</b>

K.LUMPUR	1,116	951	1041	877	654	654	641	681	656	<b>7271</b>
N.SEMBILAN	279	288	305	311	344	225	293	265	233	<b>2543</b>
MELAKA	204	204	234	259	207	185	191	187	162	<b>1833</b>
JOHOR	964	903	984	923	864	839	811	755	754	<b>7797</b>
PAHANG	604	732	598	843	849	408	529	529	532	<b>5624</b>
TERENGGANU	123	122	81	139	69	68	74	74	58	<b>808</b>
SARAWAK	1,325	1,471	1,812	1,731	1,674	1,534	1,488	1,454	1,254	<b>13743</b>
SABAH	2,755	2,549	2,577	2,312	2,310	1,890	2,003	2,045	1,805	<b>20246</b>
W.P. LABUAN	124	139	154	121	162	174	136	114	89	<b>1213</b>
KELANTAN	369	464	379	366	337	235	413	267	263	<b>3093</b>
PUTRAJAYA	36	37	41	41	28	26	25	24	42	<b>300</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>10,640</b>	<b>10,533</b>	<b>11,067</b>	<b>11,103</b>	<b>11,055</b>	<b>9,407</b>	<b>9,466</b>	<b>9,217</b>	<b>8,342</b>	<b>90,961</b>

Sumber: Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Trend kemasukan mualaf dari semasa ke semasa ini menjadikan peranan dan tanggungjawab memberikan pendidikan dan bimbingan agama kepada para mualaf bagi institusi di peringkat persekutuan dan negeri semakin besar dan kompleks. Buat masa ini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia dan Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri telah melaksanakan program pendidikan mualaf. Tugas ini juga digalas bersama oleh agensi bukan kerajaan (NGO) seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Muslim Chinese Association of Malaysia (MACMA), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persekutuan Pertubuhan India Muslim Malaysia (PERMIM), Hidayah Centre Foundation, United Sabah Islamic Association (USIA), Harakah Islamiah (HIKMAH), Multiracial Reverted Muslims (MRM) dan lain-lain NGO Dakwah dalam memastikan pembelajaran yang diterima mencapai objektif untuk memperkukuhkan pegangan hidup golongan mualaf dalam menghayati nilai-nilai Islami semasa menjalani kehidupan seharian sepanjang hayat.

## **DEFINISI MUALAF**

Mualaf pada masa kini dikenali melalui pelbagai istilah yang dianggap lebih mesra digunakan dalam usaha mendekati golongan ini. Antaranya ialah saudara Muslim, atau saudara baru, saudara kita, saudara Islam dan sebagainya. Kesemua istilah ini membawa maksud yang sama, yang berbeza hanya istilah yang digunakan. Muafaf juga adalah di antara golongan yang diberi perhatian yang khusus di dalam Islam. Mereka merupakan asnaf keempat yang berhak menerima zakat yang disebut sebagai *al-Mu'allafah Qulubuhum* oleh Allah di dalam firmannya dalam Surah Al-Tawbah ayat ke 60:



إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي  
الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ۚ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ  
حَكِيمٌ

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnyanya) daripada Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT amat mengetahui lagi amat bijaksana” (Surah Al-Taubah, 9: 60)*

Menurut Kamus Dewan, ‘muaf’ bermaksud ‘orang yang baru memeluk agama Islam’ atau juga disebut sebagai saudara baharu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Azman, Irwan dan Mahazan (2015) menyenaraikan beberapa peristilahan muaf yang dikemukakan para ulama kontemporari seperti *Yusuf al-Qaradhawiy, Umar al-Ashqar, dan Wahbah al-Zuhaily* yang kesemuanya menyetujui bahawa muaf ialah “golongan yang dijinakkan hatinya supaya cenderung dengan agama Islam atau yang baru memeluk Islam dan belum kukuh keislamannya”. Dalam konteks Malaysia majoriti negeri-negeri di Malaysia mentafsirkan golongan muaf sebagai seorang yang baru memeluk agama Islam. Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, elemen-elemen yang perlu diambil kira untuk mengesahkan pengislaman seseorang adalah dengan mengucap dua kalimah syahadah dalam Bahasa Arab secara jelas, dalam keadaan sedar dan dengan kerelaan hati sendiri, tanpa paksaan dari mana-mana pihak untuk memeluk agama Islam. Namun terdapat beberapa negeri yang tidak memberi penafsiran khusus kepada istilah muaf, iaitu negeri Perlis, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

## **HAD TEMPOH MUAF**

Sejak dahulu, para ulama tidak menetapkan sebarang had tempoh tertentu bagi seseorang yang baru memeluk agama Islam. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-71 yang bersidang pada 22 hingga 24 November 2005 telah membincangkan ‘Had Tempoh Panggilan Muaf’. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

*“di dalam Islam tiada sebarang nas yang mewajibkan seseorang yang baru memeluk agama Islam dipanggil sebagai muaf. Sebutan dan had tempoh panggilan muaf ini lebih bersifat urf (kebiasaan setempat) semata-mata.”*

Selain Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, terdapat juga Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri yang turut menetapkan had tempoh mualaf bagi negeri masing-masing seperti Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka, Terengganu, Pahang dan Sabah. Oleh yang demikian, pentafsiran mualaf dan had tempoh mualaf boleh dirumuskan sebagai menjadi bidang kuasa agama negeri-negeri yang secara langsung memberi impak terhadap isu pemberian zakat kepada asnaf mualaf dan corak pendidikan mualaf dalam tempoh tersebut.

## **PENGURUSAN PENDIDIKAN MUALAF DI MALAYSIA**

Majlis Agama Islam Negeri/ Jabatan Agama Islam Negeri dan Badan Dakwah Bukan Kerajaan (NGO) dalam Pendidikan Dan Bimbingan Agama Kepada Mualaf

Pihak MAIN dan JAIN adalah agensi yang menguruskan pendidikan mualaf melalui kelas-kelas bimbingan, kursus dan bengkel yang dianjurkan. Pada peringkat permulaan selepas mualaf itu memeluk agama Islam, kebanyakan negeri mengadakan kursus pengenalan mengenai agama Islam sekurang-kurangnya selama tiga hingga lima hari dan bermalam. Kursus seumpama ini diadakan sebagai satu platform supaya mualaf mendapatkan pendedahan awal terhadap perkara-perkara asas dalam Islam sama ada dalam bentuk teori mahupun praktikal seperti perkara tauhid, ibadah solat, cara mandi wajib dan lain-lain lagi.

Bagi pendidikan berkala secara harian mahupun mingguan, pihak MAIN atau JAIN dan juga NGO telah memainkan peranan bagi mengadakan kelas-kelas bimbingan fardu ain kepada mualaf. Terdapat perbezaan di antara negeri terhadap pelaksanaan kelas tersebut sama ada dari segi kekerapan, hari dan waktu, bilangan kelas dan tenaga pengajar, bahasa pengantar serta tempat belajar. Sekalipun silibus atau modul yang diguna pakai juga berlainan antara negeri-negeri, namun kesemua negeri menekankan pengajaran dalam perkara asas Islam termasuklah pengajian al-Quran, akidah, fiqah, akhlak dan sirah.

Di peringkat NGO, kelas-kelas yang diadakan kebanyakannya menjadikan bahasa ibunda mualaf sebagai bahasa pengantar seperti Bahasa Cina, Bahasa Siam dan sebagainya. Bagi mualaf yang mempunyai kekangan untuk mengikuti jadual kelas yang disusun di peringkat MAIN atau JAIN, NGO turut menyediakan kelas persendirian kepada mualaf yang berhajat dengan waktu yang fleksibel.

Di samping itu, pihak MAIN atau JAIN dan NGO turut menitikberatkan pendidikan fardu kifayah kepada mualaf. Program-program dakwah dan ukhuwah sempena hari-hari kebesaran Islam yang bersifat santai, terbuka dan menarik menjadi acara tahunan mualaf. Bengkel-bengkel kemahiran seperti jahitan dan kewangan bersama institusi perbankan turut dianjurkan bagi membekalkan mualaf dengan ilmu kelangsungan hidup pada masa hadapan. Di Selangor, satu pelan strategik atau model sistem pendidikan telah disusun bagi memastikan mualaf di negeri Selangor dapat

menguasai ajaran agama Islam dalam tempoh lima tahun, bersesuaian dengan had tempoh gelaran mualaf sepertimana yang telah digazetkan. Bahkan, kehadiran ke kelas turut menjadi salah satu syarat penerimaan bantuan yang disediakan kepada mualaf. Syarat seumpama ini bukanlah untuk tujuan menyusahkan, malah ia masih tertakluk atas budi bicara pihak pengurus mualaf di negeri berkenaan.

## **KERJASAMA MAIN/JAIN DAN NGO DALAM PENDIDIKAN DAN BIMBINGAN AGAMA KEPADA MUALAF**

Secara tuntasnya, pihak MAIN atau JAIN dan NGO masing-masing telah menyediakan kelas pendidikan kepada mualaf di setiap negeri. Walau bagaimanapun, dalam menjayakannya, terdapat situasi di mana beberapa negeri memilih untuk bekerjasama dan begitu juga sebaliknya. Bagi negeri Selangor, Sarawak, Sabah, Pulau Pinang dan Kelantan, wujud satu kerjasama sama ada secara penyelarasan ataupun makluman. Manakala, bagi negeri lain seperti Perak, Terengganu, Negeri Sembilan dan Pahang, kelas pendidikan anjuran MAIN atau JAIN dan pihak NGO dijalankan secara berasingan. Selain itu, di Kedah dan Perlis pula, kelas pendidikan kepada mualaf di sana tidak dikendalikan oleh pihak JAIN, tetapi sepenuhnya dikelolakan oleh pihak NGO; iaitu PERKIM namun pihak JAIN turut terlibat untuk memantau kehadiran dan pengurusan modul pembelajaran, pemberian elaun kehadiran pelajar serta lantikan tenaga pengajar termasuklah elaun mereka. Namun begitu, kerjasama seumpama itu tidak berlaku di Kedah. Mualaf di Kedah boleh mendapatkan pendidikan secara formal di Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA), Sungai Petani selain menyertai kelas anjuran PERKIM. Secara kesimpulannya, Pendidikan dan bimbingan agama mualaf di negeri-negeri, majoritinya masih belum wujud skop kerjasama di antara MAIN/JAIN dan NGO. Dengan itu, kerjasama antara badan kerajaan dan NGO dalam aspek penyediaan pendidikan kepada mualaf ini dilihat lebih menguntungkan dengan wujudnya penyelarasan seperti kelas, modul dan kaedah penyampaian/penerimaan pembelajaran.

## **PENDIDIKAN FORMAL MUALAF**

Dapatan kajian Razaleig @ Kawangit dan Marlon (2014) menyatakan bahawa badan yang menjalankan Pendidikan mualaf secara formal dan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia hanyalah Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) yang terletak di Pengkalan Chepa Kelantan. Walau bagaimanapun, terdapat juga pusat – pusat latihan dakwah yang menyediakan latihan dan Pendidikan mualaf antaranya seperti Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (PUSBA) Kedah, Darul Hidayah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Pusat kegiatan Saudara Baru Kompleks Al -Saadah Negeri Sembilan, Institut Latihan Dan Dakwah Selangor (ILDAS) dan Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah. Kesimpulannya, pengurusan Pendidikan mualaf adalah diselaraskan oleh pihak MAIN/JAIN dan NGO sama ada pendidikan secara formal atau tidak formal. Walau bagaimanapun, berdasarkan analisa dokumen dan tinjauan mendapati bahawa tahap pendidikan mualaf tertinggi yang disediakan serta diiktiraf adalah pada peringkat Sijil Pengajian Islam di IDIP.

## **KONSEP IPDAS SEBAGAI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MUALAF**

### **Sejarah dan Objektif Penubuhan IPDAS**

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Dakwah Keningau (PLDK) telah dibangunkan pada 10 Oktober 1979 oleh Majlis Ugama Islam Sabah (M.U.I.S). Pada 1 Januari 1984, Kerajaan Negeri Sabah telah menyerahkan tiga (3) Pusat-Pusat Latihan Dakwah Keningau, Sikuati dan Tongod kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Penyerahan Pusat-Pusat Latihan Dakwah Keningau, Sikuati dan Tongod oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan diserahkan oleh Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Harris Mohd. Salleh kepada Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh YAB Dato' Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Penyerahan ini tetap mengekalkan fungsi asal penubuhan PLD sebagai pusat bimbingan dan latihan mualaf.

Walau bagaimanapun, sejajar dengan peredaran semasa Pendidikan, IPDAS Keningau telah mengalami penambahbaikan pengajian iaitu dari Kursus Insentif enam (6) bulan dikembangkan kepada setahun, seterusnya dipanjangkan selama tiga tahun dan hasilnya dua program utama berlangsung di IPDAS iaitu Sijil Pengajian Islam dan Dakwah (1 tahun 6 bulan) dan Diploma Dakwah Islamiyyah (3 tahun).

Selama 40 tahun IPDAS berbakti kepada Kerajaan Sabah, ia telah berjaya melahirkan graduan seramai 9153 orang (8823 sijil dan 330 Diploma. Berdasarkan pemerhatian dan hasil kajian pengesanan graduan yang dijalankan, didapati graduan IPDAS telah memenuhi keperluan guna tenaga manusia dalam bidang pendidikan dan dakwah seperti Penyelia KAFA, Guru KAFA, Penggerak Dakwah Masyarakat, Imam, Guru Takmir dan Guru Agama di Madrasah-Madrasah, Pondok serta Maahad Tahfiz di seluruh Sabah. Di samping itu, terdapat juga dalam kalangan graduan yang menjadi usahawan dan peniaga. Uniknyanya mereka masih berpegang teguh dengan amal Islami yang diterapkan di IPDAS. Impak dari perkembangan ini, jumlah penganut Islam di Sabah telah meningkat kepada 66 peratus dan kualiti penghayatan Islam di kalangan orang Islam juga meningkat.

Pada Disember 2018, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah melaksanakan penstrukturan semula jabatan dengan mengangkat IPDAS sebagai salah satu bahagian di bawah Ketua Pengarah serta PLD Kudat digabungkan dengan IPDAS di bawah satu pentadbiran. Rentetan itu, IPDAS telah menghasilkan Hala Tuju IPDAS yang menetapkan Visi, Misi, Objektif dan Bidang Tujahan Utama IPDAS.

### **Hala Tuju IPDAS dalam Pendidikan Tinggi Mualaf**

Agenda hala tuju IPDAS telah mengenalpasti bidang - bidang tujahan (*niche areas*) yang sesuai berpaksikan isu-isu setempat dan permintaan tinggi industri tempatan. Empat bidang tujahan utama yang menjadi fokus IPDAS adalah: Peneraju Pendidikan Tinggi Dakwah, Pusat Pembentukan Rijal al-Dakwah yang Professional, Pusat Kecemerlangan Kemahiran dan Keusahawanan Islam dan Pusat Pembangunan Keunggulan Mualaf.

Berdasarkan empat bidang tujuhan, IPDAS telah menyusun dan memetakan sistem Pendidikan mualaf kepada 3 peringkat (6 tahun) bagi memastikan mualaf di IPDAS dapat menguasai ajaran Islam dan menjadi rijal al-dakwah bersesuaian dengan had tempoh mualaf.

**Peringkat Pertama: Sijil Asas Pengajian Islam Malaysia dan Sijil Kemahiran Dakwah (Mualaf)**

**Sijil Asas Pengajian Islam Malaysia** yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia akan mula dilaksanakan pada tahun 2021 setelah penambahbaikan daripada modul sedia ada. Program sijil ini menetapkan syarat minimum kepada para pelajar untuk mengikut pengajian bagi memastikan para mualaf yang baru memeluk Islam dapat menghayati dan memahami isi kandungan ilmu-ilmu agama dengan lebih mudah.

Selain itu, **Pengajian Sijil Kemahiran Mualaf akan dilaksanakan di IPDAS Kudat di mana program ini menggunakan *Standard National Occupational Skills Standard* (NOSS), Jabatan Pembangunan Kemahiran, yang tidak meletakkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai syarat untuk mengikuti program ini.** Oleh itu, program Sijil kemahiran ini lebih terbuka untuk setiap mualaf dan tidak terikat dengan syarat akademik dan had umur. Ini juga seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri Sabah supaya IPDAS Kudat menjadi Pusat Pembangunan Keunggulan Mualaf dengan menyediakan pengajian asas mengenai agama Islam.

Mesyuarat Lembaga IPDAS Kali Ke-2 Tahun 2019 pada 22 April 2019 telah bersetuju supaya program persijilan di Kampus Kudat diperuntukan hanya untuk warga Sabah sahaja dalam kalangan mualaf dan Muslim pedalaman. Dasar ini mengambilkira semangat perjanjian Penyerahan Pusat-Pusat Latihan Dakwah pada tahun 1984. Pengambilan pelajar mualaf juga dikekalkan berdasarkan pecahan berikut:

**Jadual 2: Pecahan Pengambilan Pelatih (Mualaf) di IPDAS Kudat**

<b>PENGAMBILAN PELATIH</b>	<b>JUMLAH PENGAMBILAN PELATIH</b>
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah (JHEAINS)	30
Pertubuhan United Sabah Islamic Association (USIA)	20
Hidayah Centre	10
IPDAS Kampus Kudat	140
<b>Jumlah</b>	<b>200</b>

Pada ketika ini, pengambilan IPDAS Kudat adalah seramai 200 orang berdasarkan kepada kemudahan infrastruktur sedia ada. Walau bagaimanapun, jumlah ini akan bertambah apabila kemudahan IPDAS Kudat telah bersedia menerima penambahan pelajar pada masa hadapan.

Selain program Kemahiran Muafaf menggunakan standard NOSS, IPDAS secara dasar telah bersetuju untuk melaksanakan **Customize Programme dan Ujian Kecenderungan Kemahiran dengan Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu (ILPKK)**. Pada tahun ini, IPDAS dan ILPKK merancang untuk mengadakan Program Asas Kemahiran Membaiki Telefon (Akademi Samsung), Asas Kimpalan, Asas Automatif, Asas Lukisan Plan, Asas Pengkomputeran (IT) kepada pelajar-pelajar IPDAS Kudat. Pendidikan muafaf bagi peringkat pertama akan mengambil masa 18 bulan atau 1 tahun 6 bulan.

### **Peringkat Kedua: Sijil Pengajian Islam**

Peringkat kedua merupakan peringkat pementapan setelah melalui proses Sijil Kemahiran Muafaf. Sijil Pengajian Islam ini ditawarkan di IPDAS Keningau dengan menggunakan standard yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Para Muafaf dari IPDAS Kudat dan dari luar Sabah berpeluang menyambung pelajaran ke IPDAS Keningau dengan menggunakan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengan mana-mana tiga kredit atau Lulus Sijil Kemahiran Muafaf IPDAS Kudat.

Program Sijil Pengajian Islam ditawarkan dengan konsep pra diploma kepada teras ilmu utama dalam bidang Pengajian Islam dengan membawa 62 jam kredit bagi tempoh satu tahun enam bulan.

Selain kursus wajib MQA, kursus Teras Umum Pengajian Islam dan Major, IPDAS menyediakan kursus-kursus elektif seperti Penulisan Kreatif, Kemahiran Multimedia, Kemahiran Pemprosesan Makanan serta Kemahiran Fabrik dan Jahitan. Kursus-kursus elektif ini dapat menyokong program persijilan atau memenuhi minat pelajar melalui agenda pendidikan kemahiran insaniah berteraskan penglibatan dengan industri.


### **Peringkat Ketiga: Diploma Dakwah Islamiyyah**

Peringkat ini merupakan fasa pembentukan da'i yang professional, di mana para muafaf bukan sahaja mempelajari ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah, malah akan dibentuk menjadi kader dakwah terlatih dan professional.

Diploma Dakwah Islamiyyah telah mendapat pengiktirafan dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA/FA 7518). Hal ini secara langsung memberi nilai kepada Pendidikan muafaf, di mana para muafaf boleh menyambung pelajaran sehingga ke peringkat Diploma.

Hala Tuju IPDAS juga memperuntukkan pengembangan program-program baharu. Untuk itu, pengembangan program di IPDAS akan bermula dengan memperkenalkan program elektif meliputi cabang; Dakwah Kreatif, Dakwah Digital, Pelancongan Islam, Kaunseling Syarie; dan Perawatan Islam.

Proses memperkenalkan program elektif ini akan dibuat secara berperingkat dengan kelulusan Lembaga IPDAS. Apabila pelaksanaan program elektif ini kukuh dari sudut proforma dan sumber tenaga manusia maka ia akan dikembangkan menjadi program yang tersendiri melalui kelulusan MQA.



**Rajah 1: Ringkasan Mapping Tarbiah Muallaf di IPDAS**

Secara keseluruhannya, menarik untuk diketengahkan bahawa IPDAS menyediakan sistem pengajian muallaf yang komprehensif bermula dari saat memeluk agama Islam sehingga melahirkan pendakwah yang akan kembali menyebarkan keindahan dan kebenaran Islam kepada mad'u dengan bahasa yang sama.

## **CABARAN IPDAS SEBAGAI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MUALAF**

Mendidik, membimbing dan mendakwah kepada muallaf sehingga berjaya melahirkan muallaf yang mampu berdikari dan mengamalkan amal islami bukanlah satu perkara yang mudah. Cabaran IPDAS dalam menguruskan Institusi Pengajian Tinggi Muallaf adalah seperti berikut:

### **a)Tempoh Sistem Pendidikan Muallaf yang Panjang**

Sesuai dengan objektif ke-3 IPDAS iaitu melahirkan modal insan yang berkeupayaan untuk menjadi umara dan pendakwah profesional serta tempat rujukan masyarakat berdasarkan fahaman ahli *Sunnah wal-Jamaah* khususnya di Sabah, seseorang muallaf selepas memeluk Islam perlu melalui perjalanan pendidikan muallaf selama 6 tahun. Bimbingan dan latihan ini diberikan secara serius dan formal dengan berteraskan modul-modul yang terancang dan sistematik di IPDAS.

Kurikulum Pendidikan di IPDAS merangkumi penerapan aspek akidah, pelaksanaan Ibadah melalui Pendidikan Syariah, pembangunan positif akhlak, latihan Rijal al-Dakwah dan kemandirian mualaf. Hal ini penting dalam memastikan proses latihan mualaf dan dakwah yang berkesan dan bernafas panjang.

Walau bagaimanapun, sekiranya kerjasama dapat dijalinan dalam **menyelaras laluan pengajian khusus kepada mualaf ke peringkat lebih tinggi berdasarkan sistem *feeder***, Ia secara langsung dapat meringankan sistem pembelajaran dan meningkatkan kefahaman mualaf dengan lebih baik. Contohnya, pelajar mualaf yang menamatkan pengajian di kelas bimbingan dari pusat bimbingan kelolaan kerajaan negeri atau pertubuhan NGO akan ditawarkan ke program Sijil Kemahiran Mualaf di IPDAS Kudat. Mualaf pada peringkat ini akan lebih bersedia untuk memasuki fasa pendidikan tinggi mualaf. Manakala lepasan Sijil Kemahiran Mualaf di Kudat akan ditawarkan pengajian peringkat Diploma di IPDAS Keningau.

#### **b) Modul Pendidikan Mualaf yang Tidak Seragam**

Dalam isu ini, berdasarkan tinjauan yang dilakukan terhadap beberapa institusi pendidikan mualaf sedia ada, didapati bahawa modul/silibus pengajian mualaf adalah berbeza mengikut negeri/pemberi pendidikan/pusat bimbingan. Justeru, pembangunan silibus pengajian mualaf yang seragam dan diguna pakai oleh setiap pemberi pendidikan mengikut tahap pengajian seperti Kursus Asas, Kursus Pertengahan dan Kursus Lanjutan sangat diperlukan bagi memastikan kualiti pengetahuan mualaf berada pada tahap yang lebih baik dan mendorong penghayatan Islam secara optimum.

Manakala Modul pengajian peringkat tinggi seperti Sijil, Diploma dan Ijazah adalah diselaraskan di bawah standard MQA dan NOSS. Ini akan menjadi kelebihan kepada pelajar mualaf apabila memiliki sijil tersebut berbanding pemberian sijil institusi. Sebagai contoh, sijil yang memiliki pengiktirafan MQA ataupun NOSS membolehkan pelajar dipertimbangkan untuk pelantikan ke perkhidmatan awam/swasta, melanjutkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam/ Swasta dalam atau luar negara dan memudahkan pemindahan kredit.

#### **c) Kekurangan Dana Pendidikan Mualaf**

IPDAS merupakan salah sebuah agensi Kerajaan yang bernaung di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Berada di bawah Kerajaan Persekutuan menyebabkan IPDAS bergantung sepenuhnya terhadap peruntukan yang disediakan oleh JAKIM. Dana Pendidikan Mualaf sangat diperlukan untuk mewujudkan ekosistem Pendidikan mualaf yang kondusif seperti menyediakan kemudahan fasiliti dan prasarana, memastikan bantuan dan kebajikan kepada pelajar, menganjurkan program-program pembangunan kepimpinan dan bakat pelajar mualaf, latihan kepada tenaga pengajar, mengaplikasi sistem dan laman secara maya dalam pendidikan era revolusi perindustrian keempat (IR 4.0) seperti e-learning dan sebagainya.



## CADANGAN

Dalam memperkasakan pendidikan Mualaf, usaha yang berterusan dari semua pihak amatlah penting. Antaranya cadangan termasuklah mewujudkan *Islamic Human Resource Development Fund* (IHRDF), mewujudkan sukarelawan dakwah dan mewujudkan skuad dakwah

### **Mewujudkan *Islamic Human Resource Development Fund* (IHRDF).**

Tabung ini berfungsi untuk mengumpul dana zakat dari semua negeri-negeri untuk pembangunan Pendidikan dan Latihan Islam termasuk mualaf di Malaysia. Kewujudan tabung ini dapat membantu asnaf dari pelbagai negeri mendapat pembiayaan Pendidikan yang terbukti amat membantu golongan asnaf meringankan beban kehidupan mereka malah menjadi instrumen yang memangkin ekonomi asnaf tersebut. Sesuai dengan realiti dewasa ini, apabila tahap kelayakan akademik menentukan jenis pekerjaan yang baik dan berpendapatan tinggi.

Selain itu, jumlah kutipan dan agihan zakat adalah berbeza di setiap negeri. Bagi negeri yang mendapat kutipan zakat yang tinggi seperti Wilayah Persekutuan RM 651.22 juta pada tahun 2018 berbanding Terengganu RM 160 juta, Wilayah Persekutuan memperuntukan jumlah agihan zakat kepada mualaf dengan kadar yang tinggi dan memberi pelbagai skim bantuan berbanding Terengganu. Bagaimana pula dengan negeri yang menerima kemasukan mualaf yang ramai tetapi agihan zakat yang terhad, sekaligus memberi impak terhadap kesan dakwah di negeri tersebut.

Sehubungan itu, dicadangkan penubuhan **Kumpulan Wang Zakat** yang disatukan dan diselaraskan oleh Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang mana berperanan untuk menguruskan agihan zakat daripada negeri dengan matlamat untuk memenuhi amanah ummah bagi menyediakan kemudahan infrastruktur dan belanja mengurus pendidikan serta latihan umat Islam termasuk mualaf.

### **Mewujudkan Sukarelawan Dakwah**

Sukarelawan Dakwah akan ditempatkan di perkampungan strategik setelah mendapat latihan di IPDAS. Mereka bertanggungjawab untuk mengadakan kelas dewasa untuk membantu menyelesaikan masalah buta fardhu ain di kawasan muslim pendalaman dan kepulauan khususnya di Sabah sebagai pilot projek. Mereka akan diberi masa selama 6 bulan untuk menjayakan misi ini sebelum berpindah ke perkampungan seterusnya yang dicadangkan oleh Pegawai Saudara Kita. Sebagai insentif atas pengorbanan dan komitmen mereka akan diberi elaun RM2,000.00 sebulan.

## **Mewujudkan Skwad Dakwah**

Skwad Dakwah ini berperanan untuk membantu golongan mualaf yang memerlukan bimbingan secara persendirian atau yang tercicir dari pendidikan Islam secara formal. Skwad ini akan bertindak dengan kadar segera sekiranya terdapat keperluan pendidikan mualaf atau tuntutan fardhu kifayah seperti kematian mualaf. Kewujudan Skwad Dakwah ini memerlukan peruntukan dari aspek bilik kelas bergerak, kemudahan pengajaran dan pembelajaran, alat bantu mengajar, elaun dan tuntutan perjalanan dalam menyantuni mereka yang memerlukan. Pergerakan skuad ini akan diselaraskan oleh Sekretariat Skwad Dakwah (SESDA) di IPDAS dengan kerjasama agensi dan NGO Islam bagi memastikan skuad ini dapat bertemu dengan sasaran yang tepat. Skwad ini secara tidak langsung adalah merupakan latihan amal kepada para pelajar IPDAS agar mereka mahir menggunakan kemahiran dakwah dan latihan Islami.

## **PENUTUP**

Secara ringkas, dirumuskan bahawa Sistem Pendidikan Mualaf di Malaysia sememangnya wujud dalam pelaksanaan yang pelbagai di negeri-negeri dengan kerjasama MAIN/ JAIN dan NGO. Begitu juga terdapat institusi pendidikan mualaf yang menekankan pendidikan formal sama ada mempunyai pengiktirafan daripada pihak berautoriti seperti Agensi Kelayakan Malaysia ataupun pengiktirafan institusi. Walau bagaimanapun, IPDAS merupakan satu-satunya institusi di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang menyediakan platform Pendidikan seawal masuk Islam sehingga tamat tempoh had mualaf (6 tahun) dan dilaksanakan secara terancang dan strategik. Justeru, pengurusan pendidikan mualaf merupakan satu perkara yang penting dalam sistem pentadbiran Islam. Pengurusan yang baik pasti akan memastikan golongan mualaf terus mencintai Islam dan menjadi aset penting dalam perkembangan Islam di Malaysia. Kerjasama daripada semua pihak terutamanya MAIN/JAIN, NGO dan seluruh masyarakat amat diperlukan sehingga segala permasalahan dapat diselesaikan dan cadangan penambahbaikan dapat dilaksanakan.

## RUJUKAN

Azman, A.R, Irwan, M.S, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Mahazan, A.M, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim & Norlina Ismail. 2015. *Skim Bantuan Zakat Asnaf Mualaf: Satu Analisis Kontemporari di Malaysia*. Kongres Pendidikan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (ECNA 2015), 11 Jun 2015, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010. Kamus Dewan. Edisi Keempat. Kuala Lumpur

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2015. *Had Tempoh Panggilan Mualaf*. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-71. 22-24 Nov.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2018. *Statistik Kemasukan Islam Tahun 2010 – 2018*. Laporan Bahagian Dakwah, JAKIM. Tidak Diterbitkan.

Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah 1884 – 1994*, hlm.28. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd. Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Noor Afiqah Athirah Hajimin, Mohd. Nur Rachmat Izzuddin Hajimin & Mohd, Nur Hidayah Firdaus Hajimin. 2018. *Prosiding Ulama Nusantara (NUN) VIII: Sinergi dalam Pemerkasaan Ummah*, hlm. 379-384. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Ibinor Azli Ibrahim & Azizah Kasim. 2016. Migrasi dan pembentukan masyarakat Islam majmuk Sabah. *1<sup>st</sup> International Research Conference on Engineering, Science and Humanities Proceeding*, hlm 67-72.

Razaleigh Muhamat@ Kawangit & Marlon Pontino Guleng. 2014. Respon Mualaf Terhadap Pendidikan dan Latihan Amali yang Dilaksanakan oleh Institut Dakwah Islamiah Perkim, Kota Kinabalu. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Laman web

<http://www.statistics.gov.my/portal> BANCIAN Penduduk. Diakses 11 Sept. 2019  
<http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/>. Had Tempoh Mualaf Mengikut Negeri. Diakses 2 Mei 2019.

**PRAKTIS PENDIDIKAN MUALAF  
DI PERINGKAT ANTARABANGSA:  
TUMPUAN DI SINGAPURA DAN DI  
HONG KONG**

Dr. Muhamad Faisal bin Ashaari

# **PRAKTIS PENDIDIKAN MUALAF DI PERINGKAT ANTARABANGSA: TUMPUAN DI SINGAPURA DAN DI HONG KONG**

Dr. Muhamad Faisal bin Ashaari  
*Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
faisal@ukm.edu.my*

## **ABSTRAK**

Pendidikan mualaf yang dilaksanakan di negara yang di perintah oleh orang bukan Islam sangat mencabar. Ia memerlukan kepada penyesuaian dan kesungguhan berdasarkan kepada ruang yang diberikan dalam negara berkenaan. Singapura dan Hong Kong merupakan dua negara yang mempunyai latar belakang yang berbeza dari sudut sosio demografi orang Islam. Namun, organisasi Islam dalam kedua negara ini menjalankan usaha dakwah dalam kerangka yang dibenarkan. The Muslim Converts Association atau lebih dikenali dengan Darul Arqam di Singapura mempunyai laluan pendidikan mualaf selama empat tahun setengah yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu asas, pertengahan dan lanjutan. Bahagian asas lebih tertumpu kepada mualaf sebelum dan selepas memasuki Islam. Manakala di Hong Kong pula, bimbingan dilakukan dalam kelas yang berpusat di Masjid Ammar yang dijalankan dalam bahasa Filifina, Mandarin dan Inggeris. Bimbingan Islam di kedua negara ini berjalan dengan baik dan lancar sesuai dengan sudut sosio demografi dan kebenaran yang diberikan oleh pemerintahnya.

**Kata Kunci:** Mualaf, Singapura, Hong Kong, Bimbingan

## **PENDAHULUAN**

Pendidikan untuk mualaf merupakan suatu keperluan setelah mereka memeluk Islam untuk membolehkan mereka memahami dan mengetahui selok belok untuk menjadi seorang Muslim yang sempurna. Mereka perlu didedahkan dengan perkara asas dalam Islam khususnya dalam aspek akidah supaya mendapat kefahaman yang jitu tentang Islam dan diikuti dengan aspek ibadah. Walau bagaimanapun, semua itu perlu berjalan serentak sesuai dengan tahap kefahaman mereka tentang Islam. Tanggungjawab memberikan pendidikan kepada mualaf merupakan tanggungjawab fardu kifayah seluruh umat Islam. Dalam sebuah negara yang tidak mempunyai kerajaan Islam, tanggungjawab ini perlu dipikul oleh semua umat Islam yang perlu untuk menubuhkan organisasi atau institusi tertentu bagi menjalankan tanggungjawab ini. Namun, bagi sebuah negara yang diperintah oleh orang Islam, kerajaan perlu bertanggungjawab tentang urusan ini.

Di Malaysia, pendidikan untuk muallaf ini dijalankan secara dinamik antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri menguruskan pendaftaran muallaf, menyediakan bantuan kewangan dan kebajikan melalui peruntukan zakat dan menganjurkan kelas pengajian agama. Agensi ini tidak bergerak sendirian kerana ia dibantu dan dijalankan secara bersama oleh agensi-agensi bukan kerajaan (NGOs) seperti PERKIM, MACMA, KIMMA, ABIM dan lain-lain (Siti Adibah & Siti Zubaidah 2018). Manakala di peringkat antarabangsa, pendidikan untuk muallaf bergantung kepada sejauh manakah kedudukan Islam dalam negara berkenaan kerana dasar yang berkaitan ini yang memberikan ruang kepada aktiviti Islam untuk dilaksanakan. Ia juga berkait dengan jumlah umat Islam di negara berkenaan kerana ia jumlah orang Islam yang ramai membolehkan banyak aktiviti yang dijalankan. Makalah ini membincangkan tentang pendidikan muallaf di tiga negara iaitu di Singapura dan Hong Kong.

### **KONSEP PENDIDIKAN MUALAF**

Muallaf ialah mereka yang mula berjinak dengan Islam. Ini seperti yang jelas disebut dalam Surah al-Taubah ayat 60 iaitu salah satu golongan yang layak untuk menerima zakat. Menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi (1996), muallaf ialah mereka yang digerakkan hatinya kepada agama Islam dengan cara memuliakan mereka dengan pemberian, atau mereka yang iman di hatinya belum kukuh, lalu diberikan harta zakat pada kadar yang boleh memantapkan dan menggembirakan mereka dan keluarga mereka terhadap Islam. Mereka perlu untuk diajak dan didedahkan lagi dengan Islam supaya hati mereka boleh menerima Islam. Namun, muallaf tidak sekadar mereka yang memeluk Islam tetapi juga diluaskan kepada mereka yang telah memeluk Islam tetapi memerlukan kepada bimbingan secara dekat supaya boleh melaksanakan Islam dalam kehidupan dengan lebih baik. Ia juga termasuk mereka yang sudah memeluk Islam tetapi keislamannya masih lemah.

Justeru, pendidikan tentang Islam perlu diberikan kepada muallaf sama ada secara formal atau tidak format dengan matlamat untuk memberikan kefahaman asas Islam kepada mereka. Bukan sekadar pendidikan, tetapi bimbingan juga diperlukan untuk memastikan emosi mereka kuat untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran setelah memeluk Islam. Atas sifat manusia yang berbeza dari sudut kemampuan kognitif, kemahiran dan pengalaman, tahap pembelajaran mungkin berbeza antara individu. Oleh kerana itu, terdapat perbezaan dalam kalangan pihak berautoriti agama dalam menentukan tempoh muallaf. Menurut Azman Ab Rahman (2020), banyak negeri yang tidak mempunyai tempoh tertentu dan beberapa negeri menetapkan 5 tahun dan ada yang sehingga 7 tahun. Apa yang pasti ialah mereka yang sudah memeluk Islam perlu mempelajari asas-asas penting dalam Islam. Manakala, masyarakat Islam, organisasi Islam dan kerajaan perlu membantu memudahkan proses pendidikan dan bimbingan ini.

## **PENDIDIKAN MUALAF DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

Pendidikan mualaf di peringkat antarabangsa boleh dibahagikan kepada tiga jenis negara.

### **Pertama: negara yang diperintah oleh orang Islam.**

Pada asasnya, negara yang diperintah oleh orang Islam biasanya bersifat positif dengan gerak kerja dakwah. Seorang menteri dilantik untuk mengurus dan mentadbir hal ehwal orang Islam dan menyokong segala usaha dakwah. Namun, dalam konteks pengurusan mualaf, ia berlaku dalam negara yang mempunyai ramai bukan Islam dan usaha dakwah dilakukan secara berterusan seperti Malaysia dan Indonesia. Apabila ada orang memeluk Islam, negara Islam bertanggungjawab mendidik mereka dengan Islam menerusi institusi rasmi dan juga dilaksanakan oleh institusi mahupun individu.

### **Kedua: negara yang diperintah oleh bukan Islam tetapi memberikan kebebasan**

Negara yang berada dalam kategori ini membuka ruang dan peluang yang baik kepada umat Islam dalam menjalankan usaha dakwah. Walau bagaimanapun, tahap kebebasan yang diberikan itu bergantung kepada polisi negara berkenaan. Kebiasaannya kebebasan diberikan untuk mengamalkan agama dan melaksanakan aktiviti di dalam premis sendiri. Untuk aktiviti dakwah di tempat umum seperti melakukan street dakwah ada sesetengah negara yang tidak membenarkannya seperti di Singapura. Namun, untuk aktiviti dakwah secara online, kebanyakannya terbuka dan bebas. Umat Islam boleh menganjurkan program dan usaha dakwah sejajar dengan kebenaran yang diberikan.

### **Ketiga: negara yang diperintah oleh bukan Islam tetapi tidak memberikan kebebasan**

Negara yang berada dalam kategori ini membuka ruang tidak membuka ruang dakwah seperti di China. Umat Islam terpaksa bertahan dengan sistem yang ada dan mungkin dakwah secara online boleh menjadi alternatifnya.

Bagi menjelaskan usaha dakwah di peringkat antarabangsa ini, di sini dibincangkan tiga contoh negara iaitu di Singapura dan Hong Kong.

#### **Pertama: Dakwah di Singapura**

Ia merupakan sebuah negara yang mempunyai orang Islam yang minoriti dan didominasi oleh masyarakat Cina. Orang Islam bebas mengamalkan cara hidup Islam khususnya yang berkaitan dengan ibadat khusus melainkan korban. Umat Islam tidak dibenarkan untuk melaksanakan dakwah secara terbuka tetapi boleh untuk mengadakan aktiviti dalam premis masing-masing. Singapura mempunyai 72 masjid dan satu kawasan perkuburan yang besar untuk orang Islam.

## **Darul Arqam.**

Ia merupakan sebuah NGO yang berdaftar dengan nama “The Muslim Converts Association” pada 1980 dan mempunyai sebuah kompleks tiga tingkat yang terletak di 32 Onan Road, Singapura. Ia dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan ditadbir oleh kakitangan sepenuh masa yang bergaji. Ia merupakan tempat untuk mualaf di Singapura mempelajari tentang Islam dan untuk orang Islam meningkatkan kefahaman Islam yang sedia ada. Ini tidak menafikan wujud pembelajaran dan kelas yang diadakan di masjid di Singapura mahupun di tempat persendirian untuk mualaf mempelajari tentang Islam. Secara umumnya, terdapat empat aktiviti umum yang dijalankan:

### **1. Ceramah Umum (*Public Talks*)**

Ceramah ini menyasarkan kumpulan yang ramai dalam kalangan Muslim dan non-Muslim yang diadakan di tempat-tempat umum yang boleh dihadiri sekitar 600 orang. Ia merupakan acara yang diadakan sebanyak 6 hingga 8 setahun dengan tujuan untuk membawa mesej Islam kepada masyarakat umum terutama non-Muslim. Topik ceramah umum ini dipilih berdasarkan kepada isu-isu semasa agar dapat menarik kehadiran yang ramai.

### **2. Ceramah dalaman (*In-House Talks*)**

Ceramah ini menyasarkan saudara baru dan ahli Darul Arqam yang diadakan di Auditorium Darul Arqam sebulan sekali. Kehadirannya sekitar 150 orang yang membincangkan isu-isu kontemporari yang relevan dan berkaitan dengan kehidupan orang Islam.

### **3. Ceramah Ramadan (*Ramadan Short Talks*)**

Sepanjang bulan Ramadan, Darul Arqam ceramah ringkas pada setiap hujung minggu sebelum berbuka puasa. Ia bertujuan memberi penerangan kepada mereka yang baru memeluk Islam agar memahami ibadah puasa dan berkat bulan Ramadan.

### **4. Sesi Mengenal Islam (*Knowing Islam*)**


Ia merupakan sesi penjelasan kepada orang yang baru mengenali Islam yang dijalankan pada setiap Ahad selama 2½ jam. Ia memperkenalkan perkara yang asas tentang Islam dan memberi maklumat kepada peserta tentang program di Darul Arqam dan prosedur pengislaman.

## **Pembelajaran di Darul Arqam untuk Mualaf**

Terdapat tiga jenis pembelajaran yang dilaksanakan di Darul Arqam iaitu pembelajaran Asas, Pertengahan dan Lanjutan. Pembelajaran asas ini sesuai untuk mereka yang baru mengenali Islam dan selepas memeluk Islam yang dijangka mengambil masa satu tahun setengah. Untuk menjadi seorang Islam yang baik, kelas di peringkat pertengahan diperkenalkan yang mengambil masa satu tahun setengah. Peserta yang baru memeluk Islam mestilah terlebih dahulu mengikuti kursus asas sebelum masuk kursus pertengahan. Manakala, di peringkat lanjutan peserta pula akan



mengikuti kursus yang lebih mendalam tentang Islam selama satu tahun setengah. Ini berarti seorang yang memeluk Islam mengambil masa 4 tahun setengah untuk memahami Islam dengan lebih mendalam. Ini seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.



**Rajah 1: Laluan pembelajaran bagi seorang muallaf**

## Kelas Asas Islam

Kelas asas ini dibahagikan kepada dua iaitu sebelum dan selepas memeluk Islam. Ini seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 2 di bawah :

### Pre-Conversion Courses:

- Knowing Islam Session
- Beginners' Course on Islam (Weekly)
- Beginners' Course on Islam (Express)
- Refresher Course on Islam
- Refresher Course on Solat (Islamic Prayer)
- Let's pray 1 (Weekly)
- Let's pray 1 (Express)

### Post-Conversion Courses:

- Code of a Muslim (Purification & Islamic Adab and Manners)
- Journey of Faith (Pillars of Iman and The Life of Prophet Muhammad PBUH)
- The Sacred Guidance (Reflections on Al-Quran and Hadith)
- Quran Reading 1 (Quran Phonetics)
- Friday Prayer Practical

**Rajah 2: Pembahagian Kelas Sebelum dan Selepas Memeluk Islam**

## **Kelas sebelum memeluk Islam**

### **1. Knowing Islam Session (KIS)**

Ia merupakan suatu sesi kelas yang dijalankan pada setiap Sabtu dan Ahad selama 2 jam melainkan pada cuti umum. Topik pembelajaran meliputi aspek tauhid, Rasulullah dan rasul yang terdahulu, kesempurnaan Islam dan istilah yang biasa digunakan dalam Islam. Ia juga menjelaskan tentang cara menjadi orang Islam dan pengenalan tentang Darul Arqam dan perkhidmatan yang diberikan.

### **2. Beginners' Course on Islam (BCI)**

Ia merupakan kursus yang menjelaskan asas-asas Islam berdasarkan kepada buku “The Essence of Islam” menggunakan perantaraan bahasa Inggeris dan Mandarin. Selain pembelajaran dalam kelas, peserta juga akan dibawa ke masjid untuk memberi pendedahan tentang adab-adab di masjid secara praktikal. Masjid Khalid dipilih kerana ia berdekatan dengan Darul Arqam. Topik pembelajaran meliputi rukun iman dan kehidupan sebagai orang Islam menerusi 5 rukun. Ia juga meliputi aspek Ihsan dan kepentingannya.

### **3. Beginners' Course on Islam - Express (BCX)**

Ia merupakan kursus yang sama seperti BCI tetapi dijalankan selama 2 minggu. Kursus ini fleksibel khususnya untuk mereka yang berada sekejap di Singapura dan mereka yang tidak datang mengikut jadual kelas BCI.

### **4. Refresher Course on Islam (RCI)**

Ia merupakan kursus yang baik untuk mereka mahu belajar dan mengemaskini pengetahuan tentang Islam dan praktis.

### **5. Let's Pray 1 (Weekly)**

Peserta mestilah mengikuti BCI atau BCX dan kursus ini berjalan selama 6 minggu meliputi perkara asas dalam solat dan praktikal meliputi wuduk dan kebersihan.

### **6. Let's Pray 1 (Express)**

Ia adalah kelas yang sama seperti kelas di atas, cuma ia dijalankan mengikut keperluan peserta yang tidak dapat mengikuti kelas biasa.

## **Kelas selepas memeluk Islam**

### **1. Code of a Muslim**

(Purification & Islamic Adab and Manners)

Ia merupakan kelas yang menumpukan kepada pembentukan hubungan antara manusia dengan Allah. Peserta akan belajar tanggungjawab utama sebagai seorang Muslim. Di akhir kursus peserta akan mempunyai pandangan yang holistik tentang pelaksanaan Islam dalam kehidupan dan mematuhi diri dengan pelaksanaan Islam yang sempurna. Ia mempunyai 10 kelas dan 1.5 jam pada setiap sesi.

## 2. The Journey of Faith

(Pillars of Iman and The Life of Prophet Muhammad PBUH)

Ia merupakan kelas berkaitan dengan asas Islam yang menumpukan kepada asas akidah Islam dan kehidupan Rasulullah yang boleh memberikan inspirasi kepada pelaksanaan Islam. Peserta akan mendapat pendedahan tentang cabaran yang dilalui oleh Rasulullah ketika menyampaikan Islam dan mengukuhkan keyakinan kepada Islam. Ia mempunyai 10 kelas dan 1.5 jam pada setiap sesi.

## 3. The Sacred Guidance

(Reflections on Al-Quran and Hadith)

Ia memperkenalkan dua sumber Islam iaitu Quran dan Hadith, yang secara tidak langsung menjelaskan asal Islam. Kursus ini merupakan pelengkap kepada dua kursus sebelum ini untuk membawa peserta ke arah pemahaman yang komprehensif tentang Islam. Peserta akan mempunyai maklumat yang mendalam tentang Islam dan mempunyai lebih keyakinan tentang Islam menerusi pemahaman tentang ayat tertentu dari Quran dan Hadis. Ia mempunyai 10 kelas dan 1.5 jam pada setiap sesi.

## 4. Quran Reading 1 (Quran Phonetics)

Kursus ini menumpukan kepada kemahiran pembacaan al-Quran dari sudut sifat huruf, makhraj, intonasi dan kelancaran. Ia menggunakan modul Iqraq dan modul Akhyar. Ia mempunyai 10 kelas pada setiap modul yang diadakan secara mingguan.

Rajah di bawah menjelaskan jadual kelas yang ditawarkan pada bulan Ogos 2021.

### MCAS classes offered in **August 2021**



Course:	Day	Date	Time	Mode of Delivery
Knowing Islam Session	Saturday/ Sunday	1, 7, 8, 14, 15, 21, 22, 28 & 29 Aug	10am – 12pm	Online Only
Beginners' Course on Islam	Thursdays	5 Aug – 23 Sep	8pm – 9.30pm	Online Only
	Fridays	13 Aug – 1 Oct	8pm – 9.30pm	
	Saturdays	21 Aug – 9 Oct	2pm – 3.30pm	
	Tuesdays	31 Aug – 19 Oct	8pm – 9.30pm	
Beginners' Course on Islam (Express)	Tuesday – Friday (2 weeks)	10 Aug – 20 Aug	8pm – 10pm	Online Only
		17 Aug – 27 Aug	10am – 12pm	
		31 Aug – 10 Sep	3pm – 5pm	
Let's Pray 1 (Male/Female)	Sundays	1 Aug – 5 Sep	9.30am – 11am	Online Only
	Wednesdays	4 Aug – 8 Sep	8pm – 9.30pm	
	Tuesdays	17 Aug – 21 Sep	8pm – 9.30pm	
	Fridays	20 Aug – 24 Sep	8pm – 9.30pm	
Let's Pray Express (Male/Female)	Tuesday – Friday	3 Aug – 6 Aug	3pm – 5pm	Online Only
		17 Aug – 20 Aug	10am – 12pm	
		24 Aug – 27 Aug	3pm – 5pm	
Lets Pray 2 (Male/Female)	Sundays	15 Aug – 19 Sep	1.30pm – 3pm	Online Only
Quran Module 1 (Iqra Method) – Ladies Only	Wednesdays	11 Aug – 27 Oct	8pm – 9.30pm	Online Only
Quran Module 2 (Iqra Method)	Tuesdays	31 Aug – 16 Nov	8pm – 9.30pm	Online Only
Quran Module 3 (Akhyar Method)	Sundays	1 Aug – 3 Oct	1.30pm – 3pm	Online Only
Quran Module 3 (Iqra Method) - Ladies Only	Thursdays	12 Aug – 14 Oct	8pm – 9.30pm	Online Only
Fiqh on Marriage and Family	Sundays	8 Aug – 5 Sep	11.30am – 1pm	Online Only
Journey of Faith 1 (Pillars of Iman and The Life of Prophet Muhammad PBUH)	Tuesdays	17 Aug – 19 Oct	8pm – 9.30pm	Online Only
Journey of Faith 2 (Pillars of Iman and The Life of Prophet Muhammad PBUH in Medina)	Thursdays	19 Aug – 21 Oct	8pm – 9.30pm	Online Only
Code of Muslim 2 (Prayers & Islamic Adab and Manners)	Wednesdays	11 Aug – 13 Oct	8pm – 9.30pm	Online Only
	Saturdays	28 Aug – 30 Oct	4pm – 5.30pm	
Book Reading Class: The Fiqh of Purification – Ladies Only	Tuesdays	17 Aug – 04 Jan '22	8pm – 9.30pm	Online Only
*Marriage Guidance Course	Sundays	15 Aug & 22 Aug	10am – 5pm	Online Only

\* chargeable courses, please refer to website for more details.

### Rajah 3: Jadual Kelas Sepanjang Ogos 2021

## Kursus kesedaran dakwah Da'wah Awareness Training Programme (DATP)

Terdapat kursus kesedaran dakwah yang dijalankan sebulan sekali selama 12 bulan. Ia merangkumi pelbagai topik tentang Islam dan kemahiran komunikasi termasuklah lawatan sambil belajar ke rumah ibadat lain. Ia menjelaskan tentang sejarah dakwah pada rasul dan teknik dakwah kontemporari serta menjawab soalan-soalan penting tentang Islam. Peserta juga akan berpeluang untuk mengaplikasikan kemahiran dakwah dalam sesi praktikal. Program satu tahun ini dijalankan dalam bahasa Inggeris dan mengenakan yuran komitmen iaitu \$120 Dollar atau \$10 Dolar pada setiap kursus. <https://www.darul-arqam.org.sg/dawah-awareness-training-programme-datp/>

2019 INTAKE

DA'WAH AWARENESS TRAINING PROGRAMME

HIGHER LEARNING PROGRAMMES

REGISTRATION OPENS NOW

**PROGRAMME INFORMATION**  
Da'wah Awareness Training Programme (DATP) is designed to train and equip aspiring Da'wah ambassadors with relevant knowledge and skills to present Islam confidently. Modules will be conducted by Islamic Scholars & communication experts.

**PROGRAMME HIGHLIGHTS**

- \* 1 year programme
- \* Muslims aged 18 & above
- \* Singapore-based
- \* Conducted in English
- \* Course fee \$120.00 for 12 modules
- \* Modules conducted once a month

**MODULES**

- \* Learning Journey
- \* Prophetic Methodology & Constitution Appreciation
- \* Da'wah Techniques & Approaches
- \* Community of Practice 1 & Field Practice
- \* Islamic History: Prophetic Era
- \* Islamic History: Arrival of Islam in South East Asia
- \* Islamic Knowledge: Intra-Faith in Islam
- \* Community of Practice 2 & Field Practice 2
- \* Islamic Knowledge: Misconceptions Towards Islam
- \* Study of Religions
- \* Presentation & Personal Communication Skills
- \* Community of Practice 3 & Interfaith Visit

For registration and more details, visit: [bit.ly/register-DATP2019](http://bit.ly/register-DATP2019)

MCAS  
Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam Singapore)  
www.mcas.sg | +65 6348 8344 | info@mcas.sg | 32 Onan Road, The Galaxy S(424484)  
facebook.com/darularqam.sg @darularqamsg

Rajah 4: Iklan Da'wah Awareness Training Programme

### Kedua: Dakwah di Hong Kong

Jumlah orang Islam di Hong Kong sekitar lebih 300 ribu orang. Sejak kedatangan tenaga kerja asal Indonesia (TKI), jumlah umat Islam di Hong Kong meningkat dengan signifikan. Sebahagian besar mereka terdiri dari Buruh Migran Indonesia (BMI), kemudian diikuti umat Islam dari Pakistan, India, Timur Tengah Malaysia dan Afrika.

## **Islamic Union of Hong Kong (IUHK)**

Islamic Union of Hong Kong Ia merupakan sebuah NGO yang ditubuhkan pada tahun 1900 oleh Umat Islam dari India dan Kepulauan Melayu yang menetap di Hong Kong, yang sebahagian besarnya terlibat dalam perdagangan. Pusat pengurusan dan aktiviti IUHK terletak di sebuah kompleks tujuh tingkat di Oi Kwan Road, Wan Chai iaitu di Pulau Hong Kong. Selain pejabat, kompleks ini mempunyai sebuah Masjid yang dinamakan dengan masjid Ammar, restoran, auditorium, klinik dan lain-lain. Ia bagaikan *one stop center* yang menempatkan semua urusan yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran umat Islam di Hong Kong. IUHK juga salah satu ahli pemegang amanah (Trustees) yang memayungi 5 buah masjid di pulau Hong Kong dan New Territory termasuk dua buah kubur untuk umat Islam.

Menurut Abdul Muhaimin (2021) yang merupakan Pegawai Dakwah di IUHK, orang Islam dari Indonesia yang berada di Hong Kong berjumlah 170 ribu orang iaitu lebih dari separuh orang Islam di Hong Kong yang berjumlah 300 ribu. Untuk menjaga kebajikan dan pengurusan dakwah kepada mereka, terdapat tiga organisasi induk yang dinaungi oleh Islamic Union of Hong Kong iaitu Persatuan Organisasi Muslim Indonesia Hong Kong (POSMIH), Persatuan Dakwah Victoria (PDV) dan Gabungan Buruh Migran Muslim Indonesia di Hong Kong (GAMMI). POSMIH menjalankan usaha dakwah dan menganjurkan kelas pengajian di Masjid Ammar dua minggu sekali manakala Persatuan Dakwah Victoria (PDV) mengadakan kuliah sebulan sekali iaitu pada minggu ketiga. Selain dari kelas, kedua organisasi ini menjalankan himpunan dakwah seperti qasidah, maulid dan sebagainya. GAMMI merupakan persatuan yang menumpukan kepada kebajikan pekerja khususnya dalam aspek perundangan.

### **Aktiviti dakwah dan bimbingan muallaf IUHK**

#### **1- Halaqah**

Ia merupakan pengajian yang diadakan Masjid Ammar pada hari setiap hari dan kehadiran bertambah lebih ramai pada hari Jumaat Sabtu dan Ahad. Ia dijalankan pada 1 dan 2 sesi yang melibatkan kehadiran mencecah 400 orang yang terdiri dari wanita Indonesia. Ia merupakan pengajian agama yang dianjurkan oleh IUHK. Selain itu, IUHK juga ada menyediakan kelas kemahiran seperti kemahiran menjahit dan memasak.

Oleh kerana masjid tidak dapat menampung kehadiran yang ramai ini, mereka mengadakan halaqah ini di bawah jambatan dan di sekitar bandar bandar Hong Kong terutamanya di sekitar Causeway Bay, Hong Kong. Hujung minggu merupakan hari cuti kepada BMI yang bekerja sebagai pembantu rumah. Program di sekitar bandar ini dianjurkan oleh Persatuan Organisasi Muslim Indonesia Hong Kong (POSMIH) dan Persatuan Dakwah Victoria (PDV).

## 2- Kelas agama untuk mualaf

Kelas agama diadakan dalam kumpulan yang kecil dan ia dibahagikan kepada tiga kategori peserta

### a. Kelas untuk mualaf dari Filipina

Ia dijalankan pada setiap hari Ahad yang dihadiri oleh peserta seramai 30-40 orang. Mereka mengikuti kelas itu secara sukarela dengan menggunakan perantaraan bahasa Inggeris/ Filipina dan ia terbuka kepada mereka yang berminat.

### b. Kelas untuk Orang Cina

Kelas pada hari Sabtu dikhususkan untuk orang yang belum masuk Islam dan baru mengenali Islam. Setiap satu sesi kelas selama 3 bulan dan selama 2 jam seminggu. Kehadiran pada setiap sesi sekitar 30 orang dan selepas setiap sesi kebiasaannya ada sekitar 5 orang yang memeluk Islam. Selebihnya mereka memeluk Islam pada masa-masa yang lain.

Kelas pada hari Ahad dikhususkan untuk Mualaf yang dihadiri oleh peserta sekitar 20 orang. Mereka mengikuti kelas itu secara sukarela dengan menggunakan perantaraan bahasa Kantonis dan ia terbuka kepada mereka yang berminat.

### c. Kelas untuk Orang Indonesia

Kelas ini dijalankan untuk orang Islam dari Indonesia menggunakan perantaraan bahasa Indonesia.

## 3- Kelas Online

Kelas secara online ada dilaksanakan pada setiap hari Sabtu pada jam 11-12 pagi yang disampaikan oleh Imam Masjid Ammar. Untuk Macau, kelas diadakan pada minggu keempat.

## 4- Penjelasan Islam

Sejak berlaku 11/9 banyak pihak yang meminta penjelasan tentang Islam dari IUHK. Mereka terdiri dari pelbagai kelompok agama, masyarakat, universiti, dan organisasi. Mereka datang ke IUHK untuk mendengar penjelasan dan selepas itu diajak mereka untuk mengikuti “Mosque Tour” iaitu lawatan masjid untuk melihat keadaan dan suasana masjid. Penjelasannya dibuat atas jemputan dari luar dan lawatan ke masjid untuk mendengar penjelasan tentang Islam. Kebiasaannya, lawatan ini datang dari kelompok pelajar yang purata kekerapannya ialah dua kali sebulan.

## **PENUTUP**

Dakwah merupakan aktiviti yang perlu dilakukan mengikut konteks yang bersesuaian dengan keadaan sosio politik dan sosio budaya sesebuah negara. Singapura adalah contoh pelaksanaan bimbingan mualaf dalam sebuah negara yang moden yang diperintah oleh bukan Islam. Pelaksanaannya yang tersusun sesuai dengan masyarakat Islam di negeri ini yang hidup dalam masyarakat kontemporari. Hong Kong adalah contoh pelaksanaan bimbingan mualaf dalam sebuah negara yang mempunyai ramai imigran dari Indonesia dalam kalangan wanita. Lebih separuh orang Islam di sana terdiri dari imigran khususnya Indonesia. Masing-masing mempunyai kelebihan dan keunikan yang tersendiri dalam pelaksanaan bimbingan kepada mualaf. Yang paling penting dari itu ialah kesungguhan orang Islam dalam melaksanakan tanggungjawab bimbingan ini ketika ada orang memeluk Islam dan berusaha untuk menyebarkan mesej Islam kepada semua manusia.

## **RUJUKAN**

Abdul Muhaimin Karim. 2021. Perkembangan Islam di Hong Kong. Temubual. 21 Julai.

Al-Qaradawi, Yusuf. 1996. *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Muassah al-Risalah.

Azman Ab Rahman, Nurul Shazwani Nordin, Muhammad Faiz Abd. Shakor, & Mohamad Anwar Zakaria. Nur Ain Syafiqah, Mohammad Naqib Hamdan. 2020. Kaedah Pengukuran Penentuan Status Mualaf kepada Mukalaf dalam Konteks Malaysia. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 7(2), 41–49.

Mohamad Abu Bakar Abdul Rahman. 2010. Metodologi Dakwah Rasulullah S.A.W. Di Peringkat Permulaan Di Mekah: Aplikasinya Di Singapura. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. 2018. Pengurusan Mualaf Di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan Dan Bukan Kerajaan. *Jurnal al-Abqari* 16, 133-155.

Laman Web

<https://www.darul-arqam.org.sg/>



**CABARAN PASCA KEMBALI  
KEPADA ISLAM DALAM  
KALANGAN MUALLAF DI  
MALAYSIA**

Dr. Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Pao

# **CABARAN PASCA KEMBALI KEPADA ISLAM DALAM KALANGAN MUALLAF DI MALAYSIA**

Dr. Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Pao  
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,  
Univerisiti Kebangsaan Malaysia  
[athiroh@ukm.edu.my](mailto:athiroh@ukm.edu.my)

## **ABSTRAK**

Muallaf adalah golongan minoriti yang terdapat di Malaysia. Dalam sepuluh prinsip Islam Hadhari, hak-hak kepada kumpulan minoriti seperti muallaf diberi perhatian. Hak-hak mereka dijamin oleh undang-undang negara. Jaminan tersebut meliputi nyawa, agama, harta, kehormatan dan akal ( *Maqasid al-Syariah* ). Kajian ini membincangkan senarion semasa muallaf dan cabaran pasca pemelukan Islam dalam kalangan muallaf di Malaysia. Kajian ini dilakukan dalam bentuk kajian kualitatif. Dalam kajian ini, data-data dikumpulkan dalam bentuk data atau huraian adalah menggunakan metod-metod seperti penyelidikan kepustakaan, analisa dokumentasi yang terdiri daripada bahan-bahan bertulis atau dokumen-dokumen dan menemubual terhadap responden secara bersemuka dan atas talian serta kaedah pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan menghadapi cabaran-cabaran pasca pemelukan Islam seperti cabaran cabaran spiritual penghayatan agama dan pengajian pendidikan tinggi, cabaran perkahwinan dan kekeluargaan, cabaran psikologi daripada keluarga, keluarga angkat dan masyarakat, cabaran penyesuaian diri, cabaran *role model*, cabaran pertikaian niat konversi, cabaran deraan fizikal dan emosi, cabaran kepincangan prinsip *one door policy*, cabaran salah faham masuk Melayu, Islam itu keganasan serta lain-lain isu. Implikasi kajian ini akan memberi input dan pengetahuan kepada pengkaji dan penggubal dasar untuk pembangunan dan pemeraksanaan muallaf di masa hadapan.

Kata kunci : cabaran, pasca, Islam, muallaf

## PENGENALAN

Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk dan pelbagai bangsa. Muallaf adalah mereka yang diizinkan hati mereka untuk menerima Islam dan telah melafazkan dua kalimah syahadah. Mereka merupakan golongan yang baru memeluk Islam. Pemberian zakat adalah bertujuan untuk memotivasikan dan memantapkan lagi keislamannya serta beramal dengan ajaran Islam. Manakala golongan Muslimin yang berkelayakan perlu memberi didikan dan bimbingan agama kepada mereka.

Merujuk Data Statistik Kemasukan Islam 2010 hingga 2018 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah keseluruhan pemeluk Islam bagi setiap negeri adalah sebanyak 89.102 orang. Daripada jumlah tersebut, 20,115 muallaf dari negeri Sabah merupakan jumlah tertinggi mendahului negeri-negeri lain di Malaysia. Hasil daripada pergaulan dan interaksi sesama kaum dalam masyarakat, maka berlaku konversi atau proses memeluk Islam. Selepas melafazkan dua kalimah syahadah, segala tuntutan syarak Islam ditaklifkan ke atas diri mereka mengikut tahap kefahaman dan penguasaan agama mereka. Perkataan muallaf disebut hanya sekali dalam al-Quran di dalam surah al-Taubah ayat 60: Firman Allah SWT:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ

قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَامِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً

مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Maksud: " Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang diizinkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk ( dibelanjakan pada ) jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir ( yang keputusan ) dalam perjalanan. ( Ketetapan hukum yang demikian itu ialah ) sebagai satu ketetapan ( yang datangnya ) daripada Allah SWT. Dan ( ingatlah ) Allah SWT amat mengetahui lagi amat bijaksanan " (Surah al-Taubah 9: 60 ).

Pelbagai faktor pemeluk Islam dalam kalangan Muallaf. Implikasi dari faktor pemilihan agama Islam sebagai anutan turut memberi kesan kepada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh muallaf pada pasca pemeluk Islam. Situasi ini sangat membimbangkan kepada muallaf di awal pemeluk Islam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam konteks penyelidikan, metodologi merupakan langkah-langkah atau kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mencari, mengumpul dan menganalisis data bagi mencari jawapan atau penyelesaian berdasarkan objektif yang telah digariskan oleh pengkaji dalam menjalankan sesebuah penyelidikan. Untuk memulakan sesuatu kajian, rekabentuk kajian memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan pelaksanaan kajian mengikut landasan penyelidikan yang betul. Dalam kajian ini penyelidik mengaplikasikan kajian kualitatif melalui pendekatan kajian kes sebagai rekabentuk kajian.

## **SENARIO SEMASA PERKEMBANGAN MUALLAF DI MALAYSIA**

Ku Md Ali b. Hj. Ku Ramli ( 1997 ), dalam tesisnya yang bertajuk *Dakwah Kepada Saudara Baru: Satu Kajian Mengenai Pendekatan dalam Aspek Bimbingan dan Kebajikan* memetik penulisan Siddiq Fadzil ( 1995: 3 ) dalam kertas kerjanya *Eksperimen Pendakwaan di Alam Melayu: Suatu Tinjauan Evaluatif dalam membincangkan perkembangan muallaf di rantau Melayu*. Di mana Siddiq Fadzil ( 1995: 3 ) berpendapat bahawa proses pengislaman dilakukan secara subtitle dan gradual iaitu secara halus dan beransur-ansur. Ini bererti masyarakat yang memeluk Islam tidak merasa dalam keadaan terpaksa dan terbeban dalam meninggalkan amalan kebiasaan mereka dan memeluk agama Islam. Begitu juga statistik muallaf di Malaysia tidak dapat diketahui dengan tepat kerana keselarasan jumlah pengislaman antara sesebuah negeri dengan negeri lain masih dalam proses kemaskini. Jumlah keseluruhan muallaf di Wilayah Persekutuan dari tahun 1980 hingga 1993 ialah seramai 4350 orang daripada 57940 orang jumlah keseluruhan saudara baru di Malaysia pada tahun tersebut ( Statistik Sistem Maklumat Islam ( SISMI ), Pusat Islam Kuala Lumpur ). Manakala merujuk di laman web <http://www.islam.gov.my/>, statistik saudara baru di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dari tahun 1994 hingga 2004 iaitu dalam tempoh sepuluh tahun, jumlah muallaf telah meningkat kepada 6695 orang. Statistik muallaf juga merupakan dokumen penting yang dirahsiakan oleh pihak jabatan agama. Data terkini merujuk Data Statistik Kemasukan Islam 2010 hingga 2018 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah keseluruhan pemeluk Islam bagi setiap negeri adalah sebanyak 89.102 orang. Ini menunjukkan peningkatan yang baik dan bimbingan serta perkaderan kepada muallaf perlu dititikberatkan demi kefahaman pengamalan Islam pada pasca pemelukan muallaf.

Melihat kepada senario berhubung dengan muallaf juga sering dibicarakan pada akhir-akhir ini. Kesedaran masyarakat mengenai beberapa perkara seperti kepentingan muallaf dalam dakwah Islamiah, permasalahan muallaf dan pembangunan dalam segala aspek kehidupan telah memberi satu impak membawa kepada usaha pembangunan muallaf perlu digiatkan. Dengan harapan agar muallaf juga setanding dengan masyarakat Muslim lain.

Pelbagai isu seperti persoalan faktor memeluk Islam, pertikaian niat suci muallaf memilih Islam sebagai anutan menjadikan muallaf yang masih di peringkat awal mengucapkan kalimah syahadah begitu keliru dan kecewa dengan situasi sedemikian. Tambahan pula, setelah memeluk Islam, muallaf yang seharusnya diberikan perhatian dan bimbingan agama Islam demi untuk mengukuhkan pegangan akidahnya sering diabaikan oleh segelintir masyarakat Muslim. Muallaf dikatakan menyusahkan masyarakat kerana sering naik turun pejabat zakat untuk mendapatkan bantuan zakat asnaf muallaf yang sewajarnya menjadi haknya. Isu perebutan jenazah, cabaran undang-undang bagi muallaf bawah umur 18 tahun, kehilangan pekerjaan setelah memeluk Islam, kehilangan hak tuntutan harta pusaka dan penyingkiran oleh keluarga kandung serta sikap monopoli keluarga angkat telah memberi tekanan yang hebat kepada muallaf itu sendiri. Layanan yang tidak berhikmah oleh masyarakat benar-benar mengusik hati kecil saudara baru dan ada sebahagian mereka memilih untuk kembali kepada agama asal. Pasca perkahwinan muallaf dengan pasangan yang tidak sekufu dan tidak memberi bimbingan yang baik kepada muallaf merupakan isu utama kini yang menjadi perhatian masyarakat. Muallaf juga bercita-cita tinggi untuk meneruskan pengajian tinggi dan memiliki sijil pengajian yang selayaknya. Fenomena ini perlu diberi perhatian oleh semua masyarakat Muslim dalam membimbing dan memberi contoh teladan yang baik kepada muallaf.

Namun yang demikian, menurut Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin yang ditemubual penulis pada 15 Ogos 2008 memberikan pandangan muallaf juga berperanan dalam kehidupan sosial masyarakat dalam mengamalkan tatacara dan kebudayaan mereka selagi ianya tidak bercanggah dengan syariat Islam serta terus meneruskan hubungan baik kekeluargaan antara diri mereka dengan keluarga kandung dan juga sanak saudara yang lain. Misalnya, pada perayaan Tahun Baru Cina, muallaf boleh turut meraikan bersama keluarga kandung kerana perayaan tersebut merupakan perayaan kebudayaan dan tidak melibatkan penyembahan yang dilarang dalam ajaran Islam. Begitu juga sejak akhir-akhir ini, saudara baru sama ada berbangsa Cina Muslim, India Muslim, Orang Asli Muslim, Kadazan Muslim, Iban Muslim dan Siam Muslim mempunyai kesedaran akan kepentingan mereka dalam dakwah Islamiah. Kepentingan muallaf dalam berdakwah berdasarkan kebolehan berbahasa, pemahaman dalam adat dan budaya bangsa, berpengetahuan dalam pendekatan yang sesuai untuk berdakwah kepada kaum mereka sendiri dan juga mengetahui pantang

larang dalam kehidupan. Oleh itu, muallaf dan juga pendakwah-pendakwah perlu berganding bahu dalam memastikan usaha dakwah Islamiah dapat dilaksanakan dengan sistematik dan tercapai matlamat dakwah itu sendiri ( Fariza Md Sham, Anuar bin Puteh & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao 2008: 2-3 ). Dalam dunia cabaran Pandemik Covid 19 ini, penggunaan media secara digital menjadi keutamaan untuk muallaf untuk meneruskan usaha dakwah mereka kepada masyarakat.

## **ANALISIS CABARAN PASCA KEMBALI KEPADA ISLAM DI KALANGAN MUALLAF DI MALAYSIA**

Pada hakikatnya halangan, rintangan serta cabaran pasca kembali kepada Islam dalam kalangan muallaf di Malaysia. Perkaranya ini berlaku lantaran sesuatu perubahan atau tindakan pada pemikiran dan kelakuan.

Menurut Faudzinaim Hj Badaruddin (2005: 114), secara umumnya cabaran-cabaran yang dihadapi oleh muallaf boleh dilihat daripada dua sudut iaitu, cabaran dalaman dan cabaran luaran. Cabaran dalaman yang dihadapi oleh muallaf ialah kesan spiritual dan tekanan psikologi sebelum memeluk Islam dan setelah memeluk Islam. Antaranya ialah tekanan spiritual untuk mencari dan memiliki kebenaran dan agama yang benar. Keduanya tekanan psikologi terkesan melalui bantahan keluarga sebelum dan sesudah memeluk Islam. Ketiganya tekanan psikologi untuk menyesuaikan diri dengan muallaf dan seterusnya keperluan untuk menjadikan diri sebagai role-model ( Faudzinaim Hj Badaruddin 2005: 114-116 ). Pengalaman pengkaji juga membenarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Faudzinaim kerana ia hampir menepati cabaran-cabaran yang perlu dilalui oleh muallaf jika ditinjau dari sudut dalaman. Pengkaji mendapati cabaran motivasi diri muallaf pasca kembali kepada Islam turut menjadi isu utama untuk muallaf melalui kehidupan sebagai seorang Muslim.

Menurut Faudzinaim Hj Badaruddin (2005: 117-118), cabaran luaran lebih menjurus kepada perkara-perkara yang muncul daripada luar diri muallaf itu sendiri dan sekaligus telah memberi kesan yang amat mendalam. Cabaran-cabaran luaran dapat dilihat daripada persepsi penerimaan masyarakat Islam melalui perkahwinan terutamanya masyarakat Melayu. Mereka mempertikaikan tujuan muallaf memeluk Islam dengan mengandaikan bahawa muallaf memeluk Islam disebabkan faktor perkahwinan. Keadaan ini membuatkan saudara baru merasa sedih dan kecewa. Keduanya tentangan yang diberikan oleh ibu bapa dan ahli keluarga muallaf, kaum keluarga dan anggota masyarakat yang hampir dengan mereka. Manakala yang selebihnya ialah cabaran dilihat daripada soal bantuan yang ditawarkan kepada muallaf daripada segi kewangan, pekerjaan dan juga tempat tinggal. Di samping itu,

muallaf di awal pengislamannya setelah mendapat tentangan keluarga dan diberhentikan kerja oleh majikan juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi meringankan beban masalah yang mereka hadapi. Melihat kepada cabaran-cabaran dalaman serta luaran yang dihadapi oleh muallaf maka tidak mustahillah mereka juga berkemungkinan besar akan mengalami tekanan daripada segi psikologi seperti kemurungan, kekeliruan, kerisauan dan kegelisahan yang tinggi, stress dan lebih dari itu ialah hilang akal seperti yang pernah pengkaji temui sebelum ini.

Memetik bahan penulisan dari kertas kerja oleh Fariza Md Sham, Anuar bin Puteh & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao (2008: 18-22) dalam kertas kerja yang bertajuk Cabaran Saudara Kita: Kajian Dari Aspek Psikologi yang telah dibentangkan dalam Seminar Dakwah, Kerohanian dan Qiadah pada 24 Januari 2008 di Residen Hotel, UNITEN. Pengkaji menggariskan beberapa tekanan kejiwaan atau cabaran psikologi yang perlu dihadapi oleh muallaf. Maklumat tentang tekanan kejiwaan ini juga berdasarkan pengalaman-pengalaman muallaf yang mendapat bimbingan kelas fardhu ain dan khidmat nasihat serta bantuan kebajikan dari Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Cabaran-cabaran psikologi yang sering dihadapi oleh muallaf adalah seperti berikut;

### **Cabaran Spiritual Penghayatan Agama dan Pengajian Pendidikan Tinggi**

Fitrah semulajadi manusia berkehendak kepada agama. Tidak kira apa bangsa sekalipun fitrah beragama merupakan agenda utama dalam mengatur kehidupan dunia mereka. Agama Islam merupakan agama yang benar di sisi Allah SWT dan mempunyai garis panduan peraturan hidup yang lurus lagi jelas melalui sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Agama Islam adalah agama yang dibawa oleh para Rasul. Para Rasul telah mengajak manusia ke jalan Allah SWT Mereka telah menyampaikan risalah yang sama dan dakwah yang sama iaitu mengesakan Allah SWT ( Nur A'thiroh Masyaa'il Tan 2005: 77 ).

Dalam kajian psikologi menunjukkan bahawa dalam diri manusia secara semulajadi mempunyai satu motivasi yang akan mendorongnya mencari kehakikian sesuatu kebenaran sehingga ia berpuas hati dengan pencapaian tersebut. Dalam soal mencari kebenaran agama, seseorang yang *Non Muslim* akan membuat analisa dan melakukan penilaian terhadap kebenaran sesuatu agama yang sesuai dengan fitrah semulajadinya. Akhirnya, apabila telah dikenalpasti sesuatu agama yang memberi ketenangan jiwanya, maka ia akan meneruskan pencarian sehingga akhirnya mendapati bahawa agama Islam menepati fitrah semula jadi manusia berkehendakkan

ketuhanan yang hak dan beramal dengan ajaranNya sehingga dirinya merasai ketenangan dan kebahagiaan yang mutlak. Sepanjang proses pencarian kebenaran sesuatu agama itu, muallaf akan menghadapi situasi kesamaran, ketidakyakinan, kekeliruan dan kesangsian dalam diri mereka yang akhirnya membawa kepada cabaran spiritual dalam pencarian dan menentukan agama yang seiring dengan fitrah semulajadi. Peristiwa ini berlaku kepada Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao yang meminati ajaran Islam sejak di bangku sekolah menengah.

Hasil temuramah dengan salah seorang saudara baru pada Julai 2007 di Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu saudara Izzud Deen Abdullah @ Rano juga didapati beliau cuba mengenal Islam sebelum melafazkan dua kalimah syahadah. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kisah saudara baru Mohamad Dharmalingam yang memeluk Islam pada 27 April 1979. Beliau ditemuramah oleh Noorzila Jamaludin dari majalah Al-Islam keluaran Disember 1994. Kisah Mohamad Dharmalingam mengecapi nikmat memeluk Islam setelah sekian lama dia mencari kebenaran Islam itu sendiri iaitu sejak dari kecil beliau sering menyebut perkataan " Ahad " dan setelah di bangku sekolah baru beliau faham maksud " Ahad " hasil daripada penjelasan seorang ustaz. Setelah bapanya mengetahui akan minat Mohamad Dharmalingam terhadap Islam, beliau didera dan dihalau dari rumah. Beliau terus merantau mencari ilmu Islam dalam keadaan keluarganya tidak dapat menerima hakikat beliau memeluk Islam.

Lazimnya muallaf yang mempunyai cita-cita yang tinggi akan meneruskan pengajian di peringkat tinggi dalam pengkhususan agama. Muallaf ini berusaha untuk mendapatkan pusat pengajian untuk membolehkan mereka merealisasikan impian untuk memiliki sijil dan ijazah. Namun demikian, menurut Muhammad Firdaus Abdullah (2019), kekangan kewangan sedikit sebanyak telah melunturkan semangatnya untuk meneruskan pengajian. Semangat untuk belajar menjadi luntur dalam semangat yang tinggi untuk memiliki segulung ijazah. Manakala menurut Siti Aisyah (2021), tinggi minatnya untuk mempelajari agama ke peringkat tinggi, namun beliau menghadapi masalah ketika mana beliau ingin mendalami al-Quran namun tiada pembimbing yang dapat mengajarnya. Akhirnya semangat tinggi telah menyebabkan beliau kerisauan kerana tidak dapat menguasai pembacaan al-Quran

### **Cabaran Perkahwinan dan Kekeluargaan**

Dalam statistik perceraian pasangan Islam sama ada muallaf dan pasangan Islam menunjukkan dalam tempoh lima tahun lalu peningkatan begitu ketara iaitu daripada 43,749 kes pada 2011 kepada 53,870 kes pada 2014, naik sebanyak 10,121 kes (<http://www.kosmo.com.my/>). Malahan peningkatan isu ini dapat dilihat di mana



Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia mencatatkan 59,712 kes perceraian pada 2014, 63,463 pada 2015 dan 48,077 sehingga 10 Julai, 2016. Ia menyaksikan Selangor mencatatkan kes tertinggi dalam tempoh tiga tahun iaitu 30,901 kes ([www.themalaysianinsight.com](http://www.themalaysianinsight.com)) dalam kes perceraian. Isu ini amat memberi impak kekhawatiran yang tinggi dalam kalangan muallaf dalam menghadapi perkahwinan dengan pasangan.

Pelbagai faktor telah menyebabkan pada pasca pemeluk Islam dalam kalangan muallaf menghadapi cabaran perkawinan dan masalah kekeluarga. Di antaranya faktor kewangan, ketidakfahaman dalam perbezaan adat dan budaya, keketekan agama pada pasangan asal Islam dan masalah sosial yang berlaku pada pasangan seperti penagihan dadah, berjudi dan jenayah seperti mencuri dan merompak.

Nur A'thiroh Masyaa'il Tan (2017: 122) dalam temubualnya dengan Siti Aisyah Edden yang bercerai membuktikan bahawa tiadanya didikan dan bimbingan agama dari pasangan terutamanya muallaf wanita yang berkahwin dengan lelaki Muslim telah menjadi faktor berlakunya perceraian. Menurut Aisyah, bekas suaminya tidak pernah mengajarnya untuk menunaikan kewajipan solat, apalagi mengajar cara hidup sebagai seorang Muslim. Dengan cabaran hebat ini akhirnya demi mengukuhkan pegangan agamanya, beliau memilih jalan perceraian sebagai solusi kepada kemelut rumahtangganya.

Begitu cabaran ketika mana masalah kewangan yang berlaku pada pasangan terutama pihak suami memberi kesan kepada kebahagiaan keluarga. Lantaran dari itu tekanan yang dihadapi dan akhirnya pasangan mencari jalan penyelesaian dengan mengambil dadah. Apabila pasangan mengambil bahan terlarang ini maka akan berlaku keruntuhan dalam rumahtangga seperti memukul pasangan, mencuri, merompak dan menipu. Keganasan rumahtangga ini akhirnya memberi kesan negatif kepada muallaf di mana sekiranya muallaf ini di awal syahadahnya dan mereka belum mantap dan kukuh pegangan agamanya akan memilih untuk keluar daripada agama Islam. Muallaf ini akan fail ke mahkamah syariah untuk menuntut keluar dari Islam. Pengalaman pengkaji menguruskan kes-kes permohonan murtad membuktikan kebanyakan muallaf pohon untuk keluar Islam adalah disebabkan kegagalan dan keganasan yang berlaku dalam rumahtangga dan mereka tidak mempunyai support system yang kuat untuk menghadapi kemelut yang berlaku.

Kepelbagaian kaum dan etnik di Malaysia telah mewarnai kehidupan yang unik dan harmoni. Setiap kaum mempunyai ciri khas tersendiri dan ianya secara tidak langsung turut membentuk pribadi dan kelakuan seseorang individu. Perbezaan adat dan budaya berlaku kepada pasangan yang berasal dari latar belakang kaum yang

berlainan antara satu sama lain. Apabila pasangan tidak toleransi dalam menerima adat dan budaya yang tidak bertentangan muallaf maka ketidakfahaman akan berlaku dan muallaf akan menghadapi cabaran penyesuaian diri dengan pasangannya.

Cabaran perkahwinan dan konsep kekeluargaan yang semakin pincang dalam sistem kekeluargaan muallaf akhirnya telah mengakibatkan persepsi non Muslim kepada konsep kekeluargaan dalam Islam yang begitu lemah dan tidak menjadi contoh teladan.

### **Cabaran Psikologi Daripada Keluarga, Keluarga Angkat dan Masyarakat**

Realitinya pelbagai cabaran yang harus ditempuhi oleh muallaf semasa dan selepas memeluk agama Islam. Di antaranya pengalaman pengkaji mendapati tentangan yang hebat daripada keluarga kandung yang belum konversi. Sikap pemuluan ke atas diri muallaf, kenyataan tidak mengakui anak kandung oleh bapa, tidak dibenarkan pulang ke rumah dan putusanya segala perhubungan sama ada daripada segi kekeluargaan, kewangan dan hubungan sosial yang lain, benar-benar mengganggu emosi dan seterusnya menyebabkan tekanan perasaan di awal pengislaman.

Kebiasaannya muallaf berkonversi dipersepsikan dengan kerana faktor untuk mendapatkan kemudahan kewangan telah meninggalkan kesan begitu mendalam kepada diri mereka. Segala tohmahan dan sangkaan kurang baik tersebut membuatkan muallaf berusaha untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa harta kekayaan dan wang serta kemewahan bukan unsur terpenting dalam kehidupan, tetapi ilmu yang membentuk peribadi dan membawa kepada ketaqwaan kepada Allah SWT lebih tinggi nilai daripada segalanya. Tidak kurang juga, segelintir masyarakat Melayu Islam menganaktirikan muallaf ekoran daripada membezakan bangsa dan kaum serta dianggap muallaf menyusahkan masyarakat. Senario semasa juga menunjukkan bila mana muallaf mencapai kejayaan dan kecemerlangan ianya turut mendapat tekanan dari individu atau masyarakat kerana iri hati dengan pencapaian muallaf berkenaa.

Cabaran pasca pemelukan Islam muallaf turut datang daripada keluarga angkat. Keluarga angkat perlu memahami keperibadian anak angkat yang berstatus muallaf, memahami adat resam mereka yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam untuk diamalkan, memberi kebebasan kepada muallaf untuk membuat pilihan dalam kehidupannya dan yang utama ialah mengajar ajaran Islam seperti fardhu ain dan menunjukkan contoh teladan yang baik kepada mereka dan usaha ini akan memberi impak positif agar muallaf terus maju bermotivasi untuk mendalami ajaran Islam, menghayatinya dan seterusnya mengaplikasikannya dalam segenap kehidupan. Sikap irihati dan hasad dengki kepada muallaf yang berusaha memajukan kehidupan agar

lebih baik daripada sebelumnya juga perlu dijauhi oleh masyarakat. Masyarakat sepatutnya memberi dorongan, sokongan, nasihat dan motivasi kepada mereka agar lebih maju ke hadapan. Perkara ini penting kerana muallaf juga merupakan salah satu agen utama dan mempunyai kepentingan dalam dakwah Islamiyyah.

Anuar Puteh ( 2008: 35 ) menyatakan dalam bukunya Bimbingan Al-Quran Saudara Baru di Lembah Klang, secara umumnya masyarakat Cina beranggapan bahawa menukar agama kepada agama Islam adalah satu perbuatan yang amat dibenci kerana mereka beranggapan bahawa agama Islam hanya untuk orang Melayu. Ini dikira sebagai satu pengkhianatan kepada keturunan dan perjuangan bangsa Cina kerana bagi mereka ia adalah satu keputusan memutuskan ikatan kekeluargaan atau keturunan. Oleh itu, sebahagian muallaf disingkir, disisih oleh keluarga dan masyarakat mereka.

Dalam majalah Al-Islam keluran Januari 1994, Pemangku Pengerusi Islamic Outreach ABIM ( IOA ), Mohd Asri Abdul menyatakan secara umumnya masyarakat Islam Melayu khususnya perlu menerima muallaf. Bagaimanapun, mereka tidak bersedia menjadi rapat sehingga sanggup mendengar rintihan mereka. Masyarakat Islam perlu dilatih untuk menerima muallaf yang baru memeluk Islam dengan hikmah. :Perkara ini turut diakui oleh Muhammad Firdaus Toh (2020) yang menyatakan masyarakat perlu membantu muallaf untuk mengecapi kejayaan dan perlu ketepikan prejudis kepada mereka. Oleh itu masyarakat perlu untuk menguasai ilmu dan pengalaman dalam membimbing dan mendidik muallaf supaya mereka terus bersemangat dan konsisten dalam mendalami agama Islam dan mengajar kepada masyarakat mereka kelak.

### **Cabaran Penyesuaian Diri**

Setelah seseorang muallaf memeluk Islam, maka akan wujud sesuatu perubahan dalam dirinya dan sudah pasti menzahirkan perbezaan-perbezaan dalam kehidupannya. Ini bermakna sebelum dan selepas pemelukan ke agama Islam saudara baru akan menghadapi corak dan gaya kehidupan sebagai seorang Muslim. Seseorang Muslim ia ditaklifkan dengan segala hukum syarak setelah selesai mengucap dua kalimah syahadah. Pada sebahagian muallaf yang baru memeluk Islam, segelintir masyarakat Melayu Muslim memberi bimbingan utama dengan mengubah cara kehidupan muallaf. Misalnya, menyediakan pakaian baju kurung bagi muallaf wanita, mengajar memakai kain sarong, mendidik makan dengan tangan, tidak boleh makan dengan menggunakan sepit, memakai jubah dan serban, tidak perlu ziarah atau menyambut perayaan seperti Tahun Baru Cina. Dengan situasi sebegini jelas masyarakat tidak cuba memahami bahawa kemungkinan wujudnya sensitiviti di kalangan muallaf kerana

perlu mengubah segala cara dan gaya kehidupannya selama ini yang mana perbuatan dan pemakaian tersebut tidak bertentangan dengan tuntutan agama.

Ketika pengkaji berkesempatan menemubual Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin (Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia ) pada 15 Ogos 2008 yang lalu, beliau memberikan pandangan bahawa muallaf juga berperanan dalam kehidupan sosial masyarakat dalam mengamalkan tatacara dan kebudayaan mereka selagi ianya tidak bercanggah dengan syariat Islam serta terus meneruskan hubungan baik kekeluargaan antara diri mereka dengan keluarga kandung dan juga sanak saudara yang lain. Misalnya, pada perayaan Tahun Baru Cina, muallaf boleh turut meraikan bersama keluarga kandung kerana perayaan tersebut merupakan perayaan kebudayaan dan tidak melibatkan penyembahan yang dilarang dalam ajaran Islam. Pengkaji mendapat dorongan, nasihat dan motivasi daripada beliau setelah sekian lama tenggelam dengan perasaan takut dan khuatir untuk pulang menziarahi kedua ibu bapa yang belum Islam. Dengan kata-kata nasihat berunsur dakwah dan sokongannya, penulis dapat pulang menziarahi keluarga kandung dan mereka begitu positif menerima kembali pengkaji yang pernah mereka tidak mengaku anak sebelum ini.

Cabaran penyesuaian diri muallaf ini dikuatkan lagi dengan kenyataan daripada Setiausaha Agung Kehormat Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia ( PERKIM ), Tuan Haji Yaakob Lazim yang dipetik dari majalah Al-Islam keluaran Januari 1994. Beliau mengulas: " Perasaan tidak selesa saudara-saudara baru di kalangan masyarakat Islam, khususnya orang Melayu mungkin disebabkan sikap orang Melayu sendiri. Ramai orang kita tidak melihat kesejagatan Islam. Kita terlalu menghubungkan diri ( associate ) dengan Islam, sehingga ada yang merasakan saudara-saudara baru yang tidak mengamalkan budaya Melayu diragui keislamannya." Tambah beliau lagi kurangnya kefahaman mengenai kesejagatan Islam di kalangan masyarakat Islam negeri ini telah menimbulkan salah faham di kalangan muallaf serta orang bukan Islam.

Ulama feqah yang melihat sesuatu dari sudut hukum hakam dan menekankannya secara mendadak kepada muallaf , namun ulamak dakwah mengutamakan soal keyakinan sehingga mereka sendiri merasakan mereka patut meninggalkan larangan Islam tanpa paksaan. Pendakwah terkenal Hussein Yee yang turut memberikan pandangan dalam hal ini bahawa ketidakmampuan masyarakat Islam membezakan budaya dengan agama membuktikan sempitnya kefahaman mereka terhadap agama sendiri dan boleh menimbulkan fitnah terhadap Islam. Beliau menasihati masyarakat Islam khususnya orang Melayu perlu bersikap terbuka dan sedia berkongsi Islam bersama masyarakat bukan Islam yang berpotensi menjadi saudara baru.

Oleh yang demikian, situasi ini benar-benar menimbulkan persoalan dalam minda muallaf dan pastinya mengecewakan mereka sekiranya perkara ini berterusan tidak mustahil akan wujud pertikaian dalam kalangan muallaf akan keutamaan dalam memberi didikan selepas mereka memeluk Islam. Persoalan yang sering timbul adalah " keluarga angkat tidak mengajar cara solat, cara berwudhu dan bacaan al-Quran ", sebaliknya perkara yang tidak sepatutnya diutamakan dilakukan. Tekanan penyesuaian sendiri muallaf yang berterusan akan memberi kesan negatif dalam pemantapan aqidah mereka dan seterusnya kepada penghayatan dan pengamalan ajaran Islam.

### **Cabaran role-model**

Role-model dapat difahami sebagai contoh ikutan yang baik. Faudzinaim Hj Badaruddin ( 2005: 116 ) menyatakan bahawa saudara baru perlu menyedari akan perhatian masyarakat, sama ada masyarakat Muslim dan Non Muslim ke atas setiap perbuatan dan pergerakan mereka. Oleh yang demikian, walaupun perhatian sedemikian menjadi beban kepada muallaf , ia perlu bersedia dari segi mental dan kekuatan emosi untuk menjadi bahan pandangan masyarakat.

Menurut beliau lagi, sekiranya muallaf memberi contoh teladan yang baik dalam masyarakat, maka ianya akan memberi impak yang positif terutamanya kepada dakwah Islamiah kepada masyarakat non Muslim. Malahan jika sebaliknya, sikap negatif daripada saudara baru akan memberi pandangan buruk khususnya kepada masyarakat non Muslim dan seterusnya mereka beranggapan bahawa agama Islam sama sahaja dengan agama-agama lain. Namun mereka lupa bahawa individu Islam dan ajaran Islam itu dua perkara yang tidak boleh disatukan untuk memberi tohmahan kepada Islam keseluruhannya. Perkara-perkara ini sedikit sebanyak akan memberi tekanan kepada muallaf yang baru menyesuaikan diri dengan ajaran Islam dan dalam masa yang sama, masyarakat menuntut penonjolan sebagai role-model.

Cabaran contoh teladan menjadi tunggak utama muallaf mempelajari dan mengamalkan akhlak mulia. Kepincangan akhlak dan personaliti segelintir umat Islam telah mengakibatkan muallaf keliru dalam memilih identiti Muslim yang baik untuk dijadikan teladan dalam kehidupan. Perasaan kekecewaan kerap terjadi kepada muallaf ekoran tipisnya akhlak mulia pada peribadi Muslim.

## **Cabaran Pertikaian Niat Konversi**

Pertikaian niat memeluk Islam muallaf merupakan salah satu cabaran dalaman yang dihadapi oleh mereka. Pada pengalaman dan pemerhatian pengkaji sebilangan individu mempertikaikan tujuan muallaf memeluk Islam dengan mengandaikan bahawa mereka memeluk Islam disebabkan faktor perkahwinan dan faktor-faktor kepentingan tertentu. Keadaan ini membuatkan muallaf merasa sedih dan kecewa. Sebahagiannya pula cuba mengaitkan muallaf memeluk Islam untuk mendapatkan segala keistimewaan seperti harta benda, zakat, pengkat dan kuasa. Pertikaian niat konversi muallaf dalam soal untuk mendapatkan bantuan kewangan atau zakat daripada Baitulmal yang tidak dapat dipastikan kebenaran tersebut kerana kebanyakan muallaf ketika memeluk Islam tidak mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan sistem zakat yang boleh membantu mereka. Oleh yang demikian, pertikaian niat konversi ke atas muallaf tidak perlu ditimbulkan, kerana yang lebih utama dalam dakwah ialah mengislamkan dan seterusnya memberi bimbingan dan panduan serta menjadi role-model yang boleh membantu pementapan dan pengukuhan pengislaman muallaf.

Dalam petikan dari majalah Al-Islam keluran Januari 1994, pendakwah terkenal Hussein Yee berkata masyarakat Islam umumnya berprasangka terhadap niat seseorang yang baru memeluk Islam. Perkara ini merupakan cabaran-cabaran dipermulaan beliau memeluk Islam. Masyarakat Islam bersikap prejudis dan mempersoalkan keikhlasannya memeluk Islam. Malah ada yang menyangka beliau berbuat demikian untuk mendapatkan keistimewaan-keistimewaan tertentu.

Jelas bahawa muallaf kekadang menghadapi cabaran perasaan dan emosi yang dasyat selepas memeluk Islam. Perbuatan mempertikaikan niat muallaf mengucapkan dua kalimah syahadah dan menjadi Muslim akan menimbulkan kekeliruan, ketidakselesaian, kehilangan tempat mengadu dan akhirnya mereka akan beranggapan agama Islam sebagai agama yang susah.

## **Cabaran Deraan Fizikal dan Emosi**

Dalam sudut lain, tentangan yang diberikan oleh ibu bapa dan ahli keluarga muallaf, kaum keluarga dan anggota masyarakat yang hampir dengan mereka. Cabaran bukan sahaja dari aspek emosi dan mental, tetapi juga kesan akibat dari deraan fizikal. Misalnya, muallaf dikurung dalam bilik dan rumah, dipukul dan sebagainya. Semua itu dilakukan oleh keluarga yang menentang konversi mereka. Muallaf memerlukan bantuan dan bimbingan Muslim agar mereka menemui jalan keluar kepada penyelesaian masalah yang dihadapi. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kisah

saudara baru Mohamad Dharmalingam yang memeluk Islam pada 27 April 1979 ketika ditemuramah oleh Noorzila Jamaludin dari majalah Al-Islam keluaran Disember 1994. Kisah beliau mengecapi nikmat memeluk Islam setelah sekian lama dia mencari kebenaran Islam itu sendiri iaitu sejak dari kecil berminat dengan ajaran Islam. Setelah bapanya mengetahui akan minat Mohamad Dharmalingam terhadap Islam, beliau didera dan dihalau dari rumah. Beliau terus merantau mencari ilmu Islam dalam keadaan keluarganya tidak dapat menerima hakikat beliau memeluk Islam.

Perbuatan penderaan ke atas emosi dan fizikal muallaf sedikit sebanyak meninggalkan kesan psikologi dalam diri mereka. Muallaf memerlukan nasihat, sokongan dan dorongan masyarakat Islam yang lain agar mereka tidak mudah putus asa dalam Islam dan kembali berbuat baik dengan keluarga kandung.

### **Cabaran Kepincangan Konsep " One Door Policy "**

Dalam aspek lain dilihat daripada soal bantuan yang ditawarkan kepada muallaf daripada segi kewangan, pekerjaan dan juga tempat tinggal di awal dan pertengahan pasca pemeluk Islam. Di samping itu, muallaf mengalami kesukaran untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi meringankan beban masalah yang mereka hadapi. Pelbagai persoalan dan beberapa peringkat pengurusan pentadbiran yang dirasakan amat rumit untuk muallaf lalui sebelum mendapat bantuan zakat khususnya. Sikap sedemikian memberi satu persepsi yang kurang baik kepada saudara baru dan ia akan menjejaskan imej Islam itu sendiri selain daripada meninggalkan kesan kekecewaan kepada muallaf.

Dari aspek pengurusan pendaftaran dan syahadah seseorang muallaf turut terkesan dengan birokrasi yang merumitkan muallaf untuk mengurus syahadah dan pendaftaran pengislaman mereka. Sistem pengurusan yang praktikal dan profesional akan memberi kemudahan kepada muallaf untuk menguruskan segala dokumentasi dan bantuan mudah cara untuk membantu muallaf yang kurang upaya perlu menjadi keutamaan.

Melihat kepada cabaran-cabaran dalaman serta luaran yang dihadapi oleh muallaf maka tidak mustahillah mereka juga berkemungkinan besar akan mengalami tekanan daripada segi psikologi seperti kemurungan, kerisauan dan kegelisahan yang tinggi, stress dan lebih dari itu ialah hilang akal.

## **Cabaran Salah Faham**

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan membentuk masyarakat majmuk yang terdiri daripada bangsa Cina, India serta bangsa-bangsa yang lain. Masyarakat Non Muslim mempunyai persepsi ke atas mereka yang memeluk Islam. Pengalaman pengkaji sendiri mendapati di antara persepsi-persepsi kedua ibu bapa yang belum memeluk terhadap anak-anaknya setelah memeluk Islam adalah seperti berikut:

## **Terputusnya Hubungan Kekeluargaan Setelah Memeluk Islam**

Aspek kekeluargaan adalah amat dititiberatkan dalam masyarakat yang berpegang kepada ajaran Konfusinisme. Pengkaji melihat hubungan erat di antara anak-anak dan kedua ibu bapa adalah akrab dan begitu juga dengan adik beradik serta sanak saudara yang lain. Dengan tindakan seseorang untuk memilih agama Islam sebagai anutannya telah memberi kesan yang mendalam pada jiwa kedua ibu bapa yang telah melahirkan mereka. Ini kerana kedua ibu bapa beranggapan bahawa sekiranya memeluk Islam seseorang muallaf itu akan meninggalkan dan seterusnya memutuskan hubungan dengan mereka. Persepsi seperti ini menjadi fobia kepada masyarakat Cina dan bangsa lain sekiranya terdapat anak-anak mereka yang berhasrat untuk memeluk Islam dan dari sini akan wujudnya pelbagai tentangan yang hebat daripada ibu bapa malah ahli keluarga dan sanak saudara seperti memulaukan muallaf tersebut, menyiksa, membunuh dan kedua ibu bapa tidak mengaku muallaf sebagai anak kandung mereka.

Begitu juga dalam masyarakat India, Iban, Kadazan, Siam mereka mengandaikan bahawa sekiranya kalangan ahli keluarganya yang memeluk Islam maka akan terputus semua hubungan kekeluargaan yang terjalin. Perkara ini terbukti apabila Nurain Abdullah yang ditemurah pada 14 Ogos 2008, seorang penganut agama Siam dilabelkan meninggalkan keluarga dan telah terputus segala hubungannya antara keluarga ekoran dari tindakannya memeluk Islam. Hakikatnya, Islam mengajar agar umatnya sentiasa perlu saling hormat menghormati antara satu sama lain, lebih-lebih lagi terhadap kedua ibu bapa dan keluarga sekandungnya.

## **Masuk Islam Bererti Masuk Melayu**

Masyarakat Melayu merupakan golongan majoriti dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Masyarakat Cina misalnya pada pemerhatian penulis berpandapat bahawa sekiranya anak-anak mereka memeluk Islam adalah sama konsep dengan istilah "



masuk Melayu " dan tidak berandaian tindakan bertukar agama kepada agama Islam sebagai " masuk Islam ". Fenomena ini berlaku kerana bangsa Melayu merupakan golongan majoriti yang beragama Islam. Di samping itu, kehidupan, akhlak, akidah, pendidikan, perniagaan segelintir masyarakat Melayu agak tidak menyokong kepada keadaan penghapusan persepsi masyarakat Cina, India dan Iban serta Kadazan terhadap muallaf.

Ekoran daripada itu, tanggapan sebegini telah sebatu dalam pemikiran mereka dari dahulu sehingga kini. Walaupun usaha untuk memberi pemahaman dan penjelasan kepada mereka bahawa terdapat perbezaan di antara memeluk Islam dan masuk Melayu iaitu dari segi Islam sebagai agama dan Melayu sebagai bangsa. Namun usaha ini pada pengalaman dan pemerhatian pengkaji merupakan satu usaha yang mengambil masa yang agak lama untuk memberi kefahaman kepada mereka.

Kajian mendapati bahawa usaha untuk memberi pemahaman kepada kedua ibu bapa dan keluarga yang terdekat berkenaan dengan istilah memeluk Islam dan masuk Melayu memerlukan cara yang amat diplomasi dan pendekatan bercakap berdasarkan perbuatan untuk memberikan perbezaan dua istilah tersebut kepada mereka. Kebenaran dan ketepatan fakta berkenaan perkataan agama dan penganut agama perlu dinyatakan, dikupaskan dalam aspek yang mudah difahami kepada mereka. Usaha ini sehingga membawa kepada tahap pemahaman dan seterusnya mereka dapat menerima bahawa istilah yang sebenarnya digunapakai bagi mereka yang memeluk Islam ialah memeluk Islam dan bukannya masuk Melayu.

### **Islam Berkembang Melalui Pedang dan Keganasan**

Peperangan merupakan satu fenomena yang tidak disukai oleh semua pihak kerana kesan dari peperangan membawa manusia dan alam sekitarnya kepada kebinasaan dan kemusnahan, Oleh kerana itu, manusia amat benci akan peperangan dan keganasan. Sehubungan dengan itulah orang-orang bukan Islam secara tidak langsung akan membenci Islam. Kebencian ini disebabkan mereka telah mempercayai fakta yang menyatakan Islam berkembang melalui peperangan atau lebih dikenali sebagai mata pedang (Sir Thomas Arnold 1970: 63-64).

Umat Islam zaman dahulu dilabelkan sebagai umat yang suka berperang dan merebut kuasa serta harta. Ini merujuk kepada kekerapan perang semasa zaman Rasulullah saw. Manakala umat Islam di seluruh dunia zaman kini dituduh sebagai penganas.

Semua fakta ini telah disalah tafsirkan oleh musuh-musuh Islam untuk memburukkan dan melemahkan semangat umat Islam sekaligus matlamat utama mereka ialah menghapuskan Islam dari muka bumi Allah SWT. Secara tidak langsung ia telah memberi kesan di dalam pemikiran masyarakat khususnya dalam pemerhatian ini turut melabelkan Islam itu suka bergaduh-gaduh, berperang-perangan sekaligus meletakkan Islam itu berkembang melalui mata pedang. Begitulah persepsi masyarakat terhadap anak mereka yang memeluk Islam. Walaubagaimanapun, cabaran salah faham ini perlu dibersihkan agar ianya tidak terus kekal dalam pemikiran mereka. Dengan itu akan memudahkan usaha dakwah ke atas masyarakat Cina, India dan lain-lain khususnya dan masyarakat yang lain umumnya.

## **KESIMPULAN**

Pelbagai cabaran pasca pemeluk Islam dalam kalangan muallaf amat membimbangkan Implikasi dari cabaran-cabaran ini menatijahkan ketidakyakinan muallaf terhadap Islam dan dalam kebuntuan dan kemelutnya sebahagian muallaf memilih jalan keluar dengan memohon keluar dari agama Islam di mahkamah syariah. Oleh itu, umat Islam perlu membimbing dan menjaga kebajikan muallaf supaya pemerksaan dan pembangunan muallaf dapat dilaksanakan semaksima mungkin untuk melahirkan muallaf yang cemerlang dalam segala aspek.

## RUJUKAN

### Al-Quran

Anuar Puteh. 2008. Bimbingan al-Quran saudara baru di Lembah Klang. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fariza Md Sham, Anuar Puteh & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao. 2008. Cabaran saudara kita: kajian dari aspek psikologi. Kertas kerja Seminar Dakwah, Kerohanian dan Qiadah. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Malaysia, 24 Januari.

Firdaus Toh. 2020. Temu bual atas talian. 10 Dis

Ku Md Ali b. Hj. Ku Ramli. 1997. Dakwah kepada saudara baru: Satu kajian mengenai pendekatan dalam aspek bimbingan dan kebajikan. Tesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nur A'thiroh Masyaa'il Tan @ Tan Ai Pao. 2017. Cabaran perkahwinan dalam kalangan saudara baru di Malaysia: Satu kajian awal. Dlm. A'dawiyah Ismail, Salasiah Hanin Hamjah & Zulkifli Abd Ghani (pnyt). Dakwah Dalam Kepelbagaian, hlm. 114. Bangi: UKM.

Nur A'thiroh Masyaa'il Tan, "*Cabaran Psikologi Saudara Baru: Kajian di Wialayah Persekutuan, Kuala Lumpur*", (Disertasi Sarjana Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 2007).

Nur Ain Abdullah. 2008. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Temu bual, 10 Ogos.

Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabuddin. 2008. Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Temu bual, 15 Ogos.

Sir Thomas Arnold. 1970. al-Dakwah ila al-Islam. Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

**JAWATANKUASA**  
**KONVENSyen PENDIDIKAN TINGGI ISLAM (MUALLAF) DI MALAYSIA**

**PENASIHAT**

YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh  
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan  
Islam Malaysia

**PENGERUSI**

Ustaz Mohamad Zamri bin Mohamed  
Shapik  
Pengarah Institut Pengajian Islam dan  
Dakwah Sabah

**SETIAUSAHA**

Dr. Baharudin bin Othman  
Timbalan Pengarah Institut Pengajian  
Islam dan Dakwah Sabah

**PENYELARAS BERSAMA**

Encik Mohd Zul Fadhli bin Abd Rasid  
Pengetua Institut Pengajian Islam dan  
Dakwah Sabah Kampus Kudat

Encik Mohd Syafiq bin Abd Latip  
Ketua Penolong Pengarah Cawangan  
Kualiti IPDAS

**JK SEKRETARIAT**

Puan Saeidah Syamielah binti Abd  
Rahman  
Puan Nur Aziera binti Nahar  
Encik Yazmer bin Rahman  
Encik Mohd. Ibnu Fakri bin Vermond  
Puan Khairunnisa binti Mohd Hairi  
Encik Takbilani bin Sabang  
Puan Alia Farhana binti Yakob

**JK PROTOKOL**

Dr. Baharudin bin Othman  
Encik Shalahudin bin Ismail  
Encik Abdul Aziz bin Mokhtar  
Encik Darmansyah bin Mohd Said

**JK FLOOR MANAGER**

Encik Ahmad Nur Amsyar bin Zainal  
Puan Zaimatul Nadia binti Anuar  
Encik Mohd Hafizi bin Nurodin

**JK MULTIMEDIA DAN TEKNIKAL**

Encik Mohamad Fitri bin Kamarolzaman  
Encik Jamal Adli bin Ahmad Shukri  
Encik Azman bin Madusin  
Encik Md. Hamizi bin Abdul Kamil  
Encik Azri bin Sikul  
Encik Kamran bin Pasiran  
Encik Sulaiman bin Nawawi  
Encik Khairul Hafizar bin Abd Latiff

**JK PELAPORAN, PENERBITAN &  
RESOLUSI**

Puan Norhikmah binti Masir  
Puan Saeidah Syamielah binti Abd  
Rahman  
Encik Mohd Johar bin Japnar  
Puan Azizah binti Kauli

**JK MEDIA DAN PUBLISITI**

Puan Norhafizah binti Rahmat  
Encik Mohd Shahrozan bin Oton  
Puan Masleha binti Yusof  
Puan Siti Aisah binti Kebajikan  
Encik Al Amin bin Albar

**JK HADIAH DAN JAMUAN**

Puan Jundia binti Ali  
Puan Puad bin Jaragan  
Encik Muammar bin Hamidin  
Encik Muhammad Khaithir bin Othman  
Encik Razif bin Drisno

**PEMBACA DOA**

Ust. Takbilani bin Sabang  
Ust. Rafiee bin Badurus

**PENGACARA MAJLIS**

Ust. Mohd Firdaus bin Nurikin  
Puan Masleha binti Yusof

**MODERATOR**

Encik Mohd Ikhwan bin Mohammad  
Saleh  
Encik Datu Mohd Sallehin bin Moksan  
Puan Khadijah binti Radzuan  
Encik Ahmad Safuan bin Salim  
Encik Mohd Shahrozan bin Oton  
Puan Khairunnisa binti Hairi

# SEKALUNG PENGHARGAAN

**DIUCAPKAN KEPADA**

RAKAN-RAKAN MEDIA YANG MEMBUAT LIPUTAN SEPANJANG KONVENSYEN PENDIDIKAN TINGGI ISLAM  
(MUALAF) DI MALAYSIA BERLANGSUNG  
&  
SEMUA PESERTA SERTA TETAMU YANG HADIR TERLIBAT SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG DALAM  
MENJAYAKAN KONVENSYEN INI.



**Prosiding**     
**Sistem Pendidikan Islam**  
**(Mualaf) di Malaysia** 

Penyunting

**Prof. Dato' Dr. Abdul Halim Tamuri**  
**Dr. Baharudin Bin Othman**